

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 5**

**Khamis**

**20 April 2017**

---

**K A N D U N G A N**

<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Dato' Khairudin Samad</i>	(Halaman 20)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 37)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Khamis, 20 April 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan supaya Mesyuarat Dewan Negara yang bersidang dari 17 April 2017 hingga 27 April 2017 tidak akan bersidang pada hari Isnin, 24 April 2017 yang telah diisytiharkan sebagai cuti umum sempena pertabalan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-15.

Oleh yang demikian, giliran kementerian-kementerian menjawab ke atas Titah Diraja yang telah dijadualkan pada 24 April 2017 dan 25 April 2017 iaitu pada hari Isnin dan Selasa telah dijadualkan semula pada hari ini, 20 April 2017 dan 25 April 2017 iaitu pada hari Khamis dan Selasa. Dengan ini saya juga memerintahkan supaya semua pertanyaan-pertanyaan lisan pada 24 April 2017 tersebut hendaklah dijawab secara bertulis.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sehati sejiwa, salam sejahtera dan salam negaraku. Saya ingin merakamkan terima kasih pada petang semalam, pagi petang dan malam hingga akhir kita punya mesyuarat, perbahasan Diraja hingga hampir pukul 10 malam. Saya terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bersama saya sampai malam itu dan beri kerjasama yang sebaik-baiknya. Tahniah dan terima kasih.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail** minta Menteri Kerja Raya menyatakan *standard operating procedure* penyeliaan jalan raya termasuk Jalan Persekutuan, lebuh raya dan Jalan Bandaraya dari segi pembaikan dan penambahbaikan bagi setiap kerosakan yang berlaku.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Dia ada masa minyak turun tetapi orang senyap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa memastikan jalan raya dalam keadaan selamat pada pengguna jalan raya. Bagi penyenggaraan Jalan Persekutuan, JKR telah menerapkan *standard operating procedure* senggara jalan. Prosedur ini diguna pakai untuk semua projek penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dilaksanakan di bawah tanggungjawab JKR Malaysia melalui JKR negeri dan daerah sama ada melalui syarikat konsesi atau dilaksanakan sendiri oleh JKR.

Antara skop yang terdapat dalam SOP ini adalah terdiri daripada, Tuan Yang di-Pertua, skop tebal sebenarnya, cuma saya hendak ringkaskan ada tujuh perkara iaitu:

- (i) perancangan dan berhubung kait dengan kawalan kewangan;
- (ii) penyeliaan kerja rutin;
- (iii) penyeliaan kerja berkala *pavement*;
- (iv) penyeliaan kerja berkala bukan *pavement*;
- (v) penyeliaan kerja kecemasan;
- (vi) prosedur kawalan produk yang tidak memenuhi spesifikasi; dan
- (vii) prosedur maklum balas pelanggan.

Pihak JKR dan syarikat konsesi yang dilantik oleh kerajaan sentiasa melaksanakan pemantauan di Jalan Persekutuan bagi memastikan keadaan jalan sentiasa berkeadaan baik dan selamat digunakan oleh pengguna melalui pemeriksaan rutin berasaskan ataupun berdasarkan SOP yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, berdasarkan hasil pemantauan dan siasatan jika didapati terdapat kerosakan jalan yang tidak kritikal, tindakan pembaikan akan diambil dalam tempoh 24 jam. Manakala kerosakan melibatkan tindakan pembaikan yang rumit pula, tempoh masa pembaikan adalah tertakluk kepada jenis dan tahap kerosakan dan juga kos peruntukan semasa. Pihak JKR juga sentiasa memastikan *Traffic Management Plan* (TMP) dilaksanakan dengan sempurna mengikut prosedur yang ditetapkan di lokasi-lokasi kerosakan yang berisiko kemalangan. Supaya kemalangan dapat dielakkan dan meningkatkan keselamatan kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi lebuhraya kerja-kerja penyeliaan yang dilaksanakan adalah mengikut SOP dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Kesemua kos yang terlibat di dalam kerja-kerja penyelenggaraan dan penyeliaan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemegang konsesi. Antara penyelenggaraan yang terlibat di dalam SOP tersebut adalah penyelenggaraan aset-aset lebuhraya seperti cerun, jambatan dan juga *pavement* ataupun turapan jalan raya. Secara umumnya antara SOP yang terlibat di dalam penyeliaan dan penyelenggaraan lebuhraya adalah seperti berikut:

■1010

- (i) pihak pemegang konsesi diwajibkan untuk membuat pemeriksaan secara berkala mengikut melalui penilaian *pavement condition assesment*, dengan izin dan juga *multi-laser profiler* serta menghantar laporan lengkap pemeriksaan kepada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk disemak dan direkodkan;

- (ii) pihak pemegang konsesi lebuhraya juga diarahkan untuk membuat penyelenggaraan secara rutin dan berkala untuk aset-aset lain lebuhraya seperti cerun dan jambatan. *Expression Performance Indicator*, dengan izin, telah dijadikan sebagai asas untuk memantau prestasi setiap pemegang konsesi lebuhraya dalam menyelenggarakan aset-aset ini.

Ini garis panduannya ada sini. Kalau Yang Berhormat hendak semak boleh pergi ke LLM. Kita ada perpustakaan untuk melihat *detailnya*.

Jadi garis panduan penyelenggaraan lebuhraya yang disediakan pihak LLM telah digubal dan disesuaikan dengan piawaian antarabangsa seperti *British Standards* demi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SOP yang disediakan ini adalah untuk Jalan Persekutuan dan lebuhraya. Ini tidak termasuk jalan-jalan negeri dan jalan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan kerana jalan-jalan berkenaan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri, yang dibaca tadi itu ialah cerita dalam kertas. Akan tetapi kalau kita pergi kepada realiti hari ini, Yang Berhormat Menteri boleh turun, boleh pusing satu Malaysia, kita boleh lihat standard jalan raya di Malaysia ini, turapannya itu, kekerapan turapan kepada satu kerosakan itu berlaku bertindih-tindih. Itu sebab saya sebut dalam perbahasan saya ibarat tampal koyok.

Oleh sebab itu saya hendak tanya, soalan pertama, selepas sesuatu penurapan ataupun pembaikan jalan itu dibuat, ada atau tidak pemantau daripada Jabatan Kerja Raya yang ditugaskan secara khas untuk meneliti jumlah tar yang diletakkan, keadaan tar yang baik untuk dilalui selepas diperbaiki kerana sering berlaku selesai sahaja 30 minit balik kontraktor, tar tersebut lori lalu pecah semula. Ini yang rakyat bimbang kerana apa berlaku sekarang, penurapan itu tidak sekata dilakukan mengikut tompok-tompok kerosakan. Ada jalan yang hampir 10 lubang, 10 tindih koyok dia.

Jadi yang kedua saya hendak tanya, apa dia justifikasi kalau boleh pihak Yang Berhormat Menteri sebutkan, jenis-jenis kerosakan yang dianggap sebagai kerosakan yang teruk, barulah jalan itu ditar sepenuhnya ataupun dia ada parameter dia yang baik untuk jalan itu digunakan oleh rakyat bukan dalam keadaan ditampal, dalam keadaan jalan raya yang ditampal.

Yang ketiga saya hendak tanya ialah, apa yang seandainya rakyat yang melalui jalan itu, mengalami kerosakan kereta (punyai bukti yang kukuh) dan juga ada, maknanya secara mudahlah, ada dia punya standard prosedur dia, dia boleh meminta pampasan daripada Jabatan Kerja Raya akibat daripada kerosakan yang dialami. Ini kerana ada satu kes berlaku depan mata, kereta dia betul kereta *Wira* lama. Dia lalu jalan tar itu, baru sahaja ditar, Yang Berhormat Menteri, saya berkongsi cerita. Akan tetapi apa masalah dia, bila dia lalu, tar itu tak sekata, dia masuk lubang, *shaft* dia patah.

Dia terpaksa fikir duit hendak bayar lagi *shaft* ini, nak baiki kereta. Akan tetapi bila dia adukan kepada Jabatan Kerja Raya, aduannya itu di'bakul sampah'kan. Dia dilayan sebagai orang yang tak ada apa, macam, ya saya selalu berinteraksi dengan jabatan-jabatan ini, saya tahu macam mana orang rakyat dilayan di bawah sana. Jadi saya minta pihak kementerian pantau isu ini dan saya minta soalan saya dijawab agar rakyat lebih jelas bahawa kerajaan sedang menjalankan suatu perkara yang baik tetapi di bawah ini mereka seperti halai-balai dalam menjalankan prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah kepada tiga soalan. Pertama, berhubung kait dengan kualiti kerja pembaikan.

Kedua, berhubung kait dengan jenis ataupun tafsiran kerosakan yang serius. Yang ketiga berhubung kait dengan adakah pengguna jalan raya boleh menuntut pada kerosakan diakibatkan keadaan jalan yang tidak baik.

Untuk soalan pertama, saya katakan tadi kita sudah ada SOP untuk kerja-kerja dari segi kerja-kerja rutin ataupun kerja berkala. Kerja rutin adalah kerja-kerja yang berhubung kait dengan membuat kerja-kerja yang ditetapkan. Misalnya, untuk mencuci longkang, memotong rumput, mencuci semua aksesori jalan termasuklah tanda jalan dan sebagainya. Yang itu ditetapkan rutin-rutin tertentu.

Manakala untuk kerja *pavement*, sebab itu kita membuka sebenarnya di peringkat kementerian dan JKR ada ruang untuk orang mengadu, sama ada melalui internet, melalui sosial media *Facebook* malahan melalui *Twitter* pun. Kita sudah pun wujudkan ruang untuk supaya pengguna jalan raya boleh mengadu kepada kita dengan kita wujudkan aplikasi *Apps Aduan Jalan KKR* di mana kita boleh ambil gambar, hantar, supaya kita tahu *exact location* di mana kerosakan ataupun aduan tersebut.

Kalau kita membuat secara umum, memang payah kita hendak mengambil tindakan. Lagi pun banyak bidang kuasa yang menjaga jalan. Kadang-kadang yang diadu, jatuh di bawah bidang kuasa kerajaan negeri ataupun jalan majlis daerah. Akan tetapi kalau jalan persekutuan, komitmen kita ialah, malahan kita sudah pun dari tahun lepas membuat apa yang dikatakan promosi iaitu *zero portal*.

Oleh sebab itu kita wujudkan aplikasi supaya kita akan mengambil tindakan. Mengapa jalan bertompok-tompok dan sebagainya, dia ada kaedah untuk kita membuat tampalan. Satu, tampalan sementara. Tampalan sementara ialah bila berlaku ada lubang, kita akan membuat secara tampalan sementara. Maksimum untuk tampalan sementara ialah untuk tujuh hari. Selepas tujuh hari akan dibuat apa yang dikatakan tampalan kekal yang menggunakan *hot mix*.

Itu untuk menetapkan sebab tampalan sementara kadang-kadang untuk kita hanya memastikan tiada lubang dan memastikan keselamatan dan keselesaan orang ramai. Cuma masalah yang sering kali berlaku ialah bila disebabkan oleh *third party*. *Third party* maksudnya kadang-kadang jalan ini dikorek lubang untuk membuat paip air, untuk membuat kabel elektrik, kabel

telefon dan sebagainya. Pihak yang membuat, *merepair* balik jalan ini ialah *the third party*. Ini kadang-kadang menimbulkan masalah kepada kita.

Oleh sebab itu sekarang ini kita cuba tengah berbincang dengan pihak yang *third party* supaya segala kerja untuk penampalan ini mestilah diserahkan kepada mereka yang ada kemahiran. Maknanya melalui JKR, kontraktor yang berdaftar, yang betul-betul telah pun melalui proses dan memahami kaedah membuat tampalan sebab kadang-kadang *plumber* disuruh membuat kerja tampalan, sudah pasti kualitinya tidak mematuhi standard. Ini merupakan cabaran. Tak kira di Jalan Persekutuan mahupun jalan negeri dan juga Jalan Majlis Perbandaran. Ini cabaran dan kita sedang berunding dan kita akan cuba memperkenalkan dasar baru supaya masalah ini dapat diselesaikan.

Jadi untuk soalan kedua, apa yang kita lakukan untuk kerja-kerja iaitu *pavement* yang berkala berasaskan aduan. Maknanya bila aduan, kualiti jalan sudah pun menurun, merosot. Maka aduan sama ada yang kita terima melalui e-mel dan sebagainya tadi akan disampaikan kepada JKR ataupun JD dan JD akan menyiasat. Bila disahkan memang aduan dan diperlukan untuk kita melakukan baik pulih jalan tersebut.

Baik pulih bila jalan kita nampak jalan ada keretakan, sudah berlaku *loose* apa semua, maka disahkan oleh JD dan bila dapat peruntukan, kita akan membuat *pavement* baru. Itu dilaksanakan berasaskan aduan dan siasatan dan berdasarkan peruntukan ada untuk kita membuat *pavement* yang baru. Biasanya sama ada dilaksanakan oleh JKR sendiri ataupun kita akan arahkan melalui arahan kerja kepada syarikat konsesi untuk dilaksanakan.

Yang ketiga tadi, adakah tuntutan boleh dibuat disebabkan kerosakan bila kenderaan melalui jalan berlubang, maka kenderaan tersebut rosak. Di bawah perundangan Malaysia, hak ini diletakkan di bawah sivil prosiding. Tuntutan di mahkamah sivil dari segi JKR, kita memang tidak ada peruntukan begitu melainkan dibuat tuntutan dan disahkan di mahkamah bahawa tanggungjawab itu ataupun tanggungan diletakkan pada punca kemalangan ataupun punca kerosakan disebabkan keadaan jalan dan ditentukan oleh mahkamah, barulah JKR boleh bayar. Kalau tidak, kita boleh membayar, ya. Terima kasih.

#### ■1020

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berterima kasihlah, hari ini Yang Berhormat Menteri sendiri mari. Senang hendak minta peruntukan sikit.

Bercakap mengenai Jalan Persekutuan ini, Yang Berhormat Menteri, di Rantau Panjang itu, depan Kompleks Imigresen/Kastam itu, boleh katakan sebulan empat atau lima kali *accident*, kemalangan. Saya sudah *report* kepada jurutera jajahan, dia pergi melawat, saya kata buatlah sesuatu supaya biar kemalangan ini boleh dikurangkan. Dia pergi letak *signboard*, ada lima jengkal saja *signboard*, "*Awas Kawasan Kemalangan*". Saya kata taruklah lampu *warning light*. Walaupun *side way*, buka tepi sikit. Bila lori *corner* masuk, maknanya kenderaan boleh potong sebelah kiri.

Ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, sebulan empat atau lima kali *accident* dan kemalangan ini saya ingat dalam setahun dalam empat atau lima orang sudah meninggal dunia. Jadi saya hendak pihak Yang Berhormat Menteri bagi peruntukan kah kepada ke jajahan Pasir Mas

supaya kita dapat kurangkan kemalangan. *Side way* boleh dibesarkan, *warning light* itu diletakkan di tempat itu, "*Awas, Kawasan Kemalangan*". Ini letak papan itu sejengkal saja, kenderaan mana hendak tengok? Mana nampak? *At least warning light* itu boleh nampak...

**Seorang Ahli:** Makan pil kuda banyak itu.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tak ada pil kuda sana. Orang sana pembekal saja. Yang makan orang sini.

Jadi saya minta pihak kementerian Yang Berhormat Menteri bagilah sikit peruntukan kepada JKR Pasir Mas ini supaya boleh buat *side way* dan *warning light* sebagai tanda amaran kepada pemandu-pemandu motosikal dan kereta agar kemalangan dapat dikurangkan dan jumlah kematian dapat dikurangkan. Kita hendak mengundi ini. *At least* kalau mati sebelum pilihan raya, tidak boleh mengundi. Jadi saya minta betul-betul ini, Yang Berhormat Menteri ini, bagi peruntukan supaya kemalangan dapat dikurangkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah. Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan- kita ada, memang kita ada kaedah. Salah satu pendekatan kita ialah untuk kita tangani apa yang dikatakan *blackspot*. *Blackspot*, dengan izin, adalah didefinisikan kawasan yang kerap berlakunya kemalangan. Memang sudah ada kajian yang kita buat dan kita pun sedang menangani kawasan-kawasan *blackspot* ini dengan kita sediakan peruntukan untuk kita buat penyelesaian.

Jadi untuk masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk, apa yang saya boleh cadangkan ialah kalau dapat bantu saya dengan kemukakan surat permohonan untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan kemukakan sekali laporan-laporan polis berhubung kait dengan kemalangan. Sebab, tafsiran *blackspot* ini ialah bila adanya aduan dibuat kepada polis di mana tempat yang sama berlaku kemalangan, apatah lagi kalau kemalangan maut, lebih daripada dua kali di tempat dan lokasi yang sama.

Jadi kalau itu dapat dikemukakan, *insya-Allah*, saya akan usahakan untuk mendapat peruntukan di bawah tindakan menyelesaikan di bawah *black spot* tersebut. Jadi, *insya-Allah*, kalau kemukakan, kita akan usahakan penyelesaian tersebut. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Surat itu hantar *direct* kepada Yang Berhormat Menteri atau kepada Pengarah Negeri?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Boleh hantar dekat saya.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Okey, minggu depan saya hantar *direct* kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Baik, terima kasih.

**2. Datuk Mustapha Kamal bin Mohd Yusoff** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam memastikan penjawat awam di semua sektor tidak terbeban dengan hutang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keberhutangan serius ditafsirkan sebagai jumlah pendapatan bersih bulanan penjawat awam yang kurang daripada 60 peratus daripada emolumen bulanan setelah mengambil kira potongan-potongan yang telah dibenarkan oleh Ketua Jabatan dalam Slip Gaji penjawat awam.

Bagi menangani masalah keberhutangan penjawat awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah melaksanakan sekatan bayaran potongan gaji penjawat awam sehingga maksimum 60 peratus dari jumlah gaji kasar melalui sistem gaji berkomputer JANM mulai April 2017. Langkah ini diharap dapat membantu penjawat awam dalam menguruskan hal ehwal kewangan peribadi dengan lebih teratur serta mengelakkan terjerumus ke dalam masalah keterhutangan yang serius.

Selain itu, kerajaan juga mengadakan program usaha sama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi mempromosikan perkhidmatan AKPK kepada penjawat awam di samping membantu penjawat awam menguruskan kewangan peribadi dengan lebih berhemah.

**Datuk Mustapha Kamal bin Mohd Yusoff:** Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Menteri. Apakah status tahap keberhutangan dalam kalangan penjawat awam dan sejauh manakah gaji menjadi punca penjawat awam berada dalam keberhutangan? Pada masa yang sama, sejauh manakah kes-kes kebangkrapan dalam kalangan penjawat awam dan apakah usaha-usaha kerajaan untuk membantu golongan ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2017, JANM melaporkan seramai 61,726 daripada 1.59 juta penjawat awam iaitu 3.88 peratus menerima pendapatan bersih kurang daripada 40 peratus daripada emolumen bulanan. Pinjaman peribadi yang dipotong melalui ANGKASA merupakan penyumbang terbesar kepada keberhutangan tersebut yang serius di kalangan penjawat awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak 617 kes kebangkrapan direkodkan pada tahun 2013 melibatkan penjawat awam, manakala 606 kes pada tahun 2014, 960 kes pada tahun 2015 dan 1,093 kes pada tahun 2016, menjadikan jumlah keseluruhan penjawat awam yang diisytiharkan bankrap dari tahun 2013 hingga tahun 2016 ialah seramai 3,276 orang. Terdapat peningkatan sebanyak 13.9 peratus jumlah penjawat awam yang diisytiharkan bankrap pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015.

Antara usaha-usaha kerajaan untuk membantu golongan yang bankrap adalah pertama, pindaan kepada perundangan yang sedia ada.

Kedua, jaringan hubungan kerjasama antara Jabatan Insolvensi dengan rakan-rakan strategik. Kalau kita tengok dalam aspek bagaimana kerajaan, sebagai contoh dari segi perkhidmatan awam untuk melaksanakan mekanisme khusus untuk mengawal dan memantau penglibatan penjawat awam melalui peraturan, seperti contoh Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan bahawa penjawat awam yang terlibat di dalam keberhutangan kewangan yang serius dan diisytiharkan bankrap disifatkan telah memburukkan nama perkhidmatan awam dan boleh dikenakan tindakan tatatertib, sebagai contoh.

Kemudian, ada juga Pekeliling Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) Bil. 1, Tahun 2016, yang telah menetapkan syarat kelayakan penjawat awam dengan kadar pembiayaan yang bersesuaian berdasarkan emolumen pegawai serta kadar potongan bulanan iaitu ansuran bulanan bagi pembiayaan pertama tidak melebihi daripada 60 peratus daripada gaji hakiki semasa dan bagi pembiayaan kedua pula tertakluk kepada ansuran bulanan tidak melebihi 50 peratus daripada gaji hakiki semasa. Terima kasih.

**Tuan Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya, berapakah jumlah pegawai perkhidmatan awam yang dikenakan tindakan tatatertib kerana keberhutangan yang serius yang menyebabkan masalah ketidakhadiran bekerja ataupun masalah disiplin? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu saya boleh bagi secara bertulislah ya. Saya tidak ada dalam senarai saya. Akan tetapi, Yang Berhormat ini muka dia macam Timbalan *Commissioner* SPRM, Datuk Azam Bakri... [*Ketawa*] Betul tidak? Saya rasa kalau kita hendak pasang dua orang, boleh bagi dia cermin mata. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

3. **Datuk Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah hospital baru yang akan dibina di seluruh negara berdasarkan Bajet 2017 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

#### ■1030

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin. Ini berkenaan dengan pembangunan hospital untuk tahun ini, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia memperoleh RM1.338 bilion untuk pembangunan bagi kementerian ya. Pembangunan ini dibahagikan kepada 11 butiran, butiran berkenaan dengan hospital adalah B.P.0040, untuk tahun ini kita mendapat siling RM177,200,000 untuk dibelanjakan untuk 19 hospital. Projek hospital yang saya hendak sebut ini adalah projek-projek yang sedia ada dan yang baharu, Tuan Yang di-Pertua.

Kos keseluruhan 19 projek hospital ini ialah RM4.6 bilion tetapi tahun ini kita cuma dapat peruntukan RM177,200,000. Saya sebutlah di sini bahawa satu yang *ongoing* Tuan Yang di-Pertua, Hospital Pendang, blok wanita dan kanak-kanak Hospital Pulau Pinang, Hospital Parit Buntar, Hospital Seri Iskandar, Hospital Shah Alam, Hospital Tanjong Karang, Hospital Tampin, Hospital Rembau, Hospital Alor Gajah, Hospital Pasir Gudang, Hospital Bera, Hospital Maran, Hospital Bachok, Kelantan, Hospital Dungun, Terengganu, Hospital Kemaman, Hospital Lawas, Hospital Petrajaya dan Hospital Seri Aman dan yang baru Tuan Yang di-Pertua ialah Hospital Padang Besar, Tuan Yang di-Pertua. Jadi mana *on going project* dia makan masa tiga, empat, tahun baru siap, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Jadi saya ucap terima kasih kerana banyak hospital baharu yang akan dibina oleh kerajaan kita pada tahun ini *insya-Allah*. Cuma soalan tambahan saya ialah

walaupun kita bina hospital yang baharu dan berkualiti standardnya tetapi masih lagi kedengaran keluhan rakyat yang mengatakan bahawa mereka masih lagi menunggu masa yang terlalu lama untuk mendapatkan rawatan khusus di bilik kecemasan. Kita juga mendengar bahawa rakyat mengatakan bahawa apabila pergi ke hospital masih lagi lambat menerima rawatan dan mereka menunggu masa yang lama. Dalam masa yang sama juga Yang Berhormat Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar saya dengar hari itu keluhannya apabila masuk ke Hospital Temerloh beliau merasa amat sedih kerana tidak mempunyai mesin *CT scan*.

Jadi saya harap kerajaan atau Kementerian Kesihatan Malaysia dapat melihat perkara ini bahawa bina hospital baharu kualitinya kualiti yang tinggi standardnya dan kita harap juga peralatannya juga adalah peralatan yang terkini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan lain?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang tiap-tiap hospital baharu yang kita bina Tuan Yang di-Pertua dia lengkap dengan peralatan yang canggih-canggih, Tuan Yang di-Pertua. Tengok keadaan tengok hospital itulah, kalau hospital itu hospital yang berpakar, dia mesti ada semua sekalilah lengkap MRI, *CT scan* dan sebagainya. Akan tetapi bagi hospital daerah yang tanpa pakar, peralatannya kurang sedikitlah, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi yang penting, kita sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, hospital di Malaysia ini kita ada 148 buah hospital semuanya tidak termasuk yang baharu ini. Ada yang lama sampai lebih 50 tahun termasuk hospital saya di Balik Pulau itu 1883. 134 tahun lebih, masih bangunan kayu. Peralatan memanglah yang lama-lama tetapi peralatan kita pastikan mereka diselenggarakan dengan sempurna dan kita telah pun memberi tanggungjawab ini kepada lima syarikat konsesi yang patut, yang kerja mereka ialah menyelenggarakan ke semua hospital, bangunan dan peralatan.

Jika mereka tidak menjalankan tugas mereka, katakan mesin MRI rosak contohnya, maka mereka kena bayar kalau kita hantar kepada *private sector* untuk buat MRI maka pihak konsesi itu dia kena bayar sebab kita beli perkhidmatan daripada pihak swasta. Ini perkara-perkara yang kita buat dan memang Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa memang ada lagi kelewatan, kelambatan untuk mendapat rawatan. Ini kita cuba selesaikan secepat mungkin.

Dia sudah ada sistem Tuan Yang di-Pertua, untuk klinik-klinik pakar sudah ada sistem *appointment*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi mereka diberi *appointment slot* pukul berapa datang, hari apa datang, itu selesai masalah. Akan tetapi yang masih bermasalah ialah *out patient* di bahagian pesakit luar ini masih lagi terdapat pesakit terpaksa datang awal kadang seawal 6.30-7 pagi untuk mendaftar. Ini berlaku dan kita sedang mencari jalan yang sesuai untuk dapat buat *appointment online*, contohnya Tuan Yang di-Pertua. Ini makan masa sedikit dan kita harap dapat diselesaikan segera.

Akan tetapi yang saya hendak tekankan di sini juga Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa sekarang ini Kementerian Kesihatan Malaysia menerima lebih banyak pesakit. Tahun lepas contohnya, kita mendapat enam juta tambahan pesakit luar, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya sama ada rakyat lebih yakin dengan klinik kerajaan ataupun mungkin mereka tidak mampu untuk pergi klinik swasta maka mereka datang ke klinik kerajaan dan hospital kerajaan. Tahun lepas saya

hendak tekankan sekali lagi bahawa kita dapat enam juta tambahan pesakit di hospital kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Ada soalan lain? Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok penagih-penagih dadah ini sedang meningkat Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kita melihat bahawa banyak sekali NGO-NGO yang membuat pusat pemulihan. NGO-NGO ini bila buat pusat pemulihan mereka ini *constraintnya* kewangan. Tempat yang mereka buat itu saya membuat beberapa lawatan amat teruk sekali, dari segi bilik airnya, dari segi kesihatannya dari segi kebersihannya memang teruk. Kalau saya- hendak mendengar pandangan Yang Berhormat, kalau kita buat hospital dan hospital ini sebahagian daripadanya dikhususkan untuk pemulihan supaya mereka ini berdekatan dengan doktor dan pusat pemulihan saya ambil contoh di C&C, Pulai, Johor di mana hospital di belakang itu dan khidmat doktor sentiasa pergi ke situ dan terdapat 20 yang sudah *mereng* kerana hisap dadah ini.

Jadi, cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri boleh atau tidak diadakan pusat pemulihan yang teratur, yang baik daripada NGO-NGO, yang baik daripada C&C sekarang, diserahkan kepada AADK supaya dijalankan bersebelahan dengan hospital yang baru hendak dibuat khususnya bila Yang Berhormat sebut Lawas dan juga Padang Besar. Ini dua kawasan *hot spot* yang cukup hebat, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini cadangan yang baharu Tuan Yang di-Pertua. Boleh kita beri perhatian tetapi saya tidak boleh bagi jaminan bahawa kita hendak tempatkan penagih-penagih dadah dengan pesakit-pesakit lain, mungkin akan timbul masalah lain ya.

Akan tetapi setakat ini Tuan Yang di-Pertua, kita dalam hal dadah penyakit AIDS ini dia ada pelbagai agensi yang terlibat tetapi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah *the receiving end* maknanya mereka sudah kena dadah dan buat rawatan.

Dalam hal ini saya hendak bagi contoh tentang usaha kita memerangi masalah HIV-AIDS ini ada kena-mengena dengan penyakit dadah dan kena mengena dengan- dia banyak yang sebelum ini dia pakai- banyak yang jadi doktor sendiri, cucuk sendiri. Ini menyebabkan ramai dapat penyakit HIV-AIDS ya. Akan tetapi sekarang ini fenomena cucuk sendiri sudah kurang sekarang ini sudah jadi jangkitan ini oleh melalui *sexual contact* Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang saya hendak beritahu ialah bahawa kita ada program bersama-sama dengan NGO mereka pergi buat *outreach* program, pergi berjumpa dengan penagih-penagih dadah dan bagi- program ini lama dah. Beri *syringe*, kondom dan sebagainya, dan tukar *syringe* ini, beri yang baharu, ambil balik yang lama. Dengan cara ini mereka tidak *share* jarum dan kurang kena penyakit AIDS. Akan tetapi itulah jangkitan melalui *injection* ini sudah kurang tetapi sudah ramai pula yang terlibat dengan penyakit AIDS yang kena oleh sebab *sexual contact*, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu fenomena baharu dan kita sedang meneliti. Akan tetapi setakat ini *alhamdulillah* Tuan Yang di-

Pertua. Tahun 2010 dahulu kadar AIDS kita 28 *per thousand population* sekarang sudah turun kepada 10.9, satu angka yang amat memberangsangkan Tuan Yang di-Pertua.

■1040

Ini usaha pihak kementerian dan NGO yang membuat bersama. Mereka tidak duduk di hospital tetapi kita buat *outreach* program dengan penagih-penagih dadah ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah sikit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkas.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ringkas sahaja. Saya bercakap ini soal layanan di unit kecemasan ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bincang dengan Menteri supaya dalam sesi lepas saya dah bangkit pasal kelewatan layanan di Unit Kecemasan, jadi sesi ini juga tadi cakap hendak selesai. Saya tidak nak 14 Ogos nanti cakap hendak selesai lagi. Bila hendak selesai masalah ini? Oleh sebab kita hendak pilihan raya, bulan sembilan kemungkinan pilihan raya. Ini rungutan rakyat, supaya rawatan di Unit Kecemasan tu disegerakan. Jangan yang pergi dekat kecemasan tu satu jam duduk, kemudian keluar pergi klinik pula. Jadi, menjadi rungutan rakyat. Saya tidak nak perkara ini berterusan sehingga ke pilihan raya. Jadi 14 Ogos nanti, sesi bulan Ogos nanti saya hendak benda ini selesai. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah dia memang kawan saya rapat ini. Orang Pasir Mas, saya dah pergi dua kali, tiga kali dah Pasir Mas ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal Unit Kecemasan ini Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat kita yang salah guna sebenarnya. Salah guna Unit Kecemasan. Sepatutnya yang berkecemasan sahaja. Akan tetapi yang kita lihat yang pergi ke Unit Kecemasan banyak yang penyakit biasa, demam, batuk pergi selepas waktu kerja sampai ke larut malam.

Akan tetapi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun adakan *extended hours*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Extended hours* bermakna klinik biasa *outpatient* ini, kita lanjutkan sehingga pukul 9 malam, 10 malam dan kita bayar gaji kepada doktor yang berkenaan itu. Bayar elaun, ia panggil *locum*, bayar sampai RM80 satu jam untuk mereka melihat pesakit-pesakit yang biasa, yang *common problem* ini, yang demam, batuk dan selesema ini, pergi ke *outpatient* yang kita dah khas kan *extended hours*. Unit Kecemasan adalah untuk mereka yang memang kecemasan seperti asma, *accident* dan sebagainya. Jadi, memang ada lagi kes-kes sebegini yang berlaku. Oleh sebab itu Unit Kecemasan jadi sesak, kerana hendak tunggu lama, kerana doktor terpaksa melihat kes-kes yang begini Tuan Yang di-Pertua.

**4. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (B)** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan usaha-usaha untuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada kumpulan B40 khusus golongan ibu-ibu tunggal di luar bandar. Adakah kursus-kursus seperti kemahiran seperti *internet online business* dipanjangkan kepada mereka mahu pun lain-lain inisiatif yang boleh membantu mereka.

**[Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat] Datin Paduka**

**Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang

Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahimah binti Idris, bertarikh 25 April 2017; dan Yang Berhormat Senator YM Engku Naimah binti Engku Taib, bertarikh 27 April 2017. Ini kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Kerajaan secara amnya dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara khususnya amat komited dalam usaha-usaha untuk membantu golongan wanita termasuk ibu tunggal dan terutamanya di luar bandar bagi membantu meningkatkan kualiti kehidupan mereka terutamanya dalam bidang ekonomi.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam perniagaan dalam talian, kementerian ini melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri telah melaksanakan kursus dengan kerjasama *centre eDagang* dan 1SSM yang membantu ibu-ibu tunggal untuk menjadi usahawan *online*. Kementerian akan meneruskan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan dalam memberikan pendedahan kepada golongan sasar untuk maju di dalam bidang perniagaan *online*.

Bilangan usahawan wanita yang terlibat dalam perniagaan atas talian di negara ini yang berdaftar sehingga 31 Mac 2017 adalah seperti berikut. Jumlah wanita sebagai pemilik peniaga *online* di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 adalah sejumlah 17,969 orang. Jumlah wanita sebagai pemegang saham syarikat yang terlibat dalam perniagaan *online* di bawah Akta Syarikat 2016 adalah seramai 1,104 iaitu bermakna ada sejumlah 19,073 orang wanita adalah sebagai yang terlibat dalam perniagaan *online*. Jumlah wanita sebagai pengarah syarikat yang terlibat dalam perniagaan *online* iaitu 1,124 orang.

Bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam perniagaan atas talian, kerajaan dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah dan akan terus menganjurkan pelbagai program bagi meningkatkan serta menggalakkan penyertaan orang ramai dan usahawan untuk mendaftarkan perniagaan *online* mereka dengan SSM. Dalam skop untuk menggalakkan pendaftaran perniagaan *online* yang melibatkan usahawan wanita melalui Karnival *Online Networking Entrepreneur*, SSM telah bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk mendapat penyertaan usahawan wanita dan ini termasuk Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil, Persatuan Hawa Pertiwi Selangor, Jabatan Pembangunan Wanita dan sebagainya. Setakat ini bagi tahun 2017, sejumlah empat Karnival 1SSM telah pun dianjurkan di Johor Bahru, Pulau Pinang, Sabah dan Melaka. Selain itu, program eUsahawan adalah merupakan sebuah inisiatif yang dilaksanakan oleh MDEC bermatlamat untuk membantu rakyat menjana pendapatan tambahan secara digital.

Program e-usahawan ini disasarkan kepada golongan usahawan muda di kalangan pelajar TVET dan usahawan mikro. Program ini memberi ilmu dan tunjuk ajar kepada usahawan belia dan usahawan mikro dalam menggunakan platform digital dan media sosial sebagai medium untuk menjana pendapatan dan meningkatkan jualan disampaikan dalam kursus yang dijalankan di pusat-pusat institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional awam yang terpilih di seluruh negara.

Antara ilmu dan teknik usahawan digital yang diajar merangkumi topik-topik seperti *social media marketing*, *mobile eCommerce*, *analyst data* untuk memperbaiki keberkesanan pemasaran

secara digital, bayaran di atas talian, pengiklanan digital dan juga keselamatan siber. Sehingga Disember 2016 seramai 51,203 individu dari kalangan pelajar TVET dan usahawan mikro telah mengikuti kursus eUsahawan yang mana dari jumlah tersebut seramai 30,152 orang adalah daripada kalangan wanita. Daripada jumlah yang telah mengikuti kursus ini, seramai 9,485 usahawan muda dan mikro telah berjaya menjana pendapatan tambahan keseluruhan sejumlah RM27.3 juta.

Kementerian sentiasa memberi komitmen untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara terutama wanita miskin dan ibu tunggal agar mereka dapat menjana pendapatan sendiri. Oleh yang demikian latihan di peringkat awal akan diberikan kepada para wanita yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai usahawan melalui program-program yang dijalankan oleh KPWKM ataupun melalui kerjasama dengan kementerian, agensi lain bagi membantu mereka menambah pendapatan. Setelah peserta yang dilatih berjaya menjana pendapatan dan berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan, kementerian akan membantu pula para wanita ini untuk mengembangkan kemahiran dengan pendekatan NBOS bersama agensi-agensi sedia ada yang menjalankan program pembangunan usahawan.

Selain itu KPWKM juga turut bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi memastikan peserta yang telah dilatih tersebut mempunyai sijil bagi memastikan mereka diiktiraf selaku usahawan. Antara kursus dan bantuan yang diperuntukkan bagi golongan ini adalah bantuan latihan dan perkembangan perniagaan iaitu Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal, Program Inkubator Kemahiran Keusahawanan Wanita, Program Bazaar Wanita, Program MamaCare.

#### ■1050

Justeru itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga melalui Jabatan Pembangunan Wanita menjalankan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal dan Inkubator Keusahawanan Wanita yang kini dikenali dengan nama *Development of Women Entrepreneur Initiative* merangkumi bidang seperti jahitan, kecantikan, kesihatan dan pembuatan pastri. Program I-KIT dan IKEUNITA atau DeWI ini menggunakan konsep inkubator atau *hand holding*, di mana peserta akan diberi latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan peningkatan kualiti hidup mereka sekeluarga berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Program ini dilaksanakan di seluruh negara menerusi pejabat Pembangunan Wanita Negeri, Biro Wanita Sarawak dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah. Keutamaan bagi menyertai Program DeWI ini adalah kepada ibu tunggal dan wanita yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar di dalam sistem eKasih serta penerima bantuan kebajikan JKM.

Selain itu, terdapat juga program-program yang disediakan oleh kementerian ini secara NBOS dengan agensi berkaitan untuk menggalakkan penglibatan wanita, terutamanya di luar bandar dalam bidang keusahawanan seperti Program Bazaar Wanita yang memberi peluang kepada usahawan wanita untuk menambah pendapatan hasil perniagaan mereka di pasar-pasar tani dan di *Rural Transformation Centre* yang terpilih. Semua program yang dilaksanakan akan

diteruskan dan dipergiatkan bagi membantu meningkatkan taraf ekonomi, terutama kepada wanita luar bandar dalam bidang keusahawanan.

Kementerian juga melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan bekerjasama dengan pihak MARA bagi mendapatkan pinjaman DanaNITA khusus buat wanita dan ibu tunggal yang ingin memulakan perniagaan sendiri. Bagi wanita dan ibu tunggal yang memerlukan bantuan sokongan perniagaan, bantuan 1AZAM menerusi NKIA di kementerian ini telah mengeluarkan 573 bantuan berupa mesin jahit, mesin membuat kuih-muih, burger, *ice blended* dan peralatan perniagaan yang lain bagi tempoh 2015 ke tahun 2016. Bantuan yang diteruskan sehingga kini telah membantu ramai golongan wanita dan ibu tunggal mencapai impian untuk bergelar usahawan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang daripada soalan saya telah dijawab dengan penuh lengkap. Semua inisiatif-inisiatif, termasuklah pasaran untuk golongan B40, khususnya kepada golongan ibu tunggal dan wanita telah pun dijawab oleh Menteri, jadi saya tidak ada soalan tambahan. Terima kasih [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, Yang Berhormat puas hati ya.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Shahanim.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merupakan penaung Persatuan Ibu Tunggal di kawasan saya dan dalam ibu tunggal itu ada ramai OKU. Jadi, baru-baru ini saya tengok dalam *Facebook* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia ada mengatakan sekarang ini ada geran sebanyak RM2,700 ini untuk golongan OKU. Jadi, boleh saya dapat sikit perincian syarat atau kriteria ibu tunggal OKU untuk mendapatkan geran sebanyak RM2,700 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Shahanim.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih Yang Berhormat, saya nak memberi satu penjelasan di sini. Sebenarnya di bawah kriteria bantuan JKM yang diberi, kita tidak ada satu kriteria ibu tunggal. Ini bermakna, bukan semestinya ibu tunggal dia perlukan bantuan dari segi kewangan, dia ada masalah yang lain berbeza-beza iaitu mungkin dia ada keperluan bantuan dalam emosi kaunseling, kesihatan, pendidikan anak-anak mereka. Oleh itu, bila kita sebut ibu tunggal, biasanya bantuan yang kita salurkan iaitu adalah bantuan kanak-kanak. Untuk ibu tunggal yang OKU itu, dia akan di masuk ke dalam kriteria OKU. Bajet yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu, kalau ikut apa yang saya faham, ia adalah bajet yang telah pun diberi melalui JKM kepada golongan orang kurang upaya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Senator. Saya bagi peluang seorang lagi. Ya, sila.

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan yang berkaitan dengan jawapan soalan saya yang ke-13. Cuma yang kesempatan ini saya nak ucapkan terima kasih kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana terus membela rakyat, terutama sekali ibu-ibu tunggal. Saya mewakili wanita di bawah-bawah ini sebab saya berkait rapat dengan dia orang, ibu-

ibu tunggal ini. Jadi, saya nak minta kepada kerajaan negeri teruskan memberi bantuan kepada ibu-ibu tunggal ini dalam bentuk 1AZAM ini. Jangan diberhentikan. Sekian, terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri telah pun menubuhkan satu *task force* yang khusus untuk kita memperkemas ini dan memantau dan juga beri bantuan kepada ibu tunggal dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Dato' Azizah. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian juga berusaha untuk memberi komitmen yang padu kepada golongan ibu tunggal agar mereka dapat meningkatkan pendapatan diri dan keluarga dalam situasi ekonomi yang mencabar ini. Oleh itu, antara tindakan yang bakal dilaksanakan oleh kementerian kepada golongan ibu tunggal adalah dengan mewujudkan satu pusat sehenti atau *one-stop centre* di Pusat Transformasi Bandar (UTC), seluruh negara bagi memudahkan ibu tunggal mendapatkan bantuan ekonomi dan sosial. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Paduka Chew, teruskan kerja mulia yang baik ini ya.

**5. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin** minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan pelarian Rohingya yang terdapat di negara ini dan apakah langkah kerajaan bagi melindungi dari segi keselamatan termasuk menyediakan tempat tinggal dan makanan serta adakah kerajaan bercadang membenarkan pelarian Rohingya ini untuk terlibat dalam sektor pekerjaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan yang telah diberikan. Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967, justeru kerajaan tidak mengiktiraf status pelarian. Namun demikian, atas dasar kemanusiaan pihak kerajaan membenarkan pelarian yang merupakan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi pelarian UNHCR untuk tinggal sementara di negara ini. Berdasarkan statistik UNHCR, sehingga 31 Disember 2016 terdapat seramai 55,565 orang pemegang kad UNHCR etnik Rohingya, Myanmar di Malaysia yang mana pecahannya adalah seperti berikut.

Jumlah etnik Rohingya adalah seramai 43,913 orang dan jumlah pemohon suaka etnik Rohingya adalah seramai 11,652 orang. Adalah menjadi tanggungjawab UNHCR sebagai badan antarabangsa di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang memberikan status pelarian dan kad UNHCR untuk menjaga kebajikan pelarian dan pemohon suaka, termasuk kos sara hidup, kesihatan, tempat tinggal, keselamatan, makanan dan pendidikan kad UNHCR yang sah. Ini adalah etnik Rohingya yang dibenarkan tinggal sementara di Malaysia sehingga dihantar ke negara ketiga atau pulang ke negara asal.

Dasar negara terhadap pelarian iaitu tidak membenarkan pelarian dan pemohon suaka, termasuk etnik Rohingya, untuk bekerja masih dikekalkan. Bagi migran asing yang ingin bekerja di negara ini yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan mematuhi semua undang-undang,

peraturan dan dasar semasa berkaitan kebenaran migran asing bekerja di Malaysia diguna pakai. Untuk makluman, kad UNHCR bukanlah merupakan satu dokumen perjalanan yang sah.

■1100

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang jelas. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan dan NGO's dan semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama yang telah menunjukkan keprihatinan kepada isu Rohingya termasuk menghantar bantuan dan sebagainya. Isu Rohingya ini adalah satu isu dalaman Myanmar tetapi membebankan Malaysia kerana banjir pelarian yang menggugat kestabilan negara serantau.

Soalan saya ialah bagaimanakah kerajaan memberikan layanan kepada pelarian Rohingya ini sama ada mereka yang mempunyai kad UNHCR atau tidak dan apakah langkah kerajaan mengatasi isu kad UNHCR palsu.

Kedua, apakah matlamat dan hala tuju bagi penyelesaian bagi pelarian etnik Rohingya ini khususnya dari segi penyelesaian, dari segi pencabulan hak asasi manusia melalui tindakan bersama Malaysia dan masyarakat antarabangsa. Apakah pendekatan jangka pendek dan panjang kerajaan bagi menyelesaikan konflik di Wilayah Rakhine, Myanmar ini termasuk hak untuk pelarian ini kembali ke negara asalnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor dua dan nombor tiga saya akan jawab secara bertulis kerana ia melibatkan Kementerian Luar Negeri.

Yang pertamanya ialah berhubung dengan Rohingya ini, mereka ini berada di mana-mana. Mereka telah masuk dalam masyarakat dan menjalankan pekerjaan sendiri. Banyak daripada mereka suka bekerja dalam bidang *construction* dan ada juga yang bekerja di kilang. Ada juga yang mencuri hutan untuk menanam tanaman dan sebagainya seperti yang saya sebut dari semasa ke semasa.

Prihatinnya dunia berhubung dengan etnik Rohingya ini kita lihat responsnya cukup baik termasuklah negara-negara daripada Timur Tengah dan yang mutakhir ini ialah *Qatar Development Funds* sebagai contoh, telah memberi peruntukan yang besar melalui MKN dan kita akan gunakan peruntukan ini untuk memberi latihan mahir dan separuh mahir kepada mereka termasuk juga pengendalian pendidikan prasekolah yang akan dilaksanakan dan juga sekolah rendah yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dan juga skim perlindungan insurans dan juga rawatan perubatan. Ini negara-negara luar yang datang untuk membantu etnik Rohingya. Di pihak kerajaan sendiri, mereka berada dalam masyarakat seperti yang saya sebutkan tadi. Mereka telah membuat pekerjaan sendiri.

Baru-baru ini kerajaan telah memberi tawaran kepada mereka untuk bekerja dan untuk pertamanya kita bagi tawaran kepada 300 orang tetapi yang datang beri nama 200 orang. Akan tetapi bila telah ditemu duga, tinggal 40 orang. Bila sudah diberi kerja tinggal 13 orang. Jadi yang 13 orang ini pun tengok mungkin tinggal berorang-orang sahaja. Jadi mereka lebih berminat untuk bekerja, kita bagi di sektor perladangan. Jadi mereka lebih berminat bekerja di bandar terutamanya

di pasar borong termasuk Pasar Borong Selayang. Jadi itulah kedudukannya sekarang ini. Mereka menjalankan pekerjaan sendiri dan sebagainya untuk meneruskan kehidupan. Akan tetapi kalau ikut UNHCR, UNHCR ini perjanjian yang dibuat hanya dua negara yang terima iaitu *Cambodia* dan *Philippines* tetapi mereka kena bagi tempat tinggal, perlindungan, makan dan sebagainya. Di Malaysia mereka tidak dapat yang itu, tidak diberi dan mereka bekerja sendiri.

Keduanya kad palsu Yang Berhormat, kad palsu ini UNHCR ini telah memaklumkan kepada kita mereka sedang mengeluarkan kad baru untuk menggantikan kad yang lama. Akan tetapi kad palsu ini kita akan ambil tindakan dari semasa ke semasa sebab kad palsu sekarang ini kita tahu bahawa bukan sahaja dikeluarkan oleh UNHCR, termasuk yang mutakhir ini pertubuhan sukarela pun ada yang mengeluarkan kad dan mengenakan bayaran dan sebagainya. Saya dah minta supaya MKN untuk membuat laporan polis supaya tidak dibenarkan pihak-pihak lain mengambil kesempatan di atas permasalahan yang berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, ada soalan? Ada soalan tambahan? Baik, semua berpuas hati Yang Berhormat. Dato' Seri terima kasih banyak, Dato' Seri Dr. Shahidan. Kita pergi pula ke soalan nombor enam, Dato' Jaspal Singh.

**6. Dato' Jaspal Singh** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bajet yang diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan bagi perumahan (*flat*) kos rendah serta statistik projek-projek perumahan kos rendah yang telah diperbaiki sejak 2016 hingga kini serta kosnya.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh di atas persoalan yang berkaitan dengan apakah usaha kerajaan terhadap perumahan berstrata ataupun bertingkat kos rendah dan kos sederhana rendah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, kawasan perumahan berstrata, berstrata itu maksudnya bertingkat. Berstrata kos rendah, kos sederhana rendah pada zaman sekarang, pada waktu ini, pada masa ini ia amat sinonim dengan persekitaran yang teruk, usang, kotor, dengan kemudahan yang tidak sempurna dan yang tidak selamat untuk didiami. Itu adalah persepsi yang ada apabila kita membicarakan soal perumahan berstrata kos rendah ataupun kos sederhana rendah.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, bermula pada tahun 2011, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun KPKT telah pun mengambil inisiatif dengan memperkenalkan dua program utama penyelenggaraan bagi perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah. Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi persekitaran yang berkualiti, kondusif, selesa dan selamat bagi penghuni-penghuni kepada kediaman-kediaman berstrata kos rendah dan sederhana rendah.

Dua program yang dilaksanakan oleh pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah Program Penyelenggaraan Perumahan ataupun kita panggil PPP bagi perumahan awam berstrata kos rendah yang dibangunkan oleh pihak kerajaan.

Yang kedua ialah Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ataupun kita panggil TP1M dan ini adalah kemudahan peruntukan yang kita sediakan untuk perumahan swasta berstrata rendah dan sederhana rendah yang dibangunkan oleh pemaju swasta yang dah berusia 10 tahun ke atas.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, sebanyak 7,015 skim pemajuan berstrata kos rendah dan sederhana rendah yang telah pun dikenal pasti di seluruh negara yang mencatatkan negeri Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur mempunyai bilangan pemajuan perumahan berstrata yang paling tinggi di Malaysia ini Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa peruntukan bagi penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah ini disediakan dalam bajet-bajet tahunan dan ia menjadi sebahagian daripada agenda utama kerajaan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional begitu serius untuk meningkatkan lagi kualiti hidup penghuni perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, bagi tahun 2016 Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menyediakan bajet sebanyak RM41.2 juta bagi 87 projek yang telah pun dilaksanakan di seluruh negara. Itu untuk tahun 2016. Bagi bajet untuk tahun 2017 Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan peruntukan berjumlah RM300 juta untuk menyelenggarakan dan menaik taraf perumahan berstrata kos rendah, kos sederhana rendah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 30 projek telah pun diluluskan dengan kos berjumlah RM56.9 juta.

Manakala baki RM243.1 juta lagi akan digunakan untuk membiayai projek-projek penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah dan dengan memberikan fokus utama bagi lebih yang ada itu Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal, bagi tahun 2017 ini dengan peruntukan RM300 juta yang telah pun kita belanjakan baru suku, lebih lagi itu akan kita peruntukkan untuk kita naik taraf, membaiki dan membina baru lif-lif kepada perumahan-perumahan kos rendah yang ada terutama PPR yang dibangunkan oleh kerajaan.

■1110

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sebanyak 60 unit lif telah pun dikenal pasti untuk dinaiktarafkan menggunakan peruntukan RM300 juta yang telah pun saya sebutkan. Selain daripada itu, mungkin untuk makluman Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh selain daripada kita memberikan keutamaan baik pulih, bina lif baru, selain daripada itu skop kerja adalah melibatkan juga naik taraf tangki air, sistem kumbahan, bumbung, mengecat, pendawaian elektrik dan juga kerosakan-kerosakan umum yang lain yang akan diteruskan melalui program ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Jaspal Singh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu benar dan jelas. Saya memang tertariklah dengan *style* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya setuju, memang ada banyak program bagi baik pulih ataupun penyelenggaraan perumahan-perumahan kos rendah terutamanya flat. Soalnya ialah sistem penyampaian dan bagaimana sesuatu kawasan flat itu dipilih.

Saya hendak bagi satu contohlah. Ini bukan satu persepsi tetapi satu realiti iaitu Flat Paya Nahu di kawasan Parlimen Sungai Petani, Kedah. Tempat ini ada 22 buah blok dan setiap blok ada empat tingkat dan mempunyai 16 rumah. Flat ini didirikan untuk memindahkan mereka yang tinggal di kawasan setinggan apabila kawasan ini dibangunkan.

Kawasan ini boleh dikira yang paling teruklah di Malaysia, dengan izin, *everything happens here is mother all crime*. Mereka tidak bayar sewa, dawai-dawai sudah putus. Dawai-dawai baru dicuri elektrik dan ada banyak geng. Kalau hendak sewa tempat ini tidak payah pergi jumpa PBT, jumpa geng sahaja boleh bagi flat dan depa kutip sewa.

Jadi saya hendak tahu sama ada kementerian mempunyai *database hotspot-hotspot* seperti ini di mana tempat itu begitu teruk, penduduk-penduduk itu memang susah dan tempat ini adalah tempat lahirnya semua gejala sosial. Bagaimana kementerian bercadang untuk membantu penduduk-penduduk flat ini di mana yang diperlukan ialah *leadership* dan *ownership* untuk membuat penyelenggaraan ini. Kita tidak boleh bergantung kepada penduduk-penduduk tempatan itu dan banyak agensi telah datang dan pergi dah *give up* sudah. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada kementerian, apakah kaedah hendak tolong penduduk-penduduk seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh, mungkin saya hendak dapatkan maklumat lebih daripada Yang Berhormat kemudian nanti. Flat Paya Nahu di Kedah, 22 blok empat tingkat. Flat ini saya akan dapatkan maklumat tambahan nanti Tuan Yang di-Pertua daripada Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh nanti. Adakah ia dibina oleh kerajaan negeri atau dibina oleh syarikat swasta. Kalau ia adalah flat kos rendah, sepatutnya kerajaan negeri bertanggungjawab.

Sama ada dibina oleh kerajaan negeri atau kerajaan ataupun dibina oleh syarikat swasta. Ini kerana Yang Berhormat, kita ada COB atau *Commissioner of Buildings*, dengan izin. COB ini kita letakkan di PBT-PBT. Tugas COB ini ialah untuk memantau *flat-flat* kos rendah, kos sederhana rendah dan sebagainya dan juga untuk memantau sekiranya penduduk menghadapi masalah, sekiranya tidak ada JMB dan sebagainya.

Saya hendak menasihatkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh oleh kerana Yang Berhormat sudah maklum tentang perkara ini, tentang jawapan yang telah pun saya berikan, balik ini Yang Berhormat boleh maklumkan kepada penduduk. Kalau ada JMB, kalau tidak, kepada Jawatankuasa Penduduk yang berdaftar. Maklumkan bahawa mereka boleh membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan kalau ia bangunan perumahan kos rendah yang dibina oleh kerajaan di bawah PPP dan kalau dibina oleh syarikat swasta adalah di bawah VP dengan membuat permohonan.

Kemukakan permohonan itu kepada COB yang ada di PBT. Kemudian COB yang ada di PBT ini akan angkat permohonan itu kepada pihak yang di peringkat negeri sama ada SUK ICU dan sebagainya. Kemudiannya akan diangkut kepada kementerian untuk dipertimbangkan.

Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat sekiranya suasana yang ada di Paya Nahu ini amat kritikal, maka sudah tentulah kementerian akan mengambil untuk dimasukkan dalam senarai. *Database hotspot* kita ada. Ini kerana COB bertanggungjawab untuk membantu kementerian dan diletakkan di PBT-PBT.

Geng-geng kutip sewa. Kalau ia adalah bangunan flat kos rendah yang dibina oleh kerajaan, ia seharusnya dipantau oleh kerajaan negeri. Ini kerana kita bina tanah daripada *state* dan kemudian peruntukan adalah daripada kementerian. Kita bina dan kita serah kepada kerajaan negeri untuk membuat pemilihan kepada mereka yang layak untuk jadi penghuni kepada flat-flat kos rendah ini.

Kerajaan negeri bertanggungjawab untuk memantau kerana kutipan kalau sekiranya ia adalah flat yang disewa, yang duduk bawah kementerian, kutipan itu dikutip oleh kerajaan negeri. Tidak seharusnya berlaku kutipan oleh geng-geng seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh.

Jadi mungkin selepas ini Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh kita akan berurusan untuk mendapatkan lebih *detail* di atas persoalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Terima kasih Yang Berhormat Dato'.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik terima kasih. Jadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan cekap dan lengkap nampaknya. Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh terima kasih banyak. Dengan itu, saya akhirkkan soal jawab ini dan kena pindah ke bahagian lain. Kita akhir pada soalan nombor 6. Sila.

## USUL

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Ketiga Belas”.

**[20 April 2017]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Kementerian Kewangan menjawab. Silakan.

**11.17 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Berucap dalam bahasa Arab]*

Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, teguran, cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Kewangan amat dihargai.

Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut telah pun bangun dan berbahas pertama Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah; Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali; Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah; dan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan. Terdapat 11 isu utama yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Maka jawapan-jawapan yang saya berikan adalah mengikut isu. Antaranya berkaitan yang pertama tentang GST dan pengkastaman yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali; Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan 67, Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, kerajaan akan membuat bayaran balik tuntutan kredit cukai import dalam masa 14 hari bekerja bagi penyerahan Borang Retan secara *online*, dan 28 hari bekerja bagi penyerahan Borang Tuntutan secara manual.

■1120

Namun, tempoh tersebut hanya terpakai sekiranya tuntutan dibuat dengan teratur iaitu maklumat yang dikemukakan mestilah lengkap dan tepat serta tidak memerlukan verifikasi daripada jabatan. Sekiranya Jabatan Kastam Diraja Malaysia perlu mendapatkan maklumat dokumen tambahan untuk membolehkan pembayaran balik GST ataupun *refund*, maka tempoh yang lebih panjang akan diperlukan dari tarikh maklumat dokumen lengkap diterima. Tempoh ini ditetapkan di bawah Peraturan 67(2) Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Seterusnya JKDM akan terus meningkatkan usaha mendidik peniaga dalam memastikan Borang Retan yang diikrarkan adalah tepat, lengkap dan teratur. Melalui usaha ini secara tidak langsung akan membolehkan pembayaran balik kredit mengikut tempoh yang telah pun dijanjikan dapat dibuat dengan tepat. Secara amnya, Jabatan Kastam telah berjaya memproses tuntutan balik kredit cukai input untuk tuntutan yang dikemukakan secara *online* secara puratanya 71.1 peratus bagi tempoh Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 berbanding dengan purata 70 peratus pada permulaan pengenalan GST pada 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015.

Seterusnya ada berkaitan dengan persoalan katanya kaunter GST panggilan tidak berjawab dan sebagainya. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak ada istilah telefon rosak kerana JKDM telah menyediakan kemudahan Pusat Panggilan Kastam, nombornya 1-300-88-8500 yang beroperasi dari hari Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi hingga 10 malam, Sabtu dan Ahad 8.30 pagi sehingga 5 petang. Pusat Panggilan Kastam telah dikawal selia dengan rapi dan teratur dan mempunyai pegawai bertugas yang berkemahiran dalam memberi khidmat pelanggan yang cemerlang dan penuh dedikasi.

Berdasarkan rekod panggilan bagi tempoh Januari 2016 hingga Februari 2017, secara puratanya 90 peratus panggilan telah dijawab oleh pegawai JKDM. Namun pada bulan November 2016 dan Disember 2016, berlaku sedikit penurunan panggilan yang tidak dijawab. Ini adalah kerana terdapat banyak panggilan berkaitan tuntutan kredit cukai input yang disebabkan oleh penutupan awal akaun pembayaran pada bulan tersebut.

Berkaitan dengan Program Transformasi Jabatan Kastam di mana kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Jabatan Kastam akan diperbadankan dan ketika ini, JKDM adalah sebuah badan berkanun yang kita perlukan lebih mantap dan sebagainya. Kita telah pun menubuhkan satu *taskforce* jawatankuasa untuk melihat bagaimana pengkorporatan ini dapat dibuat dan kita mempunyai sasaran, *insya-Allah* pada 2018 untuk dilaksanakan. Kita juga bernasib baik kerana mempunyai *template* ataupun contoh yang kita buat semasa pengkorporatan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Juga ada isu-isu berkaitan bidang kuasa iaitu ada cabang penguat kuasa dan sebagainya yang perlu kita perhalusi dan ada juga isu-isu berkaitan dengan *staffing* iaitu ada setengah pihak yang telah lama berkhidmat dengan kastam hendak teruskan skim pencen dan sebagainya. Inilah perkara-perkara yang perlu kita perhalusi, namun *insya-Allah* usaha untuk kita *corporatizekan* Jabatan Kastam ini dapat kita laksanakan pada tahun 2018 nanti.

Selain daripada itu, ada satu dua perkara lagi yang berkaitan dengan *personal e-mail* yang dibawa oleh Yang Berhormat Snator Datuk Rabiyyah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, Jabatan Kastam ada peruntukkan e-mel rasmi. Sebenarnya tidak ada *personal e-mail*. Kemungkinan ia berlaku kerana mungkin ada masalah e-mel jabatan itu tergendala dalam tempoh tertentu dan mungkin pihak yang bertanya itu memerlukan jawapan segera, maka pegawai-pegawai ini perlu menjawab melalui e-mel peribadi. Akan tetapi ini bukanlah amalan jabatan dan walaupun ada, kita akan buat siasatan untuk pastikan tidak akan berulang perkara seperti ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Norliza. Yang Berhormat Senator Datuk Norliza ini bertanyakan berkaitan dengan kempen, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat terus memahami GST ini. Memang kita tidak pernah berhenti melaksanakan kempen-kempen dan juga maklumat-maklumat hebahan secara berterusan sama ada melalui media cetak dan media elektronik. Kadang-kadang ada terdapat contoh-contoh kita *review* balik beberapa perkara yang ada setengah dahulunya ada kena GST, tetapi hari ini sudah tidak kena GST dan sebagainya. Contohnya seperti yang disebut dalam perbahasan kenapa buah kurma kena GST. Untuk makluman Yang Berhormat, kurma kering ada GST, kurma segar tidak kena GST. Jadi benda-benda macam inilah yang kita akan terus *updatekan consumer* ataupun rakyat untuk mereka memahami dari semasa ke semasa.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Norliza juga bertanyakan berkaitan dengan makanan asas dan makanan kesihatan. Untuk makluman Dewan, kita sentiasa menyemak dari semasa ke semasa. Kita tahu bahawa GST baru kita perkenalkan, baru masuk tahun ketiga ini, sudah tentulah banyak perkara-perkara yang perlu kita *update* dan kita perkemas dari semasa ke semasa. Jadi, kerajaan sentiasa menyemak senarai barang makanan asas dalam menentukan sama ada dikenakan GST ataupun tidak.

Pada masa kini, selain makanan asas yang majoritinya digunakan oleh rakyat Malaysia contohnya seperti beras, gula, tepung, sayur-sayuran, daging, ayam, makanan masak, makanan lain termasuk yang dikata makanan kesihatan ini adalah yang bukan merupakan makanan asas dan perlu yang ada dalam GST. Namun, kita akan mengkaji dari semasa ke semasa dan tahun ke tahun.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariah menyebut tentang susu anak. Anak tiga tahun ke bawah tidak kena GST, anak yang atas tiga tahun kena GST. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, susu bagi bayi yang berumur 0 sampai 36 bulan sahaja yang diberikan layanan GST kadar sifar. Susu pada peringkat umur yang lain dikenakan GST pada kadar standard. Kanak-kanak pada peringkat umur lebih 3 tahun seperti mengikut amalan biasa, kefahaman Kementerian Kesihatan pun berkata dia bukan hanya bergantung sepenuhnya kepada susu dan boleh makan makanan lain seperti buah-buahan, sayur-sayuran, roti yang tidak dikenakan GST.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin berubah kepada tajuk BR1M. Banyak telah diperkatakan, dibahaskan lima orang Senator, Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari; Yang Berhormat Senator Datuk Norliza; Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim; dan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam. Secara ringkas, secara umumnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, BR1M merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam memastikan pemberian subsidi secara bersasar.

Selain itu, BR1M bermatlamat untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah bagi mengimbangi kenaikan kos sara hidup dalam membeli barangan keperluan harian mereka. Selain BR1M, kerajaan juga turut menyediakan pelbagai inisiatif lain bagi membantu rakyat terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana bagi meringankan bebanan perbelanjaan harian akibat kenaikan kos sara hidup. Antara program yang disediakan seperti bantuan awal persekolahan, baucar buku, kemudahan Klinik 1Malaysia dan sebagainya.

Jadi, ada isu-isu yang dibangkitkan berkaitan pembayaran BR1M. Bayaran BR1M pada tahun 2017 masih diagihkan melalui dua kaedah iaitu seperti sebelum ini iaitu pengkreditan terus EFT dalam akaun bank dan agihan secara yang tidak ada akaun ini dia buat pakai baucar, maka kita buat majlis penyerahan baucar tersebut. Kita menyedari bahawa ada setengah-setengah kawasan, setengah-setengah tempat, pemimpin tempatan pun hendak buat majlis. Jadi memang ada isu berkaitan contohnya bank yang hendak membayar, hendak *encash the voucher*, dengan izin, tidak cukup *staff* dan sebagainya.

Maka, adalah masalah-masalah laporan yang kita terima dan kita telah pun membuat ketetapan mulai tahun hadapan, pembayaran seterusnya kita tidak akan lagi membuat pembayaran secara manual, secara beratur, secara majlis ini kecuali hanya kepada mereka yang tidak ada akaun bank. Jadi, ini adalah untuk memudahkan rakyat. Kita tidak mahu mereka merungut, bersungut berkaitan dengan penerimaan BR1M yang ada niat yang cukup baik, namun apabila kita laksanakan cara tidak berapa kena, jadi dia akan menjadikan rakyat itu tidak selesa dan mungkin kadang-kadang boleh juga marah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kadar inflasi yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng. Secara ringkas untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita tahu bahawa kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah untuk membendung kenaikan kadar inflasi serta mengurangkan impak terhadap kos sara hidup golongan berpendapatan rendah. Makluman kadar inflasi bagi suku pertama 2016 adalah 3.4 peratus disebabkan oleh kesan asas yang rendah, *low base effect* berbanding suku pertama tahun 2015 iaitu pada 0.7 peratus.

#### ■1130

Sementara itu, kadar inflasi pada suku tahun ketiga 2016 juga telah menurun kepada 1.3 peratus berikutan kadar jangkaan harga runcit petrol yang kekal rendah. Inflasi bagi keseluruhan bagi tahun 2016 berada pada kadar terkawal iaitu 2.1 peratus.

Seterusnya saya ingin pergi kepada tajuk berkaitan dengan rasionalisasi subsidi yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi subsidi sebagai salah satu langkah pembaharuan fiskal ataupun *fiscal reform* untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara sejak tahun 2013. Ia dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi dan bantuan yang lebih bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetapi diteruskan tetapi disasarkan hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tujuan kerajaan memberi subsidi adalah untuk mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah dan sederhana di negara ini. Namun, pemberian subsidi secara pukal turut dinikmati oleh golongan kaya dan warga asing di negara ini. Tambahan pula, harga runcit barangan

bersubsidi yang lebih rendah berbanding harga runcit di negara jiran telah menyebabkan berlakunya kegiatan penyeludupan ke luar negara dan penyelewengan penjualan produk bersubsidi kepada sektor perindustrian atau pihak lain yang tidak sepatutnya menikmati subsidi berkenaan. Dengan kata lain, wang rakyat Malaysia turut digunakan untuk faedah warga asing dan rakyat negara jiran serta menguntungkan pihak berkepentingan melalui kegiatan penyeludupan dan penyelewengan penjualan produk bersubsidi.

Selain meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan dan memburukkan lagi kedudukan defisit akaun semasa kerajaan, pemberian subsidi secara pukal yang tidak berhemat akan mengurangkan jumlah peruntukan untuk tujuan pembangunan. Keadaan ini akan menyebabkan kerajaan terpaksa meningkatkan hutang bagi menampung pertambahan perbelanjaan pembangunan dan beban hutang tersebut akan terus ditanggung oleh generasi akan datang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2017, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM22.4 bilion bagi perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial. Jumlah ini merangkumi subsidi bagi barangan keperluan harian seperti bahan api, gas memasak, minyak masak dan bekalan elektrik serta subsidi perkhidmatan termasuk pengangkutan, pampasan tol serta perkhidmatan udara luar bandar seperti di Sarawak dan tren ke lokasi-lokasi tidak ekonomik.

Di samping itu, peruntukan ini juga meliputi subsidi dan insentif untuk meningkatkan hasil pertanian, perikanan dan perladangan serta bantuan sosial seperti BR1M, bantuan kebajikan masyarakat, bantuan pendidikan seperti baucar dan buku teks serta bantuan awal persekolahan.

Selain itu, kerajaan turut menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan dengan harga bayaran yang minimum ataupun percuma. Antaranya rawatan perubatan di klinik dan hospital kerajaan serta pendidikan di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian awam. Justeru, perkhidmatan kepada langkah rasionalisasi subsidi ini membolehkan kerajaan menyediakan lebih banyak peruntukan untuk program dan kemudahan yang memberikan manfaat kepada rakyat terutama sekali kelompok B40.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan projek ECRL yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun dan juga Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *East Coast Rail Link* (ECRL) merupakan satu projek infrastruktur nasional yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang melalui landasan kereta api sepanjang 688 kilometer dan bakal menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri Pantai Timur seperti Pahang, Terengganu dan Kelantan. Ianya akan menjadi satu ...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, *interrupt* sikit. Pasal Menteri, dia tak masuk saya bangkit soal ECRL ini ke Rantau Panjang. Dia cakap orang lain yang bangkit, saya bangkit ECRL ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri belum habis lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Yang Berhormat, sabar *sat*. Yang Berhormat ada sebut juga pasal ECRL?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Sebut.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Okey, nanti saya tengok Yang Berhormat. Okey, sabar Yang Berhormat Senator Abdullah. Saya sebut namalah. Yang menyentuh ECRL ini termasuk Yang Berhormat Senator Abdullah mengenai ECRL ke Rantau Panjang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *tang* mana habis dah [*Ketawa*] Malaysia Rail Link Sendirian Berhad ditubuhkan sebagai pemilik projek ECRL, syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan akan memastikan, ha ini untuk pelaksanaan ini untuk memastikan kontraktor tempatan yang berkelayakan. Kena ingat ya, yang berkelayakan dari seluruh Malaysia termasuk Kelantan berpeluang untuk terlibat sama bagi menjayakan pelaksanaan projek ECRL yang akan dimulakan dalam masa terdekat inilah.

Kerajaan amat komited dalam memastikan tender kerja-kerja berkaitan akan dibuka secara telus untuk memberi peluang kontraktor tempatan melibatkan diri dalam kerja-kerja sivil seperti kerja-kerja berkaitan tanah, jambatan, bangunan dan sebagainya. Memandangkan salah satu objektif projek ECRL adalah untuk memastikan negara mempunyai sistem perhubungan yang baik dan berupaya meningkatkan kesalinghubungan di antara bandar dan luar bandar dengan penglibatan komponen tempatan. Justeru, penyertaan kontraktor tempatan yang berkelayakan dalam setiap negeri yang terlibat amat-amatlah dialu-alukan.

Berkenaan bayaran pampasan untuk pengambilalihan balik tanah kepada pihak yang terbabit, pihak kerajaan dan MRL akan mengkaji secara komprehensif setiap aspek yang terlibat bagi memastikan nilai yang dibayar adalah setimpal dan berpatutan mengikut nilai semasa yang selalunya dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kerajaan Malaysia.

Yang Berhormat kata tadi apa? Sila Yang Berhormat, saya berehat *sat*.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dalam perbincangan itu hari, saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri Kewangan memanjangkan ECRL ini bukan sahaja ke Tumpat tapi ke Rantau Panjang dan ada *reason* nya iaitu Rantau Panjang ini merupakan jalan masuk antarabangsa atau pintu masuk utama antarabangsa dan landasan kereta api yang sedia adapun sudah ada, dia punya *tracking* itu sudah ada. Cuma hendak sambung dengan Golok sahaja. Di Thailand sekarang ini, saya tengok dia punya landasan sudah diperbaiki dan dibaikpulih dengan canggihnya, tunggu kita sambung sahaja. Maknanya Kerajaan Thailand menunggu sambungan *tracking* ECRL ke Golok sahaja. Itu yang saya tengok. Jadi, ada *reason*nya kalau kita sambung ke Rantau Panjang dan terus ke Golok. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat cadangan Yang Berhormat itu amat wajar dipertimbangkan. *Insya-Allah* kita akan bawa ke pihak yang berkaitan sebab kita kalau bolehlah memang kita perlukan *connecting international* ke Thailand dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan rakan-rakan kita daripada Persatuan Kebajikan dan Sosioekonomi Kaum India Pulau Pinang ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan satu perkara yang dibawa oleh Senator Datuk Chin Su Phin berkaitan dengan UTC di Sandakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan ataupun NBOS iaitu *National Blue Ocean Strategy* bertujuan untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar.

Pada masa ini terdapat 18 buah UTC di seluruh negara yang sedang beroperasi. Bagi UTC baharu yang *insya-Allah* akan dibuka mengikut pengumuman Bajet pada 2017 adalah terlibat di negeri Perlis, Selangor dan juga Negeri Sembilan serta Pulau Pinang. Negeri yang masih belum mempunyai UTC ketika ini, sekiranya terdapat keperluan kerajaan untuk terus menubuhkan UTC di bandar-bandar utama di masa hadapan, bergantung pada kepadatan penduduk dan permintaan. Maka *insya-Allah* kerajaan akan mempertimbangkan tergantung pada kedudukan kewangan semasa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit berkaitan dengan GLC cemerlang. GLC cemerlang ini dibawa oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun dan juga sahabat saya dari Perlis, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff. Macam artis punya nama ini, Datuk Ramli Sarip. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Program Transformasi GLC (G20) yang mengalami kerugian hanyalah *Malaysia Airlines* yang kini sedang melalui proses penstrukturan semula manakala yang lain-lainnya telah mencatatkan keuntungan.

#### ■1140

Akan tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, bagi syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), ia ditubuhkan bukan semata-mata berorientasikan keuntungan tetapi kebanyakannya berorientasikan keperluan, tuntutan, mandat yang dituntut oleh rakyat dan kerajaan. Seperti contohnya, penyediaan infrastruktur awam macam LRT, MRT semua ini, memang dia tidak untung lagi tetapi *insya-Allah*, untuk jangka panjang, boleh untung.

Akan tetapi, ada juga program-program yang kita tubuhkan syarikat untuk melibatkan diri bagi menggalakkan pembangunan ekonomi melalui sokongan pewujudan industri baru. Kemudian, ada juga syarikat ditubuhkan untuk menggalakkan pembangunan teknologi seperti R&D serta untuk berkembang bagi kita menggiatkan lagi pelabur asing masuk dan membawa masuk teknologi-teknologi baru. Seterusnya, ada juga kita tubuhkan syarikat untuk memenuhi jurang pasaran ataupun *market gap*.

Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) akan memastikan syarikat sentiasa beroperasi selaras dengan objektif penubuhan dan mandat yang telah ditetapkan. Contohnya, berdasarkan kepada perkara-perkara *business plan*, *key performance index* (KPI), kemudian penyata kewangan, kemudian berkaitan dengan keberuntungan, *return on investment* (ROI), *internal rate of return*, kemudian *payback period*, apa semua ini. Ini adalah perkara-perkara yang biasa dan menjadi keutamaan. Dan juga berkaitan dengan laporan-laporan tahunan, suku tahunan dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan *business*, perancangan-perancangan

perniagaan dari semasa ke semasa. Selain daripada itu, lembaga pengarah syarikat juga perlu sentiasa meningkatkan keberkesanannya di samping syarikat memperkukuhkan tadbir urus korporat masing-masing dan menerima pakai amalan baik dalam setiap aspek operasi syarikat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit ini berkaitan dengan SPNB yang telah dibawa oleh sahabat baik saya juga iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Ini adalah berkaitan dengan perumahan SPNB.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB merupakan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menyediakan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) yang mana program ini diwujudkan bagi membantu golongan miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang atau daif tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri.

Bermula tahun 2012, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan menyalurkan subsidi sebanyak RM20,000 seunit untuk pembayaran pembinaan RMR1M ini dan dua peratus daripada subsidi kadar keuntungan pinjaman. Baki pembinaan sebanyak RM45,000 hingga RM59,000 untuk seluruh Malaysia ini perlu diperoleh oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) melalui pinjaman dari mana-mana bank.

Harga rumah-rumah ini adalah ditetapkan melalui kelulusan kerajaan dan melalui kementerian berdasarkan pelbagai faktor selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menyediakan rumah yang mampu dimiliki. Maksudnya, kita tidak bolehlah hendak menaikkan harga rumah ini sampai RM90,000. Sebab apa, segmen sasaran kita adalah untuk golongan berpendapatan rendah yang mempunyai pendapatan tertentu boleh bayar sebulan dalam RM150 hingga RM250 supaya mereka memiliki rumah. Tetapi kalau rumah itu terlampau mahal, maka sudah tentulah mereka tidak layak pun untuk memohon kerana mereka tidak mampu untuk membayar, contohnya sehingga RM600 sebulan, seperti mana projek-projek perumahan lain, PPR dan PR1MA dan sebagainya. Jadi itulah beza di antara Projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB ini dengan projek-projek lain yang dibawa oleh kerajaan.

Seterusnya Yang Berhormat...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit, boleh?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Boleh.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Pasal SPNB ini. Rumahnya harga RM60,000. Kos bina RM54,000. Makna *balance* lagi RM6,000. Tanah, *five percent*, RM3,000. Lebih RM3,000. Makna kalau sebuah RM3,000, itu bukan untung sudah sebab kontraktor ini kebanyakannya bumiputera, *100 percent* bumiputera. Bumiputera kelas J1 ini semua, hendak kata pokai itu tidaklah tapi kebanyakannya tidak ada wang. Kebanyakan boleh kata *100 percent*, *99 percent* lah, menggunakan duit MARA. Caj lagi satu lagi. Jadi *at the end*, untung dalam RM1,500 sebuah rumah. Jadi kalau boleh, duit tanah lima *percent* itu, tidak payahlah sebab kebanyakan kontraktor ini *local*. *Local contractor*. Kalau rumah rosak sikit-sikit itu, tuan rumah boleh panggil kontraktor. Jadi minta penjelasan.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah ini. Kita tahu bahawa memang dalam komponen rumah RM60,000, kos pembinaan RM54,000 sebab RM6,000 lagi diperlukan untuk kos-kos sampingan seperti *lawyer*, kita kena hendak bayar peguam. Kemudian kita ada juga kos-kos lain yang perlu ditanggung juga oleh pemohon dan dimasukkan dalam kos pinjaman asal. Sebab itulah dalam urusan pembinaan yang melibatkan kontraktor ini, kita menggalakkan SPNB supaya kalau boleh memberi kontrak kepada satu kontraktor itu untuk mungkin membina lima, enam, tujuh buah rumah supaya dengan *form work*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *form work* yang sama itu dapat digunakan supaya kita dapat menjimatkan kos.

Akan tetapi kalau kata, saya pun tahu, tempat saya pun sama, kalau satu kontraktor Kelas 'F' ini dapat hanya dua buah rumah untuk dia buat, dia tidak akan untung. Dia akan rugi. Jadi, saya faham apa yang dialami oleh kontraktor dan saya ingat pihak kontraktor, mungkin Yang Berhormat sendiri boleh bawa mereka ini, mungkin satu dua orang wakil untuk berbincang secara halus, *detail* lah apakah *predicament*, apakah masalah rintihan-rintihan mereka ini berkaitan proses pembinaan yang SPNB boleh bantu dan meringankan bebanan mereka.

Akan tetapi untuk kita, untuk kerajaan, kita punya segmen adalah kita kena melihat pembeli akhir iaitu rakyat. Jadi kontraktor dia memang tidak boleh buat rumah kalau sampai hendak rugi, tidak boleh juga. Dia pun rakyat kita juga. Jadi kita kena *balance*. Jadi isu pelaksanaan ini, saya ingat lebih baik Yang Berhormat, kalau boleh, minta mereka panjangkan dan bincangkan secara lebih khusus dengan tuan punya projek iaitu SPNB.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin berkaitan dengan jumlah hutang isi rumah. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hutang isi rumah di Malaysia adalah sebanyak RM1,086.2 bilion ataupun 80 peratus daripada sistem perbankan yang diterima melalui sistem perbankan dan 20 peratus adalah daripada institusi kewangan bukan bank yang merangkumi 88.4 peratus daripada KDNK pada akhir Disember 2016. Sebagai perbandingan, untuk Disember 2015, kedudukan adalah 89.1 peratus.

Daripada jumlah tersebut, lebih separuh adalah untuk pembelian hartanah ataupun dalam bahasa Inggeris kita sebut, *wealth creation*. Sama ada dia beli hartanah, dia beli rumah, dia beli rumah kedai dan ada juga yang meminjam untuk pembelian sekuriti, saham-saham dan sebagainya. Cuma, pinjaman peribadi adalah hanyalah sekitar 15 peratus. Ini kita panggil yang tidak produktif. Apabila dia pinjam peribadi, kemudian dia mungkin beli kereta dan kemudian ada yang- kad kredit sebanyak 3.5 peratus.

Secara *detail* sedikitlah, Yang Berhormat. Untuk pembelian harta kediaman sebanyak 50.3 peratus, pembelian harta bukan kediaman 7.4 peratus, pembelian kenderaan dan juga pengangkutan 14.6 peratus, kad kredit 3.5 peratus, pinjaman peribadi atau *personal loan*, ini *hat Ar-Rahnu*- Bank Rakyat apa semua *kot*, 14.9 peratus, pembelian sekuriti 5.7 peratus dan lain-lain 3.6 peratus.

Jadi, kita sedar ada juga isu-isu yang kadang-kadang orang tanya apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi kita hendak tangani, kadang-kadang ada satu segmen masyarakat

yang suka meminjam dan akhir sekali dia menjadi masalah bagi diri mereka. Jadi pelbagai inisiatif telah kita buat melalui Bank Negara dan sebagainya.

Antaranya, kita memberi *Financial Education Network* (FEN) iaitu kita dengan kerjasama Bank Negara, *Security Commission* (SC), Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan Tinggi, kita wujudkan satu kolaborasi NBOS untuk kita memberi pendedahan kepada semua studen. Saya ingat pada menjelang tahun 2021, semua pelajar kita dari Darjah 1 sampai Tingkatan 5 ini sudah akan kena belajar tentang asas-asas celik kewangan. Jadi kita harapkan dengan cara itu, maka mereka dapat diberikan pendedahan awal bagaimana hendak membuat penjimatan, *saving* dan mungkin diberikan sedikit tunjuk ajar berkaitan untuk melabur.

#### ■1150

Jadi kita tidak mahu dalam Malaysia ini kita terus bercakap soal bagaimana rakyat yang belanja dengan lebih boros dan sebagainya, sampailah menjadikan satu masalah kita berada dalam keadaan *defensive all the time* sepanjang masa untuk menangani kos sara hidup kononnya. Begitu juga contoh kita untuk mengekang ramai sangat orang yang beli rumah empat lima buah ini. Bukan kita tidak bagi, kita tidak benarkan tetapi kita benarkan, cuma kalau dia mampu dia akan boleh meminjam.

Akan tetapi dalam konteks pembelian rumah, contohnya seorang individu hendak beli rumah nombor tiga, bukan untuk isteri nombor tiga tetapi nombor tiga, *the third house* kita boleh bagi pinjaman *up to Loan-to-Value* (LTV) sehingga 70 peratus sahaja. Akan tetapi kalau rumah pertama itu kita bagi sampai 90 peratus.

Begitu juga kalau untuk bukan individu, *Loan-to-Value* (LTV) ini hanya sekitar 60 peratus. Begitu jugalah berkaitan dengan cara-cara masalah biasa terutama untuk hendak menangani isu-isu perbelanjaan di kalangan anak muda ini yang berkaitan dengan kredit kad. Dulu kalau pendapatan tahunan dia sekitar RM1,500 sebulan atau RM18,000 setahun dia sudah boleh *apply credit card*, tetapi hari ini kita *up* kan, kita tingkatkan sekurang-kurangnya pendapatan RM24,000 setahun ataupun RM2,000 sebulan dan maksimum pinjaman hanyalah sekitar dalam dua atau tiga bulan gaji. Ia tidak boleh lebih dan dia hanya boleh memiliki dua kredit kad yang dikeluarkan oleh dua institusi bank yang berbeza.

Jadi sebab itu contoh dulu kita sering tengok, kita dapat *free approve credit card* pun ada, la ni sudah tidak ada, tidak boleh sudah buat semua ini. Jadi, selain daripada itu kita juga ada program-program berkaitan dengan menangani, menguruskan kewangan kita ini. Kita ada program POWER, kita juga tolong juga rakyat yang mana menghadapi masalah berkaitan pengurusan kewangan sempit, sangkut sampai peringkat hendak jadi bankrap, melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit kita bantu mereka. Hari ini saya difahamkan sekitar 120,000 rakyat kita sudah berjinak bersama dengan mendapat pandangan dan kaunseling daripada AKPK dan saya difahamkan seramai 14,000 telah pun selesai masalah mereka.

Jadi kita bantu, jadi kita juga mengingatkan rakyat melalui setengah-setengah ini ada orang sebut baru ini kita bercakap soal skim cepat kaya. Walaupun kita tidak ada duit kita hendak masuk skim cepat kaya. Kita pun bagi juga *guidelines*, bagaimana kita jangan terpengaruh dengan konon-

konon kempen pulangan yang tinggi. Contoh baru-baru ini pun kita dengar ada skim membeli pasaran hadapan minyak sawit dan sebagainya. Ada satu keluarga, suami isteri hilang, bergolok bergadai kerana ditipu dalam skim-skim ini. Jadi kita bagi juga garis-garis panduan ini supaya rakyat tidak tertipu, rakyat tidak terpedaya dengan kononnya pulangan yang amat tinggi. Jadi Bank Negara kata, dalam bahasa mudah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *too good to be true and it is not true*. Jadi benda ini kita tidak bolehlah terpedaya.

Jadi, kerajaan mengambil langkah yang pelbagai untuk memastikan rakyat ini akan terbela dan yang penting rakyat itulah juga perlu memastikan bahawa mereka tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah ataupun kempen-kempen yang boleh merugikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya ada Yang Berhormat...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya mencelah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang. Soalan saya sebenarnya kepada Menteri, adalah menyentuh tentang skim kredit mudah iaitu ansuran mudah. Ini yang mana kita tahu ansuran mudah ini banyak yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat terutamanya syarikat-syarikat yang menjual alatan perumahan dan kebanyakan alatan-alatan perumahan dan syarikat-syarikat ini diletakkan di kawasan luar bandar.

Ansuran mudah ini kalau kita tengok tawaran-tawaran ia memang bagi yang sangat menarik, RM10 seminggu, RM13 seminggu dan RM20 seminggu tetapi sebenarnya apabila dikira *accumulated* APRnya ataupun jumlah daripada *credit interest* yang dibayar adalah sehingga beratus kali ganda. Kalau kita kira contohnya macam semalam perbincangan saya, saya ada menyentuh tentang pembelian *TV Samsung* yang mana bila kita kira APR nya adalah sehingga 46 peratus, sedangkan kad kredit pun APR yang dihadkan oleh Bank Negara adalah sebanyak setinggi 18 peratus. Kereta yang kita beli pun, paling tinggi adalah di antara empat ke lima peratus.

Soalan saya sebenarnya kepada Menteri adalah adakah Bank Negara bercadang untuk bersama KPDNKK untuk membentuk satu pendekatan statutori, maknanya membentuk satu akta yang *protect consumerism* ini, *consumer-consumer* kita, pembeli kita terutamanya di luar bandar. Sebab yang membeli ini mereka yang tidak ada kredit kad, mereka yang tidak berkemampuan yang hendak memiliki barangan rumah tetapi bayaran secara ansuran tetapi kadar yang dikenakan oleh syarikat-syarikat ini adalah sangat tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat, kita tahu saya juga ada menyebut apabila kita pasangan baru dapat rumahlah, kita baru kerja dua tiga tahun, berkahwin kita mula membeli rumah, kalau kita pegawai kerajaan kita dapatkan pinjaman dari LPPSA. Kemudian bila kita sudah hendak mula masuk rumah, hendak dapat kunci kita mula berfikir-fikir dan berkira-kira untuk membuat pinjaman hendak buat *renovation*, hendak bubuh *flooring*, hendak buat *renovation kitchen* dan sebagainya. Kemudian kita lepas sudah selesai *renovation* kita pun pergi ke sama ada yang disebut

tadi *Senheng, Courts Mammoth* apa lah. Mungkin juga di kampung-kampung ini kata yang kedai-kedai perabot yang memberikan pinjaman mudah ini.

Kita bersetuju bahawa kadang-kadang nampaknya *attractive* di peringkat awal, mungkin macam dulu kita kata satu persen sebulan bukan satu persen setahun tetapi mungkin *consumer* kita ini dalam kehairahan untuk hendak beli rumah kemudian hendak mengisi perabot dan sebagainya mereka ini tidak fikirkan lagi tajuik untuk hendak bayar nanti. Dia lupa kata beli rumah pun sudah kena ada bayar pinjaman, *renovate* rumah pun hendak kena bayar pinjaman, mengisi peralatan rumah pun hendak kena bayar juga pinjaman. Sebab itulah kadang-kadang akhirnya ada juga sebahagian daripada masyarakat kita ini yang terpaksa menanggung hutang dan beban yang besar sehingga *take-home pay* mereka tidak mampu untuk mereka *cover* hal-hal *basic* seperti makan minum dan sebagainya.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berkaitan kerjasama antara Bank Negara dengan KPDNKK, memang kita memang ada kerjasama kita ada akta-akta tertentu untuk kita bendungkan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat ini. Akan tetapi macam saya sebutkan tadi bahawa akhir sekali dia terpulung kepada *consumer* itu sendiri, pengguna itu sendiri untuk membuat keputusan supaya yang penting mereka tidak jadi masuk dalam perangkap yang menyesakkan kehidupan untuk jangka panjang.

Jadi, saya tidak dapatlah nyatakan langkah-langkah secara lanjut tetapi yakinlah bahawa memang Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara serta Kementerian KPDNKK ini memang ada bekerjasama untuk pastikan kita ambil langkah-langkah untuk menjamin supaya rakyat ini tidak termasuk dalam *trap* ataupun perangkap yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya sedikit berkaitan dengan *Touch 'n Go*. Ada disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff berkaitan untuk minta Bank Negara dan agensi yang berkaitan dipohon meneliti, menilai semula minimum *top-up* dan memastikan pihak lain tidak mengaut keuntungan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kad *Touch 'n Go* ini berfungsi sebagai *eWallet* bagi menggantikan wang tunai dan sebarang jumlah yang ditambah nilai adalah milik pemegang kad sepenuhnya. Jadi maknanya kita sekarang ini banyak orang kata dunia sudah makin maju, kita sudah menggunakan pelbagai konsep sistem elektronik ini, orang ramai sudah tidak bawa tunai dalam poket.

Jadi pihak *Touch 'n Go* tidak boleh menggunakan wang yang diperoleh daripada pengguna dari tambah nilai kad tersebut untuk tujuan pelaburan. Ia harus dimasukkan dalam aset mudah cair seperti deposit tetap dan dalam institusi perbankan. Tiada jumlah minimum bagi kad *Touch 'n Go* manakala jumlah maksimum yang boleh disimpan dalam kad tersebut pada satu-satu masa adalah sebanyak RM1,500.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, secara ringkasnya Bank Negara tidak *impose minimum limit*. Kadang-kadang mungkin kalau kita pergi dekat *toll booth* hendak beli tol itu dia kata paling kurang kena RM30. Akan tetapi kalau kita pergi *top-up* di Petronas, di stesen-stesen minyak

boleh juga kita buat RM10. Ada juga kita boleh buat kalau kita buat *top-up* melalui ATM atau CDM kita perlukan minimum RM50. Ada juga kalau melalui kad kredit minimum RM100.

Jadi banyakkah benda-benda ini, jadi kita tidak – Bank Negara tidak *imposekan* minimum dan sebagainya, terpulang kepada operator ataupun *outlet-outlet* yang ada hubungan dengan *Touch 'n Go* Sdn Bhd ini. Jadi saya ingat ini terpulang balikkah kepada *customer* macam contohlah kalau saya daripada Jitra hendak pergi ke Butterworth takkan saya hendak *top-up* RM30 sebab hendak balik pergi RM13, balik RM13 sudah RM26.

#### ■1200

Jadi kalau itu minyak tak kira lagi dan sebagainya. Jadi, itu terpulang sebenarnya kepada pengguna itu sendiri. Kalau dia tak mampu, dia kata *I just* boleh *manage to top up* RM10, pergilah ke *outlets* yang boleh RM10. Akan tapi kalau di *toll booth* itu memanglah RM30 sebab mungkin atas perkiraan tertentu pihak syarikat lebuhraya ini kata minimum *top up* ini RM30. Akan tapi kalau kata kita tahu di *toll booth* RM30, jadi sebelum nak masuk *toll booth*, masa isi minyak, kita boleh *top up* RM10, mengambil kiralah perjalanan contoh Alor Setar Utara ke Alor Setar Selatan ataupun Alor Setar Utara ke Hutan Kampung hanya 40 sen, kenapa perlu kita *top up* sampai RM50. Jadi terpulang kepada pengguna tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat...

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Ya, sila.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya ada satu kemusykilan yang saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, kalau kad *Touch 'n Go* kita ini kalau kita tak guna setahun, benarkah pengurusan *Touch 'n Go* akan caj RM5? Itu yang pertama.

Akan tetapi kalau aplikasi *Touch 'n Go* dalam IC, kalau kita *top up* RM100, kita tak guna setahun pun dia tak caj RM5. Akan tetapi kad *Touch 'n Go* ini, kalau kita tak guna lebih daripada setahun, benarkah pihak *Touch 'n Go* akan caj RM5 ke atas kad ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat yang ini *very specific* soalan dia. So saya kena siasat, pegawai saya akan ambil maklumat ini. Kita akan *check* balik dengan *Touch 'n Go* sama ada betul ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara yang terakhir yang saya perlu nyatakan di sini adalah yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi melonjakkan semula nilai Ringgit. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam menangani penyusutan nilai ringgit untuk jangka pendek, kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran mata wang asing tidak terjejas bagi memastikan kegiatan ekonomi berjalan lancar. Pada masa yang sama, kedudukan rizab Bank Negara Malaysia berjumlah USD95 bilion akan terus menjadi penampan kusyen kepada turun naik yang berlebihan dalam pasaran kewangan.

Langkah seterusnya, pada hujung tahun 2016, Bank Negara telah memperkukuhkan semula peraturan pentadbiran pertukaran mata wang asing sedia ada untuk menghalang penglibatan institusi kewangan berlesen dalam negara untuk aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan atau *non-deliverable forward*. Langkah ini bertujuan untuk membendung aktiviti spekulatif NDF dalam pasaran luar pesisir yang telah memberikan kesan negatif terhadap pasaran pertukaran asing dalam negara. Pada masa yang sama, Bank Negara akan terus menyediakan mudah tunai di pasaran tempatan bagi memastikan keadaan pasaran yang stabil dan teratur.

Walaupun negara kita merupakan pengeksport bersih atau *net exporter*, dan mencatat lebih akaun semasa dalam imbalan pembayaran, perolehan eksport dalam mata wang asing tidak ditukar kepada Ringgit. Ini menyebabkan ketidakseimbangan dalam permintaan dan penawaran ringgit di pasaran tukar asing. Bagi membendung masalah ini, Jawatankuasa Pasaran Kewangan bersama Bank Negara telah mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pasaran perlindungan nilai dan mengatasi ketidakseimbangan dalam pasaran pertukaran asing dalam negara. Ini termasuk mewajibkan penukaran hasil eksport pinjaman dan pelaburan dalam mata wang asing ke ringgit.

Untuk menangani ketidakseimbangan ini, aliran perolehan eksport mata wang asing ke dalam pasaran kita akan meningkatkan mudah tunai mata wang asing dalam pasaran. Inilah yang kita sebut bila pengeksport bila dia dah dapat *remittance* daripada luar negara dalam bentuk Dolar, bayaran Dolar dia kena *convert* terus 75 peratus dalam Ringgit. Cuma baki 25 peratus ini disimpan untuk nak buat kontra. Mungkin dia nak kena buat pembayaran di atas import dan sebagainya, mungkin ke atas pembayaran barangan ataupun *raw material* yang diimport untuk diproses dan sebagainya.

Semenjak pengumuman langkah-langkah pada hujung Disember 2016, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan hasil yang menggalakkan. Apa yang penting adalah ringgit dah mula stabil. Kenaikan naik turun nilai Ringgit telah menunjukkan kestabilan yang ketara dan sejak langkah-langkah ini diambil. Jadi, *there is not much* orang kata *fluctuation* yang besar, jurang yang besar dalam masa yang singkat. Bank Negara dari semasa ke semasa akan memperkenalkan langkah-langkah liberalisasi yang baru yang bertujuan untuk mengembangkan pasaran pertukaran wang asing, bon dan juga wang dalam negara untuk memenuhi permintaan peserta pasaran dan membolehkan perniagaan tempatan menguruskan dedahan kadar pertukaran daripada dalam negara dalam jangka panjang.

Untuk jangka panjang, nilai ringgit akan didorong terutama oleh kekuatan asas ekonomi negara. Dalam hal ini, usaha kerajaan untuk melaksanakan Program Transformasi Ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal dan langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil akan dapat memberikan sokongan ke arah pengukuhan Ringgit untuk jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itulah perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan...

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, minta mencelah.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Minta...

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Sebelum Yang Berhormat Menteri Kewangan menutup ucapan beliau, saya juga membangkitkan yang saya catat dua perkara yang tidak disentuh oleh Yang Berhormat Menteri.

Pertama, berhubung dengan bajet ataupun belanjawan yang diberikan kepada agensi-agensi kerajaan. Kami telah diberi taklimat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menyatakan bahawa bajet mereka telah dipotong sebanyak RM35 juta. Saya juga menyatakan bahawa dalam ucapan saya, kalau kita tidak boleh kompromi seperti mana yang dikatakan oleh Ketua Pengarah nya, kita tidak boleh kompromi daripada segi belanjawan untuk badan-badan seperti SPRM termasuk juga seperti agensi dadah (AADK). AADK juga dipotong RM30 juta.

Saya minta Kementerian Kewangan supaya mengambil maklum belanjawan tahun depan tak boleh kompromi. Oleh sebab pengarahnya sendiri beritahu, Datuk Dzulkifli Ahmad sendiri kata rasuah inilah yang menyebabkan peningkatan dadah masuk ke Malaysia. Jadi, kedua-dua ini tak dapat dipisahkan. Jangan kompromi daripada segi belanjawan dan saya minta Yang Berhormat Menteri memberi komitmen supaya perkara ini dapat dibawa kepada Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib.

Kedua, saya sentuh bab BR1M. BR1M saya katakan, saya cerita bagaimana semalam saya melawat di kawasan saya bagaimana seorang nenek menangis memegang duit RM400 yang tak pernah dia tengok. Berasa bangga, seronok dengan kerajaan bagi. Saya minta supaya BR1M ini ditambah dan pemutihan yang betul-betul dibuat kerana banyak berlaku penyelewengan dan penipuan.

Akhir sekali, saya juga bertanya berhubung dengan apakah sudah selesai masalah kontraktor-kontraktor kecil yang *register* dengan SSM, jual kuih pau, lepas itu Bandaraya suruh tutup, Majlis Daerah suruh tutup dan mereka ini juga tak dapat BR1M. Mereka ini adalah golongan yang saya katakan boleh wajib diberikan BR1M kepada mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih saudara saya Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi Abdullah. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sikit? *Sat* lagi boleh jawab sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya nak tanya bagi pihak anak-anak yatim yang saya bangkitkan baru-baru ini berhubung dengan wang *ransom* yang dibayar oleh pihak JKM iaitu sebanyak RM8. Perkara ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, lebih daripada 13 tahun, angka RM8 ini. Jadi saya ingat dengan keadaan ekonomi, dengan GST dan sebagainya, patut dah wang RM8 ini dijadikan RM16. Harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi. Belanjawan dipotong di sesetengah jabatan yang kritikal contohnya seperti yang disebut SPRM dan juga AADK. Kita tahu bahawa seperti yang disebut *there is a strong correlation* antara rasuah dan dadah. Maka, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat di Dewan ini, saya akan angkat kepada kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib.

Kedua, adalah berkaitan dengan BR1M. Nenek yang menangis dan minta diteruskan malahan mungkin nak ditingkatkan lagi BR1M. Jadi untuk makluman ketika ini, dasar kita adalah maksimum RM1,200 dan kita bagi tiga *tranches*. Saya amat bersetuju kepada rakyat yang marhaen, yang daif di luar sana, mereka amat menghargai, amat menilai memang tersedu-sedan menangis apa semua bila terima BR1M.

■1210

Cuma, baru-baru-baru ini memang ada kita tahu, apabila Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menjadi penyelarasa kepada BR1M ini seluruh negara meminta supaya pemohon-pemohon BR1M ini seperti yang disebut kontraktor kelas F, mungkin lesen kontrak itu ada dia daftar dengan SSM tetapi kerja tidak ada, maka dia masih susah juga, jadi kenapa dia tidak dapat BR1M? Cuma, kita pergi beri pesanan, baru-baru ini dalam untuk *tranche* yang pertama yang baru lepas, bulan Febuari dan Mac ini, kita telah berikan semua kepada semua yang terima pada tahun 2016.

Akan tetapi untuk *second tranche*, mereka yang telah pun berdaftar dengan SSM ini, bukan bermaksud apabila kita mendaftar mungkin sesetengah macam peminjam TEKUN, peminjam Amanah Ikhtiar ini dia ada juga. Untuk menerima TEKUN, dia haruslah mendaftar. Akan tetapi tidak semestinya apabila dia mendaftar, dia sudah jadi kaya. Cuma ialah apa yang menjadi masalah, ramai orang mungkin kerana kekeliruan ini tidak sedar bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri memerlukan maklumat tambahan. Maklumat tambahan ini seperti akaun ataupun penyata bank, adalah rekod-rekod berkaitan perakaunan dan sebagainya.

Jadi, kalau sekiranya seseorang itu, dia walaupun berniaga tetapi perniagaan dia tidak mampu untuk sampai *threshold* pendapatan RM3,000 itu, maka dia perlu maklumkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walaupun saya sudah daftar A&B Enterprise tetapi saya jual nasi lemak, tiada masalah, dia boleh buat.

Cuma yang menjadi masalah, sebab apabila di minta, maklumat itu tidak sampai. Jadi, sebab itulah kita minta juga kepimpinan tempatan, pejabat-pejabat penghulu dan sebagainya membantu rakyat yang segmen ini untuk pastikan mereka memberi maklumat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri ini di pejabat yang terdekat supaya mereka tidak akan tersisih ataupun dikecualikan daripada pembayaran BR1M yang akan datang. Seterusnya, kepada Yang Berhormat sahabat saya juga, Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan PA Zakaria. PA ini apa ya Yang Berhormat?

Saya pun hairan juga. Saya kebetulan hari itu saya ada dalam Dewan masa Yang Berhormat membawa isu berkaitan dengan bantuan kepada anak-anak yatim, wang rangsum yang RM8. Saya ingat ini agak spesifik, Yang Berhormat boleh sekali lagi bawa kepada saya sendiri, saya beri jaminan akan melayan dengan elok. Kita akan bawa kepada pihak berkenaan. Jabatan Kebajikan, kalaulah gamak-gamak- ya lah, saya pun tahu RM8 hari ini memang tidak cukup. Sedangkan duit asrama pelajar-pelajar Kementerian Pelajaran pun sudah *up* sehingga RM13 ke RM15. Jadi, saya ingat ini layaklah Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat boleh buat *specific case* ini, kita akan pertimbangkan, okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu saja...

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Oh, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Puan Bathmavathi Krishnan.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Dalam perbahasan, saya ada minta kerajaan supaya menambahkan lagi senarai baru barangan keperluan OKU yang diberikan pelepasan GST. Oleh sebab pada masa ini, hanya 31 jenis barangan sahaja yang diberikan pelepasan. Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Isu yang sama juga di bawa oleh beberapa rakan daripada Dewan Rakyat iaitu kita hendak memperluaskan lagi senarai barangan yang dikecualikan GST, terutama sekali untuk segmen masyarakat kurang bernasib baik ini, golongan OKU dan sebagainya.

Memang kita telah pun sebenarnya ada senarai itu, mungkin seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, tidak mencukupi. *Insyallah* kita akan dari semasa ke semasa menambah mengikut kesesuaian. Cuma yang kita bimbang adalah, ada sesetengah orang lain pula akan mengambil kesempatan menggunakan segmen orang kurang upaya ini, orang yang kurang bernasib baik ini, dia beli barang-barang itu untuk dia berniaga. Dia gunakan nama-nama mereka ini, jadi ini yang kita hendak kena kawal. Begitulah. Akan tetapi apa-apa pun cadangan ini memang telah dibawa dan saya terima juga cadangan daripada Yang Berhormat untuk melihat semula barang-barang yang keperluan asas untuk kita membela nasib orang-orang OKU.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja penggulungan saya. Saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan kita pada kali ini. Sesungguhnya apa yang diutarakan, yang sempat di jawab dan juga ada yang mungkin tidak sempat di jawab, *insyallah* kita akan ambil kira untuk kita jadikan persiapan dasar-dasar seterusnya di masa akan datang. Tahniah, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri. Usul?

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.15 tgh.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Kementerian Kerja Raya seperti yang tertera di No. 14 di dalam susunan giliran menjawab ke atas Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 25 April 2017.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, silakan.

**12.15 tgh.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jam 12.15, tempoh *break, lunch time* jam 1. Jadi, saya harap saya boleh habiskan pada jam 1. Jadi, saya tidak perlu pulang balik ke Dewan ini. Tadi rakan-rakan saya, Timbalan Menteri yang lain pun minta saya pendekkan kerana mereka pun hendak mempunyai masa yang lama untuk menggulung ya. Itu permintaan mereka, bukan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada seramai 18 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Diraja 2017 di Dewan yang mulia ini dari 17 sehingga 19 April 2017 yang menyentuh portfolio Kementerian Dalam Negeri. Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya terlebih dahulu untuk merafakkan sembah tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V di atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Kelima Belas oleh Majlis Raja-Raja untuk tempoh lima tahun bermula 13 Disember 2016 dan setinggi penghargaan atas Titah Diraja semasa Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas, tahun 2017 pada 6 Mac tahun 2017.

Saya akan menggulung perbincangan Titah Diraja 2017 berdasarkan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan seperti berikut:

- (i) keselamatan dan ketenteraman awam;
- (ii) polis dan kawalan sepadan;
- (iii) imigresen;
- (iv) pembangunan dan infrastruktur;
- (v) antidadah;
- (vi) kawalan penapisan filem; dan
- (vii) pendaftaran.

Di bawah tajuk keselamatan dan ketenteraman awam. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanyakan, apakah tindakan yang diambil oleh PDRM dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dalam menangani isu provokasi jahat yang menggugat ketenteraman umat Islam dan keharmonian beragama? Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PDRM telah menjalankan siasatan berkenaan dengan satu karikatur yang dikeluarkan oleh sebuah akhbar tempatan yang telah menyentuh sensitiviti masyarakat Islam berhubung dengan Rang

Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), Akta 355. Siasatan telah dijalankan berkait *Setiawan Report 3994/2017*, bertarikh 11 April 2017 di bawah seksyen 505(d), Kanun Keseksaan dan seksyen 233, Akta Komunikasi Multimedia 1998.

Manakala JPPM, boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1996 yang didapati bergerak tidak selaras dengan lunas undang-undang dan mengganggu ketenteraman awam, termasuk pembatalan pertubuhan tersebut. Saya ingin maklumkan di sini juga bahawa akhbar tersebut diberikan lesen oleh KDN melalui Akta Mesin Cetak. KDN sendiri telah mengeluarkan surat amaran yang keras kepada akhbar tersebut dan mendesak bahawa mereka akan mengambil tindakan kepada editor, sub-editor dan juga penulis karikatur tersebut supaya mereka sama ada digantung kerja ataupun diberikan tindakan disiplin dalaman. Jadi, tindakan tersebut akan kita pantau supaya akhbar tersebut mengambil tindakan untuk menghukum mereka yang terlibat dalam hal ini.

Dalam kategori polis dan kawasan sempadan. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad bertanya sama ada kementerian akan membekalkan pakaian seragam PDRM mengikut spesifikasi dan berkualiti kepada pegawai polis? Seterusnya, pihak manakah yang bertanggungjawab menentukan keperluan pelaksanaan prosedur bedah siasat iaitu *post mortem* atau sebaliknya?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembekalan pakaian seragam kepada anggota PDRM dibuat secara kontrak berpusat. Di mana semua pegawai rendah polis (PRP), akan dibekalkan sebanyak tiga pasang kain setahun. Sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan semasa penerimaan kain-kain tersebut untuk menentukan spesifikasi, kualiti dan kuantiti kain yang dibekalkan mengikut standard. Jawatankuasa yang ditubuhkan berhak untuk menolak pembekalan tersebut sekiranya didapati tidak menepati standard yang telah ditetapkan.

#### ■1220

Dalam menjalankan kes yang melibatkan kematian mengejut misalnya PDRM mengkategorikan pelaksanaan *post-mortem* seperti berikut iaitu apabila kematian tersebut melibatkan unsur jenayah, kemalangan jalan raya, kematian dalam tahanan dan juga kematian yang tidak ketahui puncanya.

Pegawai penasihat polis hendak menjalankan siasatan berkenaan dengan kes-kes yang dinyatakan. Mereka hendaklah mengeluarkan laporan polis POL 61 kepada pegawai perubatan kerajaan di hospital untuk menjalankan *post-mortem* mengikut peruntukan seksyen 330 Kanun Tatacara Jenayah. Bagi kes-kes yang melibatkan kematian mengejut yang tidak diketahui puncanya pengecualian *post-mortem* adalah dibenarkan sekiranya pegawai berpuas hati si mati telah meninggal dunia dalam keadaan yang biasa ataupun kerana penyakit.

Proses dan tempoh masa untuk menjalankan *post-mortem* bergantung kepada kompleksiti kes berkenaan sama ada perlu dilaksanakan oleh pakar forensik atau boleh dilaksanakan oleh pegawai perubatan yang biasa.

Yang Berhormat Senator Datuk Norliza Abdul Rahim bertanyakan langkah-langkah mengatasi gengsterisme dan jenayah terancang termasuk penggunaan senjata api yang semakin

kerap dilaporkan di Pulau Pinang. Kumpulan kongsi gelap dikesan banyak melakukan jenayah yang berunsurkan kekerasan seperti kes bunuh, cubaan membunuh, samun, mendatangkan kecederaan, pemerasan, ugutan dan pagedaran dadah.

Kegiatan kongsi gelap ini, boleh mengganggu gugat ketenteraman awam dan menimbulkan keadaan *fear of crime* di kalangan masyarakat setempat. Menyedari tentang ancaman daripada kumpulan kongsi gelap ini KDN telahewartakan sebanyak 72 pertubuhan sama ada yang berdaftar ataupun tidak berdaftar sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang kerana dikenal pasti mempunyai elemen-elemen kongsi gelap.

Tindakan terhadap mana-mana ahli yang menganggotai kumpulan tersebut boleh diambil di bawah seksyen 43 dan 52 (3) Akta Pertubuhan 1966. Bagi mengawal aktiviti kongsi gelap ini PDRM telah melaksanakan Ops Cantas Khas 1 dan 2 dengan mengambil tindakan di bawah Akta Pertubuhan 1966, Akta Pencegahan Jenayah 1959 iaitu POCA dan juga Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 iaitu SOSMA.

Hasil daripada operasi yang dijalankan oleh aktiviti kongsi gelap ini telah dapat dikurangkan dan perasaan *fear of being caught* di kalangan penjenayah telah berjaya ditingkatkan. PDRM akan berterusan memantau dan mengambil tindakan tegas bagi membendung kegiatan jenayah seperti ini khususnya melalui aktiviti *Special Task Force for Anti-Vice Gaming* dan Gangsterism (STAGG). Yang Berhormat Senator Dato Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Senator Dato Zali bin Mat Yasin bertanyakan statistik jenayah indeks perjudian *online* di seluruh negara bagi tahun 2014 ke 2017 dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa bagi menyelesaikan isu tersebut.

PDRM sentiasa memantau dan mengambil tindakan secara berterusan untuk menangani kegiatan perjudian haram dalam negara termasuk pemantauan ke atas modus operandi sindiket sejak pertengahan 2015 untuk mencari pelanggan baru dengan mempromosikan aktiviti perjudian mereka melalui media sosial seperti *Facebook*, *Wechat*, *WhatsApp* dan juga SMS dan juga laman-laman web atau berselindung di bawah, di sebalik pusat hiburan berkeluarga yang berlesen.

Selain tangkapan terhadap penganjur dan pemain serta pendakwaan di mahkamah antara langkah-langkah baru yang dilaksanakan oleh PDRM adalah untuk merampas dan menyita harta sindiket perjudian ataupun orang perseorangan yang dipercayai yang diperoleh daripada apa-apa kegiatan haram dan jenayah yang dilakukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, ini panjang sikit dia punya akta nama dia AMLATFPUAA Akta 613. Di bawah akta ini, aktiviti haram diistilahkan sebagai mana-mana aktiviti yang berhubungan dengan kesalahan berat yang ditakrifkan di bawah Jadual dua akta berkenaan termasuk kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 [*Akta 289*] dan Akta Pertaruhan 1953 [*Akta 495*] yang dikawal selia oleh Kementerian Kewangan.

Selain daripada itu, PDRM telah mengaji dan mengemukakan beberapa cadangan pindaan terhadap Akta Rumah Judi Terbuka 1953 termasuk mengadakan perbincangan dengan Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri iaitu PEMANDU pada bulan Ogos 2014. Atas inisiatif Jabatan Peguam Negara, satu perbincangan telah diadakan pada Julai 2015

bersama-sama dengan pengusaha judi berlesen dari seluruh negara, Bank Negara Malaysia, PDRM dan Kementerian Kewangan. PDRM telah mengenal pasti peruntukan-peruntukan yang perlu digubal dalam menangani gejala perjudian secara dalam talian dengan lebih berkesan dengan holistik.

MoF dijangka akan membentangkan pindaan kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan juga akta-akta lain setelah kajian ini selesai pada pertengahan tahun ini. Statistik kadar jenayah indeks di seluruh negara dari tahun 2014 ke 2017, saya akan berikan secara bertulis manakala statistik serbuan, tangkapan, rampasan mesin dan rampasan wang yang melibatkan perjudian haram di seluruh negara dari tahun 2014 ke 2017 saya juga akan bekalkan secara bertulis. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin SM Omar, bertanyakan perkembangan kes penculikan Pastor Raymond Koh dan Joshua Hilmy serta isterinya.

Berhubung dengan penculikan Pastor Raymond Koh, laporan polis bertarikh 13 Februari 2017 berkait dengan Kelana Jaya Repot 1540/2017 PDRM masih menjalankan siasatan di bawah Seksyen 365 Kanun Keseksaan atas kesalahan menculik dan melarikan seorang dengan niat hendak mengurungnya dengan sulit bagi mengesan mangsa dan suspek yang bertanggungjawab. Satu tangkapan telah dibuat dan siasatan mendapati suspek tersebut telah memeras sebanyak RM30 ribu sebelum melepaskan mangsa. Siasatan juga mendapati, suspek yang ditahan itu bukanlah suspek utama dalam kes penculikan tetapi hanyalah seseorang yang mengambil kesempatan dan telah dituduh pada 15 Mac 2017 di bawah Seksyen 385 Kanun Keseksaan kerana melakukan pemerasan.

Berhubung dengan laporan kehilangan Pastor Joshua Hilmy dan isterinya, PDRM telah menjalankan siasatan berkait *Sungai Way Repot* bernombor 002249/17 dan diklasifikasikan sebagai orang hilang. PDRM masih berusaha untuk mendapatkan petunjuk baru bagi mengesan kedua-dua mangsa memandangkan tiada pihak yang tampil memberikan maklumat dan menghubungi keluarga mangsa untuk mendapatkan wang tebusan dan sebagainya. Di sini rakyat diminta untuk tidak mendengar apa-apa khabar angin berkenaan dengan perkara ini kerana perkara ini masih lagi dalam siasatan polis dan kita tidak lagi ada suspek untuk dituduh buat masa ini.

Yang Berhormat Senator Datin Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanyakan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengawal aktiviti jenayah rentas sempadan termasuk penyeludupan manusia, dadah dan *terrorisme* khususnya di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand. KDN melihat isu keselamatan sempadan serta kedaulatan negara sebagai satu elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman yang boleh mengganggu keselamatan dan kedaulatan negara. Aktiviti penyeludupan misalnya berupaya memesonkan sumber kerajaan apabila dieksploitasi untuk mengaut keuntungan dan boleh mengancam keselamatan negara apabila barangan berbahaya turut diseludupi masuk.

Kerajaan sentiasa memberikan fokus agar sempadan Malaysia-Thailand sentiasa terkawal dengan mengambil pendekatan dan langkah-langkah seperti berikut iaitu untuk menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang akan meningkatkan kawalan secara bersepadu dan

holistik di sempadan. AKSEM ini akan diperkuatkan lagi dengan pembentangan Akta AKSEM yang telah dibentangkan pada untuk bacaan kali pertama pada Dewan Rakyat sesi ini dan *insya-Allah* akan diluluskan pada sesi akan datang.

Kedua, kerajaan mengambil langkah untuk menaik taraf pagar keselamatan yang sedia ada dan juga menggunakan teknologi dan juga peralatan canggih seperti *drone* dan CCTV, mesin pengimbas dan sebagainya untuk mengesan pergerakan barangan yang dibawa masuk luar daripada Malaysia dan sebaliknya.

■1230

Ketiga, penubuhan unit risikan sempadan yang berfungsi untuk mendapatkan maklumat risikan di samping pertukaran maklumat dengan pihak berkuasa.

Keempat, mengadakan hubungan yang rapat di antara Kerajaan Malaysia dengan Thailand iaitu di peringkat PDRM ada *Joint Working Committee*, di peringkat PGA juga ada rondaan bersama iaitu *randevu* di peringkat Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung. Kita juga ada jalinan kerjasama dengan *Royal Office of the Narcotics Control Board* dan *Royal Thai Police Thailand* untuk berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama. Kita juga ada kempen kesedaran jenayah di kalangan masyarakat setempat di kawasan sempadan iaitu melalui program komuniti *policing* yang melibatkan *Royal Thai Military Police* dan juga ketua masyarakat di sempadan Thailand.

Bermula tahun 2017 juga setiap cawangan AKSEM negeri telah melaksanakan operasi secara NBOS yang disertai oleh agensi penguatkuasaan lain di sempadan darat negara dalam kekerapan dua kali seminggu bagi memfokuskan operasi di kawasan ICQ Padang Besar bagi...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Merentas sempadan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** *Interrupt* sekejap tidak?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okeylah.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bercakap pasal sempadan ini semalam pun saya sudah bangkitkan tetapi tadi Yang Berhormat Menteri tidak sebut pun nama saya. Saya bangkit soal keselamatan sempadan lebih-lebih lagi dekat dengan pilihan raya ini, saya hendak kawalan sempadan itu diperketat untuk mengelak daripada orang-orang Siam yang ada dua IC itu masuk ke Malaysia, mengundi dan mengalahkan calon Barisan Nasional. Jadi saya hendak kawalan sempadan ini diketatkan.

Saya difahamkan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun sudah ada kerjasama dengan Kerajaan Thailand, pakai sistem biometrik yang IC dua itu. Kalau ada ugutan ataupun kawalan sempadan yang ketat oleh PDRM, mana-mana yang kita mengundi kan pakai dakwat dekat tangan itu, ada dakwat dekat tangan itu, tangkap. Saya rasa dia orang tidak mari. Jadi saya rasa PDRM boleh adakan kawalan yang lebih ketat seperti ugutan kalau ada yang dakwat di tangan itu maknanya boleh ditahan, boleh dihukum penjara, terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Abdullah. Sebenarnya memang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Dalam

Negeri menjalinkan hubungan yang rapat dengan agensi di bawah kerajaan negeri Thailand untuk mengatasi masalah keutuhan sempadan kita. Sebagai contoh, pada minggu lepas beliau telah melawat ICQ Bukit Kayu Hitam dan di situ juga telah bertemu dengan Timbalan Menteri Pertahanan Thailand yang juga merupakan perutusan khas daripada Menteri Dalam Negeri Thailand untuk membincangkan perkara-perkara yang berkenaan dengan sempadan.

Pada minggu depan juga Yang Amat Berhormat TPM akan pergi ke Bangkok untuk mengadakan rundingan bilateral sebagai lanjutan kepada rundingan tahun lepas di mana isu dwi kerakyatan ini telah timbul juga. Pada tahun lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat lawatan ke Thailand untuk perbincangan bilateral dan isu ini telah ditimbulkan oleh Thailand bahawa mereka mahu mengenal pasti dan mereka juga mahu menapis rakyat mereka yang mempunyai dua kerakyatan iaitu kerakyatan Thailand dan juga kerakyatan di Malaysia dan tujuannya berbeza, matlamat mereka. Tetapi Kerajaan Malaysia telah mencadangkan untuk menggunakan sistem biometrik. Jadi kita sekarang sedang menunggu maklum balas daripada kerajaan Thailand sama ada sistem biometrik yang dipakai oleh Malaysia sekarang ini boleh digunakan sebagai sistem untuk membuat tapisan tersebut.

Jadi, kalau adalah rakyat Thailand yang hendak mengundi di Malaysia, saya rasa selepas ini mereka juga akan dapat dikesanlah tetapi saya rasa Suruhanjaya Pilihan Raya pun mempunyai maklumat mengenai mereka yang mempunyai dua kerakyatan ini tetapi kita akan bekerjasama juga dengan pihak SPR untuk berkongsi *database* supaya mereka yang mempunyai dua kerakyatan ini akan dapat dikesan dan juga akan dapat dihalang daripada mengundi di Malaysia.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail bertanya berkenaan mekanisme sekatan jalan raya supaya tidak mengganggu rakyat di waktu puncak. PDRM memahami kesulitan yang dihadapi oleh pengguna jalan raya apabila HGR diadakan. Dalam perintah tetap Ketua Polis Negara, A113 menggariskan aspek keselamatan dan keselesaan kepada pengguna jalan raya supaya sentiasa diberikan keutamaan. Dalam keadaan biasa HGR tidak boleh dilaksanakan di kawasan selekoh ataupun menuruni bukit ataupun di kawasan gelap ataupun di jalan-jalan yang boleh menimbulkan kesesakan. Namun begitu dalam keadaan tertentu HGR terpaksa dilaksanakan bagi tujuan untuk mengesan penjenayah, banduan melarikan diri ataupun mencegah rusuhan walaupun HGR berkenaan akan menimbulkan kesulitan kepada pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah bertanyakan mengenai isu dakwaan kes kematian dalam tahanan yang disebabkan oleh kecuaiannya PDRM dan mencadangkan penubuhan IPCMC. Di sini saya hendak maklum bahawa kenyataan kecuaiannya PDRM ini agak keras kerana kematian dalam tahanan boleh berlaku dari pelbagai segi. Jadi...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jadi saya berharap...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan ya. Kalau rujuk kepada *Hansard*, perkataan yang saya gunakan sama ada disebabkan oleh kecuaiannya

polis atau dengan tidak sengaja atau dengan sengaja. Tiga / tulis. Saya tidak buat tuduhan, saya cakap sama ada apa ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat, saya belum baca lagi *Hansard* soalan Yang Berhormat tersebut. Jadi siasatan bagi kes kematian di dalam tahanan PDRM akan disiasat di bawah Bab 32 Kanun Tatacara Jenayah kerana mati mengejut. Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya dan seterusnya dikemukakan kepada majistret untuk ditentukan sama ada *inquiry* perlu dilakukan atau tidak seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 334, Kanun Tatacara Jenayah.

Berhubung dengan kes kematian dalam tahanan polis tahun 2017, sebanyak lima kes telah direkodkan dan hasil daripada *post mortem* yang dijalankan didapati bahawa semua kematian disebabkan oleh faktor kesihatan. Namun demikian PDRM telah mengambil tindakan atas salah laku pegawai bagi satu kes kematian berkait dengan *Klang Report* 4859/2017 di bawah seksyen 435, Kanun Keseksaan kerana pengurangan salah mengenai orang yang mana writ pembebasannya telah dikeluarkan.

Saya hendak maklumkan di sini juga bahawa pihak polis ada SOP yang digunakan iaitu untuk memastikan bahawa setiap orang kena tahan ini akan *transparent* mengenai keadaan kesihatannya dan perkara itu direkodkan dalam satu borang dan ditandatangani oleh OKT itu sendiri bersama-sama dengan pegawai penyiasat yang ditugaskan. Kadang-kadang OKT ini pun dia tidak begitu telus dengan keadaan kesihatannya sendiri dan apabila mereka ditahan dan apabila sesuatu di luar jangka berlaku, mereka mati dalam tahanan. Tetapi yang pentingnya SOP itu ada dan sekiranya ada salah laku daripada pegawai, kita ambil tindakan seperti yang sebutkan tadi dalam kes *Klang Report* tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat tiada keperluan untuk menubuhkan IPCMC memandangkan kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan iaitu SIAP di mana aktanya telah diluluskan di Parlimen.

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff bertanyakan mengenai bilakah *Volunteer Smartphone Patrol* (VSP) boleh digunakan secara rasmi. Di manakah pusat kawalan operasi VSP dan juga model dan kos keseluruhan projek yang terlibat. VSP ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Hari Polis ke 2010 di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur pada 25 Mac 2017 yang lepas. Ia boleh digunakan secara rasmi melalui tarikh pelancaran tersebut.

#### ■1240

Pusat kawalan operasi VSP adalah di pusat kawalan kontinjen seluruh negara. Model operasi VSP merupakan medium penyampaian maklumat oleh orang ramai, ahli VSP, melalui gambar atau video kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan menggunakan aplikasi VSP dalam telefon pintar. Kos keseluruhan bagi inisiatif VSP ini adalah sebanyak RM1.572 juta. Maknanya, pengguna *smartphone* boleh *download* aplikasi tersebut dalam *smartphone* mereka dan boleh mula melaporkan apa-apa jenayah dan juga salah laku terus kepada pihak polis melalui sistem VSP ini.

Saya hendak pergi kepada isu berkenaan dengan imigresen. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan bertanyakan...

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Sebab ada soalan saya yang rasanya Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh. Boleh.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin saya ada tanya satu soalan mengenai tempat-tempat *hotspot* paling hangat sekarang ini untuk penagih dan pengedar dadah. Dia orang fokus kepada perkampungan nelayan, fokus kepada FELDA dan FELCRA, fokus kepada rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), perumahan awam di mana tiga ini banyak orang Melayu, anak-anak Melayu. Saya hendak tahu, apa tindakan Kementerian Dalam Negeri di tiga tempat ini, perkampungan Melayu, FELDA, FELCRA dan juga PPR ini, apa tindakan Kementerian Dalam Negeri untuk membanteras gejala dadah di tiga tempat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Senator, ini sebenarnya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan Yang Berhormat Senator ini khusus kepada orang Melayu? Yang Berhormat Senator?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ... *You* sudah lompat topik ini. Sebenarnya jawapan *you* ada dalam subjek antidadah. Ya, boleh saya jawab kemudian? Sekarang, saya hendak jawab hal imigresen dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh. Boleh.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Boleh ya? Terima kasih. Imigresen. Jadi, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan bertanya mengenai kajian yang dibuat oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dalam usaha untuk menyeragamkan operasi pintu sempadan di seluruh negara dan sama ada kemudahan fizikal Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Padang Besar perlu dinaik taraf terlebih dahulu jika operasi pintu sempadan hendak dibuka selama 24 jam.

Untuk makluman Yang Berhormat, penyeragaman waktu operasi pintu masuk sempadan tidak sesuai dilaksanakan kerana ia perlu mengambil kira faktor ekonomi, sosial, kewangan, keselamatan dan persetujuan bersama dengan negara jiran. Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah mengadakan lawatan pemantauan ke ICQS Padang Besar pada 3 April 2017. Hasil tinjauan mendapati bahawa kompleks ICQS yang sedia ada sedang ditambah baik dan antaranya melibatkan pencahayaan waktu malam untuk tujuan pengoperasian 24 jam dan juga projek menaik taraf kemudahan dan servis kompleks ICQS Padang Besar juga sedang dirancang.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertanya berapakah kos *rehiring* pendatang asing tanpa izin (PATI) dan juga statistik PATI yang telah

diberikan E-Kad dan juga integriti pegawai yang menguruskan pengeluaran E-Kad dan pelaksanaan langkah-langkah berkesan selain tindakan penguatkuasaan bagi menangani masalah PATI di seluruh negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, kos *rehiring* PATI adalah sebanyak RM1,200 satu PATI. Untuk satu PATI yang perlu ditanggung oleh majikan merangkumi pembayaran kepada vendor di mana sebanyak RM600 dibayar semasa proses pendaftaran dan baki sebanyak RM600 lagi dibayar selepas Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dikeluarkan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia. Selepas proses tersebut, Bahagian Penguatkuasa JIM akan mengenakan kompaun seperti berikut, RM500 kepada majikan, RM300 kepada PATI dan juga RM100 bagi tujuan pengeluaran pas khas.

Selain daripada itu, PATI juga perlu menjalani pemeriksaan kesihatan oleh FOMEMA dengan bayaran sebanyak RM180 bagi lelaki dan RM190 bagi wanita. Manakala majikan akan dirujuk kepada Bahagian Pekerja Asing JIM bagi tujuan pembayaran levi mengikut sektor yang dipohon seperti berikut: untuk sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan, levinya adalah RM1,850; untuk sektor perladangan dan pertanian, levinya adalah RM640.

Seterusnya, kos-kos lain yang perlu dibayar oleh PATI kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah seperti berikut: RM60 bagi pembayaran PLKS; RM125 bagi fi proses; RM15 ke RM50 mengikut warganegara bagi bayaran *multiple entry visa*; dan RM250 ke RM1,500 mengikut warganegara bagi bayaran wang cagaran atau kadar sita. Seterusnya, PATI yang telah menjalani proses *rehiring* diwajibkan membeli insurans kesihatan di bawah Skim Pelindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing yang berharga RM120 dan juga insurans Skim Pampasan Pekerja Asing yang berharga RM72.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 17 April 2017, JIM telah mengeluarkan E-Kad kepada seramai 60,980 orang PATI sejak ia diperkenalkan pada 15 Februari 2017. Pada masa ini, JIM masih lagi belum menerima sebarang aduan ataupun laporan mengenai kes salah laku pengeluaran E-Kad di kalangan pegawai. Walau bagaimanapun, JIM sentiasa memantau dan menyiasat proses pengeluaran E-Kad ini supaya pegawai sentiasa mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Masalah yang dihadapi oleh pengeluaran E-Kad ini untuk pengetahuan Yang Berhormat adalah satu salah faham mengenai kenyataan yang telah dikeluarkan oleh JIM sebelum ini yang menyatakan bahawa E-Kad ini adalah percuma. Sebenarnya, E-Kad ini adalah dikeluarkan untuk tujuan pengenalan diri mereka yang telah berdaftar di bawah proses *rehiring* dan telah membayar fi-fi yang telah ditetapkan, baru mereka di keluarkan E-Kad. Bukannya mereka dikeluarkan E-Kad tanpa melalui proses *rehiring* ini. Juga kenyataan yang telah dibuat sebelum ini adalah E-Kad ini adalah percuma. Memang E-Kad dikeluarkan tanpa bayaran, tetapi selepas berdaftar bawah program *rehiring*. Pengeluaran E-Kad ini *subset* kepada program *rehiring*. Maknanya, kalau tidak melalui program *rehiring* tidak dapat E-Kad. Saya rasa itu yang kekeliruan yang timbul selama ini.

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri melalui JIM telah mengambil langkah serius bagi memastikan orang asing tidak boleh memasuki negara ini tanpa dokumen perjalanan yang sah

melalui proses tapisan awal yang dibuat di kedutaan, yang juga tapisan melalui *suspect list* yang disimpan oleh Imigresen dan juga oleh pihak polis.

Kedua, kawalan dan pemeriksaan di pintu masuk supaya pemeriksaan menyeluruh diadakan kepada dokumen perjalanan, latar belakang pengembara dan juga penyemakan identiti menggunakan pangkalan data JIM. Ketiga, penggunaan *auto gate* untuk memastikan bahawa ciri-ciri keselamatan dokumen dapat diperiksa melalui pengecaman cap jari biometrik dan juga perkongsian data bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi warga asing yang berisiko dalam sistem SL ini.

Seterusnya, saya hendak pergi kepada topik pembangunan dan infrastruktur. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad bertanya mengenai cadangan menaik taraf kuarters-kuarters polis yang terlalu usang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini jumlah keseluruhan kuarters PDRM di seluruh Malaysia adalah sebanyak 64,258 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,936 unit telah usang dan tidak boleh diduduki lagi. Susulan daripada masalah ini, PDRM telah merancang untuk melaksanakan pembaikan dengan menggunakan peruntukan awal sebanyak RM9.55 juta secara NBOS dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2016 hingga ke tahun 2020 melalui Program *MyBeautiful Malaysia*.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili bertanya mengenai perancangan Kementerian Dalam Negeri untuk membina sebuah balai polis baru di Daerah Padawan di Sarawak dan kelulusan penggunaan balai polis bergerak dan juga Unit Rondaan Bermotosikal (URB) di negeri Sarawak.

#### ■1250

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PDRM telah menyenaraikan pembangunan baharu khususnya bagi menggantikan bangunan lama yang tidak lagi ekonomik untuk diselenggarakan dan dibaiki. PDRM telah menerima peruntukan bagi cadangan pembinaan balai polis baru Matang Jaya di tapak seluas 1.67 hektar di lot 4137 Matang Padawan di bawah pakej *Second Rolling Plan* RMKe-11 dengan kos syiling projek sebanyak RM24 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat balai polis bergerak hanya akan digunakan bagi tujuan penugasan di lapangan bagi kemudahan orang ramai berurusan dengan pihak polis dalam majlis-majlis keramaian dan juga acara rasmi. Bagi kontinjen Sarawak, terdapat 10 balai polis bergerak yang ditempatkan di enam buah daerah iaitu di pertama Bintulu, satu buah van, Kuching, tiga buah van, Limbang, satu buah van, Miri, dua buah van, Sibu, dua buah van dan juga di Sri Aman, satu buah van. Kesemua van ini diletakkan di bawah IPD daerah berkenaan.

Berhubung dengan URB di kontinjen Sarawak, sebanyak 186 buah motosikal beroperasi secara aktif menjalankan tugas pencegahan jenayah. Selain menjalankan rondaan di kawasan perumahan, premis-premis perniagaan, pusat-pusat perbankan dan juga *soft location point*. Rondaan URB turut ditingkatkan di lokasi yang menjadi pusat tumpuan pelancong. Konsep pencegahan yang dizahirkan adalah secara *omnipresence patrolling*, ternyata berkesan untuk menimbulkan perasan selamat di kalangan penduduk tempatan dan juga pelancong.

Seterusnya, saya hendak pergi kepada tajuk antidadah. Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff bertanya...

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya ada membangkitkan tiga perkara, saya rasa dua perkara sudah dijawab tapi satu perkara saya hendak tahu ialah di Bandaraya Kuching kita ada dua buah Dewan Bandaraya. Satu ialah Dewan Bandaraya Kuching Utara, satu ialah Majlis Bandaraya Kuching Selatan. Saya difahamkan telah ada permohonan ataupun *proposal* untuk mewujudkan daerah baru polis untuk daerah polis bagi kawasan Kuching Utara. Apakah kedudukan permohonan ini pada masa ini, terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya tidak mempunyai maklumat tersebut sekarang tapi saya akan maklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Itu merupakan soalan yang spesifik.

Okey, balik semula kepada subjek antidadah. Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff bertanya mengenai keberkesanan dan pencapaian program-program antidadah bagi menangani masalah penagihan dadah di sekolah. Bagi memastikan isu penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat terutamanya anak-anak muda dapat dibendung, KDN melalui Agensi Antidadah Kebangsaan telah menjalankan pelbagai program pencegahan secara berterusan iaitu melalui program Intelek Asuhan Rohani yang telah dijalankan di peringkat sekolah rendah iaitu program mengenai kesedaran dan pendidikan pencegahan dadah.

Program kedua dijalankan Program Sayangi Hidup, Elak Derita Selamanya iaitu dengan singkatnya SHIELD di peringkat sekolah menengah bagi meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri pelajar sekolah menengah. Di samping itu, penyampaian mesej kesedaran antidadah juga dilaksanakan sepanjang tahun melalui medium berikut iaitu *billboard*, pameran, penerbitan buku dan ujian saringan *urine* untuk murid sekolah.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff bertanyakan mengenai langkah-langkah membanteras penagihan dadah di perkampungan nelayan, FELDA dan juga projek perumahan rakyat. Kerajaan telah melaksanakan program inisiatif *My Beautiful Malaysia* bagi membanteras penagihan dadah di kawasan PPR yang menjadi lokasi penagih dan sarang penjualan dadah. Melalui program ini, AADK bekerjasama dengan pelbagai pihak berkuasa tempatan di peringkat komuniti seperti Dewan Bandaraya, Majlis Bandaraya, Perbandaran Daerah dan juga Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Persatuan Penduduk dan Komuniti, Komuniti 1Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga jabatan serta agensi kerajaan tempatan dalam memerangi masalah penagihan dadah terutama di 178 kawasan berisiko tinggi yang turut melibatkan lebih 56 buah PPR di seluruh negara.

Kerajaan juga telah merancang dan sedang melaksanakan perkara berikut. Selain daripada melaksanakan operasi bersepadu, kita juga mengenal pasti *hotspot* baru yang timbul di kalangan komuniti berkenaan. Kita juga mengambil langkah untuk memecahkan ataupun menghapuskan *hotspot* yang telah kita kenal pasti dalam operasi bersepadu sebelum ini. Akan tetapi, kadangkala soal operasi untuk membasmi *hotspot* ini adalah dibuat oleh pihak-pihak berkuasa tempatan. Jadi sebab itu kita perlu- saya akui ada kelemahan dari segi pembasmian *hotspot* yang telah dikenal pasti ini. Kita akan ambil kiralah saranan Yang Berhormat untuk dimusnahkan *hotspot*.

Akan tetapi kalau kita musnahkan *hotspot* di tempat 'A' orang berkenaan akan lari ke tempat 'B' pula. Jadi kita sentiasa mengejar penagih ini yang menukar tempat di mana mereka beroperasi.

Seterusnya, saya hendak pergi kepada kawalan penapisan filem. Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty bertanyakan mengenai syarat penapisan filem oleh Lembaga Penapisan Filem terutamanya berkaitan dengan filem kontroversi, *Beauty and the Beast*. Yang Berhormat saya dimaklumkan bahawa Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Masir Kujat akan menjawab soalan ini secara menyeluruh minggu depan.

Ada soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Dewan dan beliau akan menjawab soalan ini dengan lebih panjang. Memandangkan masa pun sudah tinggal tiga minit saya rasa saya serah kepada beliau untuk menjawab soalan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, soalan minggu depan keluar kah ?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Keluar, pasti keluar ?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Dengan jasa baik Tuan Yang di-Pertua, keluarlah [Ketawa] Jadi, bagus juga Tuan Yang di-Pertua tanya sekarang ini. Ahli Dewan pun hendak soalan ini dinaikkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun pelik, Yang Berhormat Menteri buat kerja saya pula [Ketawa]

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ...Saya melanggar peraturan Dewan tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Akan tetapi, saya memohon Tuan Yang di-Pertua, soalan ini dinaikkan minggu depan bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty.

Seterusnya, saya hendak pergi kepada topik yang terakhir iaitu pendaftaran. Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook bertanya sekiranya perakuan daripada ibu bapa diperlukan jika ibu bapa tidak mahu menggunakan singkatan anak lelaki kepada atau anak perempuan kepada dalam kad pengenalan anak mereka. Jawapannya, Jabatan Pendaftaran Negara tidak mewajibkan penggunaan perkataan anak lelaki atau anak perempuan semasa pendaftaran kelahiran kanak-kanak yang bukan Islam.

Berdasarkan prosedur semasa, JPN mendaftarkan maklumat kelahiran individu berdasarkan kepada borang permohonan dan draf awal sijil kelahiran yang telah disahkan serta ditandatangani oleh pemohon sebelum sijil yang sebenar dikeluarkan. Maknanya, sebelum sijil yang sebenarnya dikeluarkan, kita tanya dulu ibu bapa hendak kekalkan anak lelaki dan anak perempuan atau tidak. Kalau mereka kata kekal, kita kekalkanlah. Kalau mereka kata boleh gantikan, kita tidak rekodlah. Itu dia jawapan daripada JPN. Maknanya sebelum keluar sijil yang sebenar, kita tanya dulu ibu bapa, minta dia punya kebenaran dulu.

**Tuan Aknan Ehtook:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya sikit, boleh? pasal hari itu masa saya berbahas, Tuan Yang di-Pertua kata tolong pendekkan. Jadi saya ada enam perkara hendak tanya itu hari. Jadi, kebetulan tanya soal nama ini, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri ini pasal dekat sempadan ini banyak IC hijau, IC merah. Jadi macam mana status dia kalau hendak memohon IC biru, merah dengan hijau ini. Minta maaf ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ada prosedur-prosedur sekiranya mereka telah mendapat identiti seperti identiti IC merah dan juga IC yang lain. Mereka perlu memohon kepada pihak JPN untuk mendapatkan warganegara dan akhirnya mendapatkan kerakyatan. Ada prosedurnya, saya- memandangkan masa sudah pukul 1, saya tak nak mengulas lebih panjang. Kita jumpa di luar Yang Berhormat, saya jawab di luar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, jangan kkuatir, Yang Berhormat kita akan selesaikan.

**Tuan Aknan Ehtook:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang tentang yang penggunaan anak lelaki, anak perempuan ini, mengikut dapatan saya ialah apabila ibu bapa ada anak lelaki dalam nama dia dan dia tidak hendak guna nama anak lelaki dalam anak dia, dia kena buat perakuan. Soalan saya, sebab ada soalan asal tapi KDN tidak menjawab. Mengapa perlu ada perakuan? Apa bentuk perakuan yang diperlukan? Mengapa mesti ada perakuan itu? Kalau dia tidak hendak guna perkataan anak lelaki atau anak perempuan dalam nama anak dia. Itu persoalan saya, terima kasih.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Seperti saya..

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Saya ada dua soalan saya yang tertinggal tapi kalau saya salah minta kementerian betulkan. Saya ada tanyakan dua soalan yang pertama mekanisme sekatan jalan raya yang mana saya nyatakan apakah KDN atau pihak kementerian bercadang untuk menimbang semula sekatan jalan raya yang sebelum ini kalau kita tengok tiga lorong jadi satu lorong jadi menyebabkan kesesakan. Jadi saya minta itu yang pertama.

Kedua, status kediaman pekerja asing daripada syarikat yang diletakkan di perumahan awam. Saya minta jawapan Menteri bagaimana mekanisme ini kerana kalau kita lihat sekarang ramai pekerja asing yang duduk dalam perumahan awam yang syarikatnya itu sewa perumahan awam bagi pekerja asing duduk dan ini membantutkan kehidupan sosial dan juga mengancam sedikitlah keselamatan masyarakat awam. Jadi saya minta pihak kementerian jawab sebab itu antara soalan saya dalam perbahasan, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya pun ada satu soalan semalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** ...Berkaitan dengan *statement* Kasim Ahmad dalam *Malaysian Insider*, apa tindakan kerajaan. Cadangan menghapuskan artikel 3 dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri saya izinkan Yang Berhormat Menteri memberi jawapan-jawapan itu secara bertulis.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Boleh ya, pegawai ambil maklum. Tidak, kejar masa 1.02 minit sudah. Tadi untuk jawapan kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Termasuk dia Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ya ?

**Tuan Yang di-Pertua:** Termasuk dia Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Termasuk dia juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okeylah yang lain ini saya rasa boleh dibagikan secara bertulislah. Jadi saya mohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagi kah Yang Berhormat ?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sikit lagi tapi tidak apalah saya boleh bagi secara bertulis kalau dipersetujui oleh Ahli Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, kalau banyak, silakan lagi lima minit.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak, tinggal satu *page*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, habis.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, jadi Yang Berhormat Senator...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi kemudahan ini kerana banyak pegawai yang boleh balik kerja. Saya tidak hendak buang masa lah.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin mohon penjelasan kementerian mengenai kos pengeluaran kad pengenalan. Mekanisme yang akan digunakan untuk membantu individu yang tidak berkemampuan untuk membayar gantian kad pengenalan yang hilang dan status rundingan Kerajaan Thailand berkenaan dengan rakyat Thailand yang mempunyai dua keping Kad Pengenalan agar dapat dikesan dan dihalang daripada mengundi di Kelantan, rupanya sudah ada jawapan ini tapi saya sudah jawab lebih awal daripada Datuk Abdullah.

Jadi, ada satu sahaja saya rasa yang saya belum lagi jawab. Tadi isu mekanisme hendak kenal pasti dwi kerakyatan itu saya sudah jawab. Bayaran gantian Kad Pengenalan ini. Dulu JPN tidak mengenakan denda tapi didapati bahawa ramai orang hilang Kad Pengenalan ini. Sampai satu peringkat di mana ia meragukan juga dan membimbangkan KDN kerana Kad Pengenalan ini boleh disalah guna. Kad Pengenalan ini boleh dicuri untuk hendak buat pinjaman kereta, penipuan dan sebagainya.

Sebab itu kita hendak terapkan satu disiplin di kalangan rakyat supaya Kad Pengenalan ini disimpan seperti harta sendiri. Sebenarnya ia merupakan harta, identiti dan pihak penjenayah sentiasa akan mencuri identiti rakyat kita untuk menggunakan untuk pelbagai kesalahan jenayah.

Jadi kerana dulu kita tidak dikenakan fi tapi banyak rakyat hilangkan kad tersebut dan kerana atas persetujuan untuk menyuntik disiplin yang tinggi di kalangan rakyat supaya menjaga identiti mereka iaitu melalui Kad Pengenalan ini, kita kenakan denda dan sebagainya.

Jadi sebab itu tidak ada mekanisme untuk membantu individu yang tidak berkemampuan untuk membayar gantian Kad Pengenalan ini. Ia merupakan tanggungjawab seseorang rakyat di Malaysia untuk menjaga kad pengenalan mereka.

Jadi itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum dijawab lagi..

**Tuan Aknan Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yoo Wei How:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Dalam perbahasan saya ada menyentuh tentang isu kanak-kanak yang tidak mempunyai warganegara, status warganegara—*stateless children* di mana saya rasa kes begini semakin berleluasa dan semakin serius dalam masyarakat. So, saya mintalah kalau kementerian dapat berilah jawapan kepada kita supaya bagaimana kementerian untuk *establish*, dengan izin, satu mekanisme untuk membantu kanak-kanak sebegini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat berapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada lagi soalan yang belum dijawab oleh kementerian. Satu, dua, tiga...

**Tuan Aknan Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak bertulis pun kena rekod sebab saya rasa *missing* yang saya punya itu tentang penggunaan *surname* untuk diselaraskan antara jabatan-jabatan. Dalam ucapan saya ada sebut *the request* untuk permohonan untuk menggunakan *surname* dalam nama kanak-kanak berbangsa Siam dan juga dipastikan selaras semua pejabat JPN kerana ada boleh, ada yang tidak boleh, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri minta maaf kerana masa tidak izinkan...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Dengan ini saya boleh akhiri saya punya pembentangan. Jawapan semua sudah ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat jam sudah pukul 1.06. Kita akan sambung balik pukul 2.30.

**[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.06 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

#### ■1430

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Sekarang kita sambung daripada Kementerian Dalam Negeri. Sila Yang Berhormat.

2.32 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi diminta untuk menyambung lagi jawapan. Cuma saya hendak tanya di sini, kalau saya sebut nama tidak ada dalam Dewan, boleh saya bagi jawapan bertulis ya?

Jadi Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How, tidak adakan?... [Disampuk] Tidak ada. Jadi tadi soalan dia mengenai statistik permohonan kewarganegaraan *stateless children* ini saya akan jawab secara bertulis ya.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Ada? Tidak ada juga. Saya jawab bertulis ya. Lepas itu Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim?... [Disampuk] Pun tidak ada juga. Saya akan jawab secara bertulis. Habis dah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Aknan Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, yang kita sebut...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okeylah, saya bagi peluang kepada siapa yang tertinggal.

**Tuan Aknan Ehtook:** Okey. Saya kena ulang sekali lagi. Pertama sekali ialah yang jawapan Kementerian Dalam Negeri bagi itu hari iaitu tentang mengapa apabila Orang Siam tidak hendak guna 'anak lelaki', 'anak perempuan' itu, mengapa perlu buat perakuan? Macam mana bentuk perakuan itu perlu dibuat? Adakah angkat sumpah dan sebagainya?

Kedua ialah tentang penggunaan *surname* dalam nama Orang Siam kerana dahulu kita – macam nama saya Aknan a/l Ehtook ini, Ehtook itu nama bapa saya. Sekarang ini anak-anak moden sekarang ini dia sudah kenal artis-artis Thailand ini, dia hendak guna nama *surname*. Jadi, boleh tidak? Ada setengah tempat itu dibolehkan, setengah tempat itu tidak boleh. Ada setengah tempat itu nama dengan *surname* ditambah pula dengan 'anak lelaki', 'anak perempuan', nama bapa belakangnya. Jadi dia nampak bercelaru. So kalau boleh diberi kelonggaran dan dibenarkan semuanya, semua JPN *standardize*-kan supaya tidak timbul kekeliruan.

Satu perkara lagi yang saya hendak *raise* bersekali dengan Yang Berhormat Senator Datuk Yoo tadi. Ada satu soalan yang saya bangkitkan dengan Wisma Putra. Saya bincang dengan orang Wisma Putra, ini untuk makluman Timbalan Menteri, iaitu tentang nikah kahwin dengan warga asing. Salah satu syarat yang ditetapkan oleh JPN ialah untuk kahwin dengan warga asing mesti ada dokumen tertentu dan dokumen itu perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan terjemahan tersebut mesti disahkan oleh Wisma Putra barulah JPN terima dokumen tersebut. Jadi, Wisma Putra kata dia perlu buat kerana itu adalah dia punya prosedur.

Saya punya pandangan ialah untuk memudahkan orang ramai daripada hujung Kedah atau hujung Kelantan itu hendak sampai ke Putrajaya untuk *just* mengesahkan dokumen tersebut, ia menyusahkan, ada tidak cara yang lebih mudah tanpa merosakkan prosedur, tanpa mengganggu prosedur yang lebih mudah yang JPN boleh *adopt* ataupun gunakan cara tersebut untuk memudahkan orang ramai untuk mendaftar nikah kahwin dengan warga asing? Kerana kalau tidak didaftarkan, anak menjadi *stateless* ataupun menjadi warganegara ikut ibu dia. Ada setengah itu mengelak daripada jadi begitu, dia orang tidak daftar surat beranak pun. Tidak daftar surat beranak, anak tidak boleh sekolah. Itu kesan dia. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, terima kasih. Saya jawab dahulu isu 'anak lelaki' dan 'anak perempuan' ini. Arahan pentadbiran memang telah dikeluarkan supaya semua pejabat JPN di semua peringkat melaksanakan keperluan menandatangani perakuan dan perakuan ini dalam bentuk menandatangani borang yang dikeluarkan oleh JPN. Maknanya pergi pejabat JPN dan tandatangan untuk berikan kebenaran sama ada hendak pakai perkataan 'anak lelaki' atau 'anak perempuan' dalam surat persuratan JPN yang terakhir yang diperlukan. Jadi itu satu.

Kedua, nanti kita akan pastikan bahawa di semua pejabat JPN juga diselaraskanlah peraturan ini tetapi perakuan itu diperlukan sebagai bukti bahawa ibu bapa memberikan *consent* atau kebenaran untuk pakai atau tidak pakai 'anak lelaki' atau 'anak perempuan' dalam apa-apa persuratan JPN, surat beranak dan sebagainya dan IC.

Kedua, penggunaan *surname* dalam kalangan masyarakat Siam. Jadi bagi penamaan kanak-kanak, sekiranya ibu bapa tersebut ingin menggunakan *surname*, dia boleh sahkan dengan menggunakan perakuan yang saya sebut tadi tetapi yang pentingnya surat perakuan itu mesti ada sebagai bukti *consent* daripada ibu bapa.

**Tuan Aknan Ehtook:** Maksudnya apa-apa yang diperakukan oleh ibu bapa, itulah yang diterima oleh JPN?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ya.

**Tuan Aknan Ehtook:** Maknanya tidak adalah kata bapa peraku katakan nama saya Aknan dengan *surname* ABC, itu saya hendak, JPN akan ikut apa yang saya hendak, syaratnya saya buat perakuan kata itu yang saya hendak. Adakah benar macam itu? Sebab saya dengar, saya dapati bahawa ada orang *complaint* pergi JPN, pihak JPN tidak membenarkan apa yang dikehendaki oleh ibu bapa. JPN kata, "Okey, ini boleh tetapi mesti tambah ini juga. Tak tambah ini, tak boleh daftar". Itu yang menjadi persoalan pada saya. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kita akan keluarkan satu arahan untuk menyelaraskan hal penggunaan *surname* ini ya kerana dia tidak melibatkan ramai orang pun dan mungkin ia ada peraturan-peraturan lain. Macam orang Islam, tidak boleh letak nama-nama yang mencemarkan agama dan sebagainya dalam nama yang digunakan dalam surat beranak dan juga kad pengenalan. Jadi saya akan periksa nanti dan pastikan bahawa diselaraskan peraturan penggunaan *surname* ini. Satu lagi isu mengenai- saya pun sudah lupa sudah.

Yang ketiga tadi?...

**Tuan Aknan Ehtook:** Pendaftaran kahwin dengan warga asing.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Pendaftaran kahwin. Pendaftaran kahwin ini sebenarnya, untuk pasangan beragama Islam, walaupun dia berkahwin dekat luar negeri, dia balik berdaftar dengan Jabatan Agama Islam di dalam Malaysia.

#### ■1440

Untuk orang yang bukan Islam pun, peraturan yang dikenakan pun sama sekurang-kurangnya yang perkahwinan itu didaftarkan di JPN. Ini kadang-kadang ada kes yang ibu bapa yang tidak tahu dan sebagainya yang akhirnya terlepas yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka

dengan JPN maka anak tersebut diraguilah dia punya status anak mereka dan juga status kewarganegaraan mereka.

Oleh sebab itu mereka perlu membuat permohonan yang lainlah. Saya hendak ambil peluang ini juga untuk hendak menjelaskan di sini bahawa pada tahun lepas kita telah meluluskan satu pindaan undang-undang di mana pendaftaran anak mesti dibuat dalam masa tempoh yang berkenaan, tempoh yang cepat. Ini supaya anak tersebut disahkan sebagai anak kepada pasangan dan sebagainya. Kalau mereka tak bertanggung jawab, mereka akan dikenakan denda yang tinggi. Ini bukan hendak menghukum orang tetapi untuk menyelesaikan masalah kadang-kadang kealpaan daripada pasangan suami isteri yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka dan juga tidak mendaftarkan kelahiran anak mereka.

Akan tetapi macam, walau bagaimanapun, apa-apa perkahwinan dan kelahiran mesti didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara. Sebagai satu langkah pintas ini ataupun langkah yang hendak memudahkan pendaftaran perkahwinan, memang kita kena memang pasangan yang berkahwin di luar negara sekurang-kurangnya mesti mendaftarkan ataupun memaklumkan perkahwinan mereka di kedutaan di negara di mana mereka berada dalam tempoh masa yang ditetapkan kerana kita memerlukan pengesahan bahawa mereka betul-betul telah berkahwin di luar negara. Jadi peraturan ini memang ada dan ia diperlukan untuk membenarkan JPN membuat pendaftaran perkahwinan mereka di JPN sendiri.

**Tuan Aknan Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi minta maaf. Yang Timbalan Menteri sebut itu memang tepat. Itu tidak dinafikan. Itu semua kena ikut. Yang saya bangkitkan ialah dari segi berkahwin di sini, hendak daftar di sini. Bukan kahwin di luar negara dan balik daftar di sini, tidak. Daftar di sini yang belum ada surat kahwin di luar negara.

Jadi prosedurnya ialah untuk mereka terpaksa *translate*kan dokumen mereka, surat kebujangannya, pasportnya, IC semuanya, *translate* kepada bahasa Inggeris, disahkan oleh MOFA di Thailand dan dokumen tersebut perlu dibawa ke Wisma Putra untuk disahkan oleh Wisma Putra ini dokumen antarabangsa sebelum diterima oleh Jabatan Pendaftaran. Jadi saya pernah bagi soalan ini kepada Wisma Putra, dia kata, Wisma Putra kata, ini adalah prosedur JPN. Jadi mereka tidak boleh hendak buat apa-apa. Hasrat saya ialah untuk mempermudah orang kampung daripada hulu-hulu sana supaya tidaklah perlu datang ke Putrajaya, *just* orang kata, hanya untuk mengecap, mengesahkan dokumen itu sahaja. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Baru saya faham soalan Yang berhormat tadi. Sekarang isu ini kerana perkahwinan tersebut didaftarkan di luar negara dan perlu disahkan untuk kegunaan JPN di dalam negara. Memang Wisma Putra menjadi agensi pertengahan dalam urusan-urusan yang berkenaan dengan hal ehwal luar negara. Oleh sebab itu peraturan itu memang ada untuk Wisma Putra mengesahkan bahawa apa-apa dokumen yang mereka ada ataupun apa-apa perkahwinan tersebut memang betul-betul sah dan didaftarkan di luar negara sebelum ia didaftarkan di dalam negara. Akan tetapi KDN akan mengkaji semula perkara ini lah supaya kalau betul-betul perkara ini menjadi masalah. Jumlah tak besar kan? Jumlah orang dia tak besar kan yang terlibat?

Tak besar. Jadi ini mungkin boleh diberikan pertimbangan khas. Akan tetapi prosedur dia adalah sedemikian. Okey. Ada?

**Datuk Yoo Wei How:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf tadi saya lewat masuk Dewan lebih kurang tujuh minit. Jadi saya minta balik jawapan tentang dengan *stateless children*. Itu yang dengan izin daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, memandangkan Yang Berhormat sudah balik ke Dewan ini, saya inilah [*Ketawa*]

**Datuk Yoo Wei How:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Saya pun disebut nama tadi. Jadi saya pun...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** [*Ketawa*] Okey, sekejap ya. Dah berterabur dah. Tak, nak bagi peluang kepada Timbalan Menteri lain, banyak Menteri lain yang nak jawab. Okey, tadi Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How bertanyakan mengenai statistik permohonan kewarganegaraan *stateless children* dari tahun 2010 sehingga kini dan sama ada ujian DNA digunakan untuk membuktikan pertalian saudara untuk memberikan status *permanent resident* kepada *stateless children* dari tempoh yang tertentu sebelum diberikan kewarganegaraan.

Untuk makluman Yang Berhormat, istilah *stateless* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah merujuk kepada individu yang tidak memiliki kewarganegaraan mana-mana negara di dunia ini. Berdasarkan kepada istilah tersebut, seharusnya di Malaysia tiada mereka yang berstatus *stateless*. Ini adalah kerana mereka yang tiada negara tidak dibenarkan masuk ke dalam negara ini kerana tiada dokumen perjalanan. Akan tetapi realitinya, golongan ini adalah merupakan individu yang memasuki Malaysia melalui dokumen perjalanan yang sah atau PATI yang sengaja menyembunyikan maklumat tersebut dengan niat untuk memperoleh dokumen pengenalan diri Malaysia.

Dalam hal ini JPN tidak menyimpan rekod-rekod bagi kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Ini adalah kerana penentuan kewarganegaraan seseorang antaranya adalah berdasarkan kepada status kewarganegaraan dan taraf perkahwinan atau bapanya dan akan diberikan status yang sama ada warganegara atau bukan warga negara dan ia tertakluk kepada syarat tersebut. Faham tak faham? Okey, saya pergi kepada jawapan DNA ya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan ujian DNA iaitu *deoxyribonucleic acid*, dengan izin, hanyalah sebagai dokumen sokongan bagi mengesahkan pertalian darah seseorang dengan ahli keluarga yang lain khususnya di antara kanak-kanak dengan ibu bapa ataupun dengan adik-beradik yang lain dan tidak dijadikan sebagai bukti konklusif dalam pemberian dokumen pengenalan diri yang dikeluarkan oleh JPN. Syarat untuk menentukan warganegara adalah seperti yang saya sebutkan tadi.

Taraf perkahwinan di antara orang Malaysia dengan orang asing dan juga status bapanya sebagai warga negara. Jadi keputusan DNA itu bukanlah satu dokumen mandatori yang diperlukan oleh Kerajaan Persekutuan dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan. Penentuan taraf kewarganegaraan adalah tertakluk kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu

bapa seseorang kanak-kanak sebagaimana termaktub dalam Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan. Itu jawapan dia.

**Datuk Yoo Wei How:** Minta celah sikit Tuan Yang di-Pertua. Kalau ikut analisis kementerian bahawa Malaysia memang mungkin tidak ada *so called stateless children*. Akan tetapi pada hakikatnya saya rasa kita banyak - terdapat banyak kes sebegini. Kes sebegini mungkin datang daripada tiada pendaftaran yang rasmi ibu bapa mereka mungkin lelaki tempatan yang kahwin dengan gadis-gadis daripada negara Thailand, Indonesia ataupun China ataupun Vietnam. Selepas mungkin beberapa tahun mereka kahwin dan ibunya telah tinggalkan anak-anak mereka kepada pihak bapa. Mungkin ada kes yang juga bapa pun sudah hilang. So anak-anak semua ini ditinggal kepada nenek kah atau kepada saudara mara kah untuk dibesarkan.

Cakap balik dekat kawasan saya dekat Alor Setar, sekarang saya telah terima banyak kes di mana seorang gadis sudah mencapai 23 tahun pada tahun ini dan seorang budak lagi lelaki sudah 16 tahun. Akan tetapi mereka memang mempunyai satu status *stateless children* sebab bapa ibu semua sudah hilang. Seorang dibela besar oleh neneknya dan seorang dibela besar oleh kakak kepada bapanya.

Akan tetapi sampai sekarang, mereka sendiri pun tak tahu hendak buat apa sebab dia tak ada status kewarganegaraan mana-mana. Dia bukan orang Thailand, dia bukan orang Malaysia, dia bukan orang Myanmar. Dia hendak kerja pun tak boleh kerja dan hendak pergi sekolah pun tak boleh pergi sekolah. So saya tak tahu saya hendak tanya kepada kementerian ada apa-apa mekanisme kah untuk menolong budak-budak macam ini supaya mereka boleh mendapatkan satu status yang membolehkan mereka untuk mempunyai kehidupan yang lebih sempurna di Malaysia ini. Sekian sahaja. Terima kasih.

#### ■1450

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, jawapan yang saya berikan tadi adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Negara. Kalau kita hendak ubah Perlembagaan Negara pun bukan satu perkara yang mudah. Akan tetapi ada kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menentukan mengenai status anak-anak yang seperti ini.

Untuk maklumat Yang Amat Berhormat Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara untuk meneliti perkara ini dengan lebih lanjut kerana kita tidak hendak anak-anak yang sebenarnya tidak berdosa ini akhirnya terjejas dan juga terbiar dalam negara kita tanpa ada masa depan bagi diri mereka. Ini juga akan menjadi masalah yang lebih besar bagi negara kita. Jadi biar kajian itu dijalankan dan sekiranya ada cara untuk hendak untuk mendaftar mereka dengan menggunakan kuasa Yang Berhormat Menteri itu, kementerian boleh melaksanakannya. Ini kerana jumlahnya Yang Berhormat bukan sedikit. Yang Berhormat baru cerita fasal dua orang dekat Alor Setar. Di Johor Bahru tempat saya memang ramai.

Saya pun kadang-kadang kalau orang, ibu bapa yang terlibat seperti ini jumpa saya pun saya cakap pada mereka, kenapa masa *you* kahwin dulu, masa *you* jumpa dulu *you* tidak daftarkan perkahwinan. Tidak fikir fasal hal anak itu sendiri. Saya sendiri terpaksa beritahu mereka kerana saya hendakkan kesedaran di panjang-panjangkan kepada mereka yang lain yang berniat untuk

berbuat perkara yang sama kerana yang akhirnya yang menjadi mangsa bukan perkahwinan mereka ataupun perhubungan. Yang jadi mangsanya anak yang lahir daripada perhubungan mereka. Jadi saya minta Yang Berhormat untuk bersabarlah mengenai hal ini. Memang Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri telah mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mencari penyelesaian jangka panjang mengenai hal ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin ya yang memohon penjelasan kementerian berhubung dengan kos pengeluaran Kad Pengenalan. Mekanisme yang digunakan bagi individu yang tidak berkemampuan untuk membayar gantian. Ini saya sudah jawab tadi kan. Saya jawab sekali, Yang Berhormat tidak adakah dalam Dewan ini?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ada Yang Berhormat Menteri tadi belum jawab soalan saya ialah masalah ada pengeluaran e-kad tapi proses *rehiring* belum berjalan. Jadi macam mana? Kad e-kad itu sudah ada, *rehiring* belum. Jadi sudah pun diproses. Macam manakah mekanisme ini berlaku? Saya mohonlah penjelasan macam mana perkara ini boleh berlaku di dalam Jabatan Imigresen.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sebenarnya tadi perkara ini saya sudah jawab iaitu e-kad ini sebenarnya timbul daripada permintaan daripada majikan yang berminat untuk mendaftarkan PATI. Ia di bawah Program *Rehiring*. Jadi E-Kad ini bukannya satu program kerajaan yang terpisah daripada *rehiring*. Dia adalah sebahagian daripada Program *Rehiring*. Maknanya kalau ada majikan yang berminat untuk mendaftarkan PATI, dia datang ke imigresen. Lepas itu imigresen akan *check* sama ada mereka telah, pernah berdaftar dalam Program *Rehiring*. Kalau ada mereka telah mendaftar, tapi belum dapat lagi PLKS, maka mereka akan diberikan E-Kad dan kerana mereka telah menyertai Program *Rehiring*. Maknanya lepas mereka mendapat PLKS, mereka kena pulangkan balik E-Kad ini. Dia tidak boleh pakai selepas sudah dapat PLKS.

Apa yang tadi yang saya rasa menimbulkan kekeliruan itu adalah sama ada E-Kad ini boleh dikeluarkan kepada mereka yang tidak menyertai Program *Rehiring*. Jawapannya tidak boleh ya. Maknanya kalau ada majikan yang bawa PATI yang baru yang dia hendak daftar dan PATI tersebut belum lagi ada dalam pendaftaran Program *Rehiring*, sebenarnya Program *Rehiring* telah bermula dari tahun lepas. Ada ramai yang telah berdaftar tapi belum dapat lagi di punya PLKS.

Akan tetapi untuk yang orang yang datang tahun ini, yang belum lagi mendaftar Program *Rehiring*, mereka akan didaftarkan di bawah Program *Rehiring* dulu. Dia pergi Imigresen, Imigresen akan minta pergi kepada vendor Program *Rehiring*. Sekarang ini telah dilonggarkan syarat dia. Maknanya dulu kena bayar terus RM1,200 tapi sekarang tidak payah. Ini fi pengurusan dia. Sekarang ini bayar RM600 dulu masa daftar itu dan bayaran bakinya RM600 itu dibayar selepas dapat PLKS tersebut. Jadi jawapannya adalah E-Kad tidak boleh dikeluarkan melainkan PATI tersebut dengan majikannya telah berdaftar bawah Program *Rehiring*.

Dia tidak boleh dikeluarkan tanpa pendaftaran dalam Program *Rehiring* tersebut. Saya rasa timbul kekeliruan itu adalah pengumuman sebelum ini kata E-Kad dikeluarkan, dikeluarkan secara percuma. Akan tetapi tidak boleh fasal dia mesti bawah Program *Rehiring*. Okey. Kalau tidak ada apa lagi...

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** SGR?

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Soalan yang saya bangkitkan tadi dijawab secara bertulis ataupun...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** SGR ini teknikal sikit. Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak...

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tidak apa, bertulis boleh. Saya boleh terima kalau bertulis.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Boleh ya.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Boleh, terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey. Kalau ada siapa-siapa lagi yang perlukan jawapan? Kalau tidak ada, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan baru-baru ini. Saya berharap bahawa jawapan yang telah diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah mengikut kepada landasan undang-undang negara. Saya berharap kalau ada lagi isu-isu yang bangkit, ia akan dijawab secara bertulis dan boleh ditujukan terus pada saya sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya akhiri jawapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan Mohamed, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menjawab dengan tegas dan dia akan, dia akan jawab juga kalau ada soalan lain yang bertulis ya. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya hendak pergi pula ke nombor tiga, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dipersilakan.

**2.57 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja sepanjang tempoh perbahasan dan berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin;
- (ii) Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh;
- (iii) Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi bin Haji Suhaili;
- (iv) Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian;
- (v) Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S. M. Omar;
- (vi) Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun;
- (vii) Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Johari bin Mat;
- (viii) Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan; dan
- (ix) Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan selepas ini saya akan sebut sebagai KPKT amat menghargai segala pandangan, saranan yang telah pun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun saya sebutkan tadi.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk memulakan penggulungan saya pada hari ini dengan menyentuh isu yang telah pun dibangkitkan iaitu isu berkaitan dengan kebombaan. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sebelum saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon izin saya menjawab kepada yang ada dalam Dewan. Kalau yang tidak ada dalam Dewan, saya jawab secara bertulis.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab saya bukan hendak tanya, sebab saya ada bangkit hari itu soal banjir di Rantau Panjang supaya Kementerian Sumber Asli bincang dengan KPKT. Oleh sebab kalau dalam sungai itu, itu di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kalau di tepi jalan-jalan besar itu, *monsoon drain* itu melibatkan KPKT. Jadi saya minta KPKT bincang dengan Kementerian Sumber Asli bagaimana untuk menyelesaikan banjir terutama dalam kawasan saya di Rantau Panjang. Hari itu Sungai Golok banyak air, Sungai Kelantan tidak ada air. Tepi jalan itu saya katanya Yang Berhormat Menteri Sumber Asli itu di bawah KPKT. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Baru saja berdiri, belum buka apa-apa lagi, terperanjat bila Yang Berhormat Datuk Abdullah bangkitkan beberapa isu.

■1500

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baru mukadimah ya.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Baru mukadimah ini, belum masuk apa-apa lagi ini, sudah terperanjat. Okey, mungkin yang pertama, yang tadi Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim bangkitkan tadi, yang itu mungkin dalam perbincangan dibangkitkan kepada NRE, Sumber Asli. Jadi, saya mungkin nanti agaknya Yang Berhormat boleh tengok, kalau NRE akan melihat kepada isu ini kerana ia berkait rapat. Soal pengurusan dengan sungai dengan soal pengurusan urusan banjir iaitu longkang-longkang dan juga *monsoon drain* dan sebagainya.

Jadi, kita tengok kepada jawapan yang akan dikemukakan oleh NRE dan apa-apa pun, pihak kementerian bersedia untuk bekerjasama dengan pihak NRE. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin semak kerana ada yang baru ini saya tidak berapa cam. Mungkin boleh saya tahu kalau Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili ada? Ada, terima kasih. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili ialah untuk memohon status perancangan Akademi Latihan Bomba di Kota Samarahan. Betul Yang Berhormat ya?

Okey, saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat. Seperti yang telah pun dinyatakan dalam ucapan lisan kepada Yang Berhormat Senator pada 7 Disember 2016, tahun yang sudah. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memohon peruntukan untuk membina Akademi Latihan Bomba di Kota Samarahan ini Yang Berhormat, di dalam Bajet 2018 bagi kita membina satu Akademi Latihan Bomba Sarawak. Sekiranya permohonan ini diluluskan oleh Kerajaan Pusat (EPU), proses pembinaan dijangka

bermula pada tahun 2019. Jadi, sementara ini Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Sarawak kita kongsi kemudahan dengan Balai Bomba Penyelamat Bau. Jadi, yang itu menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Saya beralih kepada isu seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin ada? Okey. Okey. Veteran ada kat situ rupanya. Dok tepi ni tak berapa nampak, selalunya kat depan. Bila tepi ni tak berapa nampak. Saya beralih pula kepada isu harga rumah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin yang menyatakan bahawa harga rumah pada hari ini terlalu mahal hingga di luar kemampuan rakyat untuk memilikinya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Ng, program perumahan di Malaysia ini dilaksanakan oleh dua pihak ya, Yang Berhormat. Satu, sektor awam, oleh pihak kerajaan. Satu lagi sektor swasta oleh pemaju swasta. Kerajaan bertanggungjawab dalam menyediakan perumahan yang cukup mampu milik dan berkualiti untuk semua, terutamanya bagi kumpulan B40 dan juga M40.

Manakala sektor swasta pula ia lebih menumpukan kepada permintaan pasaran. Saya ingin memaklumkan, di bawah kementerian KPKT Tuan Yang di-Pertua, terdapat program yang kita laksanakan untuk B40, Program PPR Disewa ataupun *Rent-to-Own*. Kemudian Program Rumah Transit 1Malaysia bagi pasangan-pasangan yang baru berkahwin. Kita letakkan syarat untuk sewaan dua tahun dan bila simpanan sudah cukup dan kemudian boleh beli rumah. Untuk M40, kita sediakan Program *MyDeposit* iaitu bagi mereka yang berpendapatan antara RM3,000 hingga RM10,000 dan bagi *MyHome*- pendapatan antara RM3,000-RM4,000 bagi *MyHome1* dan bagi *MyHome2* ialah RM4,000 hingga RM6,000.

Bagi Rumah Transit Belia, bagi mereka yang muda, baru bekerja, baru rancang hendak kahwin ya, *studio apartment* akan disediakan dan bagi mereka yang sudah berkahwin, *studio apartment* dua bilik akan disediakan. Program baharu ini akan dijadikan sebagai program sewaan dan dalam sewaan itu ada simpanan. Jadi, sewaan pada kadar RM500 dan simpanan RM300. Esok bila mereka sudah habis duduk di situ, sudah hendak keluar selepas tempoh lima tahun, simpanan RM300 itu akan dipulangkan balik kepada mereka untuk dijadikan mungkin sebagai *downpayment 10 percent* kepada mana-mana projek perumahan yang dikehendaki oleh mereka.

Jadi yang seterusnya, dalam mengawal harga rumah ini Tuan Yang di-Pertua, dalam mengawal harga rumah mampu milik, kerajaan melalui Majlis Perumahan Negara telah pun menetapkan Yang Berhormat Senator Datuk, harga siling bagi jualan rumah mampu milik Tuan Yang di-Pertua, seluruh negara sebanyak RM300,000 seunit kepada semua pembangunan projek perumahan awam atau swasta yang dijalankan di negara kita.

Dasar ini telah pun dipersetujui oleh semua kerajaan-kerajaan negeri, termasuklah Kelantan, Pulau Pinang ya Yang Berhormat Senator Dr. Arifin, termasuk juga Selangor. Walaupun baru-baru ini saya lihat dalam buletin perumahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, ia sebut, ia kata Kerajaan Negeri Selangor tidak akan melaksanakan, tidak akan mengikut kepada pekeliling yang telah dikeluarkan oleh kementerian yang mensyaratkan bahawa rumah mampu milik mestilah RM300,000 ke bawah. Kadang-kadang kerajaan negeri ini, kita sudah jelaskan dalam

mesyuarat pun tak faham. Tak faham jangan buat *statement* yang bukan-bukan. Jadi, kalau tak faham, rujuk kepada kementerian.

Bila kita kata rumah mampu milik RM300,000 ke bawah, makna kita boleh buatlah pada kadar RM42,000 bagi rumah kos rendah, kos sederhana rendah sampai RM150,000 dan mana-mana rumah RM250,000 dan sebagainya, asal tidak melebihi kepada RM300,000. Ini kadang Exco Kerajaan Negeri Selangor ini dia tidak faham. Dia duduk di dalam mesyuarat pun dia tak faham. Jadi, saya nasihatkan kepada Selangor ini, tak faham, datang jumpa kita. Jangan keluarkan kenyataan-kenyataan yang memberi kekeliruan kepada rakyat sedangkan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah buat keputusan, rumah mampu milik mestilah berharga RM300,000 ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan juga melaksanakan satu juta rumah mampu milik bagi tempoh lima tahun mulai dari 2013. Ini manifesto Kerajaan Barisan Nasional sehingga pada 2018 dengan kerjasama semua pelbagai agensi, termasuklah agensi di bawah kementerian yang lain, PR1MA, PPA1M, SPNB dan sebagainya, termasuk kerajaan negeri dan juga sektor swasta. Inisiatif ini diperkenalkan Tuan Yang di-Pertua, khusus untuk B40 dan M40. Bila kita membicarakan soal pemilikan perumahan ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah mengasingkan, kerajaan akan memberikan tumpuan hanya kepada mereka yang berada dalam kumpulan sasar B40 tetapi juga memberikan tumpuan kepada mereka yang berada dalam sasaran kumpulan M40.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk juga, apakah perkara-perkara yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengawal harga? Sebenarnya saya sudah jawab banyak kali ni pada setiap perbahasan dan juga kepada soalan-soalan lisan tetapi tak apa lah, kerana Yang Berhormat Senator Datuk Ng ini, saya cakap lah lagi sekali. Jadi, antara perkara-perkara yang dilaksanakan oleh pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, dari segi *cooling measures* untuk kita kawal kenaikan harga rumah dan juga spekulasi-spekulasi yang akan dibuat oleh *speculators* yang tidak bertanggungjawab ini.

Jadi, antara perkara yang sedang kita laksanakan ini, yang pertama ialah kita menaikkan kadar cukai keuntungan harta mulai pada Januari 2018. Kedua, kita naikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM1 juta ke atas. Bawah RM1 juta tidak boleh. RM1 juta ke atas.

Ketiga, mensyaratkan pemaju untuk mereka mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah itu secara terperinci, termasuklah apa juga manfaat, insentif yang hendak diberi oleh pemaju kepada bakal pembeli.

Keempat, melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan kepada *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS), dengan izin, yang kadang-kadang kita kluatir ia boleh mengelirukan pembeli dan seterusnya kita kluatir pemaju boleh memanipulasikan pembeli.

Kelima Tuan Yang di-Pertua, mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan, mendaftarkan apa-apa pembelian pukal yang melebihi- kalau dia empat unit rumah Tuan Yang di-Pertua, kepada mana-mana hartanah yang ada pada satu pemajuan, empat unit rumah kepada satu pemajuan. Maknanya, dia beli empat unit rumah pada satu taman yang ada. Sekiranya itu berlaku, dia kena

daftar kepada Jabatan Perumahan Negara untuk kita kawal supaya mereka tidak beli rumah ini untuk dijadikan spekulasi. Sama ada oleh pihak individu ataupun oleh pihak syarikat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Datuk Ng, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tuan Yang di-Pertua, kami sedang menyemak Akta 118 iaitu Akta Pemajuan Perumahan. Dalam akta yang sedang kita buat semakan ini Tuan Yang di-Pertua, kita hendak buat semakan terhadap akta yang sedia ada itu untuk kita memenuhi keperluan-keperluan pasaran dan juga keperluan-keperluan terhadap mereka, rakyat yang mahu memiliki rumah pada masa kini.

Antara perkara yang akan kita lihat kepada semakan Akta 118 ini Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah konsep deposit, ini termasuklah kaji balik *booking fees* dan sebagainya. Kedua, kawal harga rumah melalui Dasar Perumahan Negara yang 2.0 yang sedang kita sediakan, melihat kepada pemaju swasta, harga maksimum, harga minimum, saiz dan keluasan ya dan utiliti dan lain-lain perkara yang berkaitan. Ketiga, melihat kepada kuota Bumiputera.

Ini antara kajian yang sedang dilakukan untuk menyemak Akta 118 iaitu Akta Pemajuan Perumahan. Jadi, saya harap saya sudah menjawab segala persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ng. Saya beralih kepada perkara seterusnya yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ng lagi sekali, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh, ada tak? Tak ada, okey, tak apalah.

#### ■1510

Senator Puan Bathmavathi Krishnan ada, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin membangkitkan mencadangkan supaya semua projek perumahan baru yang berharga RM300,000 ke bawah diperuntukkan kepada pembeli rumah pertama sahaja. Berkuat kuasa serta-merta untuk mengelakkan tekanan harga rumah disebabkan oleh spekulator. Ini dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat Perdana Menteri semasa Perutusan Khas Penyesuaian Bajet 2016 pada Januari 2016 telah pun mengumumkan bahawa semua projek rumah mampu milik yang saya sebutkan tadi hanya akan dijual khusus kepada pembeli-pembeli rumah pertama sahaja.

Jadi, kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan isu ini, tidak payah bimbang kerana ini adalah jaminan kepada mereka yang benar-benar memerlukan rumah sebagai tempat tinggal iaitu *first time house buyer* dengan izin.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerajaan turut memperkenalkan beberapa insentif kepada pihak pemaju, supaya digalakkan, berikan galakan kepada mereka supaya mereka dapat bina lebih banyak lagi rumah-rumah mampu milik. Jangan fikirkan tentang keuntungan semata-mata. Jadi beberapa insentif yang telah pun disediakan oleh pihak kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Pertama, pengecualian deposit sebanyak tiga peratus daripada *gross development cost* ataupun dikenakan deposit sebanyak RM200,00 ataupun yang mana yang terendah. Seterusnya ialah *quantum* deposit untuk *mix development* berdasarkan kepada nilai kos pembinaan rumah berharga rumah RM300,00 ke atas.

Jadi dua ini adalah insentif yang kita berikan kepada mana-mana pemaju perumahan yang sebagai galakan supaya mereka bina lebih banyak lagi rumah-rumah mampu milik yang bernilai RM300,000 ke bawah. Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin juga ada bangkitkan mohon kerajaan memperluaskan tentang kadar faedah empat peratus bukan hanya kepada pembeli rumah PPR B40, tetapi juga dipanjangkan kepada pembeli rumah M40.

Saya hendak menyebutkan kepada Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat kerajaan telah pun menambah baik pakej faedah empat peratus ini di bawah program PPR kepada program *Rent to Own* yang untuk dimiliki pada kadar faedah yang rendah iaitu hanya sebanyak dua peratus dengan pembayaran balik secara sewa yang cukup rendah antara RM175 hinggalah RM250 untuk tempoh maksimum ikut kepada kadar pinjaman umur dan sebagainya hingga tempoh maksimum mungkin 25 tahun. Program *Rent-to-Own (RTO)* ini sedang dilaksanakan, akan dilaksanakan di tiga PPR iaitu di PPR Gua Musang, Kelantan, PPR Kampung Asan, Selangor dan PPR Siliau, Negeri Sembilan yang akan melibatkan jumlah keseluruhan 1,450.

Jadi, untuk yang ini, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin ini adalah antara tindakan yang sedang dikenakan oleh pihak kementerian. Kalau kita lihat pula kepada insentif, Yang Berhormat Dato bangkitkan juga insentif kepada golongan M40, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat insentif Yang Berhormat minta supaya empat peratus diberikan bukan hanya kepada B40 tetapi juga kepada M40. Untuk program contoh bagi M40 yang saya sudah sebutkan lebih awal tadi, *Program MyHome*, insentif adalah lebih daripada empat peratus iaitu 10 peratus. Kita berikan geran sebanyak 30,000 kepada mereka yang berpendapatan antara daripada RM3,000 hingga RM6,000 pakej perumahan antara RM80,000 hingga RM200,000.

Kemudian yang kedua, ialah Program My Deposit, insentif enam peratus lebih daripada empat peratus yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dengan kita berikan 10 peratus ataupun maksimum 30,000 berdasarkan kepada harga jualan rumah RM500,00 ke bawah. Jadi ini adalah antara insentif-insentif yang kita berikan di peringkat Kementerian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh tidak ada, jadi tidak ada. Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah, saya jawab secara bertulis. Ini berkaitan dengan pertimbangan rumah PPR diutamakan kepada anggota keselamatan. Jadi saya akan jawab secara bertulis.

Seterusnya, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, Yang Berhormat saya ucapkan tahniah kerana ini pejuang masyarakat rakyat OKU dalam negara kita. Kalau berbahas di Parlimen tanya soalan tidak ada yang lain kecuali melihat kepada kebajikan dan keperluan kepada masyarakat OKU. Bertanyakan kepada tentang kemudahan dana dan sebagainya, ada tidak dana khusus untuk golongan OKU bagi pembayaran deposit kepada pembelian rumah.

Kita tidak ada dana khusus yang kita khususkan untuk masyarakat OKU ini Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya hendak maklumkan Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, kita ada program yang saya sebutkan tadi, *MyHome*, kita bagi geran. *MyHome* kita bagi geran RM30,000 bagi pembelian rumah pakej skim satu, rumah bernilai

RM80,000 hingga RM120,000 tangga gaji RM3,000 hingga RM4,000, skim *MyHome2*. Rumah antara RM120,001 sehingga RM200,000 skim gaji antara RM4,000 hingga RM6,000. Jadi kita bagi insentif geran RM30,000.

Jadi ini mana-mana OKU boleh buat pendaftaran untuk pilih mana-mana projek untuk skim *MyHome* ini, pemaju dia akan berdaftar dengan pihak kementerian. Jadi boleh pilih mana-mana projek terhadap pemaju-pemaju yang dah berdaftar dengan kementerian. Satu lagi yang saya sebutkan tadi ialah Malaysia Deposit. Malaysia Deposit kita bagi 10 *percent* atau *maximum* RM30,000. Bagi mana-mana penjualan rumah bernilai RM500,000 ke bawah dan termasuk harta rumah-rumah *subsale* masuk dalam pakej Program Malaysia Deposit. Itu pun ada disediakan geran. Ini adalah antara geran bagi pembayaran untuk *upfront* 10 peratus dan sebagainya yang boleh digunakan yang kita bayaran terus melalui HD akaun. Bila pembeli sudah pilih mana pemaju. Jadi ini antara kemudahan yang kerajaan sediakan.

Jadi saya harap Yang Berhormat kalau perlu maklumat tambahan, *I can give you* apa syarat-syarat pemilihan bagi pembeli, rumah MyHome, MyDeposit dan sebagainya untuk Yang Berhormat simpan dan kemudian boleh masuklah dalam *Facebook* dan sebagainya untuk di uar-uarkan dan dikongsikan maklumat ini. Kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat tentang persoalan yang berkaitan dengan berapa keperluan yang ada dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato', berdasarkan kepada laporan Bank Negara bagi tahun 2015 terdapat kekurangan penawaran rumah lebih daripada 50 peratus. Berbanding kepada permintaan berdasarkan trend semasa bagi tempoh 2011 hingga 2015. Ini adalah laporan yang dikeluarkan oleh Bank Negara. Bagi tempoh berkenaan jumlah penawaran rumah ialah sebanyak 80,089 unit bagi setiap tahun berbanding dengan permintaan sebenar isi rumah pada kadar 166 ribu bagi setiap tahun. Maka, kerana itu saya juga ingin memberikan satu *assurance* kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bahawa buat masa ini Kementerian sedang membuat kajian keperluan sebenar. Agaknya berapa keperluan sebenar untuk permintaan dan penawaran yang perlu disediakan terutama bagi mereka yang perlu memiliki rumah pertama.

Jadi pihak kementerian akan membuat kajian keperluan sebenar bagi tempoh 2018 sehingga 2022 dan kita akan buat kerjasama bijak bersama dengan pihak *Khazanah Institut of Research* (KRI) di bawah Program Dasar Perumahan Negara versi 2.0 dan kajian ini akan memenuhi aspirasi sudah tentulah aspirasi kerajaan Barisan Nasional iaitu untuk menyediakan satu keluarga satu rumah. Jadi saya harap Dato' puas hati dengan jawapan saya itu. Seterusnya, saya tinggal lagi beberapa perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, tidak ada? Saya akan secara bertulis. Eh ada, okey-okey sahaja hendak *test*. Sebab hari ini dia pakai kot warna biru macam pengawas kan jadi sahaja hendak *test* dia [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia duduk diam-diam ubi sahaja.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Dia diam-diam sahaja. Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, jauh Yang Berhormat pergi, sampai ke Batu Kawah pergi. Jauh tu. Senator dia boleh pergi semua tempat. Tentang permohonan peruntukan

menyediakan taman rekreasi Batu Kawah Tuan Yang di-Pertua. Oh Batu Kawan, oh okey-okey. Kita tahu Parlimen sahaja dengan Senator sahaja, minta maaf ya, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Nanti *Insyah-Allah* saya akan datang ke situ.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah pun memohon peruntukan landskap di bawah untuk Batu Kawah dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP3) dan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Bagi tahun 2018, kementerian juga untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, kita akan mempertimbangkan permohonan untuk menaik taraf infrastruktur di Taman Rekreasi di kawasan Yang Berhormat tersebut. Sekiranya permohonan projek ini memenuhi kepada skop dan pelaksanaan bawah projek BP1 kita akan laksanakan.

■1520

Jadi ini untuk makluman Yang Berhormat, dan mudah-mudahan ia memberikan kekuatan kepada Yang Berhormat selaku ADUN bagi kawasan Batu Kawah dan juga merangkap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak. Seterusnya saya terus bergerak kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, ada Datuk Norliza? Tidak ada? Okay saya jawab secara bertulis berkaitan dengan COE, berkaitan dengan...

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya, ya.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Saya rasa soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Norliza itu boleh dijawab sebab Yang Berhormat Datuk Norliza telah tamat tempoh perkhidmatannya semalam.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Oh, okay.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tapi untuk makluman yang lain mungkin boleh dijawab sebab ada juga banyak *I mean* antara rakyat yang menghadapi masalah berkenaan dengan JMB dan COB.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Okey, okay. Saya mohon kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza, dia berkaitan dengan caj penyelenggaraan, *maintenance fees*. Minta dicadangkan supaya dimasukkan sekali dalam bil TNB, bil utiliti dan adakah pihak COB ada kuasa untuk mengatasi masalah ini.

Saya ingin menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza, caj penyelenggaraan ini Yang Berhormat ia adalah tertakluk kepada Akta Pengurusan Strata 2013 iaitu Akta 757. Manakala bil utiliti ini dia ada akta dia sendiri, bil utiliti ini ada akta dia sendiri dan untuk makluman kepada kita semua, pihak kementerian sedang meneliti beberapa cadangan kaedah yang dapat dilaksanakan bagi kita mengatasi masalah yang telah pun dibangkitkan yang berkaitan dengan *maintenance fees*. So, dengan izin, *we are looking to the matter now*, tentang beberapa kaedah Yang Berhormat Menteri sedang meneliti, *so once get done* mungkin kita akan melihat bagaimana agaknya cara untuk kita meletakkan caj *maintenance fees* itu, mungkin

dalam cukai pintu ke dan sebagainya antara cadangan-cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Berkaitan dengan kuasa COB, kalau di bawah Akta 757 ini terdapat tiga tindakan yang boleh diambil terhadap pemunya atau pun pemilik petak yang gagal membayar apa-apa caj penyelenggaraan kepada JMB.

Pertama, JMB boleh failkan saman tuntutan di mahkamah yang mempunyai kuasa berwibawa ataupun boleh bawa kepada Tribunal Pengurusan Strata.

Kedua, JMB boleh tahan harta pemunya dengan pemilik petak dan melelong jika masih gagal mendapat bayaran, yang ini bersama dengan keputusan mahkamah dan Pesuruhjaya COB boleh juga membawa tindakan pendakwaan di bawah akta ini. Jadi ini antara tiga kuasa yang telah diperuntukkan kepada COB untuk menentukan pemunya atau pemilik petak yang gagal membayar *maintenance fees*.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, minta pencerahan sedikit. Jadi adakah benar, tanggungjawab COB adalah hanya *advisory* ataupun dia boleh mulakan tindakan.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Saya sudah sebutkan tadi tiga perluasan kuasa kepada COB ini tadi. Satu, dia adalah pemantau kerana COB ini kita letakkan di PBT, dan COB akan melihat kepada pengurusan JMB dan juga melihat kepada kepentingan penghuni bagi mana-mana bangunan berstrata. Ini kita cerita tentang bangunan berstrata, bertingkat ya Yang Berhormat, yang *landed* tidak masuk dalam Akta Pengurusan Strata, Akta 757 ini.

Jadi saya sudah sebut tadi, maknanya kalau JMB ada masalah dan sebagainya, COB boleh mengambil tindakan terhadap JMB ataupun boleh mengambil tindakan terhadap melalui JMB, terhadap pemunya ataupun pemilik petak, itu dia.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Hanya satu lagi soalan ya, macam mana kalau pemunya tidak ada hubungan yang mesra dengan JMB sebab ada banyak kes-kes di mana JMB lebih memihak kepada *the other side*, jadi pemunya tidak dibela dan COB juga nampak macam *you know taking sides* memihak kepada JMB, jadi pemunya dianiaya.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih, ini hubungan-hubungan mesra ini bahaya, menjawab kalau dia tidak mengambil maklum tentang apa yang dibangkit dijawab oleh Timbalan Menteri KDN tadi bahaya perhubungan mesra ini, ia boleh mengakibatkan macam-macam perkara. Begini Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** *I mean official, official.*

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yes. Begini Yang Berhormat, kalau pemilik, pemunya ataupun pemilik ada masalah berkaitan dengan JMB mereka, ada masalah berkaitan dengan perkara yang memberikan ketidakpuasaan hati kepada mereka, mereka boleh failkan, boleh failkan permohonan boleh bawa kes mereka kepada Tribunal Pengurusan Strata.

*That is man for the owner*, pemunya ataupun pemilik petak yang berkenaan. Jadi gunakan Tribunal Pengurusan Strata ini, itu adalah untuk kepentingan mereka. Menjawab kepada soalan seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator kerana telah pun membangkitkan

perkara ini pun pernah bangkit dulu ini tapi bangkit lagi sekali, tentang pilihan raya kerajaan tempatan.

Jadi saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat, betul di bawah seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171, memperuntukkan telah pun dinyatakan memperuntukkan mengenai penggantungan pilihan raya kerajaan tempatan, sudah ada sudah itu. Jadi setakat ini Yang Berhormat, kerajaan berpandangan bahawa pilihan raya kerajaan tempatan ini tidak perlu diadakan kerana apa, kerana sekarang ini suara-suara rakyat boleh diwakili, diwakili oleh Ahli-ahli Majlis.

Ahli Majlis ini dilantik, contoh macam Pulau Pinang, Ahli Majlis di Pulau Pinang dilantik oleh Kerajaan Negeri, Ahli Majlis dilantik oleh pihak berkuasa negeri iaitu Pulau Pinang contoh kita ambil Pulau Pinang. Jadi Ahli Majlis yang dilantik ini merupakan mereka, antara syarat menjadi Ahli Majlis ialah mereka kena duduk dalam kawasan pihak berkuasa tempatan dan sudah tentulah pihak kerajaan negeri akan pilih yang ada banyak pengalaman luas pengalaman yang tahu mungkin tentang hal ehwal kerajaan tempatan yang juga mempunyai kebolehan untuk menjadi wakil kepada kepentingan masyarakat mereka dalam kawasan mereka.

Jadi, kalau perkara ini pun pernah dibangkitkan oleh Pulau Pinang, kita pun pernah menyebut, kalau Ahli Majlis itu dilantik oleh kerajaan negeri kenapa kerajaan negeri masih lagi mendesak nak buat pilihan raya kerajaan tempatan. Ahli Majlis yang dilantik itu adalah Ahli Majlis yang *qualified*, yang sepatutnya yang boleh diletakkan sebagai wakil kepada suara masyarakat dan rakyat setempat dalam kawasan perbandaran.

Jadi buat masa ini kita tidak ada apa-apa cadangan, buat masa ini tidak diperlukan pilihan raya kerajaan tempatan. Kita pun tak nak ada pihak-pihak tertentu yang nak mengambil kepentingan politik dan akhirnya dia akan bukan saja melibatkan kacau ganggu dalam keharmonian masyarakat tapi dia juga akan melibatkan kos yang besar apabila kita hendak mengadakan pilihan raya-pilihan raya dalam kawasan pihak berkuasa tempatan.

Selain daripada Ahli Majlis mereka ada mesyuarat penuh, mereka ada mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa mereka dan sekarang ini kita sudah buka kepada *live streaming*, *live streaming* mesyuarat penuh pihak berkuasa tempatan. Jadi masyarakat membayar cukai ataupun rakyat dalam kawasan perbandaran dalam kawasan pihak berkuasa tempatan berkenaan dia tahu, apa yang dibincangkan oleh Ahli Majlis dalam mesyuarat *live streaming*, mesyuarat penuh yang diadakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kalau ada yang saya jawab tidak lengkap, kerana kita nak bagi laluan kepada rakan-rakan dan kementerian yang lain, yang ini baru nombor tiga, kita ada banyak kementerian dan saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian membahaskan isu-isu, memberi pandangan, teguran dan sebagainya yang berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Segala pandangan dan semua itu akan diberikan perhatian dan dijadikan *input* kepada penambahbaikan berterusan pelaksanaan dasar dan juga program-program di bawah Kementerian

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan saya dapati Yang Berhormat Datuk Halimah telah menjawab dengan baik, buat kerja dengan baik, *homework* bagus nampaknya iaitu terang, jelas dan nampak dia buat rumah banyak mengikut kemampuan dan rasa rakyat tadi. Tahniah ya dan saya teringat satu pantun kata orang Melayu Kampung.

*Beli pisang berikat-ikat;  
Pilih yang sedap ikut selera;  
Rumah dibina kemampuan rakyat;  
Hidup selesa tidak melara... [Tepuk.*

Hidup selesa baguslah, teruskan perjuangan itu.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana menyokong usaha kementerian.

#### ■1530

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak. Jadi, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Datuk Halimah. Sekarang saya hendak pergi pula ke bahagian nombor empat, Kementerian Kesihatan. Silakan Menteri.

#### 3.30 ptg.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Titah Diraja yang telah menyentuh bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Daripada perbahasan yang telah dilakukan, saya akan memfokuskan penggulangan saya kepada beberapa perkara utama yang menyentuh soal dasar kementerian iaitu:

- (i) berkaitan dengan penyakit tidak berjangkit;
- (ii) isu-isu berkaitan dengan menaik taraf pelbagai jenis kemudahan di infrastruktur kesihatan di seluruh negara; dan
- (iii) beberapa perkara yang khusus.

Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib. Ini adalah berkaitan dengan penyakit tidak berjangkit. Amalan pemakanan yang tidak sihat serta gaya hidup *sedentary* adalah faktor-faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini dan perubahan tingkah laku boleh membantu bagi membendung masalah ini daripada menjadi semakin teruk. Akan tetapi tingkah laku, makan secara tidak sihat dan kurang beriadah ini sudah menjadi satu bentuk budaya dan gaya hidup kita di dalam negara Malaysia. Untuk mengubah budaya ini bukan sesuatu yang mudah, ia akan memakan masa yang lama dan sebaiknya bermula daripada anak-anak lagi. Bak kata pepatah, 'hendak melentur buluh biar daripada rebungnya'.

Bagi membantu perubahan sikap, tingkah laku dan budaya memerlukan kepada ilmu pengetahuan dan persekitaran yang menyokong kepada perubahan ini. Berdasarkan tiga prinsip ini iaitu bermula daripada kecil, meningkat pengetahuan rakyat dan mewujudkan dasar-dasar ke arah persekitaran yang sihat, kementerian akan terus mengatur strategi bagi menangani masalah ini. Bagi meningkatkan pengetahuan rakyat dan menjadi rakyat yang boleh dikatakan *calorie conscious*, kempen pendidikan mengenai kalori dan penglabelan makanan dengan nilai kalori telah dilaksanakan dengan meluas di tadika, di sekolah, di hentian rehat dan riadah lebuhraya dan dihebahkan melalui media konvensional dan sosial.

Sukarelawan KOSPEN di seluruh negara turut melaksanakan inisiatif pemakanan sihat dan riadah di dalam komuniti mereka. Kempen makan lebih banyak sayur-sayuran dan buah-buahan terus dipertingkatkan dan terbaru, kementerian memperkenalkan konsep pinggan sihat iaitu 'Suku, Suku, Separuh' bagi memudahkan rakyat memahami mesej yang hendak disampaikan iaitu bila mengambil makanan, separuh pinggan hendaklah diisi dengan sayur-sayuran dan buah-buahan, manakala nasi atau karbohidrat lain serta sumber protein cukup masing-masing hanya sesuku pinggan sahaja.

Masyarakat juga didedahkan kepada kepentingan beriadah dan bagaimana aktiviti fizikal tertentu seperti berjoging, berbasikal dan membakar kalori tertentu. Risalah dan maklumat mengenainya mudah diperolehi di mana-mana klinik dan hospital serta secara *online*. Kementerian gembira kerana Kempen Berjalan 10,000 Langkah sebagai pencetus agenda beriadah telah diterima oleh masyarakat dan sering menjadi acara sampingan bagi pelbagai sambutan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan setempat. Taman-taman rekreasi sekarang sudah mula dibanjiri pengunjung dan permintaan supaya lebih banyak kemudahan riadah, laluan khas untuk basikal dan sebagainya membuktikan masyarakat sudah mula sedar dan ingin berubah.

Bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong kepada perubahan budaya dan tingkah laku, kementerian telah mengambil beberapa pendekatan. Pertama, mewujudkan persekitaran pemakanan yang sihat di tadika dan di sekolah seperti yang dijelaskan tadi, usaha mengubah budaya perlu bermula daripada kanak-kanak lagi. Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, bukan setakat melabelkan makanan, hanya makanan yang sihat sahaja yang boleh dihidangkan, dibenarkan dijual di sekolah. KKM juga telah memulakan Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah. Semua dapur, asrama sekolah disediakan menu sihat yang mesti dipatuhi oleh kontraktor. Beberapa sekolah di Kuala Lumpur dan Johor telah mula melaksanakan inisiatif di mana anak-anak menerima bekalan makanan yang sihat dengan kadar bayaran tertentu.

Bagi sekolah yang menerima skim bantuan makanan, menunya juga diselenggara oleh kementerian. Lebih ke hadapan lagi, terdapat tiga buah sekolah di Johor di mana persatuan ibu bapa dan guru telah diperkasakan oleh kementerian dan telah berjaya melaksanakan program HiTS sepenuhnya. Kantin sekolah berkenaan tidak lagi menjual makanan seperti lazimnya, tetapi hanya menghidangkan makanan sihat yang disediakan mengikut menu yang dicadangkan oleh kementerian. Konsep ini telah dilaksanakan sepenuhnya di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Kedua, mewujudkan pilihan yang sihat kepada pengguna. Kementerian telah mewajibkan semua kafeteria di fasiliti Kementerian Kesihatan sebagai permulaannya memenuhi kriteria kafeteria sihat dan ia akan diperluaskan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan yang lain di Putrajaya. Kementerian juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak industri makanan bagi menyediakan pilihan yang lebih sihat. Sehubungan dengan itu, kementerian melancarkan logo 'Pilihan Lebih Sihat' bagi produk makanan yang memenuhi syarat pada bulan April tahun ini. Di harap masyarakat menyokong usaha ini dengan membeli makanan yang mempunyai logo berkenaan dan dengan permintaan yang meningkat akan mendorong industri mengeluarkan lebih banyak produk yang lebih sihat.

Ketiga, untuk jangka masa panjang melalui pembangunan dan pelaksanaan dasar-dasar ke arah persekitaran yang lebih sihat, Jemaah Menteri baru-baru ini telah meluluskan secara prinsip beberapa dasar. Ini termasuklah kawalan garam dan gula di dalam makanan, kawalan waktu operasi kedai makanan dan restoran, kawalan pengiklanan dan pemasaran makanan dan minuman yang tinggi kandungan lemak, gula dan garam kepada kanak-kanak terus mengukuhkan aktiviti pencegahan dan kawalan merokok, meningkatkan liputan perkhidmatan rawatan berhenti merokok ke institusi pengajian tinggi dan mewajibkan saringan kesihatan tahunan kepada semua penjawat awam.

Kolaborasi yang aktif dan kerjasama daripada lain-lain kementerian dan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan profesional dan masyarakat adalah penting bagi mencapai sasaran penurunan beban penyakit NCD menjelang tahun 2025 selaras dengan *Global NCD Target 2025* oleh WHO. Penjagaan penyakit NCD memerlukan pendekatan *the whole of government approach* dan *multi sectorial* bagi memastikan pencegahan penyakit NCD dapat dilaksanakan dengan optimum.

Secara terusnya, saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad berkaitan dengan pengurusan jenazah mayat oleh kementerian. Pelepasan jenazah mayat berbangsa asing sama ada beragama Islam atau bukan Islam perlu mendapatkan surat kebenaran pelepasan daripada kedutaan yang berkenaan. Pihak waris atau pihak ketiga yang telah diberi surat kuasa, *electoral authorization* oleh waris hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada kedutaan dan seterusnya mendapat surat kebenaran pelepasan mayat dari kedutaan bagi pengurusan jenazah atau mayat tersebut.

Untuk soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, menurut statistik, dianggarkan bilangan aduan yang diterima berkenaan perkhidmatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh negara adalah sebanyak 100 aduan setahun. Semua aduan tersebut akan disiasat secara telus dan profesional serta tiada kompromi dalam tindakan yang diambil ke atas kakitangan yang terlibat jika didapati aduan tersebut berasas. Kementerian mengalu-alukan sebarang aduan demi meningkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Namun begitu, aduan tersebut haruslah...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh *interrupt* sedikit?

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Boleh.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Boleh Menteri ya?

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Boleh.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lama dah tunggu Menteri mari ini. Saya hendak beritahu, pertamanya saya hendak terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana sekarang ini banyak hospital-hospital baru dibina terutamanya di Kelantan, di Kuala Krai dan di Bachok.

■1540

Sementara itu, hospital-hospital yang lama pun perlu dilihat juga, untuk naik taraf, contohnya Hospital Pasir Mas ini. Pasir Mas merupakan jajahan yang kedua terbesar di negeri Kelantan. Ada dua Parlimen, Parlimen Pasir Mas dan Parlimen Rantau Panjang. Yang saya hairannya, jajahan besar tidak ada doktor pakar. Manakala jajahan Tanah Merah dengan Kuala Krai ini ada doktor pakar. Jadi saya minta kementerian, Menteri datang sendiri hari ini. Cuba tengok kalau boleh di *upgrade*, sebab tahun 2007 lagi dijanjikan Hospital Pasir Mas ini untuk dinaiktaraf, ditempatkan doktor pakar tapi sampai sekarang tak ada lagi.

Keduanya, saya nak minta pihak Menteri, kementerian, saya dah banyak kali kata, jangan bila dah sesi pertama, kedua, ketiga *dok* kaji tengok, kaji tengok. Janji nak ambil tindakan tetapi tak ada. Kita nak pilihan raya tahun ini, banyak rakyat yang merungut layanan terutamanya di unit kecemasan, macam sambil lewa.

Tiga jam pergi itu, tak boleh rawat lagi sedangkan yang pergi itu, orang kampung yang sakitnya *emergency*. Tiga jam dekat luar itu bila saya tanya pukul berapa tadi mari? Dia kata pukul enam tadi Abang Lah. Pukul sembilan tak boleh rawat lagi sedangkan anak dia menangis dekat luar ini. Tak kena *kat* kita tak apalah, bila kena ke anak cucu kita, kita berasa tak sedap. Jadi saya minta perkara ini, Menteri yang mari sendiri hari ini, cuba ambil tindakan segera. Tindakan ini kalau boleh nak ambil sebelum pilihan raya ini, biar rakyat melihat oh! Bagus Kementerian Kesihatan, bagus Unit Kecemasan, sudah berubah. Kalau dahulu rawatannya lambat tetapi sekarang sudah cepat dan sudah *caring* kepada pesakit-pesakit. Jadi saya minta Menteri cuba buat segera, jangan *dok* main tengok kaji timbang, tengok kaji timbang. Kita nak tengok kaji timbang dan ambil tindakan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Di dalam Jabatan Kecemasan dan Trauma, cara yang dilakukan di dalam pengurusan pesakit yang datang ialah untuk menggunakan sistem saringan iaitu tiap-tiap Jabatan Kecemasan dibahagikan kepada tiga zon iaitu satu zon yang dipanggil zon hijau, lepas itu zon kuning dan zon merah.

Semasa seorang pesakit datang, ada tanggungjawab pegawai di peringkat saringan itu, biasanya penolong pegawai perubatan. Mereka akan membuat keputusan bahawa pesakit ini kena diletakkan di kawasan merah, kuning atau hijau. Kalau kes ini ialah kes yang begitu serius, seterusnya ia akan dihantar ke kawasan merah. Kalau dihantar ke kawasan merah, rawatan kena diberi serta-merta kerana ini akan membuat perbezaan di antara hidup dan mati, kadang-kadang.

Melalui menggunakan sistem sedemikian, harapan kita apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat itu tidak berlaku bahawa tidak ada keperluan untuk tunggu tiga jam untuk mendapat

rawatan tetapi saya mengambil iktibar secara baik pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat tentang apa yang telah berlaku di dalam hospital itu. Mengapa ada keperluan untuk tunggu untuk kes-kes yang penyakit serius untuk satu masa yang begitu lama.

Untuk membantu Hospital Pasir Mas, kita telah menambahkan jumlah pegawai perubatan yang telah ditempatkan di hospital itu. Dengan penambahan jumlah pegawai perubatan di situ, harapan saya ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat boleh diatasi. Berkaitan dengan permohonan supaya doktor pakar diletakkan di Hospital Pasir Mas, itu ialah satu permintaan daripada semua hospital di seluruh negara dan kita sedang berusaha seberapa banyak yang boleh untuk menambahkan lagi jumlah doktor-doktor yang mempunyai kepakaran di dalam sistem perkhidmatan kesihatan Kementerian Kesihatan. Memang ada cabaran-cabaran tertentu di dalam hal ini kerana jumlah mereka yang keluar itu bukan selaras dengan keperluan kita dan baru-baru ini kita telah mengadakan di dalam dua tiga tahun ini, sudah menambahkan lagi jumlah mereka yang mengikuti kursus-kursus di dalam bidang kepakaran.

Kalau sebelum 2013, jumlah doktor yang boleh mendapat peluang untuk mengikuti kursus kepakaran ialah 300 sahaja. Selepas tahun 2013, itu sudah kita tambah iaitu kita menghadapi satu peningkatan sampai 1,000 doktor pada satu tahun. Itu bermaksud pada tahun 2018 iaitu tahun yang akan datang, tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya 1,000 orang doktor akan keluar sebagai pakar.

So dengan itu harapan saya kekangan yang dihadapi oleh kementerian di dalam mengisi kekosongan yang sedia ada khususnya untuk pakar ini boleh diselesaikan kerana salah satu daripada isu yang kita hadapi di dalam Kementerian Kesihatan, kita menjadi *the training center for* pakar yang selepas itu kita menyumbang kepada sektor swasta. So, lepas beberapa tahun mereka bertugas di dalam Kementerian Kesihatan, mereka pergi ke sektor swasta kerana ini satu perkara yang tidak boleh dielakkan kerana ganjaran dan pulangan yang mereka boleh dapat di swasta ini beberapa kali lebih banyak daripada apa yang kita mampu beri di dalam sektor awam.

Seterusnya, saya mahu beri tumpuan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin berkaitan dengan jumlah profesional yang ada di dalam sektor awam di dalam perkhidmatan kesihatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi isu berkaitan dengan lebih pengeluaran profesional bidang kesihatan ini khususnya berkaitan dengan bilangan pelajar perubatan, pergigian dan farmasi yang telah melebihi daripada keperluan Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi, kita telah melaksanakan moratorium bagi program perubatan dalam negara yang dikuatkuasakan untuk tempoh lima tahun mulai 1 Mei 2011 sehingga 30 April 2016. Kemudian dilanjutkan untuk lima tahun iaitu mulai 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2021. Moratorium ini meliputi dua perkara iaitu tiada program perubatan yang baru di peringkat ijazah sarjana muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan.

Bagi keluaran graduan luar negara pula, ianya adalah di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pendidikan Tinggi. Bagi graduan pergigian, kementerian juga telah melaksanakan moratorium program pergigian yang dikuatkuasakan untuk tempoh lima tahun

sehingga 2018 dengan had pengambilan pelajar pergigian dalam negara kepada 800 setahun. Manakala bagi graduan farmasi pula, dasar liberalisasi perkhidmatan farmasi telah dilaksanakan iaitu calon boleh memohon pekerjaan dan menjalani latihan farmasi di 537 premis swasta tanpa perlu dilantik oleh SPA.

Berhubung dengan bilangan doktor yang berkhidmat di sektor kerajaan, sehingga Februari tahun ini, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai seramai 36,138 pegawai perubatan yang terdiri daripada 4,572 pegawai perubatan pakar, 22,363 pegawai perubatan bukan pakar dan 9,203 pegawai perubatan siswazah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perjawatan sedia ada merupakan perjawatan tetap yang berasaskan kepada keupayaan kerajaan mewujudkan bagi menampung pembayaran gaji pegawai dan sebagainya. Walaupun kerajaan mempunyai kekangan daripada segi perjawatan, kerajaan juga masih melantik graduan perubatan bagi menjalani latihan siswazah melalui kaedah pelantikan secara kontrak mulai daripada Disember 2016. Pada masa ini, bilangan perjawatan yang disediakan adalah bergantung pada keupayaan kerajaan selari dengan dasar pengejatan saiz perkhidmatan sektor awam yang berkuat kuasa. Justeru, pelantikan kontrak bagi graduan perubatan ini adalah bertujuan untuk membolehkan graduan memperoleh pendaftaran penuh dan seterusnya boleh mengamalkan sebagai Pegawai Perubatan.

#### ■1550

Sebarang pertambahan jawatan dalam memberi penyampaian perkhidmatan kesihatan adalah bergantung kepada keupayaan pertambahan fasiliti serta peruntukan kewangan kerajaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar telah meminta maklumat berkaitan dengan Hospital Temerloh. Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM14.9 juta kepada Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh dari tahun 2014 sehingga 2016 bagi menaik taraf, menambah baik serta menggantikan peralatan perubatan agar perkhidmatan dan rawatan yang terbaik dapat diberikan kepada pesakit yang memerlukan ini. Ini termasuk penggantian satu unit mesin CT-scan 32 *slice* yang telah siap dipasang pada 10 April 2017 yang lalu. KKM juga ada perancangan untuk menaik taraf mesin MRI tersebut dalam masa terdekat tertakluk kepada keadaan kewangan semasa.

Yang Berhormat Senator Datuk Profesor Dr. Sim Kui Hian telah meminta penjelasan berkaitan dengan kemudahan MRI di Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak dan telah menyarankan pembinaan institut kanser di negeri Sarawak. Mesin MRI di Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak walaupun telah berusia 10 tahun, ianya masih boleh digunakan dengan baik. Perisian atau *software* bagi peralatan MRI ini juga sentiasa dikemaskini atau *updated* dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan perkhidmatan. Sehingga kini, seramai 1,600 pesakit setiap tahun menjalani pemeriksaan MRI di hospital tersebut.

KKM juga telah menggantikan satu unit MRI dengan perisian kardiologi, *cardiac software* bernilai RM6.9 juta bagi Hospital Umum Sarawak yang telah siap dipasang pada bulan Januari tahun ini. Pesakit Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak juga boleh menjalani pemeriksaan MRI ini di Hospital Umum Sarawak sekiranya diperlukan.

Perkhidmatan rawatan penyakit barah atau *cancer treatment* dilaksanakan secara berpusat di dalam negara kita mengikut wilayah iaitu Wilayah Utara, Wilayah Tengah, Wilayah Selatan, Wilayah Timur dan Sabah dan Sarawak. Bagi negeri Sarawak, Hospital Umum Sarawak merupakan hospital utama yang merawat pesakit kanser. Terdapat empat orang tenaga pakar radioterapi dan onkologi serta peralatan *linear accelerator, treatment planning system, conventional stimulator, CT stimulator* dan *reiki therapy*. Kemudahan yang terdapat di Hospital Umum Sarawak mampu untuk memberi rawatan yang terbaik untuk negeri Sarawak pada keseluruhannya.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili telah minta penjelasan berkaitan dengan Hospital Petrajaya. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha menambah baik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Justeru itu, kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuk projek Hospital Petrajaya.

Projek Hospital Petrajaya yang mengandungi 300 katil telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan kos RM500 juta. Pada masa sekarang, projek ini adalah satu projek yang dikatakan atau disifatkan sebagai projek sakit kerana kelewatan lebih kurang 40 lebih peratus. Ada satu jawatankuasa khusus yang telah diwujudkan dengan keahlian daripada beberapa agensi termasuk JKR sedang melihat perkara ini dan telah memberi amaran kepada pihak kontraktor untuk meningkatkan usaha mereka untuk menambahkan pencapaian itu supaya projek ini boleh mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Pada masa sekarang, pihak kontraktor telah memberitahu pihak JKR bahawa mereka akan berusaha untuk memastikan hospital ini boleh disiap sedia sebelum hujung tahun ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin telah membangkitkan beberapa...

**Dr. Zaidi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya? Yang Berhormat Menteri, sebenarnya ada tiga perkara yang saya bangkitkan tentang Hospital Umum Sarawak. Pertama ialah tentang projek bangunan letak kereta bertingkat yang telah diumumkan oleh kerajaan untuk dibina beberapa tahun yang lalu tetapi hingga sekarang ini projek ini belum lagi menjadi suatu kenyataan, sedangkan masalah kesesakan lalu lintas, *parking* dan sebagainya adalah amat meruncing sekali pada masa ini.

Satu lagi ialah tentang, seperti mana Yang Berhormat Menteri ketahui, bahawa sudah beberapa kali *Sarawak General Hospital* menghadapi masalah banjir terutama sekali selepas hujan lebat berlaku di Bandar Raya Kuching dan sebagainya. Jadi apakah status projek tebatan banjir yang hendak dilakukan ataupun hendak dibuat untuk mengatasi masalah ini di *Sarawak General Hospital*, Kuching? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Projek tempat letak kereta yang telah dicadangkan untuk Hospital Umum Sarawak ialah satu projek yang telah dicadangkan melalui kaedah penswastan kerana pada masa itu, untuk cara macam mana menggunakan tanah yang sedia ada dalam Hospital Umum Sarawak ini secara optimum, ada syarikat yang telah mencadangkan kaedah untuk membangunkan ini melalui konsep penswastan tetapi ada yang telah dicadangkan pada masa dahulu itu, selepas itu tidak dapat dilaksanakan kerana pihak syarikat berpendapat bahawa ini tidak

akan memberi satu pulangan yang mencukupi untuk memastikan mereka boleh melabur di dalam projek itu.

*Then*, baru-baru ini saya diberitahu oleh pihak EPU dan UKAS, ada cadangan baru di peringkat perbincangan dan saya berharap ini akan mendapat satu persetujuan daripada semua pihak. Kalau ianya berjaya, projek ini akan dilaksanakan di tempat di dalam hospital ini di mana pembangunan itu *is a mixture building*, ada *car park* dan kemudahan-kemudahan yang lain yang boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lain, dan ini saya berharap boleh membawa penyelesaian kepada isu kesesakan *parking* di dalam Hospital Umum Sarawak.

Masalah *parking* ini bukan sahaja satu perkara yang khusus untuk Hospital Umum Sarawak tetapi untuk semua hospital yang besar kerana jumlah pesakit yang datang itu sudah jadi terlampau banyak. Bila tiap-tiap seorang pesakit yang datang, contoh di Hospital Besar Kuala Lumpur, jumlah *outpatient* sahaja yang datang pada satu hari lebih kurang 2,000 orang. Ini tidak ambil 2,000 katil yang ada di situ. Kalau 2,000 katil dan ada empat orang yang datang melawat, *you* boleh membayangkan tiap-tiap hari ada 20,000 hingga 30,000 orang yang datang dan keluar daripada hospital itu. Kita tidak boleh sediakan *parking* untuk 20,000 orang.

So, di dalam perkara ini, memang ada masalah di dalam banyak hospital yang besar di dalam negara kita di mana perkara tentang tempat letak kereta- kita harap pada suatu masa-khususnya di kawasan-kawasan macam Kuala Lumpur, *public transportation* akan menyelesaikan isu ini. Di tempat-tempat di mana ini tidak boleh dibuat, kita akan cuba seberapa banyak yang boleh melalui pelbagai jenis kaedah, bukan satu kaedah- tidak berapa dipakai untuk semua hospital. Melalui pelbagai jenis kaedah yang berbeza untuk mendapat penyelesaian kepada isu ini.

Soalan seterusnya adalah berkaitan dengan Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Hospital Duchess of Kent, Sandakan merupakan sebuah hospital...

#### ■1600

**Dr. Zaidi Haji Suhaili:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tentang tebatan banjir ini, kita akan lihat kepada itu di dalam Pelan Pembangunan Hospital Umum Sarawak pada keseluruhannya. Memang di dalam perancangan.

Hospital Duchess of Kent Sandakan merupakan sebuah hospital berpakar *major* yang mempunyai kapasiti katil sebanyak 400 buah yang menawarkan sebanyak 13 bidang kepakaran dan sub kepakaran. Pihak pengurusan tertinggi Kementerian Kesihatan sentiasa mengadakan lawatan berkala ke hospital itu bagi memantau pengoperasian fasiliti dan mengenal pasti ruang-ruang penambahbaikan, sentiasa berusaha untuk menambah baik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat.

Untuk lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri ke Hospital Duchess of Kent telah diadakan baru-baru ini, pada Januari tahun ini. Di dalam lawatan tersebut, beberapa perkara yang dibangkitkan oleh pihak hospital ialah berkaitan dengan siling dan dinding yang berkulat, isu kekurangan parkir di hospital itu, penggantian lif di hospital pakar, pembangunan sistem ICT bagi menampung penyimpan rekod perubatan, kuarters yang tidak mencukupi dan perolehan mesin *CT*

scan baru dan MRI dan pembaikan *ducting* di dewan bedah. Perkara-perkara ini sekarang di bawah tumpuan bahagian kejuruteraan, bahagian pembangunan dan bahagian pembangunan perkembangan perubatan Kementerian Kesihatan. Kita akan cuba seberapa banyak yang boleh untuk menyelesaikan sebahagian besar daripada isu-isu yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail telah tanya berkaitan dengan rawatan warga asing di dalam sistem kesihatan di dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, statistik menunjukkan jumlah kemasukan pesakit warga negara asing kepada hospital-hospital kementerian adalah sangat rendah berbanding pesakit warganegara.

Dalam tiga tahun kebelakangan ini, peratusan kemasukan pesakit ke hospital-hospital adalah kurang daripada 5 peratus daripada jumlah keseluruhan kedatangan pesakit. Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi apa-apa tunggakan bil rawatan yang dikenakan oleh mereka melalui pelbagai jenis langkah dan menggunakan pelbagai jenis *standard operating procedure* untuk mengurangkan ini.

Untuk mereka yang mempunyai insurans khususnya warga asing yang rasmi, kita tidak menghadapi apa-apa masalah. Isu yang dihadapi oleh warga asing tidak rasmi yang kemungkinan mereka kena bayar secara sendiri. Apabila mereka diminta bayar secara sendiri, memang kita menghadapi isu-isu daripada semasa ke semasa. Akan tetapi pada keseluruhannya itu tidak menjadi satu beban yang besar kepada kerajaan pada masa sekarang. Kerajaan akan cuba meningkatkan lagi cara untuk menguruskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu ialah isu-isu yang dibangkitkan di dalam Kementerian Kesihatan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara yang secara langsung dan tidak langsung akan bantu kita untuk menambahbaikkan perkhidmatan kesihatan di Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sudi datang ke Parlimen untuk menjawab.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Sudah habis.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Soalan yang tidak dijawab Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Kalau dia bagi, *you* kena percaya. Yang Berhormat Menteri boleh percaya. Boleh?

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Saya minta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah. Yang Berhormat duduk. Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Silakan. Yang Berhormat dia akan bagi secara bertulis. Silakan.

#### 4.04 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan

isu serta pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC) semasa perbahasan di atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Semua perkara yang telah dibangkitkan akan dijelaskan seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya ingin melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sektor komoditi telah mencatatkan peningkatan dalam nilai eksport dan menjadikan penyumbang kedua tertinggi kepada pendapatan negara.

Pada tahun 2016, industri komoditi yang terdiri daripada kelapa sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf telah merekodkan pendapatan eksport sebanyak RM122 bilion meningkat 4.2 *percent* berbanding RM117.1 bilion pada tahun 2015.

Selain itu, sektor komoditi juga menyumbang 15.5 peratus kepada jumlah pendapatan eksport negara. Manakala sektor komoditi yang melibatkan aktiviti peringkat hulu dan hiliran turut menyumbang sebanyak 7.4 peratus atau RM82.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2016. Pengukuhan harga komoditi pada tahun 2016 telah memberi impak yang positif kepada pendapatan para pengusaha tanaman komoditi yang terdiri daripada 600,000 pekebun kecil sawit, 350,000 pekebun kecil getah dan hampir 40,000 pekebun kecil koko, lada dan kenaf.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah di peringkat domestik dan antarabangsa untuk memperkukuh dan menstabilkan harga komoditi negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuk meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mempelbagaikan dan menghasilkan produk-produk hiliran bernilai tinggi.

Di samping itu, kerajaan akan terus meningkatkan usaha-usaha memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada serta meneroka pasaran baru melalui misi-misi ekonomi dan teknikal yang dijalankan oleh kementerian. Kerjasama di peringkat antarabangsa akan terus diperkukuhkan bagi menjamin kepentingan industri komoditi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris telah merakamkan ucapan terima kasih kepada bantuan yang disediakan kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian tetap komited dalam menjaga kebajikan para pekebun kecil komoditi dan telah menyediakan pelbagai skim dan insentif.

Untuk sektor sawit, antara bantuan kerajaan yang disediakan adalah Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITA) dan Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITE). Untuk sektor getah pula, bantuan yang disediakan adalah Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dan bantuan musim tengkujuh. Kerajaan juga menyediakan program bantuan di bawah sektor koko iaitu program pembangunan rantai koko kluster. Untuk sektor lada, jenis bantuan disediakan kerajaan ialah Skim Peningkatan Kualiti Peringkat Ladang. Sektor kenaf, bantuan melalui program pembangunan tanaman kenaf disediakan kepada penanam-penanam kenaf.

Kementerian akan terus membantu para pekebun kecil meningkatkan pendapatan dan menggalakkan para pekebun kecil mengamalkan amalan pertanian baik. Selain itu, aktiviti-aktiviti pemindahan teknologi ke arah peningkatan pendapatan akan terus diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun telah membangkitkan isu faedah lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke India untuk industri sawit negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, empat memorandum persefahaman berkaitan industri sawit telah dimeterai antara Malaysia dan India iaitu dua MoU antara Lembaga Sawit Malaysia (MPOB) dengan *Institute of Chemical Technology dan Association of Food Scientist and Technologist* (India) dan dua MoU antara Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dengan *Mumbai Dabbawala Association* dan *The Solvent Extractors Association of India* (SEA).

#### ■1610

MoU ini memberikan akses kepada pembangunan dan promosi makanan dan produk bukan makanan berasaskan sawit di India. Secara tidak langsung, penggunaan minyak sawit dapat dimaksimumkan dalam pelbagai produk yang dihasilkan dalam sektor perindustrian di India. Persepsi terhadap minyak sawit juga dapat ditambah baik melalui pemasaran minyak sawit yang diperakui oleh skim *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) ke India.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin telah membangkitkan isu *rubberize road* di mana inisiatif yang dilaksanakan antara Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) disifatkan berjaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, LGM telah menandatangani memorandum perjanjian bersama Jabatan Kerja Raya pada Jun 2015 untuk bekerjasama dalam membina lima kilometer jalan perintis bagi menguji ketahanan dan prestasi jalan *Cuplump Modified Asphalt* (CMA).

Getah asli sebagai bahan campuran untuk pembinaan jalan raya merupakan salah satu usaha kerajaan dalam mencapai sasaran peningkatan penggunaan domestik sebanyak 10 peratus setiap tahun dan seterusnya membantu menstabilkan harga getah. Tumpuan pada syarikat dalam negara untuk mula mengaplikasikan teknologi ini akan diberi perhatian terlebih dahulu sebelum diperkenalkan ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin telah membangkitkan isu pensijilan MSPO yang dikatakan tidak memenuhi kriteria pemapanan dan penjagaan alam sekitar oleh pihak Kesatuan Eropah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada masa ini Kesatuan Eropah belum menetapkan piawaian pensijilan yang akan dijadikan standard pensijilan di Eropah. Resolusi mengenai minyak sawit dan penyahhutan atau *deforestation*, dengan izin, telah mencadangkan agar pihak EU membangunkan satu skim pensijilan minyak sawit mampan untuk pengimportan minyak sawit ke EU. Ini adalah berikutan pandangan bahawa skim pensijilan minyak sawit mampan yang sedia ada termasuk RSPO mempunyai kelemahan daripada segi aspek kriteria pemapanan dan penjagaan alam sekitar.

Malaysia telah membangunkan skim pensijilan minyak sawit mampan di bawah kerangka *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO). Pada tahun 2013, Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia, *Malaysian Palm Oil Certification Council* (MPOCC) telah ditubuhkan pada tahun 2015 untuk mentadbir urus skim pensijilan MSPO. Malaysia komited sepenuhnya ke atas usaha-usaha

menggalakkan pembangunan industri sawit negara secara mampan dan dengan ini, kementerian telah mengumumkan pelaksanaan pensijilan MSPO secara mandatori mulai 31 Disember 2019.

Bagi mencapai matlamat ini, peluasan pensijilan MSPO secara berperingkat akan dilaksanakan bermula dengan syarikat-syarikat perladangan dan diikuti oleh para pekebun kecil. Bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa bagi MSPO, kementerian akan melaksanakan tindakan-tindakan berikut termasuk kerjasama dengan badan-badan antarabangsa bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa MSPO sebagai satu skim pensijilan minyak sawit mampan.

Selain itu, kementerian akan mengkaji semula prinsip dan kriteria MSPO agar ianya sentiasa setanding dengan standard antarabangsa berkaitan kemapanan. Syarikat-syarikat Malaysia digalakkan untuk mengeksport minyak sawit yang disijilkan di bawah MSPO ke pasaran-pasaran utama. Kementerian akan turut mengadakan misi-misi teknikal ke luar negara bagi mempromosikan MSPO di kalangan para pembeli utama minyak sawit. Dengan pelaksanaan pensijilan MSPO, aktiviti perdagangan industri sawit negara dijangka akan terus berdaya saing di samping meningkatkan imej industri sawit negara di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan untuk memperkenalkan kembali penanaman tembakau seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Kerajaan tidak pernah mengharamkan penanaman tembakau. Namun adalah dikhuatiri ia boleh mendatangkan kerugian kepada pekebun kecil disebabkan tiada jaminan belian dan pasaran oleh industri. Ini kerana pelaksanaan *ASEAN Free Trade Agreement* (AFTA) sejak tahun 2010 telah memberi pilihan kepada pengilang rokok untuk mengimport daun tembakau pada kadar harga yang lebih kompetitif berbanding daun tembakau tempatan.

Selain itu, ia juga dikhuatiri tidak selaras dengan komitmen yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia ke atas *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC)...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, *interrupt* sedikit.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Silakan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Sebenarnya yang bangkit pasal nak tanam balik tembakau itu saya. Oleh sebab saya dengan dia itu bin sama. Bapaknya sama [*Ketawa*] Dia Abdul Rahman. Ada tiga orang dalam ini, bapak sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bangkit supaya tanaman tembakau ini diperkenalkan balik. Pertama, rungutan daripada orang kampung. Oleh sebab apabila tembakau ini diharamkan tetapi sekarang masih lagi panggil Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN). Sepatutnya buang 'T' itu. LKN sahaja, Lembaga Kenaf Negara. Ini ada lagi LKTN, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Jadi kalau tembakau sudah tidak ada, buanglah jadi LKN sahaja, Lembaga Kenaf Negara sahaja.

Kenaf ini Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bila dah tembakau diharamkan tanam dan diperkenalkan kenaf, kenaf di kampung tak ada sambutan. Tak ada pun saya tengok lori bawa kenaf, kilang kenaf tidak ada. Saya rasa dalam keadaan kos sara hidup yang bertambah hari ini, ada baiknya peluang ini diberi balik kepada rakyat untuk menambahkan pendapatan rakyat. Oleh sebab

saya nak tahu juga, bila tanaman tembakau ini diharamkan atau tidak diperlukan lagi – semalam saya tanya Kementerian Kesihatan, dia senyap. Berapa peratus kita dapat mengurangkan kadar orang menghisap rokok? Kalau benda itu tidak menurun, sama, baik teruskan.

Kedua, import rokok ini, bertambah kah atau berkurangan? Kalau import rokok masih bertambah, jadi baik kita biarkan orang kampung tanam tembakau. Bahkan kita boleh eksport dan pendapatan kepada orang kampung. Saya tengok, minta kerajaan kaji balik sebab kerajaan pun sekarang ini tengok masih lagi tak buang, LKTN atau Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Kalau betul-betul tembakau sudah tidak ada, LKN sudahlah. Tak payah lagi 'T' itu. LKN, Lembaga Kenaf Negara. Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan dan celahan yang begitu baik. Sebenarnya, seperti yang saya katakan dalam ucapan tadi bahawa Kerajaan Malaysia tidak pernah mengharamkan penanaman tembakau. Itu sebabnya masih lagi Kenaf dan Tembakau, nama dia punya agensi. Cuma sahaja masalahnya, kerajaan takut nanti apabila kerajaan galakkan penanaman tembakau, dia tak laku di pasaran sebab kita bersaing dengan Indonesia.

Apabila kita masuk dalam *ASEAN Free Trade Agreement (AFTA)*, kita telah bersetuju dalam perjanjian itu bahawa dia punya cukai kosong, lima hingga kosong. Maknanya, Indonesia punya tembakau masuk ke Malaysia, ia punya cukai *very minimal*. Sedangkan kos *production* dia begitu rendah. Di Indonesia kos *production very low*. Jadi *cost of production* kita tinggi. Jadi kerajaan khuatir, takut nanti apabila kita galakkan penanaman tembakau, kilang-kilang rokok di sini tak beli daripada tembakau yang kita keluarkan. Ia lebih suka membeli daripada Indonesia yang lebih murah. Jadi maknanya kita tak ikhlas dengan kita punya penanam tembakau. Kita biarkan dia buat tanam sesuka lah tapi tak laku. Akhirnya dia balik kepada kerajaan.

#### ■1620

Jadi, sebenarnya itu kedudukan sebenarnya. Bukan kita halang, kita hendak tanam, tanamlah tapi kalau akhirnya tidak laku dia punya tembakau, dia akan kompelin pada kerajaan. Bukankah dia tidak dapat hasil apa-apa, jadi itu sebenarnya masalah yang kita hadapi, bukan kita halang daripada mereka. Akan tetapi kerajaan telah mencadangkan supaya menanam kenaf sebab kenaf ini ia begitu baik, harga dia begitu baik. Jepun mengeksport banyak kenaf ini untuk digunakan sebagai *insulator* di rumah-rumah mereka, sebab ia mempunyai kualiti yang begitu baik, maknanya di dinding-dinding rumah itu diletakkan kenaf, dia punya *fiber*, ia boleh baik menjaga haba yang begitu baik, mengekalkan haba yang panas di dalam rumah. Itu dia punya...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa kenaf ini setelah beberapa tahun sudah diperkenalkan, masih lagi tidak mendapat sambutan daripada rakyat? Tidak seperti tembakau, kenapa? Saya cukup tidak faham. Kalau dekat Rantau Panjang itu saya ingat tidak ada siapa pun tanam kenaf. Dulu tembakau ini memang berleluasa, boleh mendapat *income* kepada orang kampung. Akan tetapi sejak– saya hendak tanya, kenapa kenaf ini tidak mendapat sambutan daripada orang kampung? Setahu saya, kenaf ini

kerajaan telah banyak *invest*, saya ingat kalau sambutan begini tidak menguntungkan kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Yang Berhormat, atas perhatian yang begitu mendalam berhubung dengan penanaman tembakau. Sebenarnya, kalau mengikut daripada statistik yang ada pada kita, pada tahun 2015 hanya ada 1,600 hektar yang ditanam dengan kenaf. Akan tetapi pada tahun 2016 kita telah meningkat pada 3,106 hektar ladang atau tanah yang ditanam dengan kenaf. Jadi maknanya, ada peningkatanlah. Saya sebenarnya...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Ya? Di Kelantan pada tahun 2015 - 709 hektar dan pada tahun 2016 - 842 hektar tanah yang telah ditanam dengan kenaf. Sebenarnya, saya melawat ke Kelantan berhubung melihat tanaman ladang kenaf. Tentunya mereka *very excited*, mereka suka. Sebenarnya, ia tanaman hanya tiga bulan, boleh dituai. Kita tanam ia di sawah padi. Sawah padi ia bukan di tanam sepanjang tahun, bukannya? Jadi, ia tanam di tempat padi semasa tidak menanam padi, tiga atau empat bulan, dia tuai, selepas itu bila hujan dia tanam pula ini. Sebetulnya ada tarikan, cuma mungkin promosinya belum lagi begitu pesat tetapi ia akan bermula. Saya rasa dalam tempoh tiga empat tahun daripada sekarang, lima tahun, saya tengok kita akan banyak menanam kenaf dan sebetulnya pasarannya cukup baik dan harganya pun begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Seperti yang saya katakan tadi, selain itu ia juga dikhuatiri tidak selaras dengan komitmen yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia ke atas *Framework Convention on Tobacco Control- World Health Organization* (WHO) untuk tidak menggalakkan penanam tembakau.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian bahawa pada 8 Mei 2017 tahun ini, akan menyaksikan sambutan 100 tahun kegemilangan industri sawit negara. Sudah genap 100 tahun kita terlibat dalam industri kelapa sawit. Sambutan ini akan diadakan di Ladang Tennamaram, Bestari Jaya yang merupakan tapak penanaman pertama sawit secara komersial pada tahun 1917 oleh seorang Perancis yang bernama Henri Fauconnier.

Saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbincangan ke atas...

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tidak terjawab. Saya tunggu, nama tidak sebut. Jadi, saya ada bangkitkan soal bayaran wang SES untuk getah kepada kelapa sawit. Getah, kelapa sawit tidak ada isu wang SES di bayar tetapi mereka yang menukar, peneroka yang menukar daripada getah ke kelapa sawit, wang SES tersebut tidak dibayar. Jadi, adakah kementerian- soalan ini saya dibangkitkan masa zaman arwah dahulu, Arwah Noriah yang dahulu pun dia kata hendak berbincang isu ini.

Jadi, dia tidak sempat bincang, dia sudah pergi, jadi adakah perkara ini- ini kerana di tempat saya, contoh di Negeri Sembilan, ada lebih kurang 80 juta wang SES ini tidak dibayar. Ia akan menjadi isu pilihan raya. Sebenarnya, telah dibayar masa Pilihanraya Kecil Rompin dahulu telah

dibayar tetapi di Negeri Sembilan ini tidak dibayar. Jadi, saya hendak tahu kedudukan status wang SES oleh kementerian.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Kepada Yang Berhormat, mungkin terlepas pandang oleh pegawai-pegawai tetapi saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih. Saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbincangan ke atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tahun 2017 di Dewan yang mulia ini, terutama yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu ini supaya industri komoditi negara terus kukuh dan berdaya saing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang Kementerian Pertahanan.

#### 4.26 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Yang saya hormati Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, yang bijaksana.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih ribuan terima kasih kepada tujuh Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Menjunjung Kasih Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu di bawah tanggungjawab kementerian ini, yang pertama Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh. Betulkah saya sebut nama? Takut tersilap, tidak betul namanya. Keempat ialah Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B). Ini saya tidak silaplah, fasal dia PV ATM punya Presiden. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul dan yang ketujuh ialah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Ada ketinggalan tidak? Tidak ada ya.

Pertama ialah berkenaan dengan Pameran Maritim dan Aerospace Antarabangsa (LIMA) yang diadakan di Langkawi baru-baru ini. Isu ini dibangkitkan oleh dua Yang Berhormat. Pertama oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar dan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Sebagaimana yang kita telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, isu LIMA ini telah dijawab secara panjang lebar, dengan *detail* oleh Menteri saya, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein pada 18 April 2017.

Jadi, saya mohon soalan ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif, beliau jawab panjang lebar, jadi saya minta Yang Berhormat rujuk kepada Hansard itu. Saya rasa segala-galanya telah terjawab, jadi tidak payahlah saya jawab Dato' ya. Kedua ialah berkenaan soalan daripada Yang Berhormat Dr. Zaiedi Haji Suhaili mencadangkan

peluang lokasi penganjuran LIMA tidak hanya ditetapkan di Langkawi sahaja. Jadi, cadang hendak buat ke Sarawak.

Sebenarnya Yang Berhormat, kita kalau boleh memang kita hendak beralih-alih ke tempat lain tetapi malangnya *infrastructure* dia. Kita tidak ada tempat yang sebaik Langkawi, di mana kita ada dewan yang begitu luas, dewan pameran yang begitu luas, pangkalan udara, dia punya lapangan terbang yang tidak seberapa sibuk.

■1630

Selepas itu kita ada pangkalan laut. Jadi yang paling sesuai, hotel lima bintang pun banyak. Jadi, orang-orang yang datang daripada luar negara yang baru-baru ini yang disebut oleh menteri, beberapa buah negara, kita tidak dapat *accommodate* mereka ini di tempat-tempat lain, setakat inilah tetapi kita boleh pertimbangkan pada masa-masa akan datang. Akan tetapi buat masa sekarang ini, belum ada lagi tempat lain yang sesuai untuk mengadakan. Walaupun kita tahu, apabila kita buat penganjuran di Langkawi, hotel naik begitu melambung tinggi, 300, 400 percent. Jadi ini memanglah lumrah sekarang ini, semua cari peluang untuk ambil untung. Macam kapal terbang pun, kalau kita *book* lambat itu, *book* awal itu murah sebab dia hendak mengambil kesempatannya. Jadi setakat ini belum ada, Yang Berhormat.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Ya?

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak membuat sedikit pencerahan. Yang saya cadangkan ialah pasca di LIMA. Maksud saya ialah ada beberapa negara peserta atau pasukan ataupun peserta-peserta yang mungkin bersetuju untuk melanjutkan penyertaan mereka selepas pameran LIMA di beberapa wilayah lain di negara kita. Katakan dua, tiga buah peserta seperti yang pernah dibuat di Kuala Lumpur ini, ada *airshow Korean* punya *airforce*. Itu yang saya maksudkan itu.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, semua itu kos. Maknanya kalau kita pergi *airshow* itu bukan dia bagi *free*. Maknanya kita kena isi minyak dan sebagainya. Jadi logistik lain, kita kena ambil kira. Selepas itu kalau hendak buat *airshow* dan sebagainya dia agak rumit. Jadi sebab itu saya kata, *the best is still* Langkawilah, buat ketika ini. Jadi kalau ada tempat-tempat lain yang terbaik boleh kita buat. Kita ada fikir untuk buat tempat itu kerana ada masalah dari segi feri dan sebagainya. Hotel mahal sedikit tetapi tidak ada pilihan. *That is the best*-lah. Setakat ini tidak ada tempat lain.

Kedua ialah mengenai status pembinaan pangkalan TLDM di Bintulu. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga iaitu bertanya status terkini pembinaan pangkalan TLDM. Memang dalam perancangan kita hendak bina pangkalan TLDM. Ia dicadangkan di Samalaju pada mulanya tetapi di Samalaju itu terlampau jauh ke dalam. Jadi kalau kita buat di Samalaju, kos untuk menyelenggarakan daripada *siltation* sungai itu ia akan mengambil kos yang banyak. Maknanya selepas itu kita kena buat *dredging* dan sebagainya. Memang kita tidak mampu. Jadi sekarang ini di peringkat perbincangan sama ada kita akan bina di Bintulu Port sendiri.

So, sekarang ini walaupun bagaimana pun saya sudah jumpa dengan arwah CM dulu, berbincang dengan perkara ini dengan Panglima Tentera Laut. Jadi masih di peringkat perbincangan tetapi walau bagaimanapun kita akan usaha secepat mungkin. Ini bergantung kepada persetujuan oleh kerajaan negeri dan juga Bintulu Port. Jadi kita kementerian, kita tengok dari segi kesesuaian. Kalau dari segi logistik dan sebagainya, ia memakan perbelanjaan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga ialah kelengkapan aset ATM dan keupayaan tentera laut dan udara dalam menjaga kedaulatan Sabah dan Sarawak. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar yang ingin mengetahui kelengkapan aset tentera terkini yang dibekalkan kepada ATM serta keupayaan tentera laut dan udara untuk menjaga kedaulatan Sabah dan Sarawak. Bagi keupayaan tentera laut dan udara dalam menjaga kedaulatan Sabah dan Sarawak pula, suka saya jelaskan bahawa pihak kementerian dan ATM sentiasa mengambil pendekatan yang berkesan dalam usaha untuk memperkasakan keupayaan pertahanan di kawasan berkenaan.

Bagi komitmen Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), suka saya jelaskan TLDM telah menyusun semula perintah armada TLDM mengikut dua wilayah iaitu wilayah barat di Semenanjung dan di markas pemerintahan armada barat dan wilayah Malaysia timur di Sabah dan Sarawak. Kita buat satu armada baru iaitu yang akan terbit di Sepanggar. Jadi sekarang ini kita ada di sini. Sekarang kita buat dua. So, untuk jadi seperti tentera darat di mana kita ada Panglima Medan Timur dan Panglima Medan Barat. So sekarang ini dalam proses penyusunan semula TLDM akan dibuat secepat mungkin.

Bagi komitmen tentera udara, TUDM mempunyai dua buah pangkalan udara. Satu di Kuching, Labuan serta di pusat bantuan operasi udara di Tawau yang dilengkapi dengan aset-aset yang berkenaan bagi memastikan kepentingan negara di Sabah dan Sarawak sentiasa terjamin. TUDM telah menempatkan aset-aset di pangkalan udara Labuan bagi tujuan rondaan udara, bantuan *close air support* dan tugas-tugas pemantauan di zon maritim Malaysia, di Laut China Selatan dan Lautan Sulu serta membantu operasi *East Sabah Security Command* (ESSCOM). Antara aset-aset yang kita tempatkan adalah satu skuadron pesawat pejuang *Hawk*, pesawat rondaan Maritim *Beechcraft B200T*, helikopter Nuri, satu skuadron pesawat angkut *Hercules C130* dan satu skuadron helikopter EC725 dan satu lagi ialah *light helicopter* akan sampai. Kita sudah tempah dan dalam proses. Ini sedang dijalankan.

Dalam usaha untuk terus memperkukuhkan pengoperasian persempadanan darat di Sabah dan Sarawak, ATM telah menubuhkan *31 Bridget infantry* rejimen sempadan yang bertanggungjawab menjaga keselamatan sempadan Malaysia-Kalimantan daripada Sabah hingga ke Sarawak. Terdapat lima batalion rejimen sempadan ditempatkan di Sarawak iaitu di Miri, Bintulu, Bau dan dua batalion di Sibul. Manakala Markas Bridget Sibul, Sarawak. Bagi negeri Sabah pula, perancangan penempatan batalion di Tawau dan Keningau. Ini dalam perancangan. Dulu kita ada batalion sempadan dipanggil rejimen sempadan hanya di utara antara Malaysia dan Thailand sahaja. So, sekarang ini kita telah tubuh baru lima batalion telah ditempatkan anggota, dia punya semua ini sudah diisikan, hanya kita akan bina kem-kem baru di tempat-tempat lokasi yang sesuai.

Ini sudah dalam perancangan. Selain daripada itu ialah usaha-usaha lain sedang kita perkukuhkan bagi menjaga keselamatan iaitu hubungan diplomasi pertahanan kita dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, usaha menambah baik Rumah Keluarga Angkatan Tentera dipanggil RKAT. Cadangan ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh yang meminta pihak kementerian membaiki Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang daif dan memberi keselesaan kehidupan kepada anggota keluarga. Pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang membangkitkan isu ini. Pihak kementerian sentiasa memberi keutamaan yang tinggi kepada kebajikan kehidupan warganya selepas teras kebajikan ATM yang telah dimasukkan bagi membentuk kualiti yang baik ke atas rumah keluarga angkatan tentera yang diduduki oleh anggota-anggota ATM.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maklumat pada tahun 2015, kerajaan telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM100 juta bagi tujuan membaiki RKAT. Jumlah peruntukan ini telah berjaya membaiki pulih sebanyak 3,745 unit RKAT di dalam ATM. Di samping itu juga kita ada projek NBOS dengan kerjasama KPKT yang membelanjakan RM33.43 juta dengan pembinaan sebanyak 781 buah unit rumah. Pada tahun 2016, pihak kementerian memperuntukkan RM55.63 juta untuk penambahbaikan dan selenggara RKAT kem-kem tentera darat, laut dan udara. Peruntukan ini telah berjaya membaiki pulih sebanyak 2,715 unit RKAT.

#### ■1640

Manakala bagi tahun 2017, sebanyak RM 36.44 juta telah diperuntukkan bagi tujuan yang sama bagi menentukan RKAT di kem-kem tentera sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan selesa didiami. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga untuk pengetahuan Yang Berhormat lima projek pembinaan RKAT baru telah berjaya disiapkan iaitu di perumahan Sungai Panching di Pahang, perumahan Pangkalan Hulu di Perak, pangkalan di kem Batu Pahat Johor dan kem di Kinabatangan di Sabah dan Kem Oya di Sarawak. Yang ini sudah siap dibina.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pihak kita akan membina 35,000 unit rumah menjelang tahun 2020. Ini dalam perancangan dan kita akan buat pelancaran dan pembinaan pada fasal yang pertama iaitu tahun ini ialah sebanyak 3,000 unit. Ini di luar daripada program ini. Ini sedang kita buat. Ini dan hasrat kita, kementerian hendak melihat supaya anggota-anggota angkatan tentera apabila dia bersara dia mempunyai sebuah rumah. So, sekarang ini kem-kem tentera kita telah memperuntukkan kawasan-kawasan yang tertentu untuk membina rumah kepada anggota tentera.

Mereka kem tanah ini tanah kita, tanah ATM tetapi kos pembinaan itu hanya melibatkan kos jadi rumahnya tanah *free*, ini yang kos rumah itu murah. Jadi kita akan buat dalam masa yang terdekat ini. Isu yang kelima ialah kebajikan anggota veteran ATM. Ini Presiden PVATM Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor yang mencadangkan pihak kementerian mewujudkan skim tertentu bagi membantu veteran yang tidak berpencen.

Memang, orang yang tidak berpencen ini punya masalah. Fasal kita bagaimana kita hendak bantu mereka. Bagi cadangan ini suka dimaklumkan bahawa kementerian telah mengadakan

perbincangan khas dengan cadangan daripada kementerian untuk membantu mereka-mereka yang tidak berpencen ini. Jadi skim telah di bincang dengan panjang lebar dan telah dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat baru-baru ini dan ada dua, tiga perkara yang dipersetujui.

Sekarang ini di peringkat-peringkat perbincangan yang terakhir dan akan *insya-Allah* akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah setuju jadi apabila hari ini diumumkan saya rasa banyak akan dapat membantu anggota angkatan tentera yang berpencen dan yang tidak berpencen. Yang berpencen pun dia ada jurang perbezaan. Itu ada dulu mereka bangkit kata berkenaan dengan pencen orang lama dengan orang baru berbeza, jeneral dulu dengan jeneral sekarang lain. Jeneral dulu dia kecil sekarang besar. Tan Sri pencen zaman Tan Sri sebagai PVATM dengan PVATM sekarang kalau pencen berbeza.

Akan tetapi ini mengikut skim, ia melibatkan seluruh penjawat awam bukan sahaja ATM, kalau kerajaan hendak buat kepada ATM dia kena buat juga kepada kementerian lain. Akan tetapi yang saya sebutkan tadi inisiatif, usaha oleh Kementerian Pertahanan untuk membantu, kalau tidak pun untuk meringankan bebanan mereka-mereka ini memandangkan daripada jasa mereka. So, Yang Berhormat Senator sabar, 31 hari bulan *insya-Allah* kalau diizinkan oleh Allah SWT dipermudahkan urusan kita akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin yang bertanya berkenaan dengan bilangan ATM yang menerima pencen di bawah RM820. Sebagaimana makluman Yang Berhormat Senator sehingga kini jumlah veteran ATM yang menerima pencen adalah seramai 118,202 orang. Manakala veteran ATM yang menerima pencen di bawah RM820 adalah seramai 5,970 orang. Yang ini pencen-pencenlah tetapi kalau sekarang ini skim baru kalau pencen banyak dia tidak macam dulu. Fasal apa sekarang ini kalau kita masuk askar, dia pakai *time based*. Koperal apabila dia masuk dalam masa enam tahun dia akan koperal gaji sudah RM3,000. Maknanya kalau dia pencen sekurang-kurangnya pangkat dia ialah Sarjan. Apabila sarjan kalau pencen sekurang-kurangnya RM5,000 dia akan dapat lebih kurang RM3,000. Kalau dia ada isteri sarjan juga dia dapat RM6,000. Jadi saya nampak beza-beza skim ini akan ada perubahanlah selepas ini.

Jadi mereka yang di bawah Angkatan Tentera ini memang ATM ini kita sentiasa mengambil berat walaupun ada pihak-pihak yang tertentu yang mengambil kesempatan untuk menanggung di air yang keruh kononnya kita tidak jaga pembelaan dan segala-galanya. Sebenarnya kita sentiasa membela anggota ATM kita ini. Tidak apalah di abaikan. Saya ditugaskan sebagai Timbalan Menteri yang menjaga veteran. Jadi banyak usaha-usaha yang kita laksanakan. Yang Berhormat Senator juga bertanya berkenaan dengan Majlis Veteran Kebangsaan yang bersidang, bila hendak bersidang. Sebenarnya Yang Berhormat saya sudah buat *pre-council* dengan Majlis dan saya sebelum apa kita telah berbincang ada beberapa perkara yang telah dipersetujui bersama dan saya telah kemukakan, kepada naikkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Menteri akan menentukan tarikh untuk mengadakan perbincangan dalam mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat.

Isu yang kedua ialah rancangan pembinaan pangkalan baru di Sabah ini Datuk Dr. Lucas Umbul ada? Pangkalan setakat ini belum ada Yang Berhormat, di Sabah tidak ada. Kita hanya ada satu di Sepanggar sebab sekarang ini rondaan di laut bukan sahaja TLDM, TLDM kita di lautan luar. Yang dekat dengan laut ini ialah APMM jadi selain daripada TLDM kita ada APMM. Dalam sungai kita ada Marin. So, saya rasa kita hanya tengok tempat-tempat yang sesuai untuk pembinaan.

Jadi, operasi kita di Sepanggar itu sudah mencukupi dan kita bercadang untuk membuat di Bintulu dan kalau kita buat di Bintulu saya *cover* semua. Jadi tidak ada masalah bagi kita. Selain daripada itu kita juga ada pangkalan-pangkalan di Pulau Layang-layang dan sebagainya. So, yang ada sekarang sudah mencukupi. Tidak ada rancangan setakat ini untuk membina pangkalan baru di Sabah. Usaha memerangi pencerobohan di Sabah Yang Berhormat juga membangkitkan perkara ini, kementerian dan ATM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memerangi pencerobohan di Sabah termasuk pengoperasian dengan pihak ESSCOM.

Usaha terbaru adalah di bawah inisiatif *Trilateral Cooperative Arrangement* yang melibatkan tiga buah negara iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia. Ini sudah dipersetujui, macam saya sudah sebut semalam ini beberapa kali sudah ada bermesyuarat di peringkat Menteri, di peringkat pegawai. So, sekarang ini kita akan melaksanakan operasi bersama antara Malaysia dengan tiga buah negara seperti mana yang saya sudah jawab dalam soalan Parlimen semalam.

Benda ini akan dibuat serta-merta kerana hari itu tidak dapat ditandatangani kerana Menteri Filipina tidak dapat hadir kerana dia mengikuti rombongan kerajaan Filipina ke Timur Tengah jadi terpaksa kita tangguh. Akan tetapi walau bagaimanapun kita akan buat dalam masa terdekat ini. Ini semua sudah dipersetujui. Program sosial melibatkan ATM dengan rakyat ini dibangkitkan oleh Dato' Haji Mohd. Suhaimi iaitu program-program yang dilaksanakan ialah Program Jiwa Murni. Ini Program Jiwa Murni terbahagi kepada dua fasal. Fasa Pertama melibatkan lima program meliputi lapan projek pembinaan jalan sepanjang 269.6 kilometer. Lima projek pembinaan jambatan serta projek pembinaan rumah panjang dan pembaikan cerun bukit yang runtuh kesemuanya telah disiapkan.

Ini dibuat di Sarawak. Dulu kalau kita hendak ke Sarawak kita hendak pergi dari satu tempat ke satu tempat akan mengambil masa sehari-hari, kadang-kadang kalau kita daripada Bakelalan ke Bario, tujuh, lapan hari berjalan kaki. So sekarang ini apabila ada Projek Jiwa Murni ini banyak telah membantu rakyat Sarawak iaitu kita dapat menghubungi mereka dengan cepat dan mereka banyak membantu dan kos yang dibuat oleh ATM ini kita *save* 60 peratus daripada kos yang dibuat oleh JKR dan sebagainya.

Akan tetapi, jalannya tidaklah sehingga standard JKR tetapi jalan ini boleh digunakan dan kalau sekiranya kerajaan negeri ada peruntukan kerajaan boleh teruskan untuk *upgrade* jalan itu. Jadi setakat ini amat membantu rakyat daripada pedalaman dan pelaksanaan ini hanya di Sabah dan Sarawak. Fasal yang kedua dalam pelaksanaan iaitu lima projek yang dilancarkan dan dijangka siap pada tahun 2020.

## ■1650

Kita akan bina 37 jambatan di kawasan pedalaman, yang sedang dibina sekarang ini 37 jambatan. Melalui projek ini, kementerian telah menjimatkan seperti mana yang saya kata tadi 60 peratus kos pembinaan jalan ini. Aktiviti lain ialah aktiviti sivik di mana aktiviti bantuan kesihatan di mana doktor-doktor kita masuk ke kampung untuk memberi rawatan kepada masyarakat terutama sekali di luar bandar. Sekarang ini banyak di Sabah dan di Sarawak, di Semenanjung kita pun kalau ada tempat-tempat yang sesuai, *insya-Allah* kita boleh hantar pegawai-pegawai kita untuk melaksanakan program ini.

Ketiga ialah Kor Agama. Keagamaan dibuat oleh KAGAT. Pelbagai-pelbagai program keagamaan dibuat oleh pihak KAGAT. Selain daripada itu juga, kita ada lagi aktiviti CSR oleh LTAT. Kita sudah ada ATM, itu bantuan daripada kerajaan. Kita ada juga LTAT iaitu Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Selain daripada sejak tahun 1999 sehingga kini, LTAT telah memberi sumbangan CSR berjumlah RM398.51 juta, RM300 juta lebih. Jadi orang kata, LTAT ini banyak sebenarnya kita sudah bagi bantuan, bantuan persekolahan anak-anak, sara hidup dan berbagai-bagai jenis bantuan yang kita bagi. Ini melalui LTAT. Jadi itulah di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian. Jadi, saya ucap terima kasih banyak-banyak. Abang Lah ada apa hendak cakap?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, hari itu tidak sempat hendak bangkit. Jadi sebelum Yang Berhormat Menteri- saya hendak tanyalah, saya hendak cadang kepada Kementerian Pertahanan kalau boleh, ada tidak cadangan ataupun boleh tidak kalau pihak kementerian membina satu rejimen sempadan. Saya hendak cadangkan kalau boleh kita- di Jeli ada, buat dekat Rantau Panjang satu, rejimen sempadan. Kem tidak boleh, salah sebab dekat dengan sempadan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, kem memang, di tempat saya ada, di Kubang Pasu ada. Kem rejimen sempadan itu, dahulu wataniah, ditukar itu. So, rejimen sempadan. Sekarang ini di kawasan Tok Pa ada, kita ada kem. Mungkin bokeh buat cadangan pada masa yang akan datang untuk dibuat di Rantau Panjang kerana Rantau Panjang ini kawasan yang agak sensitif, so kita perlu. *Insya-Allah*, saya ambil cadangan ini untuk dikemukakan kepada pihak ATM supaya dikaji, supaya kita hendak memperkemarkan, memperketatkan lagi rondaan sempadan kita apatah lagi kerajaan bercadang untuk membuka sempadan Malaysia-Thailand 24 jam.

Sekarang ini sudah, dia akan bukan 24 jam. Jadi, macam-macam aktiviti yang ada di situ. So, kita hendak memperkemarkan di sempadan itu, *insya-Allah* kita boleh buat pertimbangan.

Jadi Yang Berhormat, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih dan kepada Yang Berhormat sekalian yang telah memberi pandangan dan juga terlibat dalam perbahasan, saya ucap terima kasih dan *insya-Allah* kita akan membuat yang terbaik di Kementerian Pertahanan ini. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, silakan.

**4.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Antara isu-isu yang telah dibangkitkan berkaitan kementerian ini adalah mengenai peluang perniagaan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari pelaburan asing, kerjasama pintar dan pemindahan teknologi di antara PKS dan pelabur asing dan penggunaan bahan mentah serta pekerja tempatan oleh pelabur asing serta pelaburan negara China di Sarawak.

Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun dan Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim membangkitkan isu berkaitan peluang perniagaan untuk PKS daripada pelaburan asing, kerjasama pintar antara PKS dan pelabur asing dan penggunaan bahan mentah serta pekerja tempatan oleh pelabur asing. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus komited untuk membangunkan usahawan PKS agar dapat bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa serta membantu usahawan meningkatkan kapasiti dan kualiti produk.

Pada tahun 2017, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM6.7 bilion kepada 16 kementerian dan lebih daripada 65 agensi untuk melaksanakan 165 program pembangunan PKS di bawah bidang fokus khusus iaitu akses kepada pembiayaan, akses kepada pasaran, pembangunan modal insan, infrastruktur dan penarafan teknologi serta inovasi. Ini adalah bagi membantu PKS tempatan membina keupayaan mereka dalam penggunaan teknologi, automasi, inovasi, kualiti perkhidmatan, penjenamaan dan pengantarabangsaan.

Pelaburan bertaraf mega dari luar negara seperti dari negara China menyediakan pelbagai peluang kepada PKS di Malaysia. Kerajaan secara amnya mengalu-alukan pelaburan dari pelbagai negara termasuk China sama seperti kita mengalu-alukan pelaburan negara lain sejajar dengan kepentingan dan kemajuan negara. Usahawan PKS di Malaysia seharusnya mengambil kesempatan daripada projek pembangunan yang dilaksanakan seperti, dengan izin, *One Belt One Road* (OBOR) dan ekonomi digital di negara ini. OBOR telah mengenal pasti 65 negara yang bakal disambungkan dengan negara China. Usahawan PKS dijangka mendapat manfaat daripada kesan limpahan inisiatif OBOR seperti projek kereta api Pantai Timur.

Semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun lalu ke negara China, mereka telah bersetuju untuk menggunakan bahan mentah tempatan bagi projek yang diperoleh daripada Kerajaan Malaysia. Ini merupakan satu langkah untuk meningkatkan penggunaan produk tempatan dan seterusnya memacu pertumbuhan PKS tempatan.

Bagi tujuan untuk meneroka serta memupuk kerjasama yang lebih erat di antara syarikat-syarikat besar dan kecil di seluruh negara, MITI bersama agensi-agensinya iaitu SME Corp., Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Pembangunan

Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menganjurkan *MNCs & SMEs Supply Chain Development and Opportunities Conference* dengan izin, pada 15 Disember 2016.

Persidangan ini memberi tumpuan kepada industri elektrik dan elektronik, *aerospace* serta makanan dan minuman di mana ketiga-tiga industri ini mempunyai ekosistem yang kukuh di Malaysia. Sesi pepadanan perniagaan, *business matching* turut diadakan bersama 25 syarikat multinasional yang meliputi seperti *Intel, Jabil, Nestle, Infineon Celestica, Shimadzu* dan *Nippon Electric Glass*. Pada masa ini, MITI sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan penggunaan bahan binaan keluaran tempatan dalam projek-projek kerajaan dan projek-projek mega.

Di samping itu sejak 2016, MIDA telah mensyaratkan syarikat perkilangan menggaji sekurang-kurangnya 80 peratus pekerja tempatan supaya peluang pekerjaan yang lebih besar dapat diberikan kepada rakyat tempatan di semua peringkat jawatan. Pada 16 Mac 2017, MIDA telah menganjurkan persidangan *Specialized Building Materials Supply Chain*, dengan izin. Persidangan tersebut bertindak sebagai platform kepada pemaju, pengeluar bahan binaan tempatan, kontraktor dan projek *delivery partners* untuk bekerjasama dalam pelaksanaan projek mega di Malaysia. Persidangan tersebut telah membuka peluang kepada pengeluar bahan binaan tempatan untuk menyertai rantai ekosistem pembekalan serta meningkatkan penggunaan produk tempatan dalam projek mega di Malaysia.

Potensi perniagaan hasil daripada pepadanan perniagaan semasa persidangan tersebut adalah sebanyak RM1.029 bilion. Di samping itu, negara melalui Jawatankuasa Tinggi Akaun Semasa Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II sedang mengkaji langkah-langkah untuk meningkatkan penggunaan bahan binaan keluaran tempatan dalam projek-projek pembinaan tempatan terutamanya bagi keenam-enam projek mega. Sehubungan ini, beberapa sesi perbincangan telah pun diadakan dengan pemilik projek mega bagi Bandar Malaysia, *Tun Razak Exchange, Forest City, East Coast Rail Line (ECRL), Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail (MyHSR)* dan *Melaka Getaway*.

Merujuk kepada isu pemindahan teknologi atau *technology transfer*, ingin dimaklumkan sebagai contoh penubuhan Proton, telah berjaya mempertingkatkan kemampuan Malaysia secara menyeluruh di dalam industri automatif melalui pemindahan teknologi. Proton sebagai contoh telah berkembang dari hanya menjalankan aktiviti memasang dan menjual kereta jenama Malaysia sehingga memiliki kemampuan menjalankan penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan reka bentuk, gaya dan teknikal prototaip, pengujian serta validasi teknikal dan keupayaan khidmat nasihat kejuruteraan automatif yang berkaitan. Hasilnya, banyak peluang perniagaan yang dibuka untuk PKS termasuk kepada vendor tempatan dan pengedar kenderaan Proton.

#### ■1700

Sehingga kini, ekosistem dari kewujudan proton telah memberi manfaat kepada 240 vendor dan 325 pengedar atau lebih daripada 50 ribu pekerja yang terlibat dalam rantai bekalan proton. Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian telah membangkitkan isu berkaitan dengan

pelaburan negara China supaya dapat di bawa ke Sarawak Kerajaan Persekutuan senantiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam usaha menarik pelaburan dari dalam dan luar negara dalam pelbagai sektor di semua negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Strategi bagi promosi penarikan pelaburan yang di laksanakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kekuatan dan ekosistem pelaburan dan perniagaan di sesebuah negeri. Melalui MAIDA, Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan dalam melipat gandakan usaha-usaha mempromosikan pelaburan. Bagi negeri Sarawak khususnya, kerajaan bekerjasama rapat dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Wilayah Sarawak iaitu RECODA, dalam menyasarkan pelaburan untuk sektor-sektor tumpuan seperti industri berasaskan sumber, contohnya kelapa sawit, pembalakan, aluminium dan sektor hospitaliti.

Selain daripada itu, kerajaan juga secara am nya menggalakkan pembangunan industri minyak dan gas di Sarawak. Keluasan negeri Sarawak yang begitu besar dan kemudahan *hydroelectric* adalah antara pemangkin utama yang menggalakkan kemasukan pelaburan ke negeri Sarawak.

Seterusnya bagi menggalakkan pengaliran masuk pelaburan masuk pelaburan asing, kerajaan menganjurkan misi-misi penggalakan pelaburan ke negara-negara terpilih, Majlis Dialog dengan pemain-pemain industri, seminar pelaburan, serta persidangan antarabangsa. Kita juga menganjurkan persidangan rantaian bekalan di antara syarikat-syarikat besar multinasional dan tempatan dengan syarikat-syarikat kecil tempatan serta PKS satu persidangan di peringkat wilayah Sabah dan Sarawak akan diadakan di Sarawak pada suku tahun ketiga 2017.

Persidangan ini bertujuan untuk membuka peluang kepada syarikat-syarikat besar yang berhasrat untuk melabur di Sabah dan Sarawak untuk mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk turut serta dalam rantaian bekalan bagi syarikat di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 2015, Johor adalah negeri yang paling banyak menerima pelaburan dengan jumlah RM 31.5 bilion dengan 137 projek dilaksanakan. Sementara itu nombor dua ialah Sarawak dengan jumlah RM 7 bilion sama dengan 22 projek untuk dilaksanakan dan sudah dilaksanakan. Pada tahun 2016, FDI, DDI di Johor sekali lagi menjadi negeri yang paling menerima terbanyak dengan RM26 bilion- 165 projek. Sementara Sarawak di tempat yang ketiga dengan RM4.6 bilion- 13 projek, daripada negara Belgium RM545.8 juta, Belanda RM452.7 juta dan tentunya daripada negara China RM 1.1 bilion di Samajaya- Syarikat Longgi mengenai *solar ingots* dan juga *solar wafer*.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah di bangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang d-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. Silakan Yang Berhormat Menteri.

### 5.03 ptg.

**Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy:** Salam Sejahtera dan salam negaraku. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli yang

Berhormat Senator khususnya yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian Teknologi Hijau dan Air, sepanjang sesi perbahasan Titah Sri Paduka Yang di-Pertuan Agong kali ini. Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, pembudayaan gaya hidup hijau ke arah mencapai matlamat negara untuk menjadi ekonomi rendah karbon, *carbon reduction*, dengan izin, adalah terkandung di dalam salah satu teras utama Rancangan Malaysia Kesebelas.

Dalam hal ini, suka cita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa usaha agresif dan berpandangan jauh oleh kementerian ini sedang dan akan terus diambil untuk melaksanakan pelbagai inisiatif, seperti peningkatan penjanaan tenaga boleh baharu, dengan izin, *renewable energy*, penggunaan tenaga yang lebih cekap, pelaksanaan *water demand management*, pembangunan bandar rendah karbon, dan penggunaan kenderaan elektrik. Dari aspek pembangunan boleh baharu atau *renewable energy*, tindakan sedang diambil untuk menjana 1000 megavolt tenaga solar berskala besar bagi tempoh 2017-2020. Bagi inisiatif kecekapan tenaga, langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 8 peratus dalam tempoh 10 tahun, mulai pada tahun 2016.

Di samping itu, usaha ini juga sedang dilaksanakan oleh kementerian bagi mengurangkan kadar air tidak berhasil- dalam bahasa Inggeris, *non-renew water* kepada 25 peratus, menjelang tahun 2020.

Dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong kali ini, seramai tiga orang Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin; Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook; dan Yang Berhormat Senator Dato'Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, telah mengambil bahagian dalam perbahasan isu-isu berkaitan fungsi Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air, iaitu sektor tenaga hijau dan air. Saya mengucapkan Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Bagi sektor tenaga hijau Tuan Yang di-Pertua, pertama izinkan saya membangkitkan perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin berkenaan dengan usaha kerajaan untuk memperluaskan model pelaksanaan Pulau Langkawi sebagai Pulau rendah karbon ke negeri-negeri lain, termasuk negeri Kelantan, yang juga merupakan negeri kelahiran Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengumumkan bahawa Pulau Langkawi sebagai model pulau rendah karbon pertama bagi Malaysia bagi menjadikan pulau Jeju Korea Selatan sebagai penanda aras.

Pengumuman ini adalah berdasarkan hasil kajian kebolehlaksanaan yang mendapati Pulau Langkawi adalah sesuai untuk dijadikan pulau rendah karbon. Pada masa ini KeTHA sedang menyediakan model pulau rendah karbon dan pelan tindakan strategik bagi Pulau Langkawi dengan inisiatif awal yang dirancang adalah melalui projek rintis teksi elektrik. Model pulau rendah karbon ini akan dapat diperluaskan di kawasan lain apabila ia berjaya dilaksanakan di Pulau Langkawi.

Manakala inisiatif rendah karbon ini di kawasan bandar pun boleh dilaksanakan berpandukan *Low Carbon City Framework* (LCCF) yang telah dibangunkan oleh KeTHA.

Untuk makluman Yang Berhormat, ingin saya katakan di sini ia merupakan satu konsep holistik di mana pelancong-pelancong yang datang ke Langkawi ini dia memerlukan *mindset* hijau ini. Bila dia turun daripada kapal terbang dia naik teksi, dia hendak tengok teksi elektrik kerana di rumah atau di kawasan mereka duduk seperti negara-negara Barat, pembudayaan itu telah berlaku. Oleh sebab itu, bila dia sampai ke Langkawi dia mahu begitu. Maka Kelantan, masih lagi belum menarik pelancong-pelancong yang begitu ramai sekali. Kita cuba dulu di Langkawi, lepas berjaya baru kita aplikasikan model yang sama.

Ahli Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin turut juga memohon supaya kerajaan meningkatkan pembinaan bangunan dan perumahan yang meningkatkan garis panduan teknologi hijau. Selain itu beliau juga berharap program-program kesedaran masyarakat dipergiat terutamanya dalam mempromosikan gaya hidup hijau, program kitar semula, dan pembelajaran hijau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian ke arah aspirasi pertumbuhan hijau, memerlukan peralihan daripada *trajectory* pembangunan konvensional, *grow first, clean up later* kepada *trajectory* pembangunan mampan atau *sustainable development*, demi manfaat generasi masa depan. Strategik baru ini memerlukan perubahan fundamental, merentasi setiap diemasi utama dan meliputi aspek penetapan dasar, pengawal seliaan institusi, perkongsian tanggungjawab dan kesedaran alam sekitar.

Sebagai contoh, kita ada dalam tempoh 2009, sejak Perdana Menteri Dato Sri Najib Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri dari 2009, ada tiga dasar utama yang telah dikerangkakan. Pertama, Dasar Teknologi Hijau Negara pada 2009, kerangka dan sistem penilaian Bandar Rendah Karbon 2013, dan Pelan Induk Teknologi Hijau. Baru-baru ini, pada Mac 2017, di mana insentif diberikan kepada syarikat-syarikat yang akan 'menghijaukan diri mereka' dengan budaya pengeluaran dan juga segala aspek ekosistem hijau, di mana RM5 bilion telah diperuntukkan sebagai satu ganjaran pelepasan cukai dan sebagainya, untuk syarikat-syarikat ini. Ia baru diumumkan oleh Perdana Menteri. So 'GETA' dan 'ETA' telah diwujudkan. Saya minta supaya Yang Berhormat dapatlah melayari laman web untuk mendapatkan, apakah perkara dan diuar-uarkan berita ini kepada industri dan komersial. Supaya mereka juga dalam harus- jalaran *green*. Dan itulah **harapan saya**

#### ■1710

Lepas itu, kita ada SEDA. SEDA ialah satu badan yang telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk menerajui agenda hijau ini sebagai satu entiti tersendiri. Maka, banyak insentif. MySuria contohnya, untuk golongan miskin, telah dimulakan. Lepas itu, solar. Sekarang mereka di bawah 1000 kilowatt boleh mohon. Sekarang kita ada LSS di bawah Suruhanjaya Tenaga. Tahun ini dia punya *target* ialah 500 megawatt. So, ramai yang telah memohon untuk mengalihkan pengeluaran tenaga mereka kepada solar. *Biomass* pun ada. Kita ada hidro, lepas itu kita ada *thermal* dan ada banyak lagi. So, aliran ini perlu kita faham. Saya memohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sama-samalah dalam perjuangan ini untuk menghijaukan negara.

KeTTHA telah membangunkan *Low Carbon Cities Framework and Assessment System* sebagai panduan kepada pihak berkepentingan dalam menyediakan rancangan dan pembangunan yang dapat menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon. Ini banyak diberi mandat kepada *local government*, kerajaan-kerajaan tempatan, majlis-majlis perbandaran, institusi-institusi pembangunan negara dan juga untuk infrastruktur negara. Maka, pembangunan bandar dan bangunan yang meliputi 13 kriteria dan 35 sub kriteria telah dibentuk.

Antara insentif yang disediakan oleh kerajaan dalam memacu pertumbuhan perbandaran rendah karbon adalah pelaksanaan projek-projek kecekapan tenaga yang melibatkan, pertama, program audit tenaga, *retrofit* dan pengurusan tenaga di pemasangan kerajaan, bangunan komersial dan industri, dengan izin, *Green Investment Tax Allowance*, yang saya katakan tadi GITA, *income tax exemption*, ITA. Selain itu, kerajaan juga menyediakan kemudahan pembiayaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau bagi menyokong industri pembekalan dan seterusnya akan membantu memenuhi permintaan bekalan dan pembangunan perbandaran rendah karbon.

Tuan Yang di-Pertua, selain inisiatif-inisiatif yang saya sebutkan tadi, KeTTHA juga mengadakan program-program kesedaran untuk menggalakkan gaya hidup hijau menerusi Yayasan Hijau Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2014. Nama dia YaHijau, Yayasan Hijau. YaHijau berperanan mempromosi serta meningkatkan kefahaman, pendedahan dan penghargaan untuk memperkasa gaya hidup hijau di kalangan rakyat. Program-program yang diadakan turut melibatkan kerjasama pihak agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat. Dalam perkembangan terbaru, KeTTHA bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang membangunkan kurikulum pendidikan teknologi hijau di peringkat sekolah menengah dan dijangka guru-guru akan mula dilatih pada bulan Julai 2017.

Bagi sektor tenaga pula, soalan telah diajukan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Akmah Ehtook mengenai sistem *net energy metering* (NEM) serta adakah terdapat kuota yang diperuntukkan bagi sistem NEM seperti mana pelaksanaan sistem *feed-in tariff* (FiT). Yang Berhormat Senator juga ingin mengetahui faedah dan keistimewaan yang diperoleh oleh pengguna terawal yang menggunakan sistem NEM seperti yang diperoleh menggunakan sistem *feed-in tariff*.

Ini satu konsep baru, *net energy metering*. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat perlu uar-uarkan ini di peringkat akar umbi. Ini adalah untuk:

- (i) rumah domestik;
- (ii) rumah komersial; dan
- (iii) untuk industri,

Di mana kerajaan akan beli. Kalau kita pasang solar di atas bumbung kita, Tenaga Nasional akan beli tenaga yang dikeluarkan. Katakan kita ada gunakan 200 kilowatt untuk rumah kita tetapi penjanaan tenaga adalah 400 kilowatt yang kita pasang di bumbung kita sendiri. Katakan industri kita, kita ada satu kilang yang besar, bumbungnya dipenuhi dengan solar dan kita sudah pasang dan kita hanya gunakan banyak ini, lebih dia beli. Tenaga Nasional akan beli lebih tenaga yang dijanakan. Ini adalah satu konsep baru untuk penswadayaan tenaga dan kehijauan tenaga di Malaysia. Satu konsep baru.

Untuk maklum Ahli-ahli Yang Berhormat, NEM ialah sistem yang menggalakkan pengguna untuk menjana elektrik daripada solar untuk kegunaan sendiri dan, dengan izin, *self-consumption*. Sekiranya tenaga itu dihasilkan lebih, ia boleh dijual kepada *grid national* yang direkodkan dalam akaun bil elektrik. Akan tetapi, kita memang ada masalah dari segi jangka masa bayaran balik. Katakan Tenaga Nasional kena bayar kerana kita ada jual, kita hendak pastikan bahawa jualan atau wang itu di-*remit* balik kepada penjual itu atau pemilik komersial itu atau industri itu secepat yang boleh. Sekarang ia mengambil masa berapa bulan. So, kalau kita dapat mengharmonikan tempoh masa itu, saya rasa lebih ramai akan masuk dalam skim ini.

Oleh itu, menerusi sistem NEM, pengguna dapat menjimatkan bil elektrik tertakluk pada jumlah penggunaan bulanan dan jumlah tenaga elektrik yang dihasilkan. Untuk menggunakan sistem NEM, pengguna perlu buat permohonan kepada SEDA.

Satu lagi berita baik, kita ada *tax exemption*. MIDA akan memberi sistem di mana kalau orang menggunakan atau mana-mana syarikat atau mana-mana komersial, bangunan komersial menggunakan sistem ini, institusi itu akan dapat pelepasan cukai. Boleh dipohon melalui MIDA. Inilah insentif-insentif yang diberikan. Sejumlah 500 megawatt diperuntukkan bagi tahun 2016 hingga 2020 dengan peruntukan 100 megawatt setahun. So, saya mintalah supaya ramai boleh beritahu semua dan minta mereka mohon untuk ini. Minta mohon tulis kepada SEDA, ada dalam laman web, masuk tanya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiada keistimewaan khusus untuk pengguna terawal yang menggunakan sistem NEM. Tidak ada *special incentive*. Terbuka kepada semua.

Sektor air pula, ada soalan Yang Berhormat tanya mengenai air ini iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook juga.

**Tuan Aknan Ehtook:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy:** Ya.

**Tuan Aknan Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua. Cuma, tentang NEM itu, boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kami, apakah kadar yang digunakan untuk bayar balik oleh TNB? Ini kerana kadang-kadang kita melabur untuk buat solar atas bumbung mungkin RM50,000 ke RM60,000, lepas itu kita tunggu 70 ke 80 tahun baru dapat balik modal itu, ia tidak berbaloi. Jadi, kalau tidak berbaloi, tidak siapa yang hendak ambil skim ini, *then* benda itu tidak akan menjadi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang satu soalan perniagaan yang baiklah. Sekarang setakat ini, 31 sen dibayar. Bila kita duduk runding dengan SEDA, kita akan juga bincang *business plan* kita. Kita tidak membabi buta terus masuk ke dalam sistem ini. Mereka akan bantu menasihatkan. Siapa konsultan dia, berapa banyak *you* boleh untung dan rugi, keluasannya dan harga pelaburan dan juga ROI dia, mesti akan dikira sebelum perkara ini dapat diamalkan. Tempoh-tempoh bayaran balik juga akan dikira kerana mungkin kalau kita buat pinjaman dari bank, akan ada kadar bunga. Kalau lambat sangat, *it is not viable*, dengan izin. So, ia boleh dibincangkan kerana ia *win-win situation*. Menang sama, Yang Berhormat.

Baik, seterusnya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi ya yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi. Saya sambung balik. Sedikit sahaja lagi. Mengenai perancangan tertentu untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air bersih di Kelantan.

Saya mengakuilah bahawa di Kelantan ini memang ada *problem*. Memang ada masalah. Ini kerana, saya hendak maklumkan, bahawa daripada sungai, airnya 55 peratus sahaja diambil sebagai sumber air untuk dibekalkan kepada semua pihak. Lain daripada itu adalah 45 peratus datang daripada air dari bawah tanah ya, ini kerana isu legasi. Loji rawatan air kita begitu lama di Kelantan. Maka, perlu dipermodenkan kerana sistem lama dia. Tiga puluh lima loji yang membekalkan air atau membersihkan rawatan ini masih sistem lama.

Maka, saya ucap tahniah kepada negeri Kelantan kerana sudi membenarkan *federalization water system* kita. Baru ini, pada tahun 2015. Sekarang kita tengok sebanyak RM293 juta telah dibelanjakan untuk memodenkan sepuluh loji rawatan dan satu baru, 11. So, saya minta sabarlah ya. Penstrukturan industri bekalan air secara holistik sedang dilakukan dan saya memahami.

#### ■1720

Satu lagi masalah Kelantan ialah *non-revenue water*. Ketirisan air 49.4 peratus di Kelantan. Ini kerana pili-pili lama dipakai. Saya tidak tahu di Kelantan dia pakai bahasa apa, bahasa dia pili. Di Kelantan dia pakai apa Yang Berhormat? So, dia lama. So, dia pecah, bocor banyak ketirisan air berlaku so, rugilah. Air mentah banyak tetapi ketirisan hampir separuh. Masalah ini perlu diatasi walaupun sistem paip itu besar yang membekalkan air ke kampung sudah ada tetapi daripada sana ke rumah itu dan di dalam rumah itu ketirisan berlaku. Inilah saya rasa perlu diatasi. Ini juga saya rasa dengan adanya penstrukturan semula dengan kerjasama *Federal* dengan Kelantan yang cukup subur sekarang, cantiklah.

Saya minta supaya Yang Berhormat nasihat kepada Selangor supaya sama-sama bantu, jangan fasal *Splash issue* ini orang susah sampai tidak ada air di Subang, di Kajang kerana masalah kontrak ini. Kita hendak *federalize* tetapi dia orang minta duit banyak, macam-macam cerita. So, saya mohon supaya Menteri Besar Kelantan bincang dengan Menteri Besar Selangor janganlah kecoh lagi. Bila rumah bergelimpangan dengan air, derita rata-rata. Jangan kerana perjanjian kecoh segala. Itulah permintaan saya.

Untuk makluman Yang Berhormat, tarif rendah banding dengan tarif nasional. Tarif nasional *average national tariff is 70 cent*, dengan izin, tetapi Kelantan *67 cent* so ia masih okey. Baik terima kasih dan seterusnya di samping itulah *Rolling Plan* yang sama negeri Kelantan juga menerima peruntukan untuk pelaksanaan *non-revenue water* yang saya katakan tadi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah telah membangkitkan berkenaan pelantikan kontraktor bagi projek-projek bekalan air di negeri Kedah dan usaha kementerian dalam memastikan projek yang dilaksanakan dapat disiapkan seperti yang dirancang.

Untuk makluman Yang Berhormat KeTTHA telah membelanjakan sebanyak RM100.3 juta untuk lapan projek, peruntukannya untuk *Rolling Plan 2*, dengan izin. Pinjaman kepada Syarikat Air Darul Aman (SADA). So, ini terpulang kepada negeri Kedah untuk memastikan wang itu

dibelanjakan untuk projek-projek. Ia di bawah naungan kerajaan negeri, so saya minta supaya Yang Berhormat pergi jumpalah dengan Menteri Besar sana kawan saya Dato' Seri Ahmad Bashah minta dia macam mana ini kerana pihak negeri yang bertanggungjawab, SADA untuk projek ini.

Baik dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi bersama terlibat dengan perbincangan dan sekiranya ada perkara-perkara lain yang perlu saya perjelaskan datang jumpa secara peribadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, silakan Yang Berhormat Menteri.

### 5.23 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menunjukkan keprihatinan kepada perkembangan sektor pertanian negara semasa membahaskan Titah Diraja.

Daripada apa yang kita ikuti, perbincangan yang dibangkitkan menyentuh perkara berhubung kait dengan jaminan bekalan makanan, *food security* dan juga berkenaan dengan kebajikan kepada petani-petani serta projek-projek pembangunan agromakanan. Seramai 10 orang Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dalam perbincangan, sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun memperkenalkan satu Dasar Agromakanan Negara pada tahun 2011 menjangkau kepada tahun 2020 iaitu satu dasar yang bertujuan untuk meningkatkan hasil agromakanan negara melalui modenisasi dan juga transformasi sektor pertanian.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili bersama dengan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat serta Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng telah membangkitkan sejauh mana tahap sara diri dan kebergantungan kita terhadap import makanan. Saya ingin melaporkan di sini bahawa banyak daripada barang makanan kita sebenarnya kita keluarkan sendiri. Sebagai contoh ayam, itik kita telah mencapai tahap 104 peratus, tahap sara diri hanya melebihi daripada keperluan. Telur ayam 114 peratus, ikan 89 peratus, buah-buahan 81 peratus, itu tahap yang tinggi maknanya peratusan untuk import tidak begitu kritikal, tidak gawat.

Manakala beras 74 peratus; sayur-sayuran 60 peratus; daging lembu dan kambing, ini agak kritikal sedikit kerana kita hanya dapat mengeluarkan 22 peratus daging lembu dan kerbau maknanya import kita tinggi hampir 78 peratus. Daging kambing 8 peratus keluaran negara kita, sangat bergantung kepada import daging kambing. Akan tetapi yang penting ayam, telur, ikan dan buah-buahan, beras, sayur-sayuran ini boleh dikatakan tidak ada masalah bekalan makanan ataupun jaminan bekalan makanan, dengan izin, *it's not a problem to us*.

Persoalan lagi yang dibangkitkan ialah apakah langkah bagi meningkatkan pengeluaran pertanian secara dengan itu dapat mengurangkan kebergantungan import. Peningkatan

pengeluaran makanan agro makanan dan pengurangan defisit imbalan dagangan telah berjaya dicapai melalui pendekatan yang telah dilaksanakan seperti berikut:

- (i) pelaksanaan projek berimpak tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau TKPM;
- (ii) zon industri *agriculture*;
- (iii) ladang kontrak; dan
- (iv) pembangunan usahawan asas tani.

Selain daripada itu pembangunan empat kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) *Integrated Agriculture Development Agency* di Pekan dan di Rompin Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan juga di Kota Belud Sabah sebagai jelapang padi baru negara yang akan meningkatkan pengeluaran hasil padi bagi tujuan penghasilan beras negara yang tadi saya sebutkan kita masih lagi mengimport lebih kurang 30 peratus.

Dengan peningkatan ini diharapkan kita akan dapat meningkatkan lagi SSL kita dan tidak perlu bergantung mengimport sebanyak itu. Dari segi kuantitinya untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan, apabila dikatakan 28 peratus ia berjumlah kira-kira 800,000 ke 900,000 metrik tan beras diimport setiap tahun.

#### ■1730

Kita menyasarkan bahawa dengan pembukaan jelapang padi baru yang saya sebut tadi dan juga program modenisasi dan transformasi yang akan meningkatkan produktiviti sawah-sawah, kita harap dapat meningkatkan pengeluaran padi kepada 1.4 juta pada tahun 2020 dan dengan itu dapat kita menambahkan keluaran beras kita seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi. Ini MARDI memainkan peranan dalam *research and development* dengan izin, mengeluarkan benih-benih baru. Mekanisasi dan automasi serta peningkatan intensiti tanaman. Mempergiatkan Program Agropreneur Muda bagi menggalakkan penyertaan usahawan muda dalam bidang pertanian. Memperkasakan pembangunan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu. Kita import banyak susu daripada luar negara. Tuan Yang di-Pertua pun sedia maklum di Malaysia ini tak berapa sesuai untuk kita buat *dairy farm* dari segi cuaca dan sebagainya. Walau macam mana pun kita tidak mengalah dan terus usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran susu dalam negara.

Seterusnya melaksanakan pembangunan industri jagung bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import jagung bijirin bagi tujuan makanan ternakan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we import a lot of* makanan ternakan. Jagung *especially*, terutamanya, kita import banyak sampai dekat dua bilion rasanya setahun kita import. Jadi kebergantungan kita kepada import bahan makanan ini agak serius, perlu kita melakukan sesuatu dan dimulakan dengan *pilot project*. *Pilot project* di Gadung, Kemaman Terengganu dimulakan dengan 18 hektar telah dimulakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun bagaimanapun pada peringkat awalan ini, *pilot project* ini nampaknya tidak semudah itulah untuk kita menghasilkan jagung bijirin untuk jadi bahan makanan ternakan lembu dan lain-lain

ternakan kita ini. Hasil setakat ini cuma lebih kurang empat tan metrik satu hektar. Tidak *economics*, ia empat metrik tan. Ada sebab-sebab tertentu seperti keadaan tanah dan juga dari segi penyakit dan pengurusan. So banyak lagi yang perlu dibuat supaya kajian tanah, ilmu pengetahuan berkenaan pertanian, macam mana hendak menghasilkan jagung seperti mana yang kita harapkan.

Akan tetapi ada lagi satu skim yang kita sudah buat juga, nampaknya amat menggalakkan pula iaitu di Merbok kah? Di Merbok, ya Merbok Kedah juga *pilot project* kedua. Produktiviti yang tinggi, sudah mencapai lapan metrik tan satu hektar. Ini sangat menggalakkan dan menunjukkan bahawa ia satu projek yang berpotensi untuk diperluaskan dan diperkembangkan.

*Insyallah* Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan meneruskan usaha-usaha untuk memperluaskan kawasan tanaman jagung ini terutamanya Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan tanah sawah di luar jelapang. Maksudnya tanah di luar jelapang ini di luar daripada pengurusan IADA. *Integrated Agriculture Development Agency* (IADA) ini satu agensi yang menguruskan sawah padi secara lebih orang kata tersusun pengairannya dan infrastrukturnya pun lengkap. Manakala di luar jelapang selalunya pengairan tak cukup, air tak cukup, di tepi-tepi bukit, di pedalaman dan sebagainya. Jadi tanah-tanah seperti ini kita kenal pasti. Mungkin lebih baik tanam jagung daripada tanam padi seperti padi huma dan sebagainya mengharap air hujan, begitu. Jadi kita harap akan dimajukanlah dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How, bertanyakan sejauh manakah pencapaian pengeluaran dan juga jumlah import beras. Ini balik kepada beras yang tadilah. Jumlah pengeluaran beras, beras daripada padi. So beras yang dikeluarkan pada tahun 2016 dianggarkan 1.78 juta metrik tan berbanding dengan import sejumlah dia tulis sini 730,000 metrik tan. Saya sebut tadi 800,000 metrik tan ke 900,000 metrik tan, *it depends*. Berubah-ubah Tuan Yang di-Pertua, daripada setahun ke setahun bila bekalan dalam negara kita bertambah kita import kurang. Bila pengeluaran dalam negara kurang, kita import lebih. So dalam lingkungan 700,000 metrik tan, 800,000 metrik tan dan 900,000 metrik tan maksimum. Ratus ribu metrik tan import beras.

Kalau hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, nilainya pula lebih kurang 1.24 bilion. 1.2 bilion, dengan izin, nilai import beras. Apa maksudnya itu? *Outflow of foreign exchange from our country*, keluar negara sebanyak 1.2 bilion bagi tujuan import beras sahaja. Jadi mungkin sebagaimana saya sebutkan tadi akan datang apabila kita dapat meningkatkan pengeluaran itu, kita boleh selamatkan 1.2 bilion ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah bertanyakan apakah langkah bagi meningkatkan pengeluaran sayuran bagi mengurangkan kebergantungan import. Sayur-sayuran ini kita tak import banyak sangatnya. Oleh sebab sudah saya sebut beberapa tadi SSL nya tinggi ya, sayur-sayuran 60 peratus. Kita import lebih kurang 40 peratus. Tinggi ke tak tinggi, lebih kurang begitulah, 40 peratus daripada keperluan rakyat Malaysia terhadap sayur-sayuran diimport.

Jadi langkah-langkah yang diambil, Taman Kekal Pengeluaran Makanan kita wujudkan untuk mengeluarkan sayur-sayuran supaya bertambah pengeluarannya. Keduanya, penggunaan teknologi fertisasi. Penggunaan teknologi fertisasi ini satu kaedah di mana tak perlu kawasan tanah

yang luas. Tak perlu hendak ada tanah beratus-ratus hektar, beribu hektar kerana ianya saya ingat Yang Berhormat semua tahulah fertigasi ini, di dalam poli beg. Kawasan besar Dewan kita ini boleh beribu-ribu pokok. Cili padi umpamanya boleh ditanam dan lain-lain tanaman sayur-sayuran boleh ditanam.

■1740

Projek bantuan bagi peningkatan pengeluaran sayur-sayuran adalah salah satu daripada apa yang kita buat untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dan mengurangkan pergantungan kepada import. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili sekali lagi, mencadangkan supaya Majlis Pertanian Negara ditubuhkan bagi membangunkan Pelan Transformasi Pertanian. Majlis Pertanian Negara dicadangkan oleh Yang Berhormat ya. Kementerian sedang mengkaji penubuhan *MoA Business Council*. Ini untuk makluman. Sedang mengkaji lah, belum muktamad lagi Tuan Yang di-Pertua ya. Kena kaji *pros and cons*, baik, tidak baiknya, apa faedahnya dan sebagainya, bagi kita menubuhkan *council* yang diwakili oleh pihak industri, pakar-pakar berkaitan dan wakil-wakil kerajaan sebagai platform untuk membincangkan hala tuju dan isu-isu pembangunan sektor agromakanan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tunggulah hasil daripada kajian ini. Apabila siap esok, akan diumumkan. Sama ada kita akan tubuh atau tidak ataupun ada kaedah-kaedah lain yang lebih baik untuk kita fikirkan. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad adapun, ada ya. Okey. Terima kasih Yang Berhormat Datin Rahimah bertanyakan, apakah langkah LKIM membantu menjamin bekalan ikan dan harga ikan rakyat yang munasabah. Dua aspek ya, bekalan ikan dan harga ikan. Ya, latar belakangnya bekalan ikan ini, ia kadang banyak, berlebihan. Kadang kurang disebabkan 2-3 faktor. Satu daripadanya cuaca. Bila musim tengkujuh, nelayan tidak boleh ke laut. Bila tidak ke laut, tidak ada tangkapan, bekalan ikan pun terjejas ya.

Apabila bekalan ikan terjejas, kita tahulah *supply and demand*, permintaan dan bekalan menentukan harga. Jadi, masa-masa bekalan ikan kurang disebabkan oleh faktor cuaca itu, ikan kembung pun melambung naik sampai kepada berapa ringgit? RM16 sekilo, RM18 sekilo. Akan tetapi apabila *season* atau musim itu berubah dan nelayan boleh ke laut, bekalan bertambah, harga kembali kepada peringkat yang agak stabil, tidak sampai begitu. Apa barang pun begitu. lalah semua orang arif berkenaan dengan ekonomi. Harga ditentukan oleh *supply and demand*. Banyak permintaan, kalau bekalan tidak mengikut dengan peningkatannya, maka harga akan naik. Buah durian pun kalau sudah terlalu banyak Tuan Yang di-Pertua, jatuhlah harganya ya. Sampai tidak laku pun ada. Hendak buat macam mana, sudah terlalu banyak sangat.

Jadi, ini kita tidak boleh lah kita hendak salahkan kerajaan, “*Eh! Kenapa harga durian ini sudah jadi RM5, RM2, RM3?*” *It's oversupply*. Akan tetapi mungkin ada kaedah-kaedah macam mana hendak membantu kalau sekiranya terdapat *oversupply*, dengan izin, ada cara-cara bagaimana kita hendak memastikan buah-buahan ini boleh diproses menjadi produk-produk yang bertahan lama ya. Buat apa orang kata, produk-produk makanan yang berasaskan durian. Aiskrim kah, kek kah atau banyak lagi. Tidak perlu dijual durian mentah-mentah begitu saja.

Begitu juga ikan apabila banyak, apa yang perlu kita buat? Mesti ada *cold room*, peti sejuk. Peti sejuk yang ada Tuan Yang di-Pertua, boleh menyelamatkan ikan kita daripada rosak dan busuk, boleh disimpan dan kemudiannya boleh dijual apabila keadaan perbekalan sudah bertukar. Boleh tahan sampai setahun Yang Berhormat Senator. Jadi, musim ini katakan terlalu banyak bekalan ikan, bila dijual ia murah, lebih baik disimpan dalam peti sejuk dan boleh tahan sampai setahun atau lebih. Ini ikan sejuk beku.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Boleh mencelah sikit?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Boleh, boleh. Kawan kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya memang berminat sangat bila mendengar berkenaan dengan eksport durian ya di negeri China itu. Saya pun pernah pergi ke Xiamen, China di mana mereka memproses buah durian kita untuk aiskrim. Memang aiskrimnya sedap ya. Jadinya pertanyaan saya, berapakah jumlah nilai eksport durian yang telah kita eksport ke Xiamen ini untuk dibuat aiskrim tersebut? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah. Xiamen di Fujian ya, kalau tidak silap sayalah. Saya pun ada pergi juga hari itu. Xiamen ya. Yang ada Universiti Xiamen itu daripada sanalah. Sekarang ada cawangan universiti di sini. Ia aiskrim berasaskan durian ya. Kita di sini pun kita ramai juga dari pengusaha sudah membuat aiskrim durian, kek durian dan sebagainya. So, maknanya durian ini satu buah-buahan yang boleh menghasilkan berbagai produk lain yang permintaannya begitu tinggi, bukan saja dalam negara tapi juga di luar negara seperti Yang Berhormat Datuk Hamzah sebut tadi ya.

Saya tidak boleh beri angka ya di sini. Nanti kita boleh bagi bertulis, berapa banyak nilai eksport durian yang telah kita eksport. Akan tetapi hendak bagi gambaranlah, potensi pekebun durian mosang king, dia eksport hasil durian dia, dia boleh jadi jutawan. Dengan izin, *they make millions*. Tuan Yang di-Pertua angguk-angguk, ada kebun *kot* ini [*Ketawa*] *They make a lot of money, millions*. So, ini satu peluang kekayaan baru bagi kita, terutamanya petani-petani dan juga petani-petani kita kaum bumiputera yang selama hari ini mencari, mana peluang ini.

Peluang hendak mendapatkan kekayaan. Tanam durian saja dan saya diberitahu daripada kawan-kawan yang telah pun menanam pokok durian mosang king ini, 4 tahun berbuah, 4 tahun. Satu penggal pilihan raya 5 tahun. Jadi, tidak habis satu penggal pilihan raya, sudah kita boleh dapat hasil buah itu. Ya.

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya tidak? Apakah jenis klon di mana durian itu 4 tahun boleh menghasilkan buah dia? Apakah jenis klon durian itu yang setakat ini yang paling ternama itu mosang king, D24. Akan tetapi apakah jenis klon durian itu, di mana dia hanya gunakan 4 tahun saja di mana dia boleh berbuah durian itu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya minta maaf, tidak dapat hendak bagi tahu apa nama klonnya. Nanti kita bagi jawapan bertulis untuk bantu, Yang Berhormat mungkin hendak cuba.

■1750

Akan tetapi *it's a fact*. Satu perkara yang benar ya. Ada sudah pekebun yang menanam durian mosang king 4 tahun dia mengeluarkan buah. *This is a true fact*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Eksport durian secara keseluruhannya tadi Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, RM74 juta nilai eksport durian pada tahun sudah. RM74 juta. Siapa yang sudah kaya ni, dapat RM74 juta ini. Tidak ramai ni tahu, mereka yang ada kebun lah. Eksport durian ke China- ini pegawai saya kata apa, jawapan bertulis [*Ketawa*] Dia pun tidak ada jawapan itu di sini.

Klon mosang king, ha! Ini dia Yang Berhormat Senator tanya, klon mosang king D197- tulis ya, nanti lupa [*Ketawa*] Ini 4 tahun berbuah- D197.

Okey, saya sambung lagi Tuan Yang di-Pertua, jadi berbalik kepada soalan bekalan ikan dan juga kestabilan harga tadi. Jadi saya sebut cuaca satu faktor ya. Selain daripada itu yang menyebabkan gangguan kepada perbekalan dan permintaan ini ialah musim perayaan. Bila musim perayaan permintaan lebih, mungkin berganda. *So*, dengan izin, *demand double or triple* manakala bekalan status quo maka harga sudah tentulah naik. Ini perayaan Tahun Baharu Cina kah, Tahun Baharu India, Melayu kah dan sebagainya ya. Itu termasuk perayaan dan bulan-bulan tertentu orang kita.

Jadi ini dua faktor penting cuaca, *seasonal* dan juga musim-musim tertentu. Bagi menjamin bekalan ikan dan harga yang munasabah, MoA melalui jabatan dan agensi di bawahnya LKIM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut Tuan Yang di-Pertua:

- (i) melaksanakan sekatan eksport bagi spesies ikan terpilih iaitu sepanjang bulan puasa dan hari raya Aidilfitri serta sepanjang Tahun Baharu Cina dan musim tengkujuh;
- (ii) mewujudkan stok simpanan ikan sejuk beku melalui kerjasama dengan persatuan nelayan;
- (iii) menggalakkan penggunaan ikan segar sejuk beku yang lebih murah dan berkualiti sebagai alternatif ikan segar yang terhad semasa musim tengkujuh dan perayaan;
- (iv) menentukan sumber dan biologi serta musim pembiakan dan bertelur untuk cadangan pelaksanaan musim tertutup; dan
- (v) menggalakkan rakyat membeli ikan air tawar seperti tilapia dan keli.

Itulah beberapa langkah yang diambil untuk memastikan kestabilan dari segi perbekalan bagi memenuhi permintaan dan dengan itu menstabilkan harga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, mana dia? Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah ya? Wah ada ya. Okey. Ini bukan Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah bin Salleh ya.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertanyakan, adakah usaha meluaskan program GTN ke seluruh negara? GTN ini ialah Gelombang Tani Nasional yang baru kita lancarkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Program Gelombang Tani Nasional 2017 yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 15 April 2017 merupakan salah satu langkah transformasi sektor pertanian. Program ini akan dilaksanakan ke seluruh negara di mana kementerian dan akan membangunkan SOP bagi program GTN sebagai rujukan petani bagi melahirkan petani berdaya saing, moden, progresif dan maju.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Gelombang Tani Nasional ini dicetuskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana kita telah melihat kerajaan melakukan pelbagai untuk mengangkat status ekonomi kaum petani. Peruntukan berbilion-bilion kemudahan dari segi fizikal *development, infrastructure* umpamanya tali air, jalan-jalan ladang dan sebagainya. Kemudian bantuan kewangan, subsidi, subsidi baja, dekat RM2 bilion setahun, subsidi racun, subsidi itu subsidi ini, insentif itu, insentif ini. Akan tetapi kedudukan petani kita macam itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan petani nelayan dan penternak sekitar RM1,000-RM1,500 dan paling tinggi RM2,000 sebulan, kita sekarang negara memacu ke arah negara maju lagi dua, tiga tahun, negara maju berpendapatan tinggi. Per kapita sasaran kita RM48,000 setahun bermaknanya RM4,000 sebulan. Kalau sekiranya petani sekarang berpendapatan sekadar RM1,000 hingga RM1,500 dan tidak meningkat dengan pantas, kaum petani akan ketinggalan lagi dalam sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi.

Akan tetapi masalahnya apa yang berlaku? Kerajaan sudah lakukan segala-galanya dan kita mendapati masalahnya ialah sikap. Sikap, budaya kerja, pemikiran perlu berubah. Perlu *transform. The mindset*, minda petani kena berubah, mesti mempunyai jati diri, mempunyai daya saing dan juga berdaya maju. *Ready to compete*, dengan izin, *ready to work hard* dan juga menerima teknologi baharu amalan pertanian baik. So gelombang ini adalah sebenarnya satu kempen untuk mengubah sikap dan pendirian kaum petani kita. Kita harap petani akan mendapat kesan menyambut Program Gelombang Tani ini demi kebaikan mereka.

Itulah yang dimaksudkan Gelombang Tani Nasional dan kita akan kempen ke seluruh negara dan harap mendapat sokongan daripada Yang Berhormat semua. Dengan izin, *they have to change. Their mindset will have to change. Their way of life will have to change*. Kalau tidak berubah maka selama itulah petani kita akan ketinggalan. Yang menjadi masalah juga ialah saya sebut secara terang di sini, kaum bumiputera Melayu ini rata-rata yang menjadi petani yang berproduktiviti rendah ini ialah petani kaum bumiputera. Jadi kita tidak sanggup melihat kaum bumiputera terus ketinggalan dalam arus kemajuan negara. Ekonomi bertambah meningkat, *but we are still there*. Orang kata di takuk lama. Ceramah pula saya. Minta maaf ya *[Ketawa]*

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Minta izin mencelah sedikit Yang Berhormat Menteri boleh?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Boleh *[Ketawa]*

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon bertanya iaitu sekitar beberapa tahun yang sudah dan hingga sekarang lah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada mewujudkan iaitu pengerusi-pengerusi pembangunan pertanian di parlimen-parlimen. So, pada masa yang lampau kita menerima peruntukan di setiap parlimen ada RM100,000 dan kemudian itu bertukar kepada RM50,000.

Pada hari ini, peruntukkan tersebut sudah tidak ada lagi. Sebab saya mohon bertanya perkara ini adalah saya melihat bahawa pemimpin masyarakat dari peringkat parlimen ini lebih mendekati atau mengetahui keperluan-keperluan kepada usahawan-usahawan pertanian.

■1800

Ia bukan hanya terhad kepada petani. Ia juga termasuk di dalam usahawan-usahawan kecil iaitu sebagai contoh untuk usahawan membuat kek, kuih-muih dan sebagainya. Soalannya lagi dapatlah kita merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya program ataupun peruntukkan kepada pengerusi-pengerusi pembangunan pertanian di peringkat parlimen-parlimen ini dapat diberikan semula. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kira betullah MP3 ini Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen. Dulu kita wujudkan kalau ada peruntukkan RM100,000, RM50,000. Akan tetapi kebelakangan ini tidak ada lagi peruntukkan itu. Saya hendak jawab pun payah [*Ketawa*] Kalau hendak saya pun hendak juga. Saya pun dapat juga. Saya pun pengerusi majlis tu juga bagi kawasan Parlimen saya, Pasir Salak.

Akan tetapi nampaknya buat masa ini tidak adalah peruntukkan itu, memandangkan kewangan negara ini dalam keadaan sekarang kita kena berjimat-jimat. Ini tidak bermakna bahawa kita tak ada peluang sebagai pengerusi MP3 ini, sebagai pemimpin di dalam kawasan kita atau bahagian kah, Ahli Parlimen kah, DUN kah dan sebagainya, membantu kaum petani dalam apa juga projek dia hendak dilakukan oleh mereka Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab, ini saya hendak sampaikan pesanan Menteri saya, dia kata kita ada banyak guna TEKUN untuk bantu mereka yang hendak berniaga, mikro kredit ada, TEKUN. Tidak perlu datang daripada MP3 kan, hendak pinjam RM5,000, RM10,000, RM50,000. *Recommend* ialah kepada TEKUN. Tulis di situ saya menyokong penuh, begitu. Mana-mana orang dalam kawasan kita, dalam bahagian kita, sokong penuh, tulis kepada Menteri.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Boleh-boleh.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya ada dua persoalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Setahu saya walaupun saya di Wilayah Persekutuan, tetapi ada juga jadi pengerusi MP3. Setahu saya, MP3 ini bukan berbentuk wang, berbentuk duit, dia merupakan bentuk barangan yang diberi kepada khususnya macam di Wilayah Persekutuan. Kalau di kampung saya kurang pastilah. Tetapi di Kuala Lumpur diberi mesin, diberi apa untuk pembangunan industri asas tani pada waktu itu.

Soalan keduanya, saya hendak tanya tentang Levi. Levi yang dikenakan oleh laut dalam, awak-awak perikanan laut dalam. Setahu saya hari ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah menanggungkan perkara tu sebab desakan di atas Persatuan Nelayan. Akan tetapi, apakah penangguhan itu, berapa lama kah penangguhan itu dan apakah nasib nanti. Mungkin selepas pilihan raya sebab kita tahu keadaan minyak macam minyak diesel pun tiap-tiap minggu naik ini. Susah bagi pelaut-pelaut, nelayan-nelayan laut dalam. Minta penjelasan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Batu. Walaupun dia tidak ada laut [*Ketawa*] Akan tetapi prihatin kepada nasib nelayan. *National interest* ya tak. Pertama tu berkenaan dengan bentuk bantuan yang diberi oleh MP3, disebutkan dalam bentuk barangan, peralatan. Saya rasa tidak semestinya. Dulu bila diberi duit, RM50,000, RM100,000 duit diberi, dimasukkan di dalam akaun MP3.

So, terpulanglah kepada pengerusi MP3 tu bersama dengan ahli jawatankuasanya untuk meluluskan kepada siapa juga yang layak untuk mendapat bantuan. Biasanya diberikan duit kepada mereka untuk membayar apa juga pembelian peralatan dan sebagainya yang diperlukan oleh mereka. *That's how we works*, dengan izin dulu.

Di Batu tidak tahulah macam mana pula tidak boleh begitu. Dia ada bagi duit juga dulu kan. Bagi juga saya rasa. Tetapi dah habislah duit tu. Dulu dia bagi duit masuk dalam akaun MP3 Parlimen dan pengerusi MP3 akan beri kepada pemohon dalam bentuk barangan. Bukan bagi *cash*. Kalau kita bagi *cash* pun untuk tujuan dia beli dia punya peralatan. Kalau dia tidak beli maknanya dia dah menyelewenglah. Maknanya dia ada kontrol di situ.

Berkenaan dengan penangguhan levi kepada pengambilan awak-awak laut dalam tadi. Tiada tempoh. Kita tidak tahu lagi berapa lama, maknanya selagi tidak ada keputusan untuk memberhentikannya, selangi itulah levi itu dikecualikan kepada pekerja asing laut dalam Yang Berhormat. Jadi, berbalik kepada soalan Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How berkenaan dengan bagaimanakah MOA menentukan pemilihan racun subsidi. Dia ada banyak racun, orang ini hendak jual racun itu, racun itu, racun ini. Masing-masing ada jadi agen racun. Jadi kita ada satu jawatankuasa yang akan menilai racun tu yang mana sesuai untuk digunakan. Jadi merekalah yang pilih.

Selain daripada tu Tuan Yang di-Pertua, Datuk Yoo Wei How lagi bertanyakan adakah MOA bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi dalam penentuan pemutuan sebenar. Maksud di sini pemutuan hasil padi ini yang terjejas hasil padi ini disebabkan oleh bencana, ribut umpamanya ataupun kemarau dan sebagainya. Meteorologi pihak yang lebih mengetahui tentang cuaca dan juga cuaca yang akan datang. Buat masa ini belum ada kerjasama bersama Jabatan Meteorologi Negara dalam proses pemutuan sebenar padi kerana pemutuan dilaksanakan mengikut padi yang dihantar ke kilang. Faham ke, saya rasa jawapan pun berapa tepat, ye tidak [*Ketawa*]. Belum ada kerjasamalah, tetapi *this is* saya punya pandangan, mungkin ada juga kebaikannya kalau kita adakan kerjasama dengan *Meteorology Department* ini. Supaya kalau dia orang beritahu kita enam bulan akan datang, setahun akan datang cuaca bila hujan, ribut, bila banjir, bila itu, bila ini, *then* kita boleh bincang di peringkat Kementerian Jabatan Pertanian menjadualkan jadual tanaman kita itu

untuk kita menyelamatkan daripada bencana. *I think that's a good idea.* Rasa patut kita terima cadangan ini.

**Datuk Yoo Wei How:** Yang Berhormat Dato' minta celah sikit ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya.

**Datuk Yoo Wei How:** Pendapat saya kalau kita tiada kerjasama dengan jabatan tu, maka nasib pesawah padi-pesawah padi di mana apabila mereka membawa sawah padi ke kilang, maka nasib dan pendapatan mereka ditentukan oleh kilang. Sebagai mana yang saya tahu bahawa terdapat kilang-kilang yang sengaja menekan harga-harga ataupun menekan harga yang mereka ingin simpan itu padi daripada pesawah padi. Ini telah menjejaskan pendapatan pesawah padi-pesawah padi. Kalau satu sistem telah ditubuhkan, maka ini akan dapat membantu pesawah padi bahawa mereka mempunyai satu *benchmarks*, dengan izinnya, ataupun mempunyai satu standard untuk menentukan kelembapan padi-padi yang dihantar ke kilang itu. Maka ini akan membantulah pesawah padi supaya meningkatkan pendapatan mereka. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua yang hendak menentukan pemotongan pemutuan 20 peratus kah, 25 peratus kah, 30 peratus kah, itu dibuat di kilang Bernas berdasarkan kepada kualiti padi itu.

#### ■1810

Kualiti padi ini terjadi elok tidak elok disebabkan oleh cuaca. *Meteorology Department* apa yang dia boleh buat nak menentukan bahawa potongan itu rendah atau tinggi? Dia tidak boleh buat apa pun bukan? *They cannot save the farmers* dari segi itu. Saya tidak nampak bagaimana *department* itu akan dapat membantu memberitahu, jangan potong sekian banyak, potong sekian peratus, saya tidak nampak kerana kalau basah, basahlah. Kalau kering, keringlah. Kalau padi itu berkualiti, berkualitilah dan pemutuan berdasarkan *grading* yang ada dibuat, ditentukan kena ikut SOP dia.

Jadi sekarang ini memang *is the properly smooth, properly smooth to talk* dengan izin, kita kata pemutuan ini menjejaskan pendapatan petani. Itulah periuk nasi mereka, kenapa jadi begini dipotong begitu tinggi. Saya sendiri kalau baca dalam surat khabar, sayalah orang yang paling orang kata, bergelut dengan pihak BERNAS ini, kilang BERNAS ini membawa isu pemotongan ini ya. Ada yang sampai 25 peratus, bukan itu, lebih lagi, 30 peratus, 35 peratus pun ada sehinggakan Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak dapat untung. Kos pengeluaran tidak boleh *cover-* hasil tidak boleh *cover* kos.

Kita pun kesian, tetapi masalahnya kesian kita sampai ke mana kalau padi tidak bermutu. Kita minta petani untuk menentukan padi yang dikeluarkan itu bermutu dan untuk bermutu, dia mesti mengamalkan pertanian, amalan pertanian yang baik. Jaga sawah padi, baja betul-betul, atasi masalah penyakit. Jangan tanam padi 3T, tanam, tinggal dan tuai. Ini masalah kebanyakan. Marahlah petani dekat saya kalau bercakap macam ini, tetapi kita kena bercakap yang benar. *As I said just now, we must change.* Kita kaum petani kena berubah, kena bertanggungjawab pada diri dia, kepada hasil pertanian dia.

Banyak umpamanya Yang Berhormat, petani kita masa tuaian padi pun dia tidak turun. Dia suruh, dia upah satu orang yang bawa *haybuster* pergi tuai dia punya padi, masuk dalam lori, lori *driver* akan bawa hasil padi itu ke kilang. Dia tidak pergi ikut pun, *this is the problem*. Kita sudah beri peringatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sejak daripada zaman Dato' Seri Ismail Sabri lagi. Kita sudah beritahu untuk mengelakkan ada penipuan atau pertikaian berhubung dengan pemutuan ini, tiga pihak mesti berada waktu pemutuan itu dibuat di kilang, siapa dia?

BERNAS sebagai pembeli. Kedua siapa dia? PPK sebagai pihak yang mengumpul hasil padi. Ketiga, siapa? Petani itu sendiri. Kalau sekiranya tidak bersetuju dengan pemutuan itu, tidak bersetuju di situ. Jangan sudah timbang dibuat, pemutuan dibuat, potongan dibuat, itu baru *complain*. Untuk hadir ke situ pun masalah, macam mana ini Tuan Yang di-Pertua? *We have to change, we must tell our people*. Biar dia orang marah kita sedikit tidak apa, *but for long term* untuk kebaikan mereka juga kita kena kempen supaya begitu.

Jadi tiada ada siapa yang boleh mengubah masalah ini kecuali petani itu sendiri. Kalau penipuan, ada penipuan kata kilang itu potong lebih, menekanlah, dia kira timbang tidak betul ke, ini *exceptional cases* Tuan Yang di-Pertua, *and we must catch them*. Kita boleh tangkap dia, kita boleh ambil tindakan kepada dia, tetapi tidak saya rasa tidak berlaku penipuan secara *rampant*, secara menyeluruh, meluas. *I don't think so*. Apa yang meluas ialah cara kita bertani, cara kita menjaga hasil pertanian kita. *That, we have to change*.

Tuan Yang di-Pertua, panjang sangat ini. Panjang sangat ini, kawan pun menunggu ini. Lain-lain bertulislah, bolehkah minta izin? Okey. Saya tidak ada masalah, boleh. Akan tetapi ini giliran kawan-kawan yang lain daripada kementerian. Saya ingat cukup setakat itu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, yang lain-lain kita jawab bertulis. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Kita mendengar ceramah dan saya - perbincangan dan saya minat pertanian sebab saya asyik pandang itu. Kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Menteri Pertanian Industri Asas Tani yang banyak memberi kita petunjuk iaitu dia kata jati diri itu dia kata- Apa yang saya senang hati bahawa dia buat satu program dikatakan Gelombang Tani Nasional itu, tetapi saya percaya Yang Berhormat Menteri, tani kita ini sudah ada kemajuan, senang dapat ya bahawa mudah-mudahan strategi Gelombang Tani ini berjaya. Jadi sekali lagi kita ucapkan terima kasih banyak kepada Dato' Sri yang banyak memberi kita pandangan, ilmu dan kita doakan supaya industri pertanian iaitu kita punya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjaya terus. Sekian dan terima kasih banyak Yang Berhormat.

*Alright*. Sekarang saya pergi ke nombor 10, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Silakan.

**6.17 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negara ku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya nak ucapkan setinggi penghargaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah sudi mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Diraja sepanjang tiga hari yang melibatkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Penghargaan ini adalah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, tidak ada? Tidak ada dalam Dewan. Ada. Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahemah Haji Mohammad, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah Haji Harun, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Tuan Isa Abdul Hamid.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, pertamanya daripada Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How yang bertanyakan mengenai bagaimanakah kementerian boleh memastikan di bawah Dasar Pembangunan Luar Bandar, Transformasi Nasional 2050 ataupun TN50, isu ataupun cabaran-cabaran serta pertindihan fungsi, pertindihan peranan, usaha di antara kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar untuk tahun 2050 dapat diatasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai persediaan bagi membangunkan Dasar Pembangunan Luar Bandar TN50, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan mengadakan sesi *engagement* atau *focus group discussion* (FGD) dengan pihak-pihak berkepentingan yang melibatkan kementerian, jabatan, agensi persekutuan dan negeri serta menyediakan perkhidmatan pada pertubuhan dan organisasi berkaitan dengan luar bandar.

**■1820**

*Focus group discussion* yang akan dilaksanakan ini selain untuk mendapatkan pandangan, input dan aspirasi semua pihak berhubung dengan keperluan dasar dan hala tuju pembangunan luar bandar, ianya juga akan melihat kepada pelarasan dan penyelarasan fungsi serta peranan semua kementerian, jabatan dan agensi, pertubuhan dan organisasi tersebut untuk merangka strategi pembangunan yang bersifat inklusif dan komprehensif ke arah pembentukan luar bandar yang lestari dan moden.

Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, kita cuba melibatkan seramai mana mungkin yang boleh pihak-pihak yang berkepentingan di dalam memastikan di dalam arus pembangunan kita hendak capai negara maju 2020. Dan di dalam arus pembangunan yang sudah tentu jauh lebih mencabar barangkali di luar daripada jangkaan kita untuk TN50 ini, sudah tentulah kita perlu berhati-hati supaya masyarakat di luar bandar ini tidak akan tertinggal di dalam arus pembangunan negara.

Justeru itu, pihak kementerian tidak memandang mudah dan tidak memandang ringan terhadap perkara ini dan Yang Berhormat Menteri KKLW dengan jelas memberi arahan kepada

semua pegawai dan juga seluruh agensi di bawah KKLW agar memainkan peranan secara lebih aktif ke arah membantu kerajaan khususnya menyambut saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang kita usahakan ialah kita mengadakan beberapa siri *Townhall* yang melibatkan agensi kerajaan, NGO dan juga sudah tentulah TN50 ini akan melibatkan golongan belia dan golongan muda. Oleh hal yang demikian, kita tidak terlepas pandang kepada pelajar-pelajar di bawah IPMA iaitu Institusi Pendidikan MARA dan kita telah memulakan langkah pertama dengan menjemput pemimpin-pemimpin pelajar di bawah IPMA dalam jumlah yang agak besar. Yang Berhormat Menteri KKLW telah mengadakan sesi *Townhall* dan juga soal jawab bagi kita hendak mendengar pandangan-pandangan daripada pelajar-pelajar di IPT tentang saranan mereka. Apakah keperluan yang perlu diisi untuk memenuhi beberapa pra syarat yang penting terutamanya pengisian untuk TN50 ini Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini kerajaan telah memperkenalkan program *Nasional Blue Ocean Strategy* (NBOS) bagi mengatasi sebarang isu dan masalah pertindihan fungsi dan peranan di kalangan jabatan dan agensi kerajaan yang mana telah berjaya dimurnikan melalui konsep ini. Di harap dengan adanya sesi-sesi *focus group discussion* ini akan dapat mencambahkan lagi idea-idea yang dapat kita guna pakai untuk menambahkan *efficiency* kerajaan melalui DPLB TN50 yang akan nanti Insya-Allah akan digubal kelak.

Seterusnya Yang Berhormat juga telah mencadangkan kepada kementerian agar Pelan Hala Tuju Strategi e-dagang Kebangsaan boleh diselaraskan bersama Program Pembangunan Ekonomi bagi memperkasakan usahawan muda desa dan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan pelan transformasi luar bandar, teras T9 iaitu memperluaskan perniagaan *online business* di luar bandar, KKLW sedang mewujudkan portal *online business* bagi menggalakkan lebih banyak perniagaan secara *online* untuk memperluaskan pemasaran produk-produk luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun MITI yang mempunyai objektif dan matlamat yang sama untuk menggalakkan penyertaan golongan usahawan belia luar bandar menceburi perniagaan secara dalam talian. Inilah antara yang kita maksudnya NBOS yang kita buat dengan beberapa kementerian.

Kementerian juga terlibat secara langsung sebagai ahli jawatankuasa NESR ini dan melalui kerjasama Strategi Lautan Biru (NBOS) bersama MITI untuk menjalankan aktiviti-aktiviti. Contohnya Yang Berhormat seperti berikut; melaksanakan program bimbingan dan latihan kepada usahawan desa secara usaha sama dengan industri e-dagang yang terkemuka seperti *Lazada*, *11Street*, *Google* dan macam-macam lagi. Pelaksanaan program *outreach* untuk mendekati usahawan luar bandar di kawasan terpencil termasuklah usahawan wanita melalui program *MITI Day* dan *SME Week* di peringkat negeri-negeri.

Juga seterusnya melakukan usaha penambahbaikan, pembungkusan dan pelabelan produk-produk usahawan luar bandar. Ini disebabkan kita tahu masalah produk daripada luar bandar

ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua bukan tidak ada mutu, memang bermutu tetapi kerana sistem *packaging*. *Packaging* ini nampak sangat macam tidak berapa kemas. Kadang-kadang barang bukan elok sangat, kerana *packaging* nya tersusun elok, maka orang beli. Begitu juga dengan pelabelan yang kita maksudkan.

Selain daripada itu melaksanakan kempen atau *roadshow* mengenai kelebihan perniagaan secara dalam talian kepada usahawan luar bandar. Kita dapati hari ini memang *online business* ini telah bercambah dengan begitu pesat dan ternyata dapat memberi pulangan kepada terutamanya belia-belia lepasan universiti, yang ada di kalangan mereka yang sekarang ini apabila ada buka peluang-peluang pekerjaan tidak memohon. Kalau kita tanya kenapa tidak memohon dengan kelulusan yang ada, dapat peluang, barangkali masuk penjawat awam, mereka kata mereka berpendapatan tinggi dan lebih selesa terlibat dengan *online business* ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Yang Berhormat bertanyakan sejauh manakah kerjasama telah dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri di kalangan agensi-agensi seliaan seperti FELCRA dan agensi-agensi Kerajaan Negeri sektor swasta dan NGO-NGO dalam masyarakat di negara ini untuk kita menjayakan Pelan Pengeluaran Makanan dalam negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA Berhad telah memulakan perbincangan bersama beberapa buah Kerajaan Negeri seperti Kedah, Terengganu, Sarawak dan negeri Sabah yang bertujuan untuk mendapatkan kawasan-kawasan iaitu tanah yang sesuai bagi melaksanakan program-program sama ada tanaman ataupun ternakan. Yang kita kenal pasti dalam program Gedung Makanan Negara selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika majlis sambutan 50 tahun FELCRA pada 20 Disember 2016 tahun yang lepas dan FELCRA Berhad akan menjadi peneraju industri *food security* dalam mendukung usaha bagi mengurangkan kebergantungan import makanan dan menghasilkan makanan secara sistematik dan efisien.

Kita tahu sebenarnya tanggungjawab ini, sebenarnya juga adalah di bawah MoA tetapi walau bagaimanapun kita amat berterima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada FELCRA. Kita berharap agar kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai kawasan tanah di bawah kerajaan negeri yang terbiar agar kalau boleh kemukakan kepada kita untuk kita usahakan tanah tersebut. Ini adalah atas semangat kerjasama antara FELCRA yang mewakili Kerajaan Pusat di bawah KKLW dengan pihak Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setelah diumumkan sebagai salah sebuah *lead agency* dalam industri Gedung Makanan Negara, FELCRA Berhad telah mengadakan mesyuarat bersama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 13 Mac 2017, bulan lepas baru Yang Berhormat bagi tujuan untuk menghalusi lagi peranan baru ini di samping untuk mendapatkan informasi terkini mengenai status dan hala tuju pengurusan Gedung Makanan Negara yang memberi fokus kepada cadangan memperluaskan jelapang padi, tanaman makanan dan juga ternakan sebagai menyokong usaha perbekalan makanan halal negara.

■1830

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita banyak kawasan. Contohnya, di kawasan saya di Machang, merupakan salah satu daripada kawasan yang paling luas, kawasan luar jelapang yang

paling luas. Ini juga boleh dilihat melalui NBOS ini dengan Kementerian Pertanian bagaimanakah kita boleh mengusahakan kawasan-kawasan luar jelapang ini untuk kita menambahkan bekalan makanan negara.

Seterusnya berkenaan dengan usahawan wanita ini. Ada tiga Yang Berhormat Senator yang membangkitkan perkara yang sama iaitu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, Yang Berhormat Senator Dato' Shahaman binti Mohamad Yusoff, dan juga Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad berkenaan dengan isu-isu usahawan wanita yang meliputi isu DanaNita, program-program keusahawanan untuk suri rumah, usahawan wanita di peringkat global dan juga usahawan wanita di Mara Digital.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, MARA telah menyediakan pelbagai program yang merangkumi latihan keusahawanan, latihan kemahiran dan kemudahan pinjaman perniagaan seperti program khas untuk wanita iaitu kita namakan DanaNita. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat semua terlibat mungkin sewaktu pelancaran oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini.

Skim Pembiayaan Perniagaan Khas DanaNita yang dilancarkan pada 9 Mac 2017 yang lepas menyasarkan seramai 600 orang usahawan wanita supaya mampu berdaya saing dan berdaya tahan. Sehingga Mac 2017, seramai 62 orang usahawan wanita telah menerima manfaat menerusi skim DanaNita yang berjumlah kelulusan sebanyak RM1.28 juta.

Seterusnya, DanaNita merupakan produk pembiayaan perniagaan khusus untuk usahawan wanita Bumiputera. Tujuan pembiayaan ialah untuk pembelian mesin dan lain-lain peralatan dan juga modal pusingan perniagaan patuh syariah. Had pembiayaan ialah RM50,000 dengan tempoh ansuran pembiayaan maksimumnya 10 tahun ataupun 120 bulan pada kadar keuntungan empat peratus setahun. Kaedah pembiayaan yang digunakan ialah *bai' al inah*, patuh syariah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga, bagi membantu ibu yang tidak bekerja atau suri rumah terutamanya di kawasan Lembah Klang, MARA telah menyediakan pelbagai program merangkumi latihan keusahawanan, latihan kemahiran dan kemudahan pinjaman perniagaan. Ini di bawah MARA.

Antara latihan kemahiran yang disediakan kepada ibu yang tidak bekerja ataupun suri rumah ini adalah seperti program *skill to society* yang dianjurkan oleh Giat MARA yang telah memberi peluang kepada suri-suri rumah untuk menceburi bidang keusahawanan. Program ini melibatkan kursus-kursus yang berkaitan dengan- contoh ya. Ia banyak tetapi saya bagi contoh. Contoh seperti jahitan, buat kek ataupun masakan. Itu di antaranya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, selaras dengan penyertaan negara dalam *digital free trade zone*, MARA telah menyediakan kemudahan...

**Dato' Shahaman binti Mohamad Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat sedikit. Saya mempunyai sahabat-sahabat rakan niaga wanita pemilik stesen minyak. Kebanyakan rakan niaga ini atau *dealer* stesen minyak ini wanita. Mereka maklumkan pada saya, DanaNita ini boleh tak macam pemilik stesen minyak dengan

keadaan minyak naik turun sekarang, mereka memerlukan modal yang lebih? Kalau setakat RM50,000, tidak cukup. Boleh tak untuk wanita-wanita rakan niaga stesen minyak ini, *PETRONAS* kah, *Shell* kah, DanaNita ini boleh bagi sampai RM150,000? Mereka minta lebih. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim. DanaNita ini sebenarnya ialah untuk peniaga-peniaga yang tidaklah berskala besar. Berskala sederhana. Kalau sudah ada stesen minyak, petrol pam ini, bolehlah dikatakan separuh besarlah skalanya. Kita tahu kebanyakan tauke minyak ini tidak ada pakai *Myvi*, tidak ada pakai Proton. Kebanyakan pakai Merekas, pakai *BMW* ataupun *Harrier*. Sekarang ini *Vellfire*, *Alphard*. Kita tengok kalau ditanya di kedai-kedai kereta itu pun, ramai di kalangan tauke-tauke minyak yang hendak beli kereta besar.

Skim kaedah, kita boleh melalui program ataupun skim-skim lain, boleh. Boleh berkunjung ke MARA. Contohnya Skim Kaedah Jaya, sehingga RM250,000. Jangan kita melihat DanaNita sahaja. Sebenarnya kerajaan dalam usaha membantu khususnya bumiputera ini, banyak kemudahan yang kita boleh bantu. Tidak sahaja DanaNita tetapi di bawah program-program keusahawanan lain khususnya di MARA, boleh berkunjung ke MARA, sehingga pinjaman RM500,000 pun kita boleh bagi.

Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan Teraju Bumiputera di dalam membantu usahawan bumiputera. Mungkin juga boleh berkunjung ke Teraju untuk melihat apakah peluang-peluang dan juga bentuk kemudahan-kemudahan pinjaman yang boleh diterima melalui Teraju ini.

Dengan kata lainnya, Yang Berhormat boleh syorkan kepada rakan-rakan Yang Berhormat untuk mengunjungi MARA dan di bawah Bahagian Pembiayaan Perniagaan MARA ada menyediakan pelbagai skim kemudahan. Selepas ini maklumat saya boleh serahkan kepada Yang Berhormat.

Saya sambung, Yang Berhormat. Berkenaan dengan *digital free trade zone*, MARA telah menyediakan kemudahan kepada usahawan yang terlibat melalui pelbagai insentif yang memfokuskan kepada pembangunan di dalam bidang teknologi digital yang merangkumi program-program seperti berikut. Contohnya, latihan dan bimbingan, kemudahan infrastruktur perniagaan, kemudahan pembiayaan perniagaan.

Manakala usaha MARA untuk membawa usahawan wanita ke peringkat yang lebih tinggi, ke peringkat global adalah menerusi Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB). Program ini merupakan pakej bantuan bersepadu kepada usahawan untuk meneroka pasaran baru, pemadanan perniagaan dan perluasan pasaran bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti eksport, seterusnya berupaya untuk menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan eksport negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi membantu usahawan wanita di dalam memasarkan produk di Mara Digital, MARA telah menyediakan kemudahan kepada usahawan termasuklah usahawan wanita seperti khidmat runding cara, kemudahan pembiayaan perniagaan

seperti yang saya sudah sebutkan tadi, kemudahan sewa premis perniagaan, platform pemasaran agar perniagaan mereka terus berkembang dengan lebih pesat.

Maknanya, usahawan wanita ini, Yang Berhormat, memang diberi perhatian yang begitu khusus oleh kerajaan. Ini kerana kita faham kaum hawa, wanita ini memang setia kepada kerajaan... [Tepuk] Kalau saya cakap di sini pun, kaum adam pun janganlah kecil hati. Kebanyakan kalau waktu pilihan raya, kaum hawa inilah yang saya tengok berada di pusat-pusat pembuangan undi untuk membantu kerajaan. Ini sudah melalut sedikit ini.

Seterusnya, MARA juga menyediakan ruang niaga berkonsepkan digital dengan kadar sewa yang berpatutan kepada usahawan-usahawan yang terlibat dengan program Mara Digital ini melalui dasar penyewaan premis perniagaan MARA termasuklah premis Mara Digital. MARA telah memperuntukkan 30 peratus ruang niaga kepada usahawan wanita. Ini kita ucapkan tahniah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam usaha membantu usahawan wanita dan ibu tunggal, MARA tidak hanya fokus kepada bidang fesyen, malah usahawan wanita turut dibantu melalui program-program kluster seperti *wellness*, FMB, ICT, *creative*, *advance technology*, *automotive*, *construction*, *lifestyle* dan *tourism*. Ini antara contoh-contoh yang saya sebut.

#### ■1840

Melalui program pendidikan sepanjang hayat dan program keusahawanan yang disediakan oleh MARA mampu membantu golongan wanita dan ibu tunggal menceburi bidang perniagaan untuk menjadikan mereka usahawan yang berjaya. Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat bertanyakan soalan mengenai program intensif yang akan dilakukan oleh MARA untuk membimbing calon usahawan ataupun bakal peminjam atau bakal usahawan dalam strategi perniagaan dalam zon perniagaan bebas digital.

Untuk makluman Yang Berhormat, program intensif yang dilakukan oleh MARA dalam membimbing calon usahawan ataupun bakal peminjam atau bakal usahawan ialah melalui Program Latihan Pembentukan Usahawan. Terdapat tiga modul utama di dalam Program Latihan Pembentukan Usahawan yang perlu diikuti oleh bakal usahawan terbabit iaitu modul *achievement*, *motivation training*, *business management training* serta kursus penyediaan perancangan perniagaan. Modul-modul ini disediakan bagi memastikan setiap usahawan dengan ilmu keusahawanan sebelum diberi pertimbangan mendapat kemudahan pembiayaan perniagaan.

Yang Berhormat juga meminta MARA untuk membantu usahawan luar bandar melalui DDEC untuk tujuan pemasaran dan pembungkusan makanan tradisi. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan DDEC pada 2007 pelbagai program telah dilaksanakan bagi membantu usahawan IKS mengkomersialkan produk mereka di pasaran domestik dan juga antarabangsa. Bukan setakat pasaran domestik sahaja kita memberi penekanan agar produk-produk mereka ini dapat diantarabangsakan. Skop bantuan yang diberikan meliputi pelaksanaan kajian seperti pemasaran, penjenamaan, pembungkusan, pepadanan perniagaan di pasaran-pasaran yang sesuai.

Beralih kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Saya dengar rakan-rakan saya pun menjawab persoalan Yang Berhormat, aktif Yang Berhormat ya. Yang Berhormat membangkitkan mengenai status kemajuan profil 17,900 buah kampung di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang giat menyelaras maklumat profil kampung yang lengkap dan komprehensif melalui Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional yang dibangunkan Jabatan Perdana Menteri agar boleh digunakan oleh semua agensi kerajaan dalam perancangan dan juga pembangunan kawasan luar bandar. Kita tengah *update* daripada masa ke semasa.

Sehingga kini sejumlah 12,217 kampung di bawah seliaan JKK ataupun JKKP telah didaftarkan dalam SPKPN. Saya tidak perlu sebutlah pecahan-pecahannya. Kementerian juga telah membangunkan aplikasi iDesa yang merupakan aplikasi pintar yang dibangunkan dengan matlamat untuk mempromosikan maklumat asas kampung di seluruh negara seperti lokasi kampung, nama pengerusi kepimpinan, JKKP, ketua kampung, kemudahan asas, pencapaian dan apakah yang terdapat industri-industri termasuklah industri pelancongan yang terdapat di dalam kampung tersebut. Melalui aplikasi...

**Tuan Aknan Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon menceleh sekejap. Saya tertarik tentang maklumat tentang asas desa kampung-kampung itu. Kalau kami sebagai senator yang menjaga kawasan-kawasan kami sedikit ini, ada tidak ruang untuk kami mendapat maklumat tersebut untuk sebagai tujuan perancangan dan sebagainya. Di mana boleh dapat itu? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada, saya tidak sampai ke situ lagi. Okey, *insya-Allah* akan saya jelaskan. Menerusi aplikasi ini Yang Berhormat masyarakat sekitar akan dapat manfaat dan juga maklumat-maklumat berkaitan dengan kampung tersebut seperti saya sebut apa kandungan yang terdapat kemudahan, aktiviti masyarakat kalau dalam kampung itu ada koperasi, dalam kampung itu ada apa-apa perkara yang perlu untuk kita tahu, hasil produk kampung IKS dan macam-macam lagi. Aplikasi ini boleh dimuat turun Yang Berhormat melalui *Google Playstore* atau *Apple Store*. Masuk sahaja taip iDesa akan keluar, Yang Berhormat akan boleh tengok dengan *detail* di luar bandar.

Yang Berhormat juga meminta penjelasan mengenai elaun Pembantu Pembangunan Masyarakat KEMAS yang hanya RM500 yang kurang daripada gaji minimum seperti yang ditetapkan oleh kerajaan. Saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat Senator yang begitu prihatin kepada kakitangan KEMAS ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela KEMAS ini atau PPMS merupakan individu yang diambil, dipilih oleh Jawatankuasa Aktiviti Tabika ataupun Taska PERMATA kalau di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat, KEMAS ini. Maksudnya contohnya macam PIBG lah, macam PIBG KEMAS dia akan memilih calon-calon dan tidak perlu pun rujuk kepada pihak kementerian dan boleh diputuskan di peringkat jawatankuasa tersebut.

Keutamaan pengambilan adalah di kalangan suri rumah yang tinggal berhampiran kerana sugu hatinya adalah kecil dan mereka ini tidak perlu bekerja 8 jam, tetapi sekitar 4 jam sahaja.

Datang, bantu dan boleh balik dan kebanyakan daripada mereka ini adalah pekerja-pekerja sampingan dan KEMAS pihak KKLW di bawah agensi KEMAS telah mengambil tanggungjawab PIBG lah kita katakan, Jawatankuasa KEMAS tersebut tidak perlu membayar bulanan RM500 ini dan kita ambil tanggungjawab tersebut untuk membuat bayaran bulanan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah sedikit sebab mereka ini bekerja daripada 7 pagi sehingga 2 petang. Maknanya lama jugalah masa yang diambil bekerja itu.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kita amat faham tetapi kebanyakan daripada mereka ini mempunyai kerja-kerja tugas lain dan ini adalah seperti yang saya sebut adalah sebahagian daripada kerja-kerja sampingan. Dahulu RM400, Yang Berhormat sekarang ini kita sudah naikkan kepada RM500 dan seperti yang saya sebut walaupun pemilihan ini dibuat untuk membantu anak-anak kita di kawasan luar bandar oleh jawatankuasa tabika tersebut tetapi kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membayar elaun ataupun sugu hati kepada mereka dan kita amat berbangga kerana mereka sanggup selain daripada menjadi pembantu ini adalah sebahagian daripada fardu kifayah mereka. Terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat juga sebelum tahun 2011 bayaran sugu hati ini Pembantu Pembangunan seperti yang saya sebut tadi ditampung oleh Jawatankuasa Aktiviti TBK dalam jumlah sebanyak RM50 hingga RM300 dan mulai 31 Mac 2011 kerajaan telah mengambil tanggungjawab untuk pembayaran sugu hati tersebut dan telah meluluskan bayaran sugu hati kepada mereka ini RM400 sebulan kemudian kita naik kepada RM500 sebulan melalui pengumuman Belanjawan Bajet yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan pada Bajet tahun ini 2017 ini.

Seterusnya Yang Berhormat juga mencadangkan agar kerajaan membina jalan daripada Kampung Pecah Rotan ke Linggai di dalam Parlimen Setiu kerana jalan ini telah lama diluluskan oleh kerajaan tetapi masih belum dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat pihak kerajaan telah pun meluluskan projek pembinaan dari jalan Kampung Pecah Rotan ke Kampung Mengabang Lekor.

#### ■1850

Macam keropok lekor sahaja ini. Mengabang Lekor Kuala Terengganu dalam Rancangan Malaysia yang Kesebelas tahun 2016 dengan anggaran kos RM23.1 juta. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya bulan September pada tahun ini. Maknanya sekarang ini di dalam proses perolehan dan akan siap sepenuhnya, ini jangkaan dalam tempoh dua tahun lagi.

Manakala bagi projek jalan dari Kampung Pecah Rotan ke Kampung Lingai seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita telah meminta bahagian yang bertanggungjawab di kementerian ini untuk menjalankan siasatan. Kita mesti buat siasatan terlebih dahulu bagi mengenal pasti skop dan anggaran kos yang terlibat dan seterusnya *insya-Allah* kita akan kemukakan permohonan Yang Berhormat ini kepada EPU untuk dimasukkan di dalam *next Rolling Plan* akan datang, *insya-Allah*. Yang Berhormat juga mungkin boleh memainkan peranan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, saya kena rakam terima kasih dahululah kepada Menteri KKLW atas keprihatinan itu. Terima kasih dan harap usaha ini berjaya sebab ini lama dah, tahun 80-an dulu cerita dia. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih. Itulah saya tengok daripada pertanyaan asal Yang Berhormat ada sebut zaman Tun Ghafar Baba lagi. Susahlah kalau zaman itu saya nak *check*, saya rasa pegawai yang ada ini pun waktu itu mungkin ada yang tak beranak lagi ataupun tengah sekolah lagi. Zaman Tun Ghafar, saya pun tak tahu di mana lagi waktu itu. Akan tetapi apa pun saya ucap tahniah juga kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan. Yang Berhormat ini sebenarnya memang layak untuk sebolehnya berada di Dewan Rakyat pun layak ini. Begitu cakna kepada rakyat ini... [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hebat.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Seterusnya Yang Berhormat, saya pun tak nak panjang-panjang Tuan Yang di-Pertua sebab kalau Yang Berhormat yang tak ada dalam Dewan ini saya minta untuk kita beri jawapan bertulis. Kawan saya Yang Berhormat Kepala Batas pun walaupun satu soalan pun dah *dok* risau itu.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Dah cakap tadi, bocor. Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali. Minta maaf, saya kadang-kadang tak berapa perasan. Ha ada, okey. Yang Berhormat bertanyakan apakah terdapat institusi seperti Kolej Vokasional Mara menawarkan sijil ataupun diploma pemeriksaan jentera lif yang bertujuan untuk meningkatkan peluang pekerjaan di kalangan bumiputera di dalam bidang tersebut. Saya was-was jadi ini, adakah Yang Berhormat pernah terperangkap dalam lif?

**Datuk Rabiyyah binti Ali:** Selalu saya terperangkap.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Saya dah agak.

**Datuk Rabiyyah binti Ali:** Lagi satu kalau dia nak betulkan itu, berbulan-bulan. Dia cakap dia punya kepakaran itu datang ada dekat Kuala Lumpur, ada buat lif lain. Jadi makan masa sampai dua tiga bulan.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Okey, terima kasih. Betullah tanggapan saya ini sebenarnya. Saya dah agak daripada semalam lagi saya tengok-tengok daripada soalan Yang Berhormat ini. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini MARA tidak menawarkan program khusus sama ada bentuk sijil, diploma bagi tujuan pemeriksaan jentera lif secara khusus. Kita tidak ada lagi.

Namun begitu, saya ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat sebab kita tengok sekarang ini mana-mana kita pergi bukan sahaja bangunan kerajaan, bukan sahaja bangunan-bangunan persendirian tetapi rumah sekarang pun sekarang ini ada lif. Rumah orang ada lif. Saya tak tahulah rumah Tuan Yang di-Pertua ada lif atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak ada.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Ha, dia ada. Mungkin ada dua lif, tiga lif juga. Namun begitu Yang Berhormat, kementerian menyambut baik cadangan Yang Berhormat seperti tadilah saya kata saya ucap tahniah banyak dan kita akan mempertimbangkan untuk memperkenalkan modul pemeriksaan jentera lif di bawah program sijil diploma di bawah Institut Pendidikan Mara (IPMA). Pada masa ini, IPMA hanya menawarkan program sijil teknologi kejuruteraan dalam bidang mekanik industri. Program ini melatih bakal juruteknik dan penyelia di dalam bidang penyelenggaraan industri ataupun *industrial maintenance*.

Oleh sebab itulah kalau Yang Berhormat kadang-kadang buat-buat tanyalah penyelenggara lif kalau terjumpa, dulu awak berlatih mana? Tak mustahil Yang Berhormat, dia akan sebut kami berasa terima kasih kepada kerajaan kerana kerajaanlah yang memberi peluang kepada kami untuk menjadi tenaga mahir ini tapi kursus belum ada.

Lepasan-lepasan di dalam bidang ini mampu melakukan kerja-kerja pemasangan, penyelenggaraan serta baik pulih mesin jentera dan peralatan yang digunakan di dalam sektor industri. Bidang ini menawarkan prospek kerjaya yang lebih luas merentasi pelbagai sektor industri yang amat perlu kepada penyelenggaraan infrastruktur dan juga peralatan mesin pengeluaran. Sekiranya suatu hari Yang Berhormat ya, kalau suatu hari adalah terpampang kursus penyelenggaraan lif ini, maka di dalam *Hansard* kita ini tercatat bahawasanya ini adalah satu cadangan daripada Yang Berhormat. Tahniahlah saya ucapkan atas idea yang begitu baik.

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff. Banyak ini Yang Berhormat ini. Membangkitkan mengenai langkah untuk menstrukturkan semula pentadbir MRSM bagi mengatasi masalah boikot guru, masalah pertukaran dan kekangan-kekangan lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa sekarang tiada masalah boikot. Kita tak ada terima apa-apa laporan daripada mana-mana pengetua MRSM kita ataupun daripada pihak-pihak MARA sendiri berkaitan dengan masalah boikot ini. MARA sentiasa memberi tumpuan kepada peningkatan profesionalisme barisan pengurusan MRSM melalui kursus secara berfokus dan terancang untuk penambahbaikan dan pembangunan kepimpinan yang lebih berkesan.

Selain daripada itu, pemantauan juga ke atas prestasi pentadbir MRSM, pengetua, penolong-penolong dia dibuat daripada semasa ke semasa bagi memastikan tugas yang diamanahkan dilaksanakan dengan baik. *Engagement* berterusan juga dibuat bersama guru-guru MRSM bagi mengenal pasti keperluan dan masalah yang dihadapi oleh mereka bagi tujuan penambahbaikan. Banyak MRSM yang sudah saya berkunjung dan mengadakan diskusi bersama mereka bertanyakan apakah masalah mereka, adakah mereka menerima tekanan kerja dan macam-macam lagi. Walaupun tak dapat kesemuanya, ada banyak MRSM yang telah saya kunjungi.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai peranan KKLW bagi merapatkan jurang kemahiran digital di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi merapatkan jurang digital luar bandar ini, KKLW telah menyediakan pusat kemudahan ICT yang dikenali sebagai Mini RTC. Terdapat 205 Mini RTC yang kini beroperasi di seluruh negara yang dilengkapi dengan kemudahan komputer, pencetak

dan capaian *internet* untuk kegunaan komuniti luar bandar. Mini RTC juga menjalankan latihan dan program ICT termasuk keusahawanan berasaskan ICT. Kita bagi latihan.

Sejumlah 1,432 latihan dan program RCT telah dilaksanakan di mini RTC sepanjang 2016, sekarang pun berlangsung 2017 melibatkan penyertaan lebih daripada 28,000 komuniti luar bandar dan kita galakkan kalau boleh ramaikan lagi bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Pengurus Mini RTC, KKLW dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan MDEC kini melatih pengurus Mini RTC sebagai fasilitator modul eUsahawanan dan eRezeki bagi melonjakkan lagi penglibatan komuniti luar bandar dalam dunia digital. Peranan ini untuk dilaksanakan oleh RTC dalam meningkatkan kemahiran masyarakat luar bandar termasuk bidang ICT.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Yang Berhormat memohon pihak kementerian menyatakan pihak yang terlibat dalam pelantikan kontraktor bagi bekalan projek air sebanyak RM783 juta di negeri Kedah.

Untuk makluman Yang Berhormat, siling peruntukan bagi program bekalan air luar bandar atau BALB Kedah di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas adalah sebanyak RM185 juta sahaja. Peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2015 dan tahun 2016 adalah sebanyak RM15 juta dan tahun 2017 sebanyak RM30 juta. Jadi, pihak kementerian tidak ada projek Air Luar Bandar Negeri Kedah yang berjumlah begitu besar, RM783 juta ini, sebenarnya tidak da.

#### ■1900

Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid. Saya rasa ini yang terakhir, ini bab JAKOA. Yang Berhormat Senator Tuan Isa ada? Dia memang tunggu, dah dua hari tunggu soalan JAKOA tak naik-naik. Membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Orang Asli. Pertama adalah mengenai status tindakan yang telah diambil oleh kerajaan bagi melaksanakan syor yang dicadangkan dalam inkuiri SUHAKAM berkaitan isu tanah masyarakat Orang Asli di Semenanjung.

Untuk makluman Yang Berhormat, hak tanah Orang Asli merupakan satu perkara yang amat besar dan penting. Dengan itu, pihak kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asli dan Orang Asal yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Jawatankuasa khas ini melibatkan ketua kerajaan negeri, Menteri daripada kementerian Persekutuan yang berkaitan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta melibatkan Jabatan Peguam Negara yang diurusetikan oleh Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU) JPM. Jawatankuasa Khas Kabinet ini turut menubuhkan jawatankuasa kerja yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di JPM. Jawatankuasa kerja ini juga bertindak bagi memastikan 17 syor Laporan Inkuiri SUHAKAM berhubung dengan hak tanah Orang Asli dan Orang Asal yang telah diterima oleh kerajaan dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Seterusnya, Yang Berhormat juga membangkitkan soal jumlah tanah masyarakat Orang Asli yang diwartakan atau digazet pada tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah yang diwartakan pada tahun 2016 adalah di negeri Selangor dengan keluasan 144.92 hektar iaitu di Kampung Orang Asli Bukit Tadung, seluas

136.22 hektar dan Kampung Orang Asli Pulau Banting, seluas 8.7 hektar. Dalam konteks ini, JAKOA akan terus memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa negeri bagi kelulusan pewartaan tanah Orang Asli.

Yang Berhormat juga menyatakan mengenai usaha KKLW dalam menyediakan geran pemilikan tapak rumah persendirian untuk generasi muda Orang Asli dan dalam pembinaan rumah mesra rakyat dan juga rumah mampu milik dan Rumah Bina Negara (RBN).

Untuk makluman Yang Berhormat, pemilikan geran atau pemilikan tapak rumah secara individu bergantung kepada kesanggupan dan kemampuan individu masyarakat Orang Asli untuk memiliki aset tersebut. Oleh kerana memerlukan komitmen yang berterusan melibatkan bayaran premium tanah, kerja-kerja ukur dan cukai tahunan. Usaha-usaha bagi pemilikan tapak rumah persendirian memang menjadi hasrat pihak kita, KKLW dan kerajaan untuk memastikan mereka mempunyai aset dan seterusnya membolehkan mereka layak untuk menyertai Program Rumah Mesra Rakyat, Rumah Mampu Milik, seperti Rumah Bina Negara dan pelbagai program perumahan. Bagi Program Rumah Mesra Rakyat, sehingga kini sebanyak 33 buah rumah telah dibina. Bagi pemilikan tanah secara individu, sehingga kini tanah seluas 145 hektar telah mendapat geran individu melibatkan 711 pemilik tanah.

Seterusnya, Yang Berhormat membangkitkan juga mengenai peruntukan kepada Koperasi Orang Asli dalam Geran Pembangunan Koperasi Orang Asli 2016. Apakah langkah kementerian dalam menyediakan platform Konsortium Koperasi Orang Asli Malaysia yang boleh menggerakkan aktiviti koperasi di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah?

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Pembangunan Usahawan Orang Asli 2016 adalah berjumlah RM5 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM500,000 yang diperuntukkan telah disediakan untuk Geran Pembangunan Koperasi Orang Asli. JAKOA telah menerima permohonan daripada lima koperasi Orang Asli sehingga kini, kerajaan telah meluluskan satu permohonan daripada Koperasi Belia Orang Asli Kuala Rompin Berhad iaitu nilainya sebanyak RM128,000. Program bantuan ini telah diteruskan pada tahun 2017 untuk memperkasakan lagi Koperasi Orang Asli yang sedia ada. Sehingga kini, terdapat sebanyak 85 Koperasi Orang Asli yang berdaftar dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang mana fokus utama pada masa ini adalah untuk mencapai indeks pencapaian utama KPI JAKOA iaitu meningkatkan pemilikan aset sehingga RM1 juta untuk 20 buah Koperasi Orang Asli sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas.

Akhir sekali, Yang Berhormat membangkitkan mengenai visi dan misi KKLW untuk menempatkan lebih ramai pegawai Orang Asli di jawatan kanan di JAKOA. Sehingga kini, berapakah pegawai Orang Asli menduduki jawatan kanan tersebut? Yang Berhormat juga bertanya, adakah JAKOA boleh buat *reemployment* bagi memperkasa organisasi ini supaya lebih dinamik dengan cabaran masyarakat Orang Asli hari ini?

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat seramai tiga orang pegawai kanan Orang Asli di JAKOA. KKLW sentiasa mempunyai perancangan dan bekerjasama dengan pihak berkuasa melantik dan usaha untuk menempatkan lebih ramai pegawai kanan Orang Asli di JAKOA

yang berkelayakan dan berpengalaman bagi memastikan misi dan visi jabatan dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Daripada segi *reemployment* pula, JKOA telah membantu pihak berkuasa melantik dalam memastikan pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam adalah yang berkelayakan dan bersesuaian mengikut bidang tugas dan ada kepakaran untuk memperkasakan JAKOA dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya. Akan tetapi masih tertakluk kepada pihak berkuasa melantik dan pengambilan yang dilantik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, fokus sebenar JAKOA ialah untuk memastikan lebih ramai masyarakat Orang Asli memasuki sektor awam yang bukan hanya di JAKOA sahaja. Sekarang ini pun Pengarah JAKOA pun Pengarah Perak dan juga Pengarah Pahang juga daripada masyarakat Orang Asli. Malahan ia juga meliputi keseluruhan sektor, bukan di JAKOA sahaja, keseluruhan sektor awam. Statistik penjawat awam di kalangan masyarakat Orang Asli, saya boleh bekalkan kepada Yang Berhormat selepas daripada penggulangan saya ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan sentiasa peka dengan keperluan rakyat, terutama sekali masyarakat di luar bandar dan akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar yang telah dirancang selaras dengan Program Transformasi Luar Bandar yang bertemakan Membandarkan Luar Bandar. Sudah tentulah kita memerlukan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Habis pun ada lagi?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Ada, ada sikit. Saya minta tolong sahaja ini. Saya tengok dalam ditularkan Tuan Yang di-Pertua, Rumah Bina Negara di bawah Kementerian KKLW. Kemudian rumah ini memang menjadi keperluan rakyat, cuma dalam tular itu disebut borang-borang boleh didapati di pejabat RISDA, pejabat ADUN, pejabat UMNO Bahagian, pejabat Ahli Parlimen. Jadi, saya mohon KKLW melalui Datuk Menteri syorkan supaya diberi juga kepada Ahli-ahli Dewan Negara untuk berbakti kepada- untuk beri kepada orang ramai yang perlu. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Yang Berhormat. Kecil tapak tangan, Dewan Negara saya tadahkan. *Insyaa-Allah*, saya harap pegawai kita akan mengambil perhatian dalam soal ini. Begitulah Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan asas ini memang menjadi perkara yang utama yang perlu kita lihat. Bahawasanya masyarakat luar bandar ini perlu kita beri perhatian yang khusus dari semasa ke semasa. Di dalam kepesatan ekonomi, pembangunan modal insan yang akan turut dilaksanakan juga akan turut dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

#### ■1910

Tuan Yang di-Pertua, saya akhir kalam daripada saya, saya ucapkan terima kasih sekali lagi di atas budi baik Tuan Yang di-Pertua yang tidak menegur pun saya sepanjang saya menggulung ini. Bukan kerana kita adalah merupakan kenalan berpuluh tahun, tetapi memang Tuan Yang di-Pertua adalah orang yang baik. Terima kasih juga kepada rakan dan sahabat semua yang berada di sini yang telah membantu sepanjang penggulangan ini. Tidak lupa saya hendak sampaikan salam pada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan juga khususnya Tuan Yang

di-Pertua sendiri, salam penuh takzim daripada Yang Berhormat Menteri saya, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, dengan lafaz *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya Menjunjung Titah Diraja Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong dan saya menggulung, terima kasih. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh*. Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya ulasan dan penjelasan yang kita timbulkan dijawab dengan baik oleh Yang Berhormat kita, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan baik, tepat dan padat. Saya rasa semua sudah terjawab saya rasa dan kita dapat juga banyak ilmu daripada ulasan dan jawapan daripada itu.

Jadi kita doakan supaya kemajuan, supaya kementerian ini terus berjaya untuk berbakti kepada rakyat dan bangsa. Jadi sekali lagi bagi pihak ini kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub yang telah memberi penerangan yang hebat, padat dan tepat. Sekian. *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih banyak.

Saya hendak pergi pula kepada nombor 11, Kementerian Luar Negeri. Dipersilakan Yang Berhormat Menterinya.

#### 7.12 mlm.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* serta salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kali ini agak luar biasa daripada kebiasaan perkara-perkara yang dibangkitkan yang berada di bawah kawal seliaan Kementerian Luar. Ketika penggulungan di Dewan Rakyat ketika saya lakukan hampir 18 soalan dibangkitkan, Cuma untuk sesi perbahasan titah diraja 2017 ini hanya satu sahaja yang dibangkitkan iaitu oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun yang telah menyentuh berkaitan bentuk dan bantahan diplomatik yang dibuat atas kes-kes penghinaan terhadap pemimpin Malaysia, secara spesifik dirujuk kepada program pada April 2017, rancangan *Mediacorp Singapore Channel 5*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sememangnya memandang begitu serius perkara yang berlaku ini dan sebagai makluman, apa yang telah berlaku adalah terdapat satu program televisyen yang merupakan program dalam bentuk *comedy show* yang telah disiarkan ataupun yang bertajuk *OK Chope!* yang disiarkan di bawah Mediacorp Singapura yang mengandungi unsur-unsur yang mempersendakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Siaran langsung itu telah dibuat pada hari Rabu, 29 Mac 2017 pada pukul 7.30 malam, di saluran *Channel 5*. Program yang dihoskan oleh Vernetta Lopez dan juga disertai oleh Ahli-ahli panel Najip Ali, Mike Kasem, Rishi Budhrani dan Sam See. Kesemuanya adalah warga Singapura. Namun salah seorang daripada mereka iaitu Najip Ali merupakan satu-satunya artis Singapura yang kerap menyertai program-program terbitan tempatan yang kini menyumbang peranan sebagai juri Program Maharaja Lawak di siaran *Astro Warna*.

Susulan daripada kejadian itu, Kementerian Luar Negeri telah mengambil tindakan, pertamanya Setiausaha Bahagian Asia Tenggara, Kementerian Luar telah mengemukakan bantahan dan membangkitkan sendiri perkara ini kepada Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, Encik Mark Neo. Pada waktu yang sama, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, TYT Datuk Ilango Karuppanan juga telah mengemukakan bantahan secara langsung dan membangkitkan perkara ini kepada Ketua Pengarang Akhbar *Straits Times* Singapura, Walter Fernandes.

Hasilnya daripada tindakan yang diambil oleh Kementerian Luar Negeri ini, Mediacorp telah menyiarkan kenyataan media di mana Mediacorp termasuk ahli panel Najip Ali telah mengemukakan permohonan maaf berkenaan episod tersebut. Najip Ali juga kemudiannya memohon maaf sekali lagi sewaktu program tersebut disiarkan pada 5 April 2017. Daripada hasil permohonan maaf, Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan kenyataan dan juga kenyataan media menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia sememangnya memandang serius dan berharap agar perkara seperti ini tidak berulang lagi di masa hadapan.

Kerana apa, kerana Malaysia dengan Singapura sememangnya mempunyai hubungan diplomatik yang rapat, walaupun itu bukan *the position by the Government of Singapore* tetapi ia boleh mencorakkan dan menjadikan hubungan kita antara dua negara yang sememangnya akrab menjadi keruh.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah soalan yang dibangkitkan ketika perbahasan titah diraja 2017. Kadang-kadang pun rasa satu ini macam tidak stim jugalah tetapi hendak buat macam mana, tinggal satu, jadi saya pohon...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Oardin:** Mohon laluan.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Ha, okeylah barulah stim sikit.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Oardin:** [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kita kasihi sudah berada berjam-jam di sini. Pastinya sebagai seorang Menteri muda yang *very aggressive* dan mempunyai pandangan yang jauh dan luas. Kebetulannya saya juga ingin, mungkin Ahli Dewan juga hendak tahu walaupun mungkin tidak ada dalam soalan, tetapi memandangkan ia satu isu yang juga merentap jiwa dan perasaan seluruh rakyat Malaysia bila mana Kerajaan Korea Utara telah cuba menimbulkan masalah dengan kita, jadi mungkin Ahli-ahli Dewan hari ini juga boleh mengambil maklum apakah keadaan sebenarnya hari ini hubungan antara kerajaan kita dan Kerajaan Korea Utara. Mungkin boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih sahabat saya. Perkara ini telah pun dibangkitkan ketika soal jawab lisan oleh sahabat cukup baik saya Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai dan telah dijawab dengan panjang lebar. Akan tetapi saya dapat nyatakan dan hari ini pun disiarkan dalam Utusan Malaysia bahawa hubungan kita dengan Korea Utara tidak lagi dan tidak mungkin berada pada iklim yang sama setelah kejadian yang berlaku.

Akan tetapi apa yang penting bila mana kejadian tersebut berlaku saya sebutkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan keselamatan sembilan orang rakyat Malaysia yang

semuanya bertugas di kedutaan, sebagai *the most paramount*, yang paling penting. Sebab itulah di kala kita mengamalkan apa yang saya sebut *the pragmatic* ataupun *pragmatism practices in our diplomacy*, kita tidak ada siapa-siapa yang boleh memberi tekanan, *who we should be friended to or who we shouldn't befriend*.

Sebab itu kita ada ramai kawan-kawan di sana. Ketika kejadian itu untuk makluman Yang Berhormat, ramai kawan-kawan kita membantu. Antara yang membantu adalah Kedutaan Indonesia, Kedutaan Pakistan dan juga EU. *Alhamdulillah* hasil *pragmatism* semua rakyat Malaysia berjaya dipulangkan, dibawa balik, *sweet, sound and safe*. Kalau Donald Trump kata bahawa perkara yang paling penting adalah *American first*, kepada kita di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia *and Malaysian* adalah keutamaan yang pertama. Terima kasih.

Jadi saya dengan itu saya mengucapkan terima kasih lagi kepada semua Ahli-ahli Dewan yang walaupun seorang yang telah membangkitkan dan saya yakin mungkin pada sesi yang akan datang, akan ada lebih banyak perkara-perkara yang boleh diperjelaskan.

#### ■1920

Saya ucapkan juga kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi untuk saya menggulung dan menjawab di bawah perbahasan Titah Diraja 2017. Terima kasih. Sekian. *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* .

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican, Timbalan Menteri Luar Negeri yang menjawab dengan baik dan telah melegakan juga hati kita. Jadi kita haraplah ia terus berpandangan baik supaya hubungan kita terus mendapat baik juga. Saya rasa semua kita telah dengar dan kita doakan kita punya perhubungan terus muhibah.

Sekarang saya hendak pergi ke soalan nombor 12. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan dari Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi yg telah bersetuju untuk menukar giliran menjawab dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Seperti giliran masing-masing di nombor 12 dan 20 dalam jadual susunan giliran Menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menjawab. Silakan.

#### 7.21 mlm.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan isu-isu alam sekitar sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada kali ini. Seramai enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kerosakan alam sekitar akan menjejaskan kehidupan dan mengambil masa yang lama untuk dipulihkan sepenuhnya serta melibatkan kos yang tinggi. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga bertitah bahawa semua pihak sewajarnya menghargai dan melindungi alam sekitar, alam semula jadi serta tidak memusnahkan keseimbangan ekologi. Justeru, kementerian memandang serius tentang isu ini dan akan terus komited dalam memelihara dan memulihara alam semula jadi bagi memastikan bahawa aset negara yang tidak ternilai ini akan terus dinikmati sehingga ke generasi-generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, isu kawasan tadahan air dan hutan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S. M. Omar. Beliau tidak hadir di Dewan. Saya memohon untuk menjawab secara bertulis. Isu pencemaran sungai. Tuan Yang di-Pertua, isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bahawa isu berkaitan kualiti air di sungai-sungai, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah pun memulakan usaha untuk meningkatkan kualiti sungai-sungai di negara ini dengan melancarkan pelbagai kempen khususnya Kempen Cintai Sungai Kita kemudian disusuli dengan Kempen Satu Negeri, Satu Sungai satu *River of Life* dan *Living River*.

Ini merupakan usaha peringkat awal dan memberikan kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya sungai untuk dihargai dan dijaga selain dari memberi penekanan kepada elemen peningkatan kualiti air sungai semata-mata. Langkah-langkah yang diambil ini merupakan tindakan bukan struktur dalam menggerakkan masyarakat supaya lebih menghargai sungai sebagai punca utama sumber air negara.

Isu seterusnya adalah isu berkaitan dengan banjir dan rancangan tebatan banjir. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili memohon penjelasan mengenai RTB di negeri Sarawak. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah diperuntukkan sebanyak RM150 juta bagi pelaksanaan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak dan dijangka menerusi pelaksanaan ini akan membantu menyelesaikan masalah banjir termasuklah di sekitar kawasan *Sarawak General Hospital* ini. Buat masa ini projek tersebut sedang dalam proses penyediaan reka bentuk secara terperinci oleh perunding yang telah dilantik dan dianggarkan proses tender akan dibuat pada Jun 2017.

Terdapat 10 kawasan yang strategik yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan projek tebatan banjir antaranya adalah seperti yang disebutkan tadi Hospital Umum Sarawak, Sungai Tabuan, Jalan Batu Lintang, Kuching dan SK Muara Tuang, Samarahan. Pihak Kerajaan Negeri Sarawak juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.5 juta kepada JPS Negeri Sarawak untuk membina kalbat dengan kaedah *pipe jacking*. Projek tersebut akan dapat mengatasi banjir kilat di kawasan tingkat bawah hospital dan juga di kawasan padang letak kereta.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim bersama dengan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook mohon kementerian menjelaskan status RTB dan langkah-langkah lain bagi

mengurangkan masalah banjir di negeri Kelantan. Sebenarnya, kementerian ini melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah pun memperuntukkan sebanyak RM800 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi mengatasi masalah banjir di negeri Kelantan.

Projek yang diluluskan adalah Projek Pembangunan Lembangan Bersepadu Sungai Golok fasa satu berjumlah RM300 juta dan juga projek pembangunan lembangan sungai bersepadu yang sama, Sungai Kelantan fasa satu yang berjumlah RM500 juta. Projek Sungai Kelantan fasa satu dijangka akan dimulakan pada Julai 2017 manakala Sungai Golok fasa satu pula akan di tender pada Oktober 2017.

Walau bagaimanapun penyelesaian menyeluruh ataupun *total solution* perlu dilaksanakan yang melibatkan keseluruhan lembangan Sungai Golok dan lembangan Sungai Kelantan bagi mengatasi banjir di kedua-dua kawasan lembangan ini yang dicadangkan dilaksanakan dalam fasa dua dan fasa tiga melibatkan kos sebanyak RM10 bilion dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Satu jangka masa yang agak panjang. Keberkesanan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) adalah bergantung kepada semua pihak yang terlibat dengan pengurusan sumber air seperti dalam cadangan Rang Undang-undang Sumber Air Negara (RUU SAN) di mana RUU SAN tidak hanya bagi mengurus sumber air untuk tujuan bekalan air sahaja tetapi melibatkan semua sektor seperti pertanian, industri dan alam sekitar termasuk juga keselamatan, kemudahan awam yang berkaitan dengan air.

Ia juga turut menyokong dan memperkukuhkan pelaksanaan Dasar Sumber Air Negara melalui penggubalan undang-undang yang komprehensif dan seragam di peringkat negeri bagi membolehkan pihak berkuasa negeri melaksanakan *Integrated Water Resources Management* (IWRM) dan *Integrated River Basic Management* (IRBM) secara holistik. Dalam erti kata lain, RUU SAN ini akan memberi kuasa sepenuhnya kepada kerajaan negeri. Saya ulang sekali lagi, RUU SAN ataupun Rang Undang-undang Sumber Air Negara ini akan memberi kuasa sepenuhnya 100% kepada kerajaan negeri ataupun kepada negeri bagi mengurus sumber air masing-masing. Selain itu, kementerian menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran juga sedang menambah baik sistem ramalan dan amaran banjir melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) bagi penyelesaian secara bukan struktur.

#### ■1930

PRAB ini akan dilaksanakan di 40 lembangan sungai utama seluruh negara dalam tiga fasa dengan anggaran kos RM550 juta. Fasa 1 sedang dilaksanakan bermula daripada 2015 hingga 2017 untuk Lembangan Sungai Pahang, Sungai Kelantan dan Sungai Terengganu. Manakala fasa 2 akan dilaksanakan pada tahun 2018 sehingga tahun 2020 untuk 29 lembangan sungai dan fasa terakhir dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2021 hingga tahun 2022 untuk lapan lembangan sungai. Menerusi program ini, ramalan banjir seawal tujuh hari akan dihasilkan dan amaran banjir kepada penduduk dihebahkan dua hari lebih awal berbanding enam jam sebelum ini. Projek PRAB ini menyasarkan seramai 30.4 juta orang penduduk untuk mendapatkan maklumat amaran awal banjir.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada

mesyuarat petang ini. Saya berharap daripada penjelasan tersebut telah dapat menjawab sebahagian besar daripada semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan kementerian. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat di jawab secara terperinci pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini pendek dari menjawab soalan. Silakan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

**7.31 mlm.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 13 Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat semasa membahaskan Usul Menjujung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. KPWK, segala pandangan, saranan, cadangan dan teguran secara terbuka dan pihak kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua input berkenaan. Saya minta izin supaya saya menjawab secara bertulis bagi Yang Berhormat yang tidak berada di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan mengikut isu yang dibahaskan. Isu yang pertama mengenai wanita. Yang Berhormat Senator Yang Mulia Engku Naimah binti Engku Taib dan Yang Berhormat Senator Rabiyyah binti Ali ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Bertanyakan tentang dasar penglibatan wanita dalam sektor awam, swasta dan juga politik. Dasar untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Jun 2011. Sejak diadakan dasar berkenaan, kekangan yang dikenal pasti sebagai halangan kepada pencapaian 30 peratus penglibatan wanita dalam sektor korporat adalah kurangnya kesedaran dan *buy-in* di kalangan sektor korporat, kurang program *advocacy* dan promosi serta kurang pengiktirafan syarikat yang mencapai sasaran 30 peratus penglibatan wanita. Sehubungan dengan ini, KPWK telah pun melaksanakan Program Pengarah Wanita atau dengan izin, *Women Directors Programme* sejak tahun 2012. Bagi tempoh 2012 hingga 2016, seramai 1,051 calon pengarah wanita dari pelbagai negeri telah pun menyertai Program Pengarah Wanita tersebut.

Kementerian turut menggariskan pelantikan atau, dengan izin, *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dalam sektor korporat sebagai salah satu *indicator* penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat. Di samping itu, kerajaan telah pun

menubuhkan 30 peratus kelab di Malaysia pada 8 Mei 2015 bagi meningkatkan, dengan izin, *buy-in* serta kesedaran dari sektor korporat mengenai dengan izin, *board diversity*.

Seterusnya melantik serta meningkatkan lebih ramai dengan izin, *placement* wanita yang kompeten sebagai ahli lembaga pengarah syarikat di sektor korporat. Bagi tujuan ini, KPWKM dengan kolaborasi 30 peratus kelab telah pun mengadakan tiga sesi *engagement* bersama *corporate business leaders* pada April, Jun dan Oktober 2016. Dalam hal yang sama, kementerian dengan kolaborasi Bursa Malaysia telah pun mengadakan anugerah 30 peratus *women on board* sempena Hari Wanita Kebangsaan pada 25 Ogos 2016 yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pengiktirafan kepada 71 syarikat tersenarai awam di Bursa Malaysia yang telah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat di Bursa Malaysia.

Kerajaan telah mengumumkan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan sektor awam pada 24 Ogos 2004. Sasaran ini selari dengan Transformasi Nasional 2050 inisiatif iaitu TN50 yang merupakan kesinambungan dasar-dasar semasa dan sebelumnya. Kerajaan telah pun menetapkan kenyataan dasar yang menyasarkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan kepada 59 peratus pada tahun 2020 dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Dalam hal ini, berdasarkan penyiasatan tenaga buruh yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan sehingga Disember 2016 adalah 54.3 peratus. Kerajaan telah merangka pelbagai inisiatif bagi memastikan wanita berkerjaya kekal bekerja dan menyumbang kepada ekonomi negara. Misalnya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, inisiatifnya adalah seperti berikut:

- (i) melipatgandakan persekitaran kerja yang lebih kondusif;
- (ii) meningkatkan akses kepada penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak;
- (iii) peningkatan usahawan wanita dengan menambah peluang bagi wanita untuk menimba pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan dalam bidang keusahawanan;
- (iv) memperluaskan akses kepada pekerjaan melalui Program *1Malaysia Support for Housewives*; dan
- (v) memperluas program kembali bekerja seperti yang dilaksanakan oleh TalentCorp.

Salah satu objektif khusus pelan tindakan ini ialah mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita di Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dalam hal ini, parti-parti politik yang merupakan *stakeholder* utama perlu terus mengambil perhatian dan melaksanakan strategi dan program yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Kesiediaan komitmen dan keyakinan pemimpin-pemimpin parti politik dalam membuka lebih banyak ruang dan peluang di peringkat *entry point* akan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan seterusnya sebagai calon dalam Pilihanraya Umum Ke-14 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Rabsyah binti Ali juga membangkitkan isu skim kerja fleksibel bagi wanita. Bagi memberi fleksibiliti kepada wanita dalam sektor pekerjaan,

majikan dicadangkan melaksanakan pengaturan kerja fleksibel yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja. Selain daripada itu, portal *flexWorkLife.my* yang dilancarkan pada 8 Julai 2013 di bawah kolaborasi antara Jabatan Pembangunan Wanita iaitu sebuah agensi di bawah KPWKM, *TalentCorp Malaysia* dan *MyStarJob* berperanan menyediakan platform bagi permohonan insentif potongan cukai tambahan daripada majikan yang menyokong pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel. Selain itu, portal *flexWorkLife.my* yang dilancarkan pada 8 Julai 2013 dengan kolaborasi antara Jabatan Pembangunan Wanita iaitu sebuah agensi di bawah KPWKM, *TalentCorp Malaysia* dan *MyStarJob* berperanan pertama, memaparkan pekerjaan yang berdasarkan *flexi job*.

#### ■1940

Kedua menyediakan repositori amalan terbaik *flexi working arrangement* dan kemudahan yang mesra keluarga bagi rujukan dan kegunaan syarikat dan menyediakan platform permohonan insentif cukai bagi majikan menyokong pelaksanaan *flexi work life*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar, ada di dalam Dewan? Ada. Ini Ahli Dewan Negara wanita memang semua sangat rajin. Menyentuh mengenai ibu tunggal, antara usaha-usaha serta inisiatif yang disediakan di bawah Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal khususnya untuk memperkasakan pembangunan ekonomi mereka ialah:

- (i) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit), IQ Nita;
- (ii) Portal e-dagang wanita *More* ;
- (iii) *Home Manager*;
- (iv) You boleh;
- (v) Program Bazar Wanita;
- (vi) Program Komuniti Perwani 1Malaysia; dan
- (vii) Program 1Azam.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan pembangunan Wanita menjalankan program inkubator kemahiran ibu tunggal yang merangkumi bidang seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri dan asuhan kanak-kanak. Bagi tempoh 2008 hingga 31 Disember 2016 seramai 5294 orang ibu tunggal telah pun dilatih. Program Inkubator Keusahawanan Wanita pula dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2013 serta diteruskan sehingga kini. Jumlah peserta yang telah mengikuti program dari tahun 2010 hingga 31 Disember 2016 ialah 8510 orang.

Kementerian juga melalui Jabatan Pembangunan Wanita akan bekerjasama dengan pihak MARA bagi membantu wanita dan ibu tunggal untuk memulakan perniagaan menerusi permohonan dana wanita bagi menyokong pertumbuhan ekonomi kaum wanita. Sehingga bulan April 2017 seramai 83,128 ibu tunggal telah berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Wanita. Daripada jumlah itu 2675 ibu tunggal adalah daripada negeri Pahang.

Pelbagai jenis bantuan dan program yang telah dilaksanakan di negeri Pahang. Antaranya adalah Program Inkubator Ibu Tunggal dan Inkubator Keusahawanan Wanita yang sekarang ini dikenali sebagai *Development of Women Entrepreneur Initiative*. Portal e-dagang Wanita *More*

Bazar Wanita 1Malaysia, *Home Manager*, *You Boleh* dan program-program Komuniti Perwani 1Malaysia. Jumlah ibu tunggal yang terlibat dalam I-Kit ialah seramai 353 orang peserta dari tahun 2008 hingga tahun 2016 dan seramai 181 orang peserta yang telah berjaya meningkatkan pendapatan. Manakala Portal e-Dagang Wanita *More* pula seramai 18 orang peserta ibu tunggal yang terlibat dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka di dalam Portal e-Dagang tersebut.

Jumlah peserta bagi bazar wanita seramai 18 orang dan lapan orang daripada jumlah tersebut adalah ibu tunggal. Program ini secara purata dapat meningkatkan pendapatan peserta sebanyak 20% daripada pendapatan sebelum ini. Jumlah peserta bagi program *Home Manager* pada tahun 2017 adalah seramai 18 orang dan tujuh orang daripada jumlah tersebut adalah ibu tunggal. Program ini dapat memberi peluang pekerjaan kepada ibu tunggal untuk menceburkan diri dalam prospek kerjaya sebagai pengurus kediaman. Seminar *You Boleh* bertujuan untuk memberi bimbingan, motivasi dan kaunseling agar peserta mempunyai minda keusahawanan. Program ini telah dilaksanakan pada bulan Mac 2017 di Pekan, Pahang yang melibatkan peserta seramai 109 orang dan 20 daripadanya adalah ibu tunggal. Manakala penglibatan peserta pada 2016 pula seramai 100 orang yang dilaksanakan di Dataran Temerloh.

Pada tahun 2016, program Perwani 1Malaysia bersama YAM Cik Puan Muda Pahang yang dihadiri seramai 2000 orang ibu tunggal di daerah Maran. Program tersebut yang memberi fokus kepada pemerksaan ekonomi ibu tunggal melalui Seminar Magnet Rezeki. Program tersebut dapat memberi motivasi dan suntikan semangat kepada ibu tunggal untuk meningkatkan taraf sosial ekonomi mereka. Permohonan pembiayaan daripada Amanah Ikhtiar Malaysia oleh ibu tunggal di negeri Pahang sehingga hari ini adalah sebanyak RM74,323,882 dengan jumlah pembiayaan kepada 16019 orang. Dalam jumlah tersebut seramai 2761 penerima adalah sahabat ibu tunggal. Manakala untuk pinjaman TEKUN pula seramai 551 peminjam ibu tunggal telah mendapat pinjaman sebanyak RM3,610,520.94 sehingga 31 Mac 2017.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad bertanyakan mengenai isu prosedur temu duga pramugari *Malindo Air*. Kementerian memandagkan serius akan prosedur meminta calon menanggalkan pakaian semasa temu duga memandagkan ia tidak menghormati hak individu dan syarikat-syarikat diminta menyemak semula semua prosedur pengambilan bagi memastikan tiada prosedur yang boleh dianggap melanggar hak individu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff dan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty ada? Oh ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Sri Khairudin tidak ada?

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Oh, okey. Tadi tidak ada tetapi isu itu sangat penting mengenai Malindo itu, oleh itu saya jawab. Bertanyakan mengenai institusi kekeluargaan, kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan program...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kena bagi jawapan secara bertulis bila mereka tidak ada dalam Dewan.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Oh ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Oh tadi yang tidak ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak adapun, *you* kena hantar.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Oh okey, terima kasih. Kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan program pengukuhan institusi perkahwinan seperti program Pra Perkahwinan *Smart Start*, perkahwinan mega dan *Smart Start Honeymoon* kepada pasangan suami isteri. Program Pra Perkahwinan *Smart Start* disasarkan kepada pasangan yang akan dan baru berkahwin iaitu usia perkahwinan kurang lima tahun bagi memberi ilmu pengetahuan dan persediaan awal alam perkahwinan. LPPKN juga telah merancang dan membangunkan modul pendidikan kekeluargaan dan kemahiran keibubapaan bagi mengukuhkan institusi keluarga dan mengurangkan penceraian.

Pembangunan dan penambahbaikan modul ini telah dijalankan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, pakar dan pengamal daripada universiti, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Modul-modul yang dibangunkan adalah Program Pra Perkahwinan *Smart Start*, *parenting@work*, ilmu keluarga LPPKN dan *smart plan* belanja@LPPKN. Penambahbaikan setiap modul dilakukan secara berterusan berdasarkan maklum balas dan perkembangan semasa bagi memastikan modul ini kekal relevan.

Yang Berhormat Senator YBM Engku Naimah binti Engku Taib bertanyakan tentang kajian indeks kesejahteraan keluarga berbanding indeks kajian kesejahteraan keluarga 2011.

#### ■1950

Berbanding kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga 2011, terdapat satu penambahan domain iaitu domain keluarga dan teknologi komunikasi menjadikan jumlah keseluruhan domain kepada lapan domain bagi Indeks Kesejahteraan Keluarga 2016.

Selain itu, penetapan umur responden kajian bagi mengukur IKK 2016 juga adalah sedikit berbeza dengan IKK 2011 yang mana responden kajian bagi IKK 2016 adalah ibu bapa yang mempunyai anak berumur antara tiga hingga 24 tahun, sementara responden kajian bagi IKK 2011 adalah mereka yang mempunyai anak berumur antara 13 hingga 24 tahun.

Memandangkan terdapatnya beberapa perubahan kepada domain dan *indicator* yang digunakan antara IKK 2011 dan IKK 2016 serta penetapan umur anak responden kajian bagi mengukur terhadap kesejahteraan keluarga, perbandingan antara kedua-dua nilai skor IKK 2011 dan IKK 2016 tidak dapat dilakukan dan dilaporkan dalam laporan ini.

Secara keseluruhannya, skor IKK Malaysia 2016 menggambarkan tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia ketika ini berada di tahap sederhana. Berdasarkan penemuan IKK 2016, antara cadangan untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga adalah seperti berikut:

- (i) program kemahiran komunikasi keibubapaan dengan kanak-kanak;
- (ii) pelaksanaan program pembangunan ekonomi dalam kalangan keluarga yang berpendapatan rendah;
- (iii) program-program memperkasakan amalan gaya hidup sihat;
- (iv) program sukarelawan bersama keluarga dan komuniti; dan

- (v) penganjuran program-program bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ibu bapa dalam memantau penggunaan teknologi komunikasi dalam kalangan kanak-kanak.

Selain itu, setiap agensi kerajaan juga telah disarankan menggunakan hasil penemuan IKK 2016 apabila mereka membentuk program-program berkaitan dengan keluarga dan meneliti semula dasar di agensi masing-masing agar bersesuaian dalam usaha meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga masa kini ke arah mencapai 88 menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2016, projek pembangunan Modul Pengukuhan Keluarga dan Komuniti atau singkatannya FACE iaitu *Family and Community Empowerment*, dibangunkan berdasarkan hasil kajian IKK 2016 yang mana pelaksanaannya memberi fokus kepada setiap domain dan *indicator* yang diguna pakai dalam kajian tersebut.

Di peringkat permulaan, program ini telah dilaksanakan di 14 komuniti terpilih seluruh Malaysia dan akan diperluaskan sepanjang tempoh lima tahun, RMKe-11. Mengambil pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan, pelaksanaan program FACE di peringkat negeri adalah hasil usaha sama inklusif di antara LPPKN negeri, ICU negeri, NGO dan agensi-agensi peringkat negeri dalam memastikan matlamat yang ditetapkan tercapai. Di peringkat komuniti, pelbagai program intervensi dibentuk bersesuaian dengan keperluan kursus komuniti setempat. Bagi menilai tahap kesejahteraan keluarga di 14 komuniti ini, penilaian pra dan pasca yang menggunakan instrumen IKK telah dilaksanakan bagi memantau keberkesannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senetor Yang Mulia Engku Naima Engku Taib, dan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal juga menyentuh mengenai isu warga emas.

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah populasi warga emas iaitu mereka yang berumur 60 tahun yang ke atas adalah berjumlah 2.8 juta daripada jumlah penduduk negara yang berjumlah 31 juta. Warga emas yang berdaftar sebagai penghuni di institusi kebajikan iaitu di Rumah Sri Kenangan berjumlah 1,929 penghuni. Warga emas yang berdaftar di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) pula seramai 31,880 orang dan penerima bantuan kewangan iaitu bantuan orang tua yang berjumlah 133,352 orang.

Kerajaan telah menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995. Dasar tersebut telah pun dikaji semula dan susulan daripada kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara telah diluluskan pada 5 Januari 2011 yang akan dilaksanakan bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2011 sehingga tahun 2020.

Sebanyak enam strategi dibentuk di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas untuk mencapai objektif dasar. Strategi berkenaan merangkumi tujuh sektor iaitu kesihatan, sosial dan regresi, pendidikan dan kerohanian, perumahan dan persekitaran, ekonomi, pekerjaan serta penyelidikan dan pembangunan.

Bagi memantau pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan ini, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara telah ditubuhkan pada 22 Mei 1996 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

KPWKM juga telah menubuhkan pasukan petugas mengenai isu dan cabaran penuaan bagi mengenal pasti isu dan cabaran penuaan yang merangkumi aspek penjagaan kesihatan, keselamatan sosial dan penuaan aktif positif serta menetapkan keutamaan bidang yang akan ditangani bagi memastikan pelaksanaan inisiatif yang lebih fokus dan menjurus kepada isu yang diketengahkan termasuk isu kebergantungan ekonomi warga emas.

Pasukan petugas ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu saya sendiri, dengan ahli tetap seramai 20 orang yang terdiri daripada antaranya kementerian/agensi kerajaan, badan berkanun, NGO, ahli akademik dan individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang bersesuaian dalam permasalahan dan isu berkaitan warga emas.

KPWKM melalui JKM juga menawarkan perkhidmatan sosial berbetuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti bantuan orang tua dan penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Sri Kenangan dan Rumah Ehsan. Bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menjamin kesejahteraan warga emas, kementerian juga telah berkolaborasi dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam menyediakan pelbagai program dan perkhidmatan seperti penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas, Program Pengangkutan Unit Penyayang Warga Emas dan program *Home Help Services*.

Selain itu, selaras dengan prinsip penuaan aktif dan produktif, pada tahun 2012, kerajaan telah meningkatkan umur persaraan daripada 55 tahun hingga ke 60 tahun. Pertambahan lima tahun ini akan membantu menjamin kestabilan ekonomi golongan warga emas apabila mencapai usia persaraan melalui simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang lebih besar.

Kerajaan menggalakkan penyertaan semua pihak dan mempraktikkan strategi penglibatan dan kesepaduan antara generasi. Kerajaan mengambil langkah proaktif dengan memperkasakan dan mendaya-upayakan komuniti untuk menubuhkan organisasi berasaskan komuniti. Dalam hal ini, fokus terhadap penglibatan kerajaan semata-mata dalam aspek penjagaan warga emas perlu diubah dengan melibatkan komuniti dan memandangkan isu ini sebagai tanggungjawab bersama antara kerajaan, komuniti dan keluarga.

#### ■2000

Komitmen kerajaan dalam usaha memperkasakan komuniti tidak hanya terhenti kepada penerima manfaat semata-mata. Kerajaan turut menunjukkan komitmen melalui *The Kuala Lumpur Declaration on Ageing: Empowering Older Person in ASEAN* yang telah diterima dalam sidang kemuncak ASEAN Ke-27 yang lalu. Kerajaan melalui KPWKM turut mengadakan kerjasama dengan negara Jepun menerusi *record of discussion* dengan Japan International Cooperation Agency atau dikenali JICA bagi melihat dan mempelajari cara pemerkasakan dan mendaya upayakan komuniti dalam aspek penjagaan warga emas.

Kerajaan mewujudkan bantuan orang tua kepada warga emas untuk yang berumur 60 tahun ke atas, tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup dan mempunyai keluarga tetapi keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidup mereka. Bagi memastikan kadar BOT yang diberikan sentiasa relevan dengan keperluan semasa KPWKM telah mengkaji keperluan kenaikan

kadar ini sebanyak enam kali bermula tahun 1994 dengan kadar RM70 sehingga naik kepada RM300 pada tahun 2008.

Berdasarkan kepada kajian UPM ke atas perkhidmatan bantuan mendapati bahawa ada kadar keperluan BOT dinaikkan bersesuaian dengan kadar kos semasa. Walau bagaimanapun, sebarang cadangan kenaikan kadar ini akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan sewajarnya. Ini memandangkan negara kita akan menuju negara tua menjelang tahun 2030 dan boleh mempengaruhi implikasi peruntukan bantuan. Data unjuran penduduk dan warga emas bagi tahun 2030 sebanyak 5,818.40 sumber Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu 15.3 peratus dari jumlah penduduk negara. Peningkatan jumlah penduduk tua akan memberi kesan kepada peruntukan bantuan. Pemberian bantuan bukan jalan penyelesaian terdapat inisiatif-inisiatif lain bagi membantu warga emas yang produktif seperti penubuhan pusat aktiviti warga emas dan penyediaan program khidmat bantu di rumah iaitu *home help services*. Di samping itu, kerajaan amat menggalakkan ahli keluarga dan masyarakat sama-sama bertanggungjawab bersama untuk menjaga dan memelihara kebajikan warga emas.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali, dan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar bertanya mengenai taska. JKM sentiasa menjalankan pemantauan bagi taska tidak berdaftar supaya kewujudan mereka dikenal pasti dan diberi peringatan untuk berdaftar. Jika taska yang berkenaan masih enggan berdaftar pengusaha taska boleh dikenakan tindakan di denda tidak lebih RM10,000 atau di penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda tidak lebih RM20,000 atau di penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali. Dari tahun 2014 hingga ke tahun 2016, JKM telah mengeluarkan arahan bertulis kepada 47 buah taska. Sebanyak 11 buah taska telah- 27 buah taska dikena tindakan kompaun, lima buah taska dikenakan tindakan tutup sementara dan 65 buah taska dibatalkan pendaftaran dan 13 buah taska telah didakwa.

Jumlah keseluruhan kes penderaan kanak-kanak di taska dalam tempoh lima tahun adalah sebanyak 1,181 kes. Bagi tahun 2012 adalah sebanyak 248 kes. Tahun 2013, sebanyak 208 kes, 2014 sebanyak 86 kes, 2015 sebanyak 211 kes dan 2016 sebanyak 328 kes. Daripada jumlah yang dinyatakan sebanyak 35 kes penderaan di taska di negeri Pahang telah dilaporkan iaitu sebanyak tiga kes bagi tahun 2012. Seramai 15 kes bagi tahun 2013. Tiada kes pada tahun 2014. 11 orang pada tahun 2015 dan seramai enam kes pada tahun 2016.

Langkah-langkah yang diambil bagi menangani kes penderaan kanak-kanak di taska adalah seperti berikut. Pertama, mengadakan program *advocacy* seperti program Jom Berdaftar bagi setiap negeri untuk memastikan lebih banyak taska berdaftar. Melalui pendekatan ini ia dapat mencegah berlakunya penderaan kanak-kanak di taska kerana selepas pendaftaran, pihak kementerian melalui JKM akan membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan taska memberi perkhidmatan yang berkualiti.

Hasil daripada program tersebut, pendaftaran taska telah meningkat sebanyak 41 peratus di mana pada tahun 2015 sebanyak 362 buah taska berdaftar mana kala pada tahun 2016 sebanyak 510 taska berdaftar. Memastikan semua taska memasang CCTV juga adalah satu langkah mengikut

Pekeliling Ketua Pengarah, Bil. 1/ 2015. Bilangan taska yang memasang CCTV bagi tahun 2015 adalah sebanyak 259 buah, manakala tahun 2016 sebanyak 432 buah. Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 turut menambah maklumat dalam daftar kanak-kanak di mana butiran berkaitan dengan individu yang melakukan kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak direkodkan. Oleh yang demikian, pengusaha taska boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan membuat semakan bagi memastikan pengasuh yang diambil bekerja bukan seorang pesalah di bawah akta tersebut.

Langkah keempat, tindakan penguasaan boleh diambil ke atas taska yang didapati berlakunya kes penderaan adalah dikenakan arahan bertulis kepada pengusaha untuk mematuhi Akta Taska 1984 dan Peraturan-peraturan Akta Taska 2012. Arahan penutupan ke atas premis tersebut adalah di bawah kuasa KPKM selama tempoh sebagaimana difikirkannya perlu.

Kelima, dasar perlindungan kanak-kanak yang komprehensif perlu diterapkan di taska bagi memberi kesedaran kepada pengasuh terhadap konvensyen hak kanak-kanak di penuhi bagi meningkatkan perlindungan terhadap kanak-kanak.

Keenam, kanak-kanak yang didera akan dirujuk kepada kaunselor JKM bagi menjalani proses pemulihan terutama dari segi emosi.

Ketujuh, JKM bertanggungjawab dalam memberi perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak khususnya bagi kanak-kanak yang diabai dan didera. Bagi proses pendakwaan terhadap pelakunya adalah di bawah tanggungjawab pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kementerian melalui JKM telah mewajibkan semua pengusaha, penyelia dan pengasuh taska hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA bagi memastikan mereka dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti. Dari tahun 2014 hingga tahun 2016, seramai 10,635 orang telah hadir dan lulus KAP sebanyak 38 agensi telah diiktiraf untuk melaksanakan KAP di mana melibatkan 216 orang jurulatih yang diiktiraf dalam pelaksanaan KAP.

KPWKM dengan kerjasama UPSI telah meluaskan kaedah latihan KAP secara atas talian bagi meningkatkan lagi bilangan pengasuh yang terlatih bertugas di taska. Kaedah ini lebih mudah dan fleksibel dari segi masa dan tempat. Kaedah latihan melalui MOOC akan dilaksanakan mulai Julai 2017. Kerajaan juga berhasrat untuk memperluaskan penambahbaik taska di tempat kerja sektor awam dan swasta bagi tahun 2017, penambahan disasarkan kepada 20 taska sektor awam dan 20 taska sektor swasta.

#### ■2010

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff ada? Tidak ada. Yang Berhormat Senator- oh, ada!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** *[Ketawa]* Sudah tidak boleh bernafas. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa muka surat lagi Yang Berhormat ?

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Lapan, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehlah Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Bolehlah, ini untuk saya kuruskan badan [*Ketawa*] Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan berhubung isu bantuan makanan anak yatim. Geran *Ransom* yang bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan bagi menampung sebahagian kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum penghuni yang tinggal di kediaman atau datang secara harian ke pertubuhan sukarela kebajikan yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan, dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM iaitu warga emas, Orang Kurang Upaya dan kanak-kanak.

Pemberian adalah tertakluk kepada syarat kelayakan dan kaedah yang telah ditetapkan di dalam garis panduan. Pemberian bantuan kewangan kerajaan kepada PSK. Kadar geran *ransom* ini adalah seperti berikut:

- (i) penghuni yang tinggal berkediaman di PSK diberikan RM8 sehari bagi setiap seorang; dan
- (ii) penghuni datang secara harian ke PSK sebanyak RM4 sehari bagi setiap seorang.

Kementerian mengambil berat isu-isu yang dibangkitkan oleh PSK dan sentiasa berusaha untuk memastikan semua penghuni PSK mendapat perkhidmatan yang lebih baik termasuk dalam aspek keperluan makan dan minum. Kementerian juga akan meneruskan usaha memartabatkan kumpulan sasar yang memerlukan ini dengan mencadangkan kenaikan kadar bantuan yang sedia ada kepada satu kadar yang lebih baik.

Sebagai menyokong usaha kerajaan PSK juga diharap dapat mengambil inisiatif sendiri untuk mengumpul dana bagi pengurusan rumah masing-masing. Sebagai contoh, mendapatkan sumbangan tanggungjawab sosial korporat CSR daripada syarikat korporat. Kementerian boleh memberikan sokongan pengecualian cukai kepada syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan...

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencela sedikit sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri boleh rehat sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minum dulu.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, di negeri Kedah ada sebuah rumah anak yatim yang diberi nama rumah Anak Yatim Kampung Che Bema . Lebih kurang 40 anak-anak yatim di situ lelaki duduk di rumah itu. Baru-baru ini saya dapat panggilan daripada penjaga rumah itu mengatakan mereka sudah tidak cukup duit, sumbangan makin kurang. Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri hanya beri RM10 ribu setahun dan duit yang ada hanya cukup untuk makanan anak-anak yatim ini untuk tiga bulan sahaja.

Oleh sebab itu hari ini saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya macam mana pun untuk bantu rumah anak-anak yatim seluruh Malaysia di mana yang saya faham tahun 2003, RM3.09 dia punya peruntukan makanan, tahun 2004 sebanyak RM8. Kemudian, sekarang ini

tahun 2017 masih lagi RM8, 13 tahun RM8. Jadi saya mengharap sangat kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada kementerian untuk membantu semua rumah-rumah anak yatim ini dari segi peruntukan makanan ini. Ini yang paling penting. Saya takut dia orang sudah tidak ada duit untuk peruntukan makanan seharian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih, kepada Yang Berhormat Menteri yang prihatin ke atas masalah yang dihadapi oleh rumah anak yatim. Seperti apa yang tadi saya telah pun maklumkan kementerian akan selalu *review* dan sekira ada keperluannya kita akan buat permohonan dengan Kementerian Kewangan. Kami amat faham keadaan pada masa ini kerana bukan sahaja sebuah tetapi ada juga beberapa buah rumah anak yatim yang telah pun beritahu kekangan yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, kita –saya akan bawa balik ke kementerian supaya kita tengok adakah apa caranya kita boleh beri bantuan kepada mereka yang memerlukan sokongan.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan membangkitkan isu berkenaan golongan Orang Kurang Upaya. Yang Berhormat ada ?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Ada juga [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Bathmavathi Krishnan.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Okey, nampak sudah [*Ketawa*] Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya yang ditubuhkan [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kementerian khusus untuk wanita itu pasal mereka tidak keluar.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Okey, Tuan Yang di-Pertua. Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya yang ditubuhkan melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 merupakan mekanisme tertinggi untuk pelaburan dan pemantauan pelan tindakan OKU 2016 hingga 2022.

Pelaksanaan program serta pencapaian 124 KPI yang telah ditetapkan dalam 10 teras strategik Pelan Tindakan OKU 2016-2022 dilaksanakan oleh setiap agensi peneraju. Walaupun begitu, setiap isu atau sebarang perkara menghalang pencapaian KPI yang ditetapkan akan diteliti dan dibincangkan di bawah enam Jawatankuasa yang diketuai oleh agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Dalam hal ini Jawatankuasa Pengangkutan diketuai oleh Kementerian Pengangkutan, Jawatankuasa Reka Bentuk Sejahtera dan Alam Bina dan Jawatankuasa Pendaftaran OKU diketuai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jawatankuasa Pendidikan diketuai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jawatankuasa Pekerjaan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Jawatankuasa *Quality Life Care* diketuai oleh Kementerian Kesihatan.

Pelan Tindakan OKU 2016-2022 telah dilancar pada 9 Ogos 2016. Masih banyak tindakan yang perlu diambil oleh setiap agensi peneraju dalam menjayakan KPI yang telah ditetapkan. Kementerian bercadang untuk menjalankan *mid-term review* ke atas pelan tindakan ini pada tahun 2018 supaya pencapaian program peserta KPI dapat dipantau.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membangunkan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pihak pertubuhan bukan kerajaan. Dengan itu, kementerian ini tidak akan buat penilaian ini secara persendirian. Sudah pasti penilaian ini akan dibuat secara bersama dengan semua pemegang [Tidak Jelas] supaya persetujuan ke atas sesebuah pencapaian adalah persetujuan yang kolektif.

Untuk makluman jua, kementerian ini sentiasa menitik berat akan pandangan dan komen dari setiap pemegang [Tidak Jelas]. Ini kerana kementerian percaya pandangan dan komen tersebut dapat menambah baik dan seterusnya memastikan mutu dan perkhidmatan yang diberikan memberi manfaat yang sebaiknya kepada semua kumpulan sasar termasuk OKU.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyambut baik cadangan yang dikemukakan. Kementerian ini akan berbincang dengan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya untuk melihat sekiranya dia dapat dilaksanakan sebagai Projek Strategik Lautan Biru Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariah binti Hj Md Nordin – ada. Berhubung isu remaja hamil luar nikah. Kementerian melalui pewujudan pelan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan telah merangka pelan tindakan seperti berikut.

Pertama, melaksanakan program pencegahan dan advokasi secara kerjasama dengan agensi berkaitan melalui program pekerti di sekolah, Institusi Pendidikan Guru Malaysia, Pusat Khidmat Latihan Negara dan Kolej Komuniti.

#### ■2020

Kedua, menyediakan ruang dan kemudahan untuk remaja meningkatkan akses maklumat dan perkhidmatan kesihatan reproduktif melalui pewujudan Pusat Remaja Kafe@TEEN. Ketiga, menjalan beberapa kajian penyelidikan berkaitan isu remaja. Di antaranya ialah kajian faktor risiko dan pelindung terhadap kesihatan seksual dan reproduktif remaja di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah disiapkan. Hasil kajian telah di bentang dalam seminar pada tahun 2016 dan kajian *Youth Intervention Study Best Practices of Youth Intervention Program in Malaysia*, dengan izin. Keempat, membangunkan modul latihan pendidikan untuk kumpulan sasar remaja melalui dasar pekerti. LPPKN telah membangunkan beberapa modul latihan pendidikan yang disasarkan kepada golongan remaja seperti Modul Cakna Diri (Remaja).

Modul Kesejahteraan Hidup untuk pelatih PLKN dan terbaru, LPPKN telah membangunkan Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Seksual untuk remaja lelaki berumur 16 tahun ke 24 tahun. Kelima, melaksanakan program kemahiran keibubapaan menerusi Program Parenting@Work, Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN dan Smart Belanja@LPPKN bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan secara menyeluruh, termasuk aspek membimbing dan mendisiplinkan anak remaja. Pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia juga turut melaksanakan beberapa pendekatan bagi menangani masalah kehamilan remaja, kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi. Di antara inisiatif yang diambil oleh pihak KKM ialah:

- (i) menyediakan akses kepada perkhidmatan yang mesra remaja di semua fasiliti kesihatan kerajaan di seluruh negara;
- (ii) menjalankan latihan bagi memperkasa anggota kesihatan dalam pengendalian kes remaja secara berhemah, tidak menghukum, menjaga kerahsiaan dengan mengguna pakai prinsip *harm reductions* dan *in the best interest of the child*;
- (iii) menyediakan modul dan garis panduan pengendalian masalah kesihatan seksual reproduktif remaja;
- (iv) menjalankan usaha advokasi mengenai isu kemahiran remaja pada mesyuarat inter-agensi bagi mendapat sokongan dan kerjasama semua agensi, kementerian, kerajaan negeri untuk menangani masalah ini secara holistik di peringkat negeri dan daerah; dan
- (v) pelaksanaan Program Generasi Ku Sayang di semua negeri dalam menyediakan intervensi yang menyeluruh dan bersepadu kepada remaja hamil, khususnya remaja yang tidak berkahwin tanpa sokongan keluarga.

Mengenai pertubuhan yang melindungi remaja hamil luar nikah. Pertubuhan sukarela kebajikan yang memberi perlindungan kepada remaja hamil luar nikah boleh memohon bantuan kewangan kerajaan dengan syarat mematuhi garis panduan pemberian bantuan kewangan kerajaan kepada PSK. Pada tahun 2016, sebanyak 234 buah PSK di seluruh Malaysia mengendali rumah perlindungan melibatkan 10,911 penghuni dengan jumlah bantuan kewangan kerajaan yang diterima sebanyak RM23,47,688 bagi isi pembuangan bayi KPWKM dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan unit D7C ATIPSOM dan telah menjalankan tindakan yang berterusan ke atas jenayah penjualan bayi sejak tahun 2008;
- (ii) D7C telah menubuhkan satu *task force* bagi menangani isu penjualan bayi ini. Dalam pada itu, D11 PDRM juga telah turut melakukan operasi ke atas sindiket penjualan bayi sebelum D7C ditubuhkan;
- (iii) kementerian menerusi JKM telah mengambil tindakan proaktif bagi menggalakkan pemeliharaan kanak-kanak oleh ibu bapa pelihara dan proses permohonan pemeliharaan ini kini boleh dibuat secara *on-line*;
- (iv) kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi dalam menangani sindiket penjualan bayi menerusi program advokasi yang memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan isu-isu penjualan bayi, termasuk menggalakkan orang ramai untuk melaporkan sebarang kes berkaitan menerusi Talian Kasih 15999.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penerangan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** ...Telah dibangkit, oh ada soalan lagi.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Boleh soalan Tuan Yang di-Pertua, bagi laluan sedikit. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab jawapan dan tahniah saya ucapkan kepada kementerian kerana banyak program intervensi telah diadakan bagi menangani isu masalah remaja dan juga wanita yang melahirkan dan mengandung anak di luar nikah.

Akan tetapi soalan saya Yang Berhormat Menteri adalah, apakah bantuan-bantuan yang diberikan oleh kerajaan dan kepada kementerian bagi membantu ibu-ibu ataupun remaja-remaja yang telah melahirkan anak di luar nikah untuk menjaga anak mereka? Oleh sebab banyak kes-kes yang melahirkan anak, sebab kita kalau boleh hendak melahirkan satu- mereka yang remaja dan wanita ini mungkin membuat satu kesilapan atau pun mungkin dianiaya, dirogol dan sebagainya. Akan tetapi apakah peranan, sebab apabila dari segi kekeluargaan dan kemanusiaan itu, apabila mereka ialah remaja dan juga wanita yang kebanyakannya mereka adalah bawah umur 18 tahun, tidak mampu untuk memelihara anak. So, kalau katalah ibu bapa pun tak nak menerima untuk menjaga cucu dia tetapi sebagai ibu yang melahirkan anak hendak menjaga anak, apakah bantuan yang boleh diberikan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih Yang terhormat. Pertama sekali, perkhidmatan atau sokongan yang boleh diberi kepada remaja atau gadis yang melahirkan anak luar nikah ini, kita melalui JKM atau LPPKN, kami boleh beri perkhidmatan kaunseling. Di samping itu, jikalau dia tidak dapat menampung untuk menjaga anak-anak mereka, di bawah JKM kami juga telah sediakan bantuan kanak-kanak yang mana beliau boleh membuat permohonan. Ini adalah sokongan yang diberi oleh kementerian. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penerangan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbincangan. Saya harap penjelasan ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh bidang tugas dan peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Kementerian akan mengambil perhatian terhadap teguran dan pandangan yang telah diutarakan oleh setiap Ahli Yang Berhormat dan seterusnya diterjemahkan melalui tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang terhormat. Sekarang Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Berapa muka?

**8.28 mlm.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua 23 muka surat?

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Ada 29... [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk

mengucapkan jutaan terima kasih kepada seramai 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan turut menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Segala cadangan, pandangan dan teguran mengenai isu-isu yang dibangkitkan amatlah dihargai dan akan diberikan perhatian oleh kementerian ini. Saya juga mahu mohon izin Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Yang Berhormat Senator yang berbahas tidak berada di Dewan, saya akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ini hadir kerana mengikut sahabat saya, menjawab boleh menguruskan badan. Saya juga ingin juga mengambil iktibar daripada apa yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi [*Ketawa*]

#### ■2030

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bermula untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan yang melibatkan projek jalan-jalan persekutuan. Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Tiada. Beliau tidak ada di dewan, jadi saya mohon menjawab secara bertulis. Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh telah mengemukakan pertanyaan kepada Kementerian Kerja Raya berkaitan dengan cara untuk mengatasi kesesakan ke Bandar Hilir, Melaka.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui JKR sentiasa memberi perhatian kepada keselesaan pengguna jalan raya. Bagi mengurangkan kesesakan jalan raya, JKR akan melaksanakan kerja penurapan jalan di waktu malam. Di samping itu JKR juga akan memastikan permukaan jalan sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Ini kerana kesesakan akan berlaku apabila terdapat kerosakan jalan yang memerlukan pembaikan.

Untuk makluman juga, bagi mengurangkan kesesakan sewaktu kerja-kerja penyelenggaraan jalan, JKR telah menetapkan *Traffic Management Plan* (TMP), dengan izin, bagi melancarkan pergerakan trafik di samping memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

TMP tersebut perlu mendapat kelulusan daripada JKR sebelum melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, di samping tindakan yang saya sebutkan tadi, kementerian ini sedang melaksanakan projek menaik taraf jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka Fasa 1, Persimpangan Bertingkat Peringit dan Persimpangan Bertingkat MITC yang telah diluluskan dalam Roping Plan Keempat, Rancangan Malaysia Yang Ke-10 untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ke Bandar Melaka. Projek tersebut dijadualkan siap pada bulan Jun 2018 dan pada masa ini kemajuan semasa di tapak adalah 43.3 peratus sebenar berbanding 41.3 peratus mengikut jadual.

Diharapkan dengan adanya projek ini dapat mengurangkan kesesakan ke Bandar Hilir yang menjadi satu tempat tumpuan bagi pengunjung-pengunjung di Melaka. Baik pengunjung domestik, mahupun pengunjung dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih pula kepada isu mengenai kualiti penyelenggaraan Jalan Persekutuan dan lebuh raya yang telah menarik perhatian dan turut disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat Senator semasa sesi perbahasan Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, antara *core business*, dengan izin, Kementerian Kerja Raya ialah membina dan menyelenggarakan jalan-jalan persekutuan di seluruh negara.

Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan untuk memperjelaskan secara ringkas mengenai perkara ini. Bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan, ia dipecahkan kepada tiga cara kerja iaitu rutin, berkala dan kecemasan. Kerja-kerja penyelenggaraan ini dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan yang telah dilantik oleh kerajaan. Untuk kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti penampalan lubang jalan atau *post hole*, dengan izin, memotong rumput dan mencuci sistem saliran dan perparitan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi mengikut pusingan kerja yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan rutin ini dibayar pada setiap bulan kepada syarikat-syarikat konsesi berkenaan setelah ianya disahkan oleh JKR daerah yang terlibat.

Peruntukan bagi kerja-kerja rutin ini sememangnya telah diambil kira dan diasingkan sebagai peruntukan mandatori dalam bajet peruntukan kementerian setiap tahun. Walau bagaimanapun bagi skop penyelenggaraan secara berkala dan kecemasan, ia kebiasaannya dilaksanakan secara Arahan Kerja atau AK kepada syarikat-syarikat konsesi di mana keutamaan kerja akan ditentukan oleh kementerian dengan mengambil kira faktor peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat dalam bajet tahunan kementerian. Antara kerja-kerja penyelenggaraan berkala yang terlibat ialah seperti menurap semula jalan, membaik pulih struktur asas jalan dan membaik pulih cerun-cerun yang kritikal di sepanjang jalan persekutuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan 2017 bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan secara berkala ini secara teknikalnya masih belum disediakan oleh agensi pusat. Ini kerana agensi pusat iaitu Kementerian Kewangan telah mencadangkan kepada kementerian ini untuk menyemak semula senarai kerja-kerja penyelenggaraan berkala bersama-sama senarai permohonan kerja-kerja membaik pulih jalan persekutuan dan negeri yang terlibat dalam banjir pada tahun lalu iaitu 2016 dan awal tahun ini 2017.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah menyemak semula keutamaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan secara berkala termasuk di laluan yang terlibat dengan banjir mengikut senarai setiap negeri. Senarai terkini ini telah dimuktamadkan dan dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan.

Berdasarkan anggaran awal, jumlah keperluan peruntukan yang diperlukan oleh kementerian ini bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan yang terlibat ialah RM500 juta. Sekiranya proses kelulusan peruntukan tambahan dapat disegerakan oleh agensi pusat,

Kementerian Kerja Raya percaya kerja-kerja yang terlibat ini akan dimulakan secara intensif di seluruh negara pada Mei 2017 ini. Malahan sebenarnya terdapat juga kerja-kerja yang kritikal telah dimulakan lebih awal dengan mengambil kira keutamaan dan kepentingan sesuatu laluan itu kepada orang awam.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail tidak berada di Dewan. Saya akan menjawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman Mat Yasin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Yang Berhormat Senator telah meminta maklumat mengenai bilangan kemalangan dan kemalangan maut sejak Lebuhraya Pantai Timur II atau LPTII dibuka. Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi kemalangan yang berpunca daripada haiwan, turapan yang tidak sesuai dan kebimbangan pengguna lebuhraya untuk menggunakan LPTII ini kerana kurangnya lampu jalan dan berkemungkinan ancaman haiwan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa II atau LPT II sepanjang 184 kilometer bermula dari Jabor hingga ke Kampung Gemuruh Kuala Terengganu pada tahun 2006 telah siap secara berperingkat di mana keseluruhannya dibuka kepada trafik sepenuhnya pada 31 Januari 2015.

Lanjutan daripada itu LPT II telah mula diswastakan dan pelaksanaan kutipan tol telah berkuat kuasa pada 15 Julai 2016 iaitu setahun setengah selepas itu di mana segala aspek pentadbiran, operasi dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab syarikat konsesi LPT II Sdn. Bhd. sepenuhnya. Berkaitan dengan itu, bermula pada 15 Julai 2016, pihak LPT II Sdn. Bhd. telah melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan seperti mana yang termaktub dalam perjanjian konsesi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada analisa statistik kemalangan di LPT II, bermula pada ianya dibuka kepada trafik keseluruhannya iaitu 1 Februari 2015 sehingga 28 Februari 2017 didapati faktor manusia seperti memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi had laju terutamanya di waktu hujan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan sebagaimana telah ditetapkan adalah punca utama kemalangan di LPT II.

Menurut laporan statistik juga, sebanyak 2,164 kemalangan berlaku di jajaran LPT II bermula daripada Jabor hingga ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu di antara 1 Februari 2015 hingga 28 Februari 2017. Daripada jumlah itu, 70 peratus iaitu 1,493 kemalangan berpunca daripada faktor manusia seperti memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi had laju terutama di waktu hujan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan sebagaimana yang telah ditetapkan. Selebihnya merupakan faktor persekitaran sebanyak 16 peratus iaitu 368 kemalangan di mana terdapat pencerobohan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau serta haiwan liar ke dalam rizab lebuhraya serta terdapat lokasi bertakung dan faktor kenderaan sebanyak 14 peratus iaitu 303 kemalangan.

Daripada jumlah kemalangan tersebut, terdapat 45 kemalangan maut, 117 kemalangan melibatkan cedera parah dan 377 kemalangan melibatkan cedera ringan dan selebihnya tiada melibatkan sebarang kecederaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia bersama dengan LPT II Sdn. Bhd. selaku syarikat konsesi lebuhraya telah mengambil beberapa tindakan di sepanjang lebuhraya bagi menangani permasalahan ini seperti berikut.

Pertama, meningkatkan ciri keselamatan di lokasi yang dikenal pasti kerap berlakunya kemalangan seperti berikut:

■2040

- (ii) menambah baik permukaan lebuhraya dengan memasang *micro surfacing* bagi meningkatkan tahap geseran pada permukaan lebuhraya. Pemasangan papan tanda amaran iaitu *chevron*, pemasangan *yellow and red transverse bar*, dengan izin, di jalan susur masuk dan keluar persimpangan, pemasangan pelekat pantulan cahaya di struktur rel adang dan parapet jambatan, pemasangan *alert bar marking* bagi tujuan memperlahankan had laju kenderaan, menambah baik sistem perparitan seperti *medium drain*, dengan izin, dan membina sistem pengadang aliran air ke lokasi lintasan air dan yang terakhir membaik pulih permukaan lebuhraya di lokasi-lokasi berlakunya lintasan air;
- (iii) langkah-langkah juga termasuk meningkatkan kekerapan rondaan di sepanjang lebuhraya oleh peronda LPT2 bagi memantau pencerobohan haiwan ternakan masuk ke dalam rizab lebuhraya;
- (iv) membaik pulih pagar rizab lebuhraya yang rosak di mana banyak ia dirosakkan atau dipotong oleh pihak yang tidak bertanggungjawab;
- (v) memasang gegelung dawai berduri atau *barbed wire* dengan izin, termasuk membina parit atau *trenching* di lokasi-lokasi yang sering dicerobohi oleh lembu dan kerbau;
- (vi) menambah baik laluan akses penyelenggaraan di lokasi-lokasi berlakunya pencerobohan haiwan seperti lembu dengan memasang *cattle trap*, dengan izin;
- (vii) bekerjasama dengan semua agensi yang berkaitan seperti pihak majlis daerah, pegawai daerah, penghulu, pengerusi jawatankuasa keselamatan kampung, pejabat agama daerah serta pihak Jabatan Veterinar di dalam operasi menangkap lembu dan kerbau yang menceroboh masuk keadaan rizab lebuhraya;
- (viii) memaparkan peringatan dan nasihat kepada pengguna lebuhraya pada papan tanda elektronik atau VMS di sepanjang lebuhraya; dan
- (ix) pemasangan kamera AES di dua lokasi sepanjang LPT2 oleh pihak JPJ iaitu di kilometer 256.1 arah ke Selatan dan kilometer 288.6 arah ke Utara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LPT2 Sdn. Bhd. juga sedang giat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan terutamanya melibatkan lokasi-lokasi permukaan lebuhraya yang beralun di mana sehingga kini sebanyak 20,000 meter jajaran *pavement*

yang rosak dan bermasalah telah di baik pulih. Kerajaan sememangnya meletakkan keselamatan pengguna sebagai keutamaan tertinggi. Oleh itu pemantauan secara berterusan akan dilaksanakan bersama-sama dengan agensi yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jajaran LPT2 telah dilengkapi dengan sistem pencahayaan iaitu lampu jalan termasuk lampu limpah *high-mast*, dengan izin, di setiap 10 buah persimpangan bertingkat di sepanjang LPT2. Di samping itu juga di sepanjang jajaran utama, *main lane*, dengan izin, pihak LLM dan JKR telah memasang *delineator post* dan *reflective strip*, dengan izin, di sepanjang rel adang atau *guard rail* yang mana ia berfungsi untuk panduan pengguna lebuh raya di waktu malam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun membangkitkan isu tahap kebersihan di seluruh kawasan rehat dan rawat di lebuh raya terutama surau dan tandas serta isu bilangan tandas dan kesukaran mendapatkan tempat letak kereta di Hentian Gombak kerana lori-lori menggunakan tempat letak kereta berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan penyelenggaraan di surau kawasan rehat lebuh raya sentiasa dipantau dari semasa ke semasa oleh LLM. Pemantauan penyelenggaraan adalah sebagai mana garis panduan operasi dan penyelenggaraan kawasan rehat dan hentian sebelah yang telah dibangunkan oleh pihak LLM. Pihak LLM dan syarikat konsesi lebuh raya sentiasa memastikan tahap kebersihan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan diselenggarakan dengan baik. Sejadah-sejadah akan digantikan dengan serta-merta sekiranya telah berbau dan kurang menyenangkan.

Berhubung soalan tahap kebersihan tandas di lebuh raya, pemantauan secara bulanan diadakan oleh pejabat wilayah LLM dalam memastikan pihak konsesi melaksanakan kerja pembersihan sebagaimana piawaian yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, Hentian Sebelah Gombak mendapat tempat kedua bagi Anugerah Gerai Bersih, Selamat dan Sihat pada tahun 2015 peringkat negeri Selangor yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) setiap dua tahun sekali. Pada tahun ini, Hentian Sebelah Gombak sekali lagi akan diaudit bagi pencalonan anugerah tersebut. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan masih ada ruang yang boleh dipertingkatkan dalam aspek kualiti penyelenggaraan dari semasa ke semasa termasuk memberi kesedaran kepada pengguna supaya menggunakan fasiliti R&R secara lebih berhemah.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga pihak konsesi juga telah melaksanakan program naik taraf kawasan Rehat dan Rawat serta hentian sebelah secara berperingkat pada setiap tahun bagi memenuhi keperluan dan keselesaan pengguna lebuh raya pada masa kini seperti contoh program menaik taraf kawasan Rehat dan Rawat Genting Sempah telah disiapkan pada tahun 2016 manakala Hentian Sebelah Lanchang arah Timur dan Barat telah disiapkan pada Januari 2017. Pada tahun ini, pihak konsesi lebuh raya sedang dalam proses menaik taraf Hentian Sebelah Kuantan Arah Timur dan Barat dan dijangka siap pada awal tahun 2018. Pihak LLM dan konsesi lebuh raya akan sentiasa memberi perhatian atas isu yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan kapasiti tandas dan reka bentuk pam tandas di R&R Gombak, pada dasarnya reka bentuk dan pembinaan kemudahan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) termasuklah

kemudahan tandas, telah pun mengambil kira jumlah unjuran pengguna lebuhraya pada masa akan datang. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, jumlah tandas yang disediakan di Hentian Sebelah Gombak adalah enam unit tandas lelaki, empat unit *urinal bowl* dengan izin, dan lapan unit tandas perempuan serta dua unit tandas Orang Kurang Upaya (OKU) setelah di naik taraf pada tahun 2011 berbanding jumlah tandas sebelumnya hanya empat unit tandas lelaki dan empat unit tandas perempuan. Pada dasarnya jumlah tandas yang di naik taraf pada tahun 2011 adalah mencukupi sejajar atau *proportionately*, dengan izin, dengan jumlah tempat letak kereta dan kemudahan lain yang disediakan termasuklah surau, gerai dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada hari biasa purata trafik Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) adalah 105,226 dan purata trafik puncak adalah sebanyak 184,399 iaitu meningkat sebanyak 75 peratus daripada trafik biasa. Sehubungan dengan itu pengguna adalah dinasihatkan agar merancang perjalanan dengan baik dan memanfaatkan kawasan Rehat dan Rawat Genting Sempah yang boleh menampung kapasiti lebih besar iaitu dengan kemudahan tandas sebanyak 23 unit tandas lelaki, enam unit *urinal bowl*, dengan izin, dan 33 unit tandas perempuan serta dua unit tandas Orang Kurang Upaya (OKU) bagi mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan berhubung kawasan letak kereta di R&R Gombak, pihak konsesi lebuhraya telah memperuntukkan kawasan *parking* yang khas kepada kenderaan berat di Hentian Sebelah Gombak pada masa kini menyediakan 23 *parking* kereta termasuk tiga *parking* OKU dan 16 *parking* kenderaan berat. Walau bagaimanapun tidak dinafikan sikap pemandu kenderaan berat yang menggunakan tempat letak kereta awam sebagai jalan pintas untuk berhenti di Hentian Sebelah Gombak. Oleh hal yang demikian bagi memastikan perkara ini tidak berulang di masa yang akan datang, pihak LLM bersama konsesi lebuhraya akan membuat pemantauan berterusan supaya kenderaan berat hanya dibenarkan meletak kereta di kawasan yang dikhaskan sahaja.

#### ■2050

Selain daripada itu, pihak lebuhraya akan meminta kerjasama daripada pihak polis peronda polis lebuhraya bagi memantau, mengawal dan mengambil tindakan yang melanggar undang-undang jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff pula telah membangkitkan isu pemegang-pemegang konsesi lebuhraya yang mensyaratkan nilai tambah kad *Touch nGo* yang boleh ditambah nilainya, *reload top up*, dengan izin, minimum RM30.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini cadangan kadar minima tambah nilai kad *Touch nGo* yang dibenarkan di lorong tambah nilai adalah sebanyak RM5. Walau bagaimanapun, sering berlaku kesesakan di lorong tambah nilai disebabkan sikap segelintir pengguna yang membuat penambahan nilai dengan jumlah RM5 hingga RM10 sahaja. Penetapan kadar minimum ini telah mendorong pengguna untuk membuat penambahan nilai di lorong pada setiap hari menyumbang kepada kesesakan di kebanyakan plaza tol, terutamanya di sekitar Lembah

Klang. Cadangan penetapan kadar minimum sebanyak RM30 ini adalah merupakan inisiatif pihak pemegang konsesi untuk mengatasi masalah kesesakan di lorong tambah nilai.

Cadangan yang diusulkan oleh pihak Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia atau PSKLM adalah bertujuan meredakan rungutan para pengguna lebuhraya yang sering menghadapi kesesakan di lorong tambah nilai terutama pada masa puncak. Selain itu, cadangan tersebut juga hanya tertakluk di lorong tambah nilai plaza tol sahaja dan tidak melibatkan lain-lain tempat ataupun lain-lain tempat tambah nilai seperti pusat khidmat pelanggan di plaza tol, *Touch nGo spot*, agen-agen tambah nilai.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengarahkan syarikat konsesi untuk menanggung inisiatif yang dicadangkan ini dan mencari kaedah lain untuk mengatasi masalah kesesakan yang berlaku. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap beban yang terpaksa ditanggung oleh pengguna termasuklah pengguna berpendapatan rendah dan sentiasa mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis?

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili? Beliau hadir Tuan Yang di-Pertua. Beliau telah mengemukakan cadangan mengenai Projek Lebuhraya Pan Borneo yang sedang rancak dijalankan sekarang supaya jajaran dari Sematan, Sarawak terus ke Sabah tidak melalui negara Brunei Darussalam, tetapi melalui daerah Marudi dan terus ke Limbang, Lawas. Cadangan ini turut disokong oleh Yang Berhormat Datuk Jamilah binti Sulaiman daripada Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian akan mengemukakan cadangan jalan Marudi ke Limbang kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebagai salah satu daripada cadangan alternatif bagi menghubungkan Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini juga, hasrat asal cadangan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo untuk berfungsi sebagai jalan menghubungkan *Trans Borneo* perlu diambil kira. Walau bagaimanapun, cadangan alternatif ini akan dikaji dari segi teknikal impak serta kos sebelum sebarang keputusan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada pertanyaan status Lebuhraya Pantai Timur 3 yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Abdul Rahman Yasin. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur - LPT Fasa Satu- LPT1 sepanjang 174 kilometer telah dibuka pada tahun 2004 bagi menghubungkan Karak ke Kuantan. Manakala Lebuhraya Pantai Timur fasa dua atau LPT2 sepanjang 184 kilometer telah dibuka sepenuhnya pada 31 Januari 2013 bagi menghubungkan Jabor, Pahang ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu. Atas kesinambungan itu, kerajaan telah menyiapkan kajian kemungkinan Lebuhraya Pantai Timur fasa tiga ataupun LPT3 pada tahun 2009 di mana ia telah mengenal pasti cadangan jajaran laluan terlibat iaitu dari Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer dengan reka bentuk jalan berkembar empat lorong piawaian R6. Jajaran akan merentasi tiga daerah iaitu Kuala Terengganu, Setiu dan Besut di Terengganu,

manakala di Kelantan pula jajaran ini akan melalui lima jajaran iaitu Pasir Puteh, Bachok, Kota Baharu, Pasir Mas dan juga Tumpat.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, keputusan sama ada kerajaan akan melaksanakan projek LPT3 ini adalah merupakan perkara dasar di mana ia kini sedang diperhalusi dan dipertimbangkan oleh agensi pusat. Antara faktor-faktor yang diberikan perhatian adalah melibatkan kos projek, kaedah pelaksanaan dan juga impak sosial terhadap ekonomi negeri dan negara secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin iaitu mengenai isu turapan jalan yang menggunakan Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan dengan izin, *Cuplump Modified Asphalt* (CMA).

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) masih dalam peringkat penilaian bagi menentukan kesesuaian turapan jalan yang menggunakan Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan atau *Cuplump Modified Asphalt* atau lebih dikenali sebagai CMA. Kajian perintis sedang dibuat di tiga projek perintis CMA iaitu di Tampin, Negeri Sembilan, di Baling Kedah dan di Lanchang Pahang dan dua projek rintis yang akan dilaksanakan iaitu projek membina jalan Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan, Pakej 1B: Pasir Hor ke Kadok Kota Bharu Kelantan dan projek membina semula Jalan Persekutuan FT001 dari Kampung Desa Temu Jodoh Seksyen 134 hingga ke Kampung Kwongsai Seksyen 174 di daerah Segamat, Johor.

Penilaian akhir sepatutnya mengambil tempoh masa dua tahun bagi menentukan keberkesanan prestasi campuran getah dan bitumen itu. Walau bagaimanapun, pasukan penilai bersetuju untuk memendekkan tempoh kajian kepada satu tahun sahaja iaitu sehingga akhir tahun ini. Antara kriteria penilaian yang diambil kira ialah dari segi kos pembinaan, aspek teknikal pembinaan dan ujian kekuatan campuran asfalt tersebut.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan pemerhatian awal, mendapati turapan jalan yang menggunakan CMA di lokasi-lokasi kajian perintis itu menunjukkan tanda-tanda yang positif. Antara kelebihan penggunaan CMA ialah ia dapat memberi rintangan lebih baik ke atas faktor-faktor yang boleh menyebabkan kerosakan jalan seperti retakan dan juga aluran atau ruting. Walaupun kos pembinaan jalan menggunakan CMA lebih tinggi iaitu RM53 per meter berbanding RM29 per meter jika menggunakan kaedah konvensional, namun kos penyelenggaraan jalan CMA jauh lebih rendah berbanding jalan konvensional. Untuk tempoh jangka panjang, pembinaan jalan menggunakan CMA mungkin lebih ekonomik memandangkan kos kitaran hayat jalan tersebut akan menjadi semakin murah.

Sehubungan itu, tertakluk kepada hasil laporan penilaian akhir CMA yang dijangkakan akan diketahui pada awal tahun hadapan iaitu tahun 2018, penggunaan teknologi turapan CMA akan dipertimbangkan secara meluas di seluruh negara oleh kerajaan jika ia benar-benar signifikan dan memberi manfaat dari segi teknikal dan analisis kos. Ini tentunya akan turut menstabilkan harga getah dan memberi manfaat kepada para pekebun getah kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali telah bertanyakan mengenai kursus-kursus untuk meningkatkan kemahiran di dalam penyelenggaraan lif dan eskalator.

■2100

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak CIDB mengambil maklum mengenai cadangan untuk memberikan kursus berkaitan penyelenggaraan lif dan *escalator* seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat, sebagai makluman pihak CIDB telah membangunkan *standard* kemahiran iaitu *National Occupational Skill Standard* atau lebih dikenali sebagai NOSS dalam bidang lif dan *escalator* yang mana *standard* ini adalah merupakan asas kepada pembangunan program latihan dalam sesuatu bidang kemahiran.

Pihak CIDB akan mengambil inisiatif lanjut untuk menyediakan latihan yang diperlukan dalam bidang yang dinyatakan. Saya juga ingin menjelaskan program yang dilaksanakan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff. Pelaburan dalam pembangunan modal insan industri pembinaan merupakan salah satu inisiatif utama Pelan Transformasi Industri Pembinaan 2016 hingga 2020 atau CITP.

Ianya adalah penting dalam menyumbang kepada peningkatan produktiviti industri pembinaan negara, serta membantu mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing. Dalam mencapai usaha ini Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menubuhkan enam buah Akademi Binaan Malaysia (ABM) bagi menganjurkan pelbagai latihan kompetensi kemahiran khusus bagi industri pembinaan.

Kementerian Kerja Raya sedia maklum bahawa terdapat pelbagai institusi latihan yang dimiliki oleh kerajaan dan swasta yang menganjurkan program latihan kemahiran industri pembinaan kepada rakyat dan juga belia tempatan. Pelbagai latihan kemahiran yang diperlukan oleh industri ditawarkan termasuklah latihan kemahiran dalam industri pembinaan. Selain daripada Akademi Binaan Malaysia (ABM), antara pusat latihan kemahiran lain yang menawarkan program latihan kemahiran dalam industri pembinaan adalah seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), GiatMARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), politeknik, kolej vokasional dan sebagainya.

CIDB juga telah menggariskan satu inisiatif khusus dalam usaha bagi menyeragamkan dan menyelaraskan *streamline* dengan izin penganjuran latihan kompetensi kemahiran dalam industri pembinaan. Inisiatif penyeragaman ini sedang dilaksanakan melalui penubuhan Forum Kompetensi Industri Pembinaan (CICF). Melalui pelaksanaan penyelarasan ini diharapkan penyerapan lepasan pelatih institusi latihan ke dalam industri pembinaan akan dapat dipertingkatkan kerana pelatih-pelatih akan memiliki tahap kecekapan dan persijilan yang *standard* sebagaimana yang diperlukan oleh industri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, antara inisiatif-inisiatif, saya juga akan berkongsi dengan Ahli Yang Berhormat terutama sekali Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya.

Kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diambil perhatian dengan tindakan susulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat seperti usul yang dikemukakan, giliran kementerian menjawab pada hari ini adalah sehingga Kementerian Kerja Raya.

Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 25 April 2017.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.04 malam.]***